

FCE

FIMM COMBINED EXAMINATION

PANDUAN PEMBELAJARAN

Panduan Pembelajaran FIMM Combined Exam (FCE)

Penerbit:

**Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia
(Federation of Investment Managers Malaysia)**

(No. Syarikat 199301017839 (272577-P))

19-06-1, Tingkat 6, Wisma Capital A,
19, Lorong Dungun, Damansara Heights,
50490 Kuala Lumpur

Tel : 03-2093 2600

Faks : 03-2093 2700

E-mel : info@fimm.com.my

Laman web : www.fimm.com.my

Pemegang Hak Cipta © 2025 oleh Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia

ISBN : []

Data Pengkatalogan dalam Penerbitan Perpustakaan Negara Malaysia

Hak Cipta Terpelihara

Tiada bahagian dalam terbitan ini boleh diterbitkan atau digunakan dalam apa-apa bentuk atau dengan apa-apa cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau atau elektromekanikal termasuk fotokopi, rakaman atau oleh mana-mana sistem penyimpanan atau pengambilan maklumat yang kini diketahui atau dicipta selepas ini, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pengarang dan penerbit. Permohonan kebenaran untuk penggunaan bahan hak cipta termasuk kebenaran untuk menerbitkan semula ekstrak dalam karya terbitan lain mesti diajukan kepada pengarang. Pengakuan penuh pengarang mesti diberikan.

Penafian

Kami berhak untuk melakukan perubahan dan kemas kini tanpa memberikan notis terlebih dahulu. Walaupun segala usaha telah dibuat untuk memastikan bahawa penerbitan ini adalah tepat, penerbit dan penulis tidak menerima sebarang tanggungjawab untuk apa-apa kesilapan fakta, peninggalan, tafsiran atau pendapat yang mungkin didapati, tidak mengira bagaimana ia mungkin telah berlaku. Penerbitan ini bertujuan sebagai pemahaman umum sahaja dan tidak boleh dianggap sebagai pengganti kepada nasihat tertentu untuk mana-mana perkara yang diliputi.

KANDUNGAN

PENDAHULUAN

vii

BAB 1 – MEMAHAMI SKIM PELABURAN KOLEKTIF DI MALAYSIA

Objektif Pembelajaran & Tahap Kecekapan ICF	1-1
Pengenalan mengenai Skim Pelaburan Kolektif (CIS)	1-2
Pengelasan CIS	1-3
Dana Berkaitan Pelaburan adalah Bukan SUA	1-6
Saiz Industri Pengurusan Dana Malaysia	1-8
Peserta Ekosistem CIS	1-8
Sejarah Skim Pelaburan Kolektif: Peristiwa Penting dan Pemangkin	1-12
Pembangunan SUA dan PRS	
Soalan Latihan	1-15

BAB 2 – PENGENALAN KEPADA SUA DAN PRS

Objektif Pembelajaran & Tahap Kecekapan ICF	2-1
SUA dan PRS sebagai Pelaburan	2-2
Kaedah Melabur dalam SUA dan PRS (Skim)	2-2
Persamaan dan Perbezaan antara SUA dan PRS	2-4
Skim Patuh Syariah	2-5
Jenis Dana / Kategori Dana	2-5
Kaedah Melabur	2-11
Manfaat Melabur dalam Skim	2-13
Kelemahan Skim	2-20
Kesedaran Pelabur Mengenai Risiko	2-20
Memahami Risiko dan Persepsi Risiko	2-21
Risiko Melabur dalam Skim	2-22
Risiko yang berkaitan dengan Skim patuh Syariah	2-24
Peranan Majlis Penasihat Syariah SC	2-25
Soalan Latihan	2-26

BAB 3 – RANGKA KERJA KAWAL SELIA

Objektif Pembelajaran & Tahap Kecekapan ICF	3-1
Gambaran Keseluruhan Rangka Kerja Kawal Selia	3-2
Peranan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) ke atas Industri SUA dan PRS	3-3
Peranan Pengawal Selia Lain	3-4
Peranan Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia (FIMM)	3-5
Perundangan, Pengawalseliaan dan Garis Panduan yang dikeluarkan oleh SC	3-6
Pengawalseliaan yang dikeluarkan oleh FIMM	3-8
Garis Panduan Tambahan yang diguna pakai untuk IUTA dan IPRA	3-8
Pengawalseliaan Penyedia Skim	3-10
Fungsi Pengawasan	3-13
Surat Ikatan Skim	3-16
Prospektus SUA dan Dokumen Pendedahan PRS	3-16
Keperluan umum untuk Lembaran Penerangan Produk Skim (LPP)	3-19
Panduan Penggubalan Prospektus, Dokumen Pendedahan dan LPP	3-21

Keperluan Berkaitan dengan Pengiklanan	3-21
Kekangan Portfolio	3-22
Ciri-ciri Umum Pelaburan SUA dan PRS	3-22
Pengawalseliaan Pemegang Amanah Skim	3-25
Pengawalseliaan Pemasaran dan Pengedaran SUA dan PRS	3-29
Kategori Pengedar dan Perunding Skim	3-30
Tempat Pengedaran dan Pengumpulan	3-31
Struktur Agensi	3-31
Keperluan untuk Mengawal Selia Perunding	3-34
Keperluan Kelayakan bagi Pendaftaran sebagai Perunding	3-35
Tempoh Pendaftaran Perunding	3-37
Perubahan kepada Pendaftaran Perunding	3-37
Pembatalan Pendaftaran atau Pemberhentian Perunding	3-37
Penggantungan dan Pembatalan Pendaftaran	3-37
Pengawalseliaan untuk CIS Lain	3-38

<i>Lampiran 3.1A – Panduan Lembaran Pengenalan Produk SUA</i>	3-41
<i>Lampiran 3.1B – Panduan Lembaran Pengenalan Produk PRS</i>	3-46
Soalan Latihan	3-49

BAB 4 – PEMASARAN DAN PENGEDARAN

Objektif Pembelajaran & Tahap Kecekapan ICF	4-1
Menyediakan Perkhidmatan kepada Pelabur dalam Industri SUA dan PRS	4-2
Bahan Pendedahan	4-3
Prospektus dan Dokumen Pendedahan	4-3
Lembaran Penerangan Produk (LPP)	4-13
Bahan Pengiklanan dan Promosi Lain	4-13
Senarai Daftar Pemegang Unit/Ahli PRS dan Pengekalan Akaun	4-15
Aliran Proses Pelaburan dalam SUA dan PRS	4-16
Pembelian Unit	4-17
Pembelian Balik Unit	4-23
Penukaran	4-25
Membiayai Pembelian SUA	4-25
Syarat Pemindahan dan Pengeluaran daripada KWSP untuk Pelaburan dalam SUA yang Diluluskan	4-28
Pendapatan Boleh Agih Skim	4-30
“Membeli” Pengagihan	4-29
Pencukaian Pengagihan	4-32
Melapor kepada Pelabur	4-32
Prinsip Asas Pemasaran Skim	4-36
Menyampaikan Perkhidmatan Berkualiti	4-37
Pelaburan Alternatif kepada Skim	4-40
Pertanyaan dan Aduan Pelabur	4-45

<i>Lampiran 4.1 Penyata Pendedahan Risiko Pembiayaan Pinjaman Unit Amanah SC</i>	4-47
<i>Lampiran 4.2 Simpanan Asas dan Jumlah yang Dibenarkan untuk Dipindahkan ke dalam Skim Pelaburan Ahli (MIS) oleh</i>	4-48

<i>Ahli KWSP yang berumur di bawah 55 Tahun</i>	
<i>Lampiran 4.3 Contoh Baucar Cukai Malaysia</i>	4-50
<i>Lampiran 4.4 Kesan Inflasi, Pencukaian dan Kos Pelaburan Ke Atas Pulangan Pelaburan</i>	4-52
<i>Lampiran 4.5 Enam Cara untuk Menukar Simpanan menjadi Pelaburan</i>	4-58
Soalan Latihan	4-60

BAB 5 – KOD ETIKA

Objektif Pembelajaran & Tahap Kecekapan ICF	5-1
Prinsip Asas	5-2
Apakah itu “Pematuhan”?	5-2
Pematuhan sebagai Alat Pengurusan Risiko	5-3
Apa yang Dimaksudkan dengan “Etika”?	5-4
Kod Etika FIMM untuk Industri SUA dan PRS	5-5
Prinsip Teras Kod FIMM	5-6
Ketidakpatuhan dengan Kod FIMM	5-8
Soalan Latihan	5-10

BAB 6 – PERANCANGAN KEWANGAN PERIBADI

Objektif Pembelajaran & Tahap Kecekapan ICF	6-1
Gambaran Keseluruhan	6-2
Apakah ‘Perancangan Kewangan Peribadi’?	6-3
Bidang dalam Perancangan Kewangan	6-4
Langkah-langkah dalam Perancangan Kewangan	6-5
Tauliah dan Kelayakan yang Diperlukan daripada Perancang Kewangan	6-7
Kemahiran yang Diperlukan sebagai Perancang Kewangan	6-8
Peranan Perunding dalam Perancangan Pelaburan	6-10
Perancangan Kewangan Peribadi Bukannya ‘Penjualan’ Pelaburan	6-11
Perbezaan antara Perancang Kewangan dan Perunding SUA/PRS	6-13
Ganjaran Seorang Perancang Kewangan	6-14
Inisiatif yang Dilaksanakan untuk Meningkatkan Peranan Perancang Kewangan di Malaysia	6-15
Soalan Latihan	6-17

BAB 7A – CIRI-CIRI DAN PENGENDALIAN SUA

Objektif Pembelajaran & Tahap Kecekapan ICF	7A-1
Struktur SUA	7A-2
Surat Ikatan sebagai Titik Rujukan Pengendalian SUA	7A-2
Pihak-pihak dalam Surat Ikatan	7A-3
Perubahan dalam Surat Ikatan	7A-4
Aspek Operasi SUA	7A-5
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP)	7A-9
Berurusan dalam Unit	7A-11
Penilaian	7A-12
Penentuan Harga Unit	7A-12
Pengiraan NAB	7A-13

Pewujudan dan Pembatalan Harga	7A-15
Harga Jualan dan Belian Balik	7A-15
Penentuan Harga Hadapan dan Lampau	7A-16
Pegangan Unit oleh UTMC	7A-18
Pecahan Unit dan NAB	7A-18
Pengagihan dan NAB	7A-20
Mengukur Prestasi	7A-21
Aspek Operasi SUA Berasaskan Syariah	7A-29
Meminjam untuk Melabur dalam SUA dan Risiko yang Berkaitan dengan Pembiayaan Pinjaman	7A-31
Soalan Latihan	7A-32

BAB 7B – CIRI-CIRI DAN PENGENDALIAN PRS

Objektif Pembelajaran & Tahap Kecekapan ICF	7B-1
Landskap Pencen dan Persaraan di Malaysia	7B-2
Skim Sektor Awam dan Sektor Swasta	7B-2
Skim Pencen Wajib dan Sukarela	7B-2
Kecukupan Simpanan Persaraan Individu	7B-3
Rangka Kerja Konsep Pencen Bank Dunia dan Landskap Pencen Malaysia	7B-4
Pemain Utama dan Komponen	7B-7
PRS sebagai Kaedah Memenuhi Keperluan Pesara Malaysia	7B-10
Manfaat PRS	7B-12
Pengalaman “Teras ketiga” di Negara Lain	7B-14
Rangka Kerja PRS	7B-15
Skim Persaraan Swasta (PRS)	7B-19
Kelebihan PRS berbanding Produk Persaraan Lain	7B-19
Struktur PRS	7B-20
Konsep Amanah	7B-20
Kelayakan untuk Mencarum kepada PRS	7B-21
Caruman daripada Ahli	7B-22
Pilihan Automatik PRS	7B-22
Insentif cukai untuk PRS	7B-24
Struktur Akaun PRS	7B-24
Letak Hak	7B-27
Tugas Penyedia PRS (PRSP) Berkenaan dengan Letak Hak	7B-28
Pengeluaran Sebelum Persaraan	7B-29
Pengeluaran Selepas Persaraan	7B-31
Penghijrahan Kekal dari Malaysia	7B-31
Penukaran antara Dana dalam Skim	7B-31
Pemindahan antara PRSP (Kebolehalihan)	7B-31
Wang Tidak Dituntut dan Kematian Ahli	7B-38
Penamaan PRS	7B-39
Jenis Dana dalam Skim	7B-40
Objektif Pelaburan Skim	7B-41
Risiko Am dan Profil Pulangan sesetengah jenis Dana	7B-42
Ketaktentuan	7B-43
Jenis Kelas Aset	7B-44

Kebenaran untuk Dana	7B-45
Menamakan Dana	7B-46
Yuran, Bayaran dan Perbelanjaan	7B-46
Kajian Semula Yuran dan Bayaran	7B-48
Pewujudan dan Pembatalan Unit Dana	7B-49
Penentuan Harga Hadapan	7B-49
Penilaian	7B-50
Pegangan Unit oleh Penyedia PRS	7B-51
Pengagihan, Pecahan dan NAB	7B-51
Mengukur Prestasi dan Pulangan	7B-52
Komunikasi Elektronik	7B-53
Aspek Operasi PRS Berasaskan Syariah	7B-54
Soalan Latihan	7B-57

SENARAI UNDANG-UNDANG, PENGAWALSELIAAN DAN GARIS PANDUAN YANG MENTADBIR INDUSTRI SUA & PRS	ABB-1
---	-------

SINGKATAN	ABB-3
------------------	-------

DEFINISI	DEF-2
-----------------	-------

PENDAHULUAN

FIMM telah menerbitkan edisi pertama Urus Niaga Unit Amanah dan Panduan Pembelajaran Peperiksaan Skim Persaraan Swasta (PRS) yang digabungkan sebagai kaedah untuk menjalankan peperiksaan tunggal bagi para calon yang ingin berdaftar untuk mempromosikan dan mengedarkan produk SUA dan PRS.

Edisi panduan pembelajaran yang digabungkan ini kini dikenali sebagai *Panduan Pembelajaran CUTE & CPRE*. Kandungan pembelajaran yang digabungkan ini telah dikemas kini supaya selaras dengan perkembangan industri dan kawal selia terkini. Buku ini berjaya diterbitkan dengan kerjasama antara Pihak Pengurusan FIMM dan Kumpulan Kerja Panduan Pembelajaran FIMM. Ahli Kumpulan Kerja Panduan Pembelajaran FIMM adalah seperti berikut:

- Puan Jas Bir Kaur, Pakar Bidang dan Pengarah Kepentingan Awam FIMM;
- AHAM Asset Management Bhd;
- AIA Pension and Asset Management Sdn Bhd;
- RHB Asset Management Sdn Bhd;
- Principal Asset Management Bhd;
- Public Mutual Bhd;

Objektif

FIMM telah memperkenalkan *Panduan Pembelajaran CUTE & CPRE* terutamanya untuk membolehkan calon Perunding Skim Unit Amanah (SUA) dan Perunding Skim Persaraan Swasta (PRS) memperoleh pengetahuan dan pemahaman asas mengenai SUA dan PRS sebagai persiapan menghadapi peperiksaan SUA dan PRS.

Semua individu yang terlibat dalam pemasaran dan pengedaran SUA dan PRS perlu menduduki dan lulus peperiksaan SUA dan peperiksaan PRS masing-masing sebelum mendapat kebenaran daripada FIMM untuk memasarkan dan mengedarkan unit dalam SUA dan PRS.

Panduan pembelajaran ini adalah mengenai kemahiran asas yang diperlukan bagi mereka yang ingin menceburi kerjaya dalam pemasaran dan penjualan SUA dan PRS. Adalah penting bagi mereka yang bertanggungjawab dalam pemasaran dan pengedaran SUA dan PRS mempunyai tahap pengetahuan dan kemahiran yang tinggi supaya dapat menyediakan perkhidmatan profesional yang diperlukan kepada pelanggan mereka.

Sukatan pelajaran yang diliputi dalam kajian pembelajaran ini dibangunkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) bagi peperiksaan SUA dan PRS. Peperiksaan ini dijalankan dalam dua bahasa: Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Peperiksaan akan dilangsungkan secara dalam talian, di lokasi pilihan calon.

Panduan pembelajaran ini juga berguna kepada mereka yang berminat dengan industri SUA dan PRS di Malaysia kerana ia:

- memberikan pemahaman keseluruhan mengenai industri SUA dan PRS, termasuk persekitaran kawal selia di mana ia beroperasi;
- menjelaskan prinsip dan kaedah SUA dan PRS, bersama dengan manfaat dan risiko melabur dalam Skim ini;
- menerangkan operasi, pengurusan dan pentadbiran SUA dan PRS; dan
- menekankan betapa perlunya bakal Perunding SUA dan Perunding PRS bersikap secara profesional dengan mengamalkan amalan beretika bagi membina hubungan jangka panjang antara Pengedar, Perunding dan pelanggan.

Struktur

Panduan pembelajaran ini adalah gabungan panduan pembelajaran sebelum ini, iaitu *Urus Niaga Unit Amanah* dan *Panduan Pembelajaran Peperiksaan Skim Persaraan Swasta*.

Jadual berikut memberikan perbandingan antara *Urus Niaga Unit Amanah* dan *Panduan Pembelajaran Peperiksaan Skim Persaraan Swasta* dengan panduan pembelajaran yang digabungkan.

Urus Niaga Unit Amanah	Panduan Pembelajaran Peperiksaan Skim Persaraan Swasta	Panduan Pembelajaran CUTE & CPRE
Bab 1 Memahami Unit Amanah	Bab 1 Pengenalan kepada Industri Skim Persaraan Swasta	Bab 1 Memahami Skim Pelaburan Kolektif di Malaysia
Bab 2 Pengawalseliaan Industri Unit Amanah	Bab 2 Rangka Kerja Kawal Selia	Bab 2 Pengenalan kepada Skim Unit Amanah (SUA) dan Skim Persaraan Swasta (PRS)
Bab 3	Bab 3	Bab 3 Rangka Kerja Kawal Selia

Urus Niaga Unit Amanah	Panduan Pembelajaran Peperiksaan Skim Persaraan Swasta	Panduan Pembelajaran CUTE & CPRE
Memberikan Khidmat kepada Pelanggan dan Memasarkan Unit Amanah	Penyedia Skim Persaraan Swasta	
Bab 4 Kod Etika dan Piawaian Peri Laku Profesional Industri	Bab 4 Ciri-ciri Skim Persaraan Swasta	Bab 4 Pemasaran dan Pengedaran
Bab 5 Perancangan Kewangan Peribadi	Bab 5 Kandungan Skim Persaraan Swasta	Bab 5 Kod Etika
Bab 6 Operasi SUA Berasaskan Syariah	Bab 6 Pelaburan Skim Persaraan Swasta	Bab 6 Perancangan Kewangan Peribadi
	Bab 7 Pengedar dan Perunding Skim Persaraan Swasta	Bab 7A Ciri-ciri dan Pengendalian SUA
		Bab 7B Ciri-ciri dan Pengendalian PRS

Sebagai tambahan kepada kandungan Panduan Pembelajaran CUTE & CPRE, para calon juga mungkin akan diuji tentang kandungan Kod Etika FIMM dan garis panduan SC lain yang berkaitan dengan pemasaran dan pengedaran SUA dan PRS.

Setiap Bab akan bermula dengan objektif pembelajaran dan berakhir dengan soalan ujian sendiri bagi membantu bakal Perunding SUA dan PRS menilai pemahaman mereka mengenai perkara penting yang diliputi.

Setiap Bab juga disediakan selaras dengan tahap kecekapan yang berkaitan yang dibangunkan oleh Perbadanan Pembangunan Industri Sekuriti (SIDC) di bawah Rangka Kerja Kecekapan Industri (ICF). Kecekapan ICF dan tahap yang bersesuaian dinyatakan di muka surat yang sama dengan objektif pembelajaran untuk setiap Bab.

Untuk mengikuti perkembangan terkini industri SUA dan PRS, Perunding SUA dan PRS juga perlu membaca surat khabar dan penerbitan lain, sumber dalam talian termasuk laman web FIMM dan SC, serta menghadiri persidangan/webinar dan lain-lain.

BAB 1 MEMAHAMI SKIM PELABURAN KOLEKTIF DI MALAYSIA

Objektif Pembelajaran

Bab ini memberi tumpuan kepada rangka kerja keseluruhan industri skim pelaburan kolektif (CIS) di Malaysia, ciri dan fungsinya serta peserta utama dalam sektor ini.

Pada akhir bab ini, anda seharusnya dapat memahami dan menerangkan:

- Sifat CIS;
- Jenis dan pengelasan CIS yang berbeza;
- Peserta dalam ekosistem CIS dan peranan masing-masing; dan
- Sejarah perkembangan CIS di Malaysia.



Tahap Kecekapan

1. Kecekapan Asas (Produk) - FOP02 Asas Pasaran Modal (Tahap 3)
2. Kecekapan Asas (Kawal Selia) - FOR02 Institusi Pasaran Modal (Tahap 3)


Pengenalan mengenai Skim Pelaburan Kolektif

'Skim pelaburan kolektif' (CIS) adalah istilah umum untuk pelbagai pelaburan terkumpul yang disediakan kepada pelabur. Dalam sesuatu CIS, sebilangan pelabur yang mempunyai objektif pelaburan yang sama akan mengumpulkan simpanan mereka dan menyerahkannya kepada pengurus dana profesional yang akan mengurus dan melaburkan dana terkumpul tersebut dalam pelbagai aset atau instrumen pelaburan untuk menghasilkan pulangan yang dikongsi oleh para pelabur tersebut.

1.01 Di bahagian lain di dunia, CIS juga dikenali sebagai dana bersama. Sama seperti dana bersama, pengurus dana mempunyai budi bicara sepenuhnya ke atas pengurusan pelaburan sesuatu CIS. Kepentingan para pelabur CIS akan dilindungi kerana penubuhan, pengendalian dan penutupan CIS dikawal selia oleh pelbagai pihak. Sesuatu CIS boleh distrukturkan sebagai amanah di mana Pemegang Amanah dilantik untuk memegang aset bagi pihak pelabur dan aset ini diasingkan daripada aset dana pengurus dan aset Pemegang Amanah dikenal pasti sebagai aset dana.

1.02 CIS yang ditawarkan di Malaysia termasuk SUA (Skim Unit Amanah), PRS (Private Retirement Scheme), Dana Borong, Dana Amanah Pelaburan Harta Tanah (REITs) dan Dana Dagangan Bursa (ETF). CIS seperti ini berada di bawah bidang kuasa SC yang mengawal selia pasaran modal Malaysia. Terdapat juga CIS yang berada di bawah bidang kuasa pihak berkuasa lain di Malaysia. Ini adalah dana pencen dan kumpulan wang simpanan, dana berkaitan pelaburan dan tabung haji. **Rajah 1.1** memberi gambaran CIS di Malaysia.

Rajah 1.1: CIS di Malaysia



1.03 Panduan pembelajaran ini memberi tumpuan kepada struktur pelaburan, keperluan kawal selia, proses pelaburan serta operasi dan pengurusan SUA dan PRS.

Bahagian selebihnya dalam Bab ini meliputi ciri-ciri CIS¹ dan sejarah ringkas CIS, terutamanya mengenai pembangunan SUA dan PRS, untuk memberi pemahaman yang luas mengenai industri CIS khususnya di Malaysia kepada pembaca panduan pembelajaran ini.


Pengelasan CIS

1.05 CIS dikelaskan secara berbeza di negara lain berdasarkan rangka kerja kawal selia bidang kuasa tersebut. Oleh itu, istilahnya mungkin berbeza di negara tersebut. Di Malaysia, dana di bawah CIS boleh dikategorikan secara luasnya seperti berikut:

- (a) dana tidak tersenarai; dan
- (b) dana tersenarai.

1.06 Komponen dana tidak tersenarai dan dana tersenarai di Malaysia adalah seperti yang digambarkan dalam **Rajah 1.2**.

Rajah 1.2: Komponen dana tidak tersenarai dan tersenarai di Malaysia



Dana tidak tersenarai

- 1.07 SUA dan PRS adalah tidak tersenarai, yang mana unit mereka tidak disebut harga dan didagangkan di bursa saham. Harga jualan dan belian balik unit diperoleh dengan mula sekali menilai pelaburan dana dan menentukan nilai aset bersih (NAB), dan kemudiannya membahagikan dengan bilangan unit dalam pengedaran.
- 1.08 Tidak seperti dana tersenarai, di mana pesanan untuk membeli dan menjual unit dilakukan melalui broker saham, jualan dan belian balik unit pelabur dalam dana tidak tersenarai diuruskan secara langsung dengan Syarikat Pengurusan, biasanya dengan bantuan Perunding.
- 1.08
- 1.09 Syarikat Pengurusan dana tidak tersenarai menerbitkan NAB seunit di laman web korporat mereka, surat khabar nasional dan/atau laman web FIMM setiap hari. NAB

¹ Sila rujuk kepada Guidelines of Unit Trust Funds. Chapter 2: Definitions 2.01 Collective Investment Scheme (CIS). Boleh didapati di: <https://www.sc.com.my/regulation/guidelines/collective-investment-scheme>.

seunit ini bertindak sebagai harga jualan terkini di mana unit dapat dibeli oleh pelabur dan juga harga belian balik di mana pelabur dapat melupuskan unit kepada Syarikat Pengurusan.

- 1.10 Dana tidak tersenarai biasanya bersifat terbuka, iaitu saiz dananya tidak tetap. Pelabur boleh membeli dan menjual unit pada bila-bila masa. Sesetengah Syarikat Pengurusan meletakkan had ke atas jumlah unit dana (juga dikenali sebagai dana ‘tertutup’) yang boleh dikeluarkan. Apabila jumlah unit yang dikeluarkan telah dijual, hanya unit yang dibeli semula daripada pelabur oleh Syarikat Pengurusan dapat dijual kepada pelabur.
- 1.11 Terdapat tiga (3) jenis dana tidak tersenarai di Malaysia seperti yang dihuraikan dalam **Jadual 1.1**:

Jadual 1.1: Dana tidak tersenarai di Malaysia

Dana tidak tersenarai	Huraian
SUA	SUA adalah pengaturan di bawah suatu amanah yang diuruskan oleh pengurus dana profesional. SUA membenarkan pelabur yang mempunyai objektif pelaburan yang sama untuk mengumpulkan dana mereka untuk melabur dan berkongsi pendapatan atau keuntungan yang berpotensi daripada portfolio sekuriti, derivatif atau aset lain.
PRS	PRS adalah skim persaraan yang ditadbir oleh suatu amanah dan diuruskan oleh pengurus dana profesional bagi membolehkan para ahli membina simpanan jangka panjang untuk persaraan di mana jumlah manfaat ditentukan semata-mata dengan merujuk kepada caruman yang dilakukan kepada skim persaraan dan apa-apa pendapatan, keuntungan dan kerugian yang disyiharkan berkenaan dengan caruman tersebut.
Dana borong	SUA yang ditubuhkan di mana unit ditawarkan secara eksklusif kepada pelabur sofistikated. Berdasarkan Garis Panduan SC mengenai Kategori Pelabur Sofistikated, individu berikut ditetapkan sebagai pelabur sofistikated: a) Pelabur Bertauliah (Accredited Investor) b) Entiti Bernilai Bersih Tinggi (High-Net Worth Entity - HNWE) c) Individu Bernilai Bersih Tinggi (High-Net Worth Individual - HNWI)

Dana tidak tersenarai dan data berkenaannya termasuk statistik tahunan mengenai saiz pasaran dan perdagangan pasaran boleh didapati di www.sc.com.my/analytics/fund-management-products

- 1.12 Dana tidak tersenarai juga boleh dikategorikan mengikut objektif pelaburan dana (contohnya, pendapatan atau pertumbuhan modal) atau mengikut kelas pelaburan di mana dana dilaburkan (contohnya, ekuiti atau pendapatan tetap). Ini boleh dikelaskan lebih lanjut kepada, sebagai contoh, dana pertumbuhan ekuiti untuk syarikat yang mempunyai permodalan pasaran kecil atau syarikat dengan pendapatan yang dijangka akan berkembang melebihi kadar purata, sama ada untuk industri atau pasaran secara keseluruhannya.
- 1.13 Pengelasan sedemikian adalah penting bagi pelabur kerana pengelasan ini digunakan untuk membezakan antara dana bagi tujuan mengukur prestasi perbandingan. Pengkategorian dana untuk SUA dan PRS dihuraikan lebih lanjut dalam Bab 2 panduan pembelajaran ini.

Dana tersenarai

- 1.14 Dana tersenarai, seperti namanya, mempunyai unit yang disebut harga dan didagangkan di bursa saham. Pelabur yang ingin membeli unit tersenarai mesti menghubungi broker saham yang akan memperoleh unit tersebut daripada pelabur yang menjualnya di pasaran. Harga unit ini boleh berubah setiap hari berdasarkan penawaran dan permintaan unit daripada pelabur. Ini bermakna pelabur di pasaran yang akan menentukan harga belian dan jualan unit tersebut dan bukannya Syarikat Pengurusan.
- 1.15 Tanggungjawab tunggal Syarikat Pengurusan untuk dana tersenarai adalah menguruskan dana menurut surat ikatan dan terma prospektus. Dana tersenarai (iaitu dana tertutup dan REIT) boleh mengeluarkan unit baharu melalui terbitan hak kepada pelabur sedia ada atau penempatan persendirian.
- 1.16 Satu ciri dana tersenarai adalah harga pasarannya mungkin berbeza daripada NAB kerana harga pasaran ditentukan oleh permintaan dan penawaran oleh pelabur.
- 1.17 Kini, terdapat tiga (3) jenis dana yang disenaraikan di Bursa Malaysia seperti yang dihuraikan dalam **Jadual 1.2**:

Jadual 1.2: Dana tersenarai di Malaysia

Dana tersenarai	Huraian
Dana tertutup	Dana tertutup adalah syarikat tersenarai yang melabur dalam saham syarikat lain. Ia dikenali sebagai dana tertutup kerana jumlah unit yang ditawarkan untuk langganan telah ditetapkan atau dihadkan ketika dana ini disenaraikan di Bursa Malaysia ² .
REIT	REIT adalah dana yang memiliki dan menguruskan harta tanah komersial yang menghasilkan pendapatan seperti kompleks membeli-belah, hospital, ladang, harta tanah perindustrian, hotel dan blok pejabat. Pendapatan REIT sebahagian besarnya

² Bagi statistik terkini mengenai Dana tertutup, sila rujuk laman web SC dan Bursa Malaysia untuk maklumat lanjut.


Dana tersenarai	Huraian
	ditentukan oleh pendapatan sewa berulang berbanding dengan syarikat harta tanah yang menggabungkan jualan harta tanah, keuntungan pembangunan, pendapatan sewa dan pelaburan harta tanah. REIT adalah pelaburan pasif dengan aliran tunai berulang daripada sewa yang diperoleh melalui perjanjian pajak dengan penyewa.
ETF	ETF adalah dana tersenarai yang menjejak atau meniru prestasi indeks, komoditi atau sekumpulan aset seperti dana pelaburan terbuka. Sama seperti SUA dan PRS, ETF menawarkan kepelbagaian yang luas dan mengurangkan risiko yang terlibat dalam memiliki saham tunggal. ETF menawarkan pilihan kepada Syarikat Pengurusan untuk membina portfolio pelaburan jangka panjang sambil berupaya merealisasikan pelaburan untuk mengumpulkan tunai bagi Syarikat Pengurusan memenuhi permintaan belian balik pelabur. ETF pertama, iaitu Dana Indeks Bon ABF Malaysia dilancarkan pada Julai 2005.

- 1.18 Dana tersenarai di Bursa Malaysia dan data berkenaannya termasuk statistik tahunan mengenai saiz pasaran dan perdagangan pasaran boleh didapati di www.sc.com.my/analytics/fund-management-products

Dana Berkaitan Pelaburan adalah Bukan SUA

- 1.19 Walaupun kajian terperinci mengenai pelbagai jenis CIS adalah di luar skop buku ini, adalah penting bagi Perunding mengetahui tentang jenis dana yang setanding dengan SUA - dana berkaitan pelaburan yang dipromosikan oleh syarikat insurans hayat. Sebagai gambaran keseluruhan, **Rajah 1.3** memberi ilustrasi menunjukkan bagaimana dana berkaitan pelaburan berfungsi.

Rajah 1.3: Bagaimana dana berkaitan pelaburan berfungsi



- 1.20 Dana berkaitan pelaburan yang dipromosikan oleh syarikat insurans hayat secara umumnya beroperasi dengan cara yang sama seperti SUA. Pelabur atau pemegang polisi memperoleh polisi insurans hayat, yang mewakili sejumlah unit dalam pengumpulan pelaburan, yang diuruskan oleh syarikat insurans hayat. Polisi boleh dibeli melalui pembayaran premium tunggal (pelaburan sekaligus) atau premium berkala, sama seperti pelan simpanan biasa yang dipromosikan oleh kebanyakan Syarikat Pengurusan Unit Amanah (SPUA). Tidak seperti kebanyakan SUA, polisi ini menyediakan perlindungan insurans hayat.
- 1.21 Premium, ditolak kos untuk menyediakan perlindungan insurans hayat dan yuran kemasukan, akan ditambahkan atas arahan pelabur, ke satu atau lebih daripada satu pengumpulan pelaburan yang berasingan, yang masing-masing mempunyai pelaburan yang berbeza dan mempunyai objektif pelaburan yang tersendiri. Pengumpulan ini dibahagikan kepada unit yang sama seperti SUA, dan hak polisi adalah ke atas pulangan pelaburan daripada pengumpulan tertentu. Nilai sesuatu polisi adalah jumlah unit yang dipegang dikalikan dengan harga seunit. Unit mempunyai harga belian dan jualan. Premium bersih dilaburkan pada harga jualan unit pengumpulan, dan pada penyerahan polisi, unit tersebut akan ditunaikan pada harga belian pengumpulan seperti yang dikira oleh syarikat insurans hayat.
- 1.22 Nilai unit dalam pengumpulan adalah berdasarkan nilai pasaran pelaburan dalam pengumpulan tersebut. Yuran pengurusan pelaburan serta bayaran dan perbelanjaan berterusan yang lain dikeluarkan daripada pengumpulan.
- 1.23 Pulangan pelaburan yang berkaitan dengan pengumpulan adalah tertakluk kepada cukai pada kadar yang dikenakan ke atas syarikat insurans hayat. Oleh itu, harga unit akan termasuk cukai yang perlu dibayar oleh syarikat insurans hayat ke atas pendapatan pelaburan dan keuntungan terealisasi semasa pelaburan dijual. Peruntukan untuk cukai ke atas keuntungan modal belum terealisasi akan ditolak daripada nilai pelaburan dalam pengumpulan sebelum harga unit ditentukan.
- 1.24 Perunding mesti dimaklumkan bahawa dana berkaitan pelaburan tidak tertakluk kepada pemantauan Pemegang Amanah dan tidak juga tertakluk kepada penelitian SC. Ia tidak perlu memenuhi peruntukan pendedahan dalam undang-undang dan peraturan SC. Dana berkaitan pelaburan berada di bawah bidang kuasa Bank Negara Malaysia (BNM); oleh itu, perlu mematuhi undang-undang dan peraturan BNM. Para pelabur mesti dimaklumkan mengenai perbezaan ketara ini antara SUA dan dana berkaitan pelaburan.

Saiz Industri Pengurusan Dana Malaysia


- 1.25 Industri pengurusan dana adalah komponen yang paling pesat berkembang dalam pasaran modal Malaysia sejak tempoh sedekad yang lalu. SUA dan Dana Borong merupakan pemacu utama dalam industri pengurusan dana. Data yang berkenaan termasuk sumber dana untuk industri pengurusan dana boleh didapati di www.sc.com.my/analytics/fund-management-products.
- 1.26 Jenis dan bilangan SUA telah meningkat secara mendadak sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Pengenalan PRS telah menyediakan pelabur dengan pilihan pelaburan tambahan sambil melakukan simpanan untuk persaraan mereka. Trend

ini kemungkinannya akan berterusan apabila pelabur inginkan perkhidmatan yang lebih luas.

Peserta dalam Ekosistem CIS

1.27 Peserta dalam ekosistem CIS adalah seperti yang digambarkan dalam **Rajah 1.4**:

Rajah 1.4: Peserta dalam Ekosistem CIS



1.28 Perenggan di bawah memberikan huraian tentang peserta dalam ekosistem CIS:

Pemegang unit

1.29 Pemegang unit diiktiraf oleh undang-undang sebagai pelabur dalam dana. Pemegang unit terdiri daripada individu, institusi, syarikat, badan kerajaan, badan amal, persatuan, pertubuhan, amanah dan juga CIS yang lain. Keputusan pelaburan mereka mungkin berbeza mengikut keperluan dan matlamat pelaburan masing-masing.

1.30 Hak pemegang unit ditetapkan dalam surat ikatan CIS dan dokumen tawaran (iaitu prospektus untuk SUA, dokumen pendedahan untuk PRS dan memorandum maklumat untuk Dana Borong). Ia adalah penting bagi pemegang unit untuk membaca dan memahami hak mereka yang dinyatakan dalam dokumen tawaran. Beberapa bahagian dalam dokumen tawaran memberi tumpuan kepada perkara penting dalam surat ikatan tersebut. Jika pemegang unit mendapati maklumat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran tidak mencukupi, pemegang unit perlu merujuk kepada surat ikatan untuk maklumat lanjut. Dokumen tawaran memberi panduan bagaimana pelabur boleh mendapatkan salinan surat ikatan tersebut, iaitu dengan menghubungi pejabat berdaftar Syarikat Pengurusan.

1.31 Hak pemegang unit termasuk menerima pengagihan dana (jika ada) dan mengambil bahagian dalam sebarang nilai modal unit serta melaksanakan hak dan keistimewaan sedemikian yang lain seperti yang diperuntukkan dalam surat ikatan. Walau bagaimanapun, pemegang unit tidak berhak meminta aset dana dipindahkan

kepada beliau. Pemegang unit juga tidak berhak untuk campur tangan atau mempersoalkan Pemegang Amanah untuk melaksanakan hak Pemegang Amanah sebagai pemilik berdaftar aset dana.

- 1.32 Pada masa yang sama, liabiliti pemegang unit adalah terhad. Antara lain, mereka tidak bertanggungjawab untuk melindungi pengurus dana atau Pemegang Amanah sekiranya liabiliti yang ditanggung oleh pengurus dana atau Pemegang Amanah melebihi nilai aset dana.

Syarikat Pengurusan

- 1.33 Syarikat Pengurusan bertanggungjawab untuk menubuhkan, menawarkan, memasarkan, mengendalikan dan mentadbir CIS. Syarikat Pengurusan yang menguruskan CIS yang terlibat dalam aktiviti terkawal yang ditadbir oleh Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (APMP) adalah dilesenkan oleh SC.
- 1.34 Syarikat Pengurusan boleh menyumberluarkan atau menugaskan beberapa fungsinya. Untuk SUA dan PRS, tanggungjawab utama terletak pada Syarikat Pengurusan seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan Dana Unit Amanah dan Garis Panduan PRS yang dikeluarkan oleh SC. Fungsi yang biasa disumberluarkan oleh Syarikat Pengurusan adalah seperti yang diuraikan dalam **Jadual 1.3**:

Jadual 1.3: Fungsi yang biasa disumberluarkan oleh Syarikat Pengurusan

Fungsi		Butiran mengenai penyumberan luar
1.	Pengurusan pelaburan	- Syarikat Pengurusan Dana (FMC) luaran diupah untuk menguruskan pelaburan Dana yang termasuk pemilihan saham, penyelidikan dan peruntukan aset. - FMC mungkin sebuah syarikat domestik atau asing yang berlesen.
2.	Perakaunan Dana/ Pentadbiran Dana	Fungsi ini melibatkan pelaksanaan penilaian NAB pelaburan dana, menyediakan penyata kewangan dana dan berurusan dengan juruaudit.
3.	Pendaftaran pemegang unit	Peranan ini juga dikenali sebagai agensi Pemindahan. Ini melibatkan penyelenggaraan rekod dan butiran pemegang unit yang termasuk mencatatkan langganan dan menebuskan unit dana.

Pemegang Amanah

- 1.35 Pemegang Amanah adalah pihak bebas yang perlu berdaftar dengan SC. Peranan utamanya adalah melindungi pemegang unit dengan:
- Melindungi pelaburan pemegang unit di mana semua aset dana mesti dipegang atas nama Pemegang Amanah bagi pihak dana; dan
 - Memastikan bahawa Syarikat Pengurusan mematuhi semua syarat yang

ditetapkan dalam surat ikatan dan dokumen tawaran. Bagi tujuan ini, Pemegang Amanah memantau pengendalian dan pengurusan dana oleh Syarikat Pengurusan. Ini termasuk melakukan tinjauan bebas dan bukan semata-mata bergantung pada maklumat yang dikemukakan oleh syarikat pengurusan.

- 1.36 Pemegang amanah boleh menyumberluarkan fungsi mereka dengan melantik ejen. Contohnya, Pemegang Amanah boleh melantik penjaga untuk melindungi aset dana. Terdapat juga keadaan di mana Penjaga melantik pihak luar untuk menjadi Subpenjaga kerana Subpenjaga ini adalah sebahagian daripada kumpulan serantau atau global atau jika pelaburan dana tersebut terletak di negara yang tidak ada Penjaga.
- 1.37 Untuk tujuan melindungi aset pelanggan, adalah penting bahawa Pemegang Amanah dan ejen atau Penjaga yang dilantik melakukan pengaturan untuk memastikan bahawa aset dana:
- (a) Jelas dikenal pasti sebagai aset dana;
 - (b) Dipegang secara berasingan daripada sebarang aset lain yang dipegang atau diamanahkan kepada Pemegang Amanah; dan
 - (c) Didaftarkan atas nama Pemegang Amanah atau di mana fungsi penjagaan diwakilkan, atas nama penjaga mengikut perintah Pemegang Amanah.
- 1.38 Pemegang Amanah bertanggungjawab atas tindakan mana-mana ejen yang dilantik oleh mereka.

Saluran pengedaran

- 1.39 Syarikat Pengurusan mungkin mempunyai pasukan jualan dalaman untuk memasarkan dan mengedarkan dana pelaburannya. Ia mungkin juga mempunyai saluran pengedaran lain. Bagi SUA dan PRS di Malaysia, Skim ini juga diedarkan oleh saluran pengedaran lain seperti pasukan agensi SUA, Penasihat Institusi Unit Amanah (IUTA), Penasihat Institusi PRS (IPRA), Penasihat Korporat Unit Amanah (CUTA) dan Penasihat Korporat PRS (CPRA). Saluran pengedaran ini dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Bab 3 panduan pembelajaran ini.
- 1.40 Keputusan mengenai jenis saluran pengedaran dan skop pengedaran pada dasarnya bersifat komersial, oleh itu, ia merupakan hak Syarikat Pengurusan sepenuhnya. Sebagai contoh, sesetengah Syarikat Pengurusan boleh menentukan saluran pengedaran mereka berdasarkan jenis pelanggan mereka (iaitu individu, institusi, syarikat berkaitan kerajaan, dan lain-lain) dan/atau berdasarkan lokasi geografi pelanggan mereka.
- 1.41 Syarikat Pengurusan bertanggungjawab untuk memastikan saluran pengedarannya mematuhi keperluan kawal selia yang berkenaan.

Pengawal selia

- 1.42 Sebagai pengawal selia pasaran modal Malaysia, SC merupakan pengawal selia utama bagi CIS. BNM juga terlibat kerana peranannya dalam mengawal selia bidang seperti Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Sekatan Kewangan Tersasar untuk Institusi Kewangan (AML/CFT dan TFS untuk FI) dan perkara berkenaan pertukaran asing.
- 1.43 Pengawal selia lain juga terlibat dalam keadaan di mana CIS yang ditawarkan di bawah skim 'Passporting' (iaitu pasport CIS ASEAN) atau skim Pengiktirafan Bersama yang lain (iaitu Hong Kong atau Pusat Kewangan Antarabangsa Dubai).
- 1.44 FIMM adalah organisasi kawal selia diri (SRO) yang diberi mandat oleh SC untuk mengawasi aktiviti pemasaran dan pengedaran SUA dan PRS. FIMM mengawal selia pengedar dan Perunding, yang merupakan UTMC (Unit Trust Management Companies), Penyedia PRS (PRSP), IUTA, IPRA, CUTA, CPRA, Perunding SUA dan Perunding PRS, bagi melindungi hak pelabur melalui pewujudan peraturan yang menggalakkan etika dan integriti. FIMM juga memastikan Perunding adalah cekap dan bertindak demi kepentingan terbaik masyarakat pelaburan.
- 1.45 Senarai kemas kini semua ahli FIMM boleh didapati di laman web - www.fimm.com.my. Para perunding digalakkan untuk melayari laman web ini untuk mengetahui perkembangan terkini industri.

Fungsi pengawasan

- 1.46 Fungsi pengawasan tambahan telah dilaksanakan untuk melindungi kepentingan pemegang unit. Fungsi pengawasan ini adalah seperti yang diuraikan dalam **Jadual 1.4**:

Jadual 1.4: Fungsi pengawasan CIS

Fungsi pengawasan	Huraian
Syarikat Pengurusan	Bagi memastikan dana diuruskan selaras dengan: a) Surat ikatan b) Prospektus c) Sekatan dan polisi pelaburan dalamannya; dan keperluan yang ditetapkan di bawah Garis Panduan.
	Peranan utama jawatankuasa Syariah adalah untuk memastikan bahawa semua aspek CIS berasaskan Syariah termasuk struktur dana, pelaburan dan dokumen adalah selaras dengan prinsip Syariah.
Panel penasihat	Panel penasihat mesti dilantik untuk dana yang dinyatakan akan diuruskan mengikut prinsip tertentu. Sebagai contoh, panel penasihat untuk penilaian harta tanah boleh dilantik oleh dana yang melabur dalam harta tanah.

Fungsi pengawasan	Huraian
	Ia bertanggungjawab untuk memastikan bahawa dana diuruskan mengikut prinsip tertentu dana dengan mengkaji laporan pematuhan dana dan laporan transaksi pelaburan.

Financial Markets Ombudsman Service (FMOS) – Penyelesaian pertikaian alternatif

- 1.47 FMOS ditubuhkan pada 1 Januari 2025 hasil daripada penggabungan antara Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS) dan Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti (SIDREC). FMOS dilantik oleh Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) untuk menyediakan perkhidmatan penyelesaian kepada pengguna kewangan dan pelabur.
- 1.48 FMOS diamanahkan untuk menyelesaikan pertikaian antara pengguna kewangan dan penyedia perkhidmatan kewangan secara bebas, adil dan tepat pada masanya:
- a) Dengan tidak memihak dan bersikap tidak berat sebelah dalam menyelesaikan pertikaian; dan
 - b) Membuat keputusan berdasarkan fakta/bukti dan keadaan yang relevan bagi setiap pertikaian.

Sejarah Skim Pelaburan Kolektif: Peristiwa Penting dan Pemangkin Pembangunan SUA dan PRS

- 1.49 SUA pertama di dunia, The Foreign and Colonial Government Trust, ditubuhkan di London pada tahun 1868 tetapi SUA hanya menjadi popular beberapa tahun kemudian. Pada tahun 1950-an di Amerika Syarikat, CIS yang sama dengan SUA menjadi popular - sebuah syarikat pelaburan terbuka yang dikenali sebagai dana bersama. SUA mendapat popular di beberapa negara termasuk United Kingdom dan Australia pada tahun 1960-an dan 1970-an.
- 1.50 Malaysia memperkenalkan konsep SUA agak awal berbanding negara jiran Asiana, iaitu pada 1959 apabila satu unit amanah diwujudkan oleh sebuah syarikat bernama Malayan Unit Trust Limited. Walau bagaimanapun, tidak ada peraturan yang mentadbir CIS di Malaysia sehingga Jawatankuasa Terbitan Modal mengeluarkan Garis Panduan Tabung Unit Amanah pada tahun 1991. Apabila SC ditubuhkan pada tahun 1993, industri SUA di Malaysia dikawal selia bersama oleh SC dan Pendaftar Syarikat.
- 1.51 Beberapa inisiatif yang penting untuk membangunkan CIS di Malaysia bermula apabila SC menjadi pengawal selia tunggal bagi CIS pada tahun 1996. Tumpuannya pada waktu tersebut adalah untuk mengembangkan industri SUA selaras dengan objektif Kerajaan ketika itu untuk menggalakkan lebih banyak penyertaan runcit dalam bursa domestik melalui produk CIS.

- 1.52 Dengan melabur dalam produk CIS, pelabur runcit dapat memanfaatkan kepakaran teknikal dan sumber penyelidikan pengurus dana profesional. Pada tahun 1990-an, dapat dilihat bahawa pelabur runcit tidak mempunyai pengetahuan dan kemampuan yang mencukupi mengenai keteknikan pelaburan. Mereka juga lebih memilih untuk membuat keputusan pelaburan berdasarkan khabar angin. Ini adalah salah satu faktor yang menyebabkan ketaktentuan pasaran yang ketara dalam tempoh tersebut.
- 1.53 Bagi tujuan mengurangkan ketaktentuan pasaran, beberapa langkah juga telah diambil untuk meningkatkan tahap penyertaan pelabur institusi, dan pada masa yang sama, membolehkan pelabur institusi ini memainkan peranan aktif dalam memastikan tadbir urus korporat yang baik diamalkan oleh syarikat penerima pelaburan.
- 1.54 PRS diperkenalkan di Malaysia pada tahun 2012 untuk menangani cabaran yang semakin meningkat dalam kecukupan simpanan persaraan apabila negara menghadapi peningkatan dalam populasi penduduk lanjut usia. PRS adalah skim simpanan dan pelaburan jangka panjang sukarela yang diperkenalkan untuk membantu seseorang melakukan lebih simpanan persaraan. Ia membentuk teras ketiga dalam rangka kerja pencen berbilang teras yang diperkenalkan oleh Bank Dunia dan melengkapkan skim simpanan persaraan wajib di Malaysia. Butiran lanjut mengenai landskap pencen dan persaraan di Malaysia akan dibincangkan dalam Bab 7B panduan pembelajaran ini.
- 1.55 Beberapa bidang tumpuan utama telah dikenal pasti untuk membangunkan industri CIS di Malaysia termasuk peningkatan dalam keperluan pengawalseliaan, pengawasan yang betul terhadap saluran pengedaran dan pelaksanaan langkah untuk meningkatkan penyertaan pelabur. Segala usaha ini telah menyumbang secara kolektif kepada pertambahan produk baharu CIS, kepelbagaian dalam kelas aset serta pendedahan geografi dan akhirnya pertumbuhan dalam industri pengurusan dana Malaysia³.
- 1.56 Pasaran modal Islam di Malaysia memainkan peranan penting dan berfungsi sebagai segmen dalam industri pasaran modal yang lebih luas untuk penerbit dan pelabur. Ini juga melengkapi komponen lain dalam sistem kewangan Islam, seperti perbankan Islam, takaful (insurans Islam) dan sektor pasaran wang. Untuk mengukuhkan lagi dan merangka pembangunan dan pertumbuhan pasaran modal Islam, SC telah menumpukan usaha kepada dua perkara, iaitu, mewujudkan infrastruktur sokongan dan meluaskan rangkaian produk pasaran modal Islam.
- 1.57 Pasaran modal Islam telah mengalami pertumbuhan besar seperti yang dibuktikan oleh saiz pasarannya. Maklumat dan data lain yang berkaitan boleh didapati di laman web SC melalui pautan ini: www.sc.com.my/analytics/fund-management-products
- 1.58 Pertumbuhan mantap dan pembangunan positif pasaran modal Islam di negara ini telah menambah kepada keluasan dan kepelbagaian industri pasaran modal secara keseluruhan. Selain itu, ia juga memberi sokongan dan sumbangan besar kepada pertumbuhan keseluruhan industri perkhidmatan kewangan di Malaysia.

³ For more details on the historical growth of the UTS and PRS in Malaysia, kindly refer to the SC and FIMM website.

- 1.59 Maklumat lanjut mengenai pembangunan dan pencapaian utama industri SUA dan PRS boleh didapati di laman web FIMM.

PRACTICE QUESTIONS

Question 1

Which of the following statements is true?

- (A) Real Estate Investment Trust is a type of unlisted fund.
- (B) An investment-linked fund is similar to UTS.
- (C) CIS enables investors to pool their money and hand it to a professional fund management company to invest the money in various assets that meet the investors investment objectives.
- (D) A Management Company must not outsource any of its functions

Answer: (C)

Question 2

Who are the participants in CIS ecosystem?

- (i) Investors / Unit holders
 - (ii) Trustee
 - (iii) Management Company
 - (iv) Regulator
 - (v) Dispute Resolution
 - (vi) Federation of Malaysian Consumers Associations
- (A) i, ii, iii, v, vi
 - (B) i, ii, iii, iv, v
 - (C) i, ii, iii, iv, vi
 - (D) All of the above

Answer: (B)

Question 3

Investment-linked funds that invest in capital market products must comply with the SC's regulations.

- (A) True
- (B) False

Answer: (B)

BAB 2 PENGENALAN KEPADA SUA DAN PRS

Objektif Pembelajaran

Bab ini memberi tumpuan kepada ciri-ciri utama SUA dan PRS, kelebihan melabur dalam produk ini, serta risiko berkaitan yang perlu diketahui oleh pelabur.

Pada akhir bab ini, anda seharusnya dapat memahami dan menerangkan:

- Ciri utama SUA dan PRS, serta persamaan dan perbezaan antara kedua-duanya;
- Pelbagai jenis SUA dan PRS;
- Kaedah pelaburan untuk SUA dan PRS;
- Manfaat dan kelemahan pelaburan dalam Skim;
- Risiko umum yang berkaitan dengan pelaburan Skim kepada pelabur; dan
- Peranan SAC (Shariah Advisory Council)



Tahap Kecekapan

1. Teras – Tumpuan Pelanggan (Tahap 3)
2. Kecekapan Asas (Produk) – FOP02 Asas Pasaran Modal (Tahap 3)
3. Kecekapan Asas (Kawal Selia) –
 - i. FOP03 Produk Pasaran Modal (Tahap 3)
 - ii. FOP04 Produk Pasaran Modal Islam (Tahap 3)
4. Fungsian (Proses) – FUP11 Pengurusan Produk Pelaburan (Tahap 2)
5. Asas (Produk) – FOP03 Produk Pasaran Modal (Tahap 2)

SUA dan PRS sebagai Pelaburan

- 2.01 SUA merapatkan jurang antara pelaburan berisiko rendah, seperti deposit bank, dengan pelaburan yang menawarkan pulangan lebih tinggi pada tahap risiko yang boleh diterima. Ia menyediakan peluang ideal bagi pelabur dengan modal kecil (dan individu berpendapatan tinggi) untuk mendapatkan pendedahan kepada pelbagai peluang pelaburan pada kos yang berpatutan. SUA membolehkan pelabur mengumpul kekayaan dan mengurus kesan inflasi dalam jangka masa sederhana hingga panjang.
- 2.02 Dalam jangka masa pendek, kepastian pulangan pelaburan adalah jauh lebih rendah berbanding deposit tetap. Namun, dalam jangka masa sederhana hingga panjang (contohnya lebih lima tahun), pelaburan dalam banyak SUA boleh memberikan pulangan yang jauh lebih baik pada tahap risiko yang boleh diterima.

Kaedah Melabur dalam SUA dan PRS (Skim)

- 2.03 Pelabur dalam Skim tidak membeli sekuriti dalam portfolio secara langsung. Sebaliknya, pelabur yang mempunyai objektif pelaburan yang serupa mengumpulkan simpanan mereka dan melabur dalam portfolio sekuriti atau aset dan pelaburan lain yang diuruskan oleh profesional pelaburan. Pemilikan portfolio ini dibahagikan kepada unit hak milik, dan setiap pelabur dikenali sebagai "pemegang unit". Satu unit dalam Skim mewakili "bahagian" berkadar dalam kumpulan pelaburan tersebut. Apabila nilai pelaburan dalam portfolio Skim meningkat atau menurun, nilai atau "harga unit" bagi setiap unit juga akan meningkat atau menurun mengikut perubahan tersebut.
- 2.04 Pelabur dalam Skim bukan pemegang saham bagi syarikat yang dilaburkan oleh dana. Sebaliknya, mereka adalah penerima manfaat di bawah amanah yang ditubuhkan oleh Penyedia Skim, iaitu UTMC/PRSP. Di bawah perlembagaan atau "akta" Skim, seorang Pemegang Amanah dilantik untuk melindungi kepentingan pelabur. Pemegang Amanah, sebagai pemilik sah bagi semua aset Skim yang dipegang bagi pihak pemegang unit, mempunyai tanggungjawab fidusiari untuk bertindak demi kepentingan terbaik pemegang unit.
- 2.05 Pelabur dalam Skim mempunyai kepentingan hak manfaat dalam Skim tetapi tidak mempunyai kuasa untuk mengarahkan Penyedia Skim dalam hal operasi harian, termasuk pengurusan portfolio pelaburan. Komposisi aset dana boleh berubah sepanjang tahun (contohnya, daripada tunai langganan awal kepada ekuiti dan kembali kepada tunai untuk pengagihan), namun aset ini sentiasa berada di bawah kawalan Pemegang Amanah. Sekiranya Penyedia Skim menghadapi masalah kewangan dan isu keberhutangan, aset pemegang unit/Ahli tetap selamat kerana ia diasingkan daripada aset Penyedia Skim, sekali gus menghalang sebarang tuntutan daripada pemiutang Penyedia Skim.
- 2.06 Pelabur dalam Skim yang akan melanggan unit selepas membaca dan memahami prospektus atau dokumen pendedahan, yang mengandungi semua maklumat penting mengenai Skim, serta melengkapkan borang permohonan. Sebagai bukti pelaburan mereka, setiap pelabur akan menerima penyata pengesahan kelayakan. Namun, sesetengah pelabur awal mungkin masih menyimpan sijil unit sebagai bukti pelaburan mereka dalam Skim.

Bilangan unit dalam Skim yang dimiliki oleh setiap pelabur bergantung kepada harga unit pada masa pelaburan dibuat serta jumlah wang yang dilaburkan oleh pelabur. **Rajah 2.1** menunjukkan contoh penyata pengesahan SUA serta ilustrasi pengiraan jumlah unit yang dibeli dan dijual.

Rajah 2.1: Contoh penyata pengesahan

Penyata Pengesahan				DANA EKUITI XYZ			
Tarikh	Jenis Urus Niaga	Jumlah Diterima/ Jumlah Dibayar (RM)	Bayaran %	Jumlah Pelaburan/ Hasil Penebusan (RM)	Harga Seunit (RM)	Unit Urus Niaga (Bil. unit)	Baki Unit (Bil. unit)
BAKI PEMBUKAAN							7,800.58
18/09/2020	Langganan	50,000.00	5.5	47,393.36	1.5561	30,456.50	38,257.08
25/09/2020	Penebusan	30,000.00	-	30,000.00	1.6552	18,124.70	20,132.38

Contoh pengiraan untuk (1) Jumlah Pelaburan, (2) Bilangan Unit Yang Dilanggan dan (3) Hasil Penebusan adalah seperti berikut:


$$\begin{aligned}
 (1) \text{ Jumlah Pelaburan} &= \frac{\text{Jumlah Diterima}}{1 + \text{Bayaran}} \\
 &= \frac{RM50,000}{(1 + 0.055)} = RM47,393.36
 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned}
 (2) \text{ Bilangan Unit Dibeli/Dilanggan} &= \frac{\text{Jumlah Pelaburan}}{\text{Harga Unit}} \\
 &= \frac{RM47,393.36}{RM1.5561} = 30,456.50 \text{ unit}
 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned}
 (3) \text{ Hasil} &= \text{Unit Urus Niaga} \times \text{Harga Unit} \\
 &= 18,124.70 \times RM1.6552 = RM30,000
 \end{aligned}$$

- 2.07 Pulangan pelaburan bagi pelabur dalam Skim biasanya terdiri daripada gabungan pembayaran pendapatan (“pengagihan pendapatan”) dan kenaikan modal, yang diperoleh daripada kumpulan pelaburan dalam Skim tersebut. Setiap unit memberikan hak kepada pelabur untuk menerima jumlah pendapatan yang sama (ditentukan berdasarkan kadar pengagihan yang diumumkan oleh Penyedia Skim) serta kenaikan atau penurunan modal, yang biasanya dicerminkan dalam harga unit Skim tersebut.
- 2.08 Terdapat pelbagai jenis Skim yang tersedia, termasuk dana pendapatan dan pertumbuhan modal; dana ekuiti (saham), hartanah, dan pendapatan tetap (bon); serta dana yang diuruskan mengikut prinsip Syariah.
- 2.09 Ringkasan kaedah melabur dalam Skim digambarkan dalam **Rajah 2.2**.

Rajah 2.2: Ringkasan proses melabur dalam Skim



- 2.10 Pelabur dalam Skim biasanya mempunyai jumlah pelaburan yang agak kecil, dan tidak mempunyai masa atau kecenderungan untuk menguruskan portfolio pelaburan langsung dalam saham atau aset lain. Skim ini membolehkan pelabur dengan modal lebih kecil mempunyai akses mudah ke pelbagai jenis pelaburan yang mereka biasanya tidak mempunyai akses.

Persamaan dan Perbezaan antara SUA dan PRS

- 2.11 SUA dan PRS mempunyai ciri utama yang sama, dimana kedua-duanya:
- menyediakan kepelbagaian aset;
 - mempunyai Pemegang Amanah untuk menjaga kepentingan pelabur;
 - melibatkan pengumpulan simpanan oleh pelabur di mana simpanan ini dilaburkan mengikut objektif dan garis panduan dana yang membentuk skim; dan
 - merupakan skim yang menggalakkan pelabur untuk membuat simpanan dan keputusan pelaburan jangka panjang.
- 2.12 Walaupun proses pelaburan dalam PRS secara umumnya serupa dengan SUA dan produk asasnya (contohnya, dana) adalah sama, PRS tertakluk kepada peraturan dan undang-undang yang berbeza sepenuhnya. Antaranya termasuk pelantikan Pentadbir Pencen Swasta (PPA) yang diluluskan oleh SC untuk memastikan pentadbiran yang cekap, advokasi industri, serta pembangunan sektor PRS.
- 2.11.1 Maklumat lanjut mengenai ciri dan operasi SUA serta PRS boleh didapati dalam Bab 7A dan Bab 7B panduan pembelajaran ini.

Skim Patuh Shariah

2.14 Skim Berasaskan Shariah agak sama dengan skim konvensional, **KECUALI** semua aktiviti mesti mematuhi keperluan Shariah. Skim konvensional dan Skim Patuh Shariah mungkin berbeza dalam bidang berikut:

- (a) Objektif dana;
- (b) Strategi pelaburan;
- (c) Pengendalian dan pengurusan dana;
- (d) Dokumentasi;
- (e) Kaedah dan aktiviti pelaburan; dan
- (f) Perakaunan dan pelaporan.

2.15 Objektif skim konvensional biasanya adalah untuk memperoleh pulangan yang merangkumi pertumbuhan modal dan pendapatan. Pencapaian objektif ini bergantung kepada beberapa faktor, termasuk saiz dana, tempoh pelaburan, strategi pelaburan, jenis instrumen yang dilaburkan, serta keupayaan untuk mengurus risiko. Bagi Skim Patuh Shariah, objektifnya juga adalah untuk mencapai pertumbuhan modal dan pendapatan, tetapi dalam ruang lingkup prinsip Shariah. Oleh itu, strategi pelaburan perlu selaras dengan objektif dana patuh Shariah.


2.16 Penyedia Skim mesti memastikan bahawa semua operasi harian Skim Patuh Shariah mematuhi keperluan yang ditetapkan oleh SC serta prinsip Shariah. Fungsi pematuhan dan pengawasan berkaitan dengan hal ehwal Shariah diperkukuhkan lagi melalui peranan yang dimainkan oleh Penasihat/Komiti Shariah skim tersebut.

Jenis Dana/Kategori Dana


2.17 Dana boleh dikategorikan mengikut kelas aset di mana dana dilaburkan, mengikut struktur dana atau mengikut objektif pelaburan mereka. Sebagai gambaran keseluruhan, **Rajah 2.3** memberikan ilustrasi mengenai jenis dana ini.

Rajah 2.3 Jenis Dana


(a) Mengikut kelas aset



(b) Mengikut struktur dana



(c) Mengikut objektif dana



Mengikut kelas aset

Dana ekuiti

2.18 Dana ekuiti adalah jenis dana yang paling biasa di Malaysia. Dana ini melabur terutamanya dalam ekuiti.

2.19 Dana ekuiti popular kerana ia mendedahkan pelabur kepada syarikat yang tersenarai di Malaysia dan luar negara. Oleh itu, prestasi kebanyakan dana ekuiti berkait rapat dengan prestasi pasaran saham yang dilaburkan. Apabila harga saham berubah, harga unit dalam Skim akan bergerak seiring dengan pergerakan harga saham.

Dana Pendapatan Tetap

2.20 Dana ini melabur dalam instrumen yang memberikan kadar pulangan tetap, seperti Sekuriti Kerajaan Malaysia dan bon korporat. Objektif utama dana pendapatan tetap adalah untuk menyediakan pendapatan yang konsisten, dengan penekanan yang lebih rendah terhadap pertumbuhan modal bagi pelabur. Walau bagaimanapun, dana pendapatan tetap masih berpotensi menjana keuntungan modal atau mengalami kerugian, terutamanya dalam tempoh kadar faedah yang tidak stabil.

2.21 Secara amnya, ketaktentuan atau risiko yang dikaitkan dengan dana pendapatan tetap adalah lebih rendah berbanding dana ekuiti. Sekuriti pendapatan tetap biasanya lebih selamat, terutamanya jika ia dipegang sehingga tempoh matang. Oleh itu, pulangan yang ditawarkan oleh dana pendapatan tetap adalah lebih rendah daripada yang ditawarkan oleh dana ekuiti dalam jangka panjang. Namun, keadaan ini tidak selalu berlaku. Terdapat situasi di mana dana pendapatan tetap berjaya mengatasi prestasi dana ekuiti, dengan tahap risiko yang jauh lebih rendah.

2.22 Pulangan daripada sekuriti pendapatan tetap boleh berbeza bergantung pada

tempoh matang yang masih berbaki. Secara amnya, sekuriti pendapatan tetap dengan tempoh matang yang lebih pendek adalah kurang berisiko dan kurang mengalami kemruapan berbanding sekuriti dengan tempoh matang yang lebih panjang. Sesetengah Penyedia Skim telah memperkenalkan dana pendapatan tetap jangka pendek, di mana pendapatan menjadi komponen utama dalam jumlah pulangan yang diperoleh oleh pelabur, manakala perubahan dalam harga unit adalah minimum.

- 2.23 Selalunya, dana pendapatan tetap dipegang oleh pelabur sebagai sebahagian daripada portfolio pelaburan mereka untuk mengurangkan tahap risiko keseluruhan portfolio. Ini kerana pulangan pelaburan daripada sekuriti pendapatan tetap mungkin mempunyai korelasi negatif dengan ekuiti. Sebagai contoh, apabila pulangan daripada pelaburan di pasaran saham menurun, pulangan daripada sekuriti pendapatan tetap mungkin lebih positif. Korelasi negatif ini boleh menjadi alat yang berguna dalam pengurusan risiko dalam portfolio pelaburan seseorang pelabur.

Dana Pasaran Wang

- 2.24 Dana Pasaran Wang beroperasi dengan cara yang hampir sama seperti akaun bank, dan tiada caj kemasukan atau keluar yang dikenakan oleh Penyedia Skim. Dana ini melabur dalam instrumen pasaran wang berisiko rendah seperti deposit jangka pendek di bank dan sekuriti hutang jangka pendek. Dana pasaran wang memberi tumpuan utama kepada pelaburan dalam sekuriti hutang jangka pendek, instrumen pasaran wang jangka pendek, dan penempatan dalam deposit jangka pendek. Oleh itu, dana ini sangat cair dan sesuai digunakan sebagai pelaburan jangka pendek untuk simpanan pelabur atau untuk tempoh yang lebih panjang. Pengagihan pendapatan kepada pelabur dilakukan secara berkala dan kerap, mencerminkan kadar faedah yang umumnya lebih tinggi yang tersedia untuk pelabur institusi dalam pasaran wang.

Dana Aset Campuran/Dana Seimbang

- 2.25 Sesetengah pelabur mungkin inginkan pelaburan dalam semua kelas aset utama untuk mengurangkan risiko melabur dalam kelas aset tunggal. Terdapat dua cara untuk mencapai matlamat ini – sama ada dengan melabur secara langsung dalam pelbagai dana bagi setiap kelas aset tunggal (contohnya, dana ekuiti, dana pendapatan tetap, dan REIT); atau melabur dalam satu dana yang merangkumi beberapa kelas aset sekaligus.
- 2.26 Dana aset campuran melabur dalam ekuiti dan pendapatan tetap, bergantung kepada potensi pulangan serta risiko yang diselaraskan. Dana ini juga kadangkala dikenali sebagai dana dinamik kerana peratusan ekuiti dan pendapatan tetap dalam portfolio diurus secara aktif mengikut pergerakan pasaran.
- 2.27 Dana seimbang, yang merupakan subset kepada dana aset campuran, biasanya mempunyai portfolio yang terdiri daripada ekuiti, sekuriti pendapatan tetap, tunai, dan hartanah. Namun, pendedahan kepada hartanah diperoleh melalui pemegangan unit dalam REIT yang tersenarai serta saham syarikat hartanah atau pembinaan. Walaupun PRS dibenarkan untuk melabur dalam hartanah,

pemegangan langsung aset hartanah biasanya tidak dilakukan kerana ia kurang cair. Sebaliknya, pelaburan langsung dalam hartanah tidak dibenarkan bagi SUA.

- 2.28 Dana aset campuran mempunyai tahap ketaktentuan yang lebih rendah berbanding kebanyakan dana satu kelas aset (kecuali dana pasaran wang). Namun, dana ini secara amnya menawarkan potensi pulangan yang lebih tinggi berbanding dana pasaran wang, akaun simpanan, dan deposit tetap. Sesetengah dana aset campuran memberi tumpuan lebih besar kepada aset pertumbuhan (terutamanya ekuiti) untuk menarik pelabur yang selesa dengan tahap risiko tertentu. Sebaliknya, pelabur yang lebih konservatif mungkin lebih memilih dana aset campuran yang mempunyai peratusan lebih tinggi dalam aset defensif, seperti sekuriti pendapatan tetap dan tunai. Dana aset campuran yang lebih bersifat defensif cenderung memberikan pengagihan pendapatan yang lebih konsisten tetapi dengan pertumbuhan modal yang lebih rendah.

Mengikut struktur dana

Dana Indeks


- 2.29 Dana indeks ialah dana yang bertujuan untuk menjejak, meniru, atau mencerminkan prestasi sesuatu indeks dalam pelaburan yang dibenarkan. Matlamat utama dana ini adalah untuk mencapai keputusan atau pulangan pelaburan yang hampir sama dengan prestasi indeks yang diikutinya. Dana ini melabur dalam sekuriti yang membentuk komponen indeks yang dipilih. Indeks tersebut kemudian dijadikan rujukan bagi mengukur prestasi dana. Sebagai contoh, pelabur yang menyertai dana *FTSE Bursa Malaysia Kuala Lumpur Composite Index (FBMKLCI)* mengharapkan pulangan pelaburan yang hampir menyerupai prestasi FBMKLCI, dari segi risiko dan pulangan. Dana indeks juga dikenali sebagai "*Tracker Funds*" kerana modus operandi mereka yang menjejak sesuatu indeks.

Dana untuk Dana

- 2.30 Dana untuk Dana ialah dana yang melabur sekurang-kurangnya 85% daripada NAB (Nilai Aset Bersih) dalam skim pelaburan kolektif (CIS) lain. Selain itu, dana ini boleh melabur sehingga 15% daripada NAB dalam pelaburan yang dibenarkan seperti berikut:
- a) Instrumen pasaran wang yang didagangkan di pasaran yang layak dan mempunyai tempoh matang tidak melebihi 12 bulan;
 - b) Penempatan dalam deposit jangka pendek;
 - c) Derivatif yang digunakan semata-mata untuk tujuan lindung nilai.

Rajah 2.4 menunjukkan ilustrasi struktur dana untuk dana.

Rajah 2.4: Struktur dana untuk dana



Dari segi had penyebaran pelaburan, keperluan berbeza antara SUA dan PRS seperti yang digambarkan dalam Jadual 2.1 di bawah:

Jadual 2.1


SUA Keperluan penyebaran pelaburan berdasarkan Garis Panduan UTF	PRS Keperluan penyebaran pelaburan berdasarkan Garis Panduan PRS
- Dana untuk dana mesti melabur dalam sekurang-kurangnya lima CIS pada setiap masa. - Nilai pelaburan dana dalam unit atau saham CIS tidak boleh melebihi 30% daripada NAB dana, dengan syarat CIS tersebut mematuhi: – (a) perenggan 6.11(a); (b) perenggan 6.11(b); atau (c) perenggan 6.11(c), kecuali CIS yang melabur dalam hartanah.	- Nilai pelaburan dana dalam unit atau saham CIS tidak boleh melebihi 30% daripada NAB dana, dengan syarat CIS tersebut mematuhi: – (a) perenggan 8.15A(a); (b) perenggan 8.15A(b); atau (c) perenggan 8.15A(c), kecuali CIS yang melabur dalam hartanah.

Dana Perantara

- 2.31. Dana ini diwujudkan untuk melabur dalam dana lain (contohnya, dana sasaran), yang kebiasaannya merupakan dana berasaskan luar negara. Di bawah GUTF (Garis Panduan UTF) dan GPRS (Garis Panduan PRS), dana perantara ialah dana yang melabur sekurang-kurangnya 85% daripada NAB dalam unit atau saham satu CIS. Dana perantara biasanya meniru objektif dana sasaran. Tujuan utama dana perantara adalah untuk membolehkan pelabur tempatan melabur dalam dana luar negara, yang mungkin tidak dapat diakses secara langsung disebabkan oleh sekatan peraturan tempatan atau untuk memanfaatkan kepakaran pengurus dana luar negara.

- 2.32 Ia adalah penting untuk mengetahui terdapat dua (2) lapisan yuran pengurusan yang dikenakan bagi jenis dana ini. Lapisan pertama adalah di “tahap dana perantara” (contohnya, dana yang dilaburkan oleh pelabur), manakala lapisan kedua adalah di “tahap dana sasaran” (iaitu dana yang dilaburkan oleh dana perantara). Kebiasaannya, dana feeder akan menerima rebat terhadap yuran pengurusan yang dikenakan oleh dana sasaran, yang kemudiannya akan ditolak daripada jumlah yuran keseluruhan dana sasaran. Maklumat ini biasanya dinyatakan dalam dokumen tawaran dana. **Rajah 2.5** menunjukkan ilustrasi struktur dana feeder dan yuran pengurusan yang dikenakan kepada pelabur.

Rajah 2.5: Struktur dana perantara dan yuran pengurusan yang dikenakan kepada pelabur



Dana Syariah

- 2.33 Objektif utama dana Syariah untuk menyediakan saluran pelaburan alternatif bagi pelabur yang mementingkan kepatuhan kepada keperluan Syariah. Dana Syariah melabur dalam portfolio syarikat halal, Sekuriti Hutang Islam, sukuk atau sekuriti lain yang selaras dengan prinsip Syariah. Syarikat halal tidak termasuk syarikat yang terlibat dalam aktiviti, produk atau perkhidmatan berkaitan dengan perbankan konvensional, insurans dan perkhidmatan kewangan konvensional, perjudian, minuman beralkohol dan produk makanan tidak halal.
- 2.34 Skim Patuh Syariah hanya boleh melabur dalam instrumen yang memenuhi keperluan Syariah, tertakluk kepada kelulusan daripada Majlis Penasihat Syariah SC dan/atau Jawatankuasa Syariah/Penasihat Syariah dan selaras dengan objektif dana.
- 2.35 Sebarang lebihan tunai dan aset cair lain hendaklah disimpan atau dilaburkan dalam instrumen patuh Syariah, seperti akaun semasa atau akaun pelaburan Islam. Pulangan daripada dana Syariah juga akan mengelakkan unsur riba atau faedah melalui proses pembersihan atau penyucian sistematik, dimana semua elemen yang tidak patuh Syariah akan disingkirkan. Jumlah yang disaring daripada proses penyucian ini biasanya disalurkan kepada badan amal.

Dana tajaan Kerajaan

- 2.36 SUA tajaan kerajaan adalah komponen penting industri SUA di Malaysia. Dana-dana ini secara amnya dilaburkan secara seimbang, walaupun terdapat juga SUA yang ditaja kerajaan yang melabur dalam ekuiti. SUA yang dilaburkan dalam ekuiti mungkin mempunyai harga unit yang berubah-ubah, manakala SUA yang melabur

dalam portfolio yang lebih seimbang biasanya mempunyai harga unit tetap sebanyak RM1.00 dan beroperasi berdasarkan akaun. Sebagai contoh, kadar “pendapatan” (yang mewakili jumlah pulangan portfolio pelaburan SUA bagi tahun tersebut) akan dikreditkan ke dalam baki akaun setiap pelabur secara tahunan

Mengikut objektif pelaburan

- 2.37 Dana ekuiti biasanya dikategorikan berdasarkan objektif pelaburan. Terdapat pelbagai jenis dana ekuiti di pasaran, daripada dana yang menawarkan potensi pulangan tinggi dengan risiko yang lebih besar, hingga dana dengan risiko lebih rendah tetapi pulangan yang lebih sederhana. Dana ekuiti yang diklasifikasikan sebagai Dana Pertumbuhan lazimnya melabur dalam syarikat yang mempunyai potensi pertumbuhan modal yang tinggi atau syarikat yang dijangka mencatat pertumbuhan pendapatan melebihi purata, sama ada dalam industri tertentu atau pasaran secara keseluruhan. Namun, Dana Pertumbuhan selalunya dikaitkan dengan tahap risiko yang lebih tinggi serta harga unit yang lebih tidak stabil.
- 2.38 Dana Pendapatan biasanya dilaburkan dengan objektif untuk menjana pendapatan. Ini bermakna dana ini memberi tumpuan utama kepada pelaburan dalam syarikat yang dijangka akan membayar dividen secara berkala. Biasanya, syarikat seperti ini adalah syarikat besar dan kukuh yang mempunyai rekod pembayaran dividen yang konsisten.
- 2.39 Sebaliknya, Dana Pertumbuhan dan Pendapatan mungkin melabur dalam portfolio campuran yang terdiri daripada saham syarikat tersenarai dengan permodalan pasaran yang lebih kecil, dan juga syarikat dengan permodalan pasaran yang besar atau dikenali sebagai “cip biru”/”Blue chip”.

Kaedah Melabur

- 2.40 Terdapat beberapa cara untuk melabur dalam Skim seperti yang diterangkan dalam perenggan berikut.

Belian Sekaligus

- 2.41 Belian sekaligus adalah cara paling biasa untuk melaburkan simpanan ke dalam Skim. Jika jumlah pelaburan memenuhi jumlah permohonan minimum Penyedia Skim, pelabur boleh melaburkan simpanan dalam Skim selepas melengkapkan borang permohonan. Dengan pembelian sekaligus, pelabur tidak mempunyai komitmen tambahan untuk menambah pelaburan awal mereka dalam Skim. Dalam tempoh tertentu, pelaburan awal dalam kebanyakan Skim dijangka akan berkembang hasil daripada pendapatan dividen dan keuntungan modal yang dijana oleh Skim.
- 2.42 Apabila pelabur akhirnya menjual unit mereka, harga belian semula bagi satu unit akan menunjukkan pulangan pelaburan yang terkumpul dan terkompoun sepanjang tempoh tersebut sejak pembelian. Pulangan pelaburan yang terkompoun sepanjang tempoh tersebut inilah yang membuatkan pelaburan seperti Skim begitu menarik kepada pelabur.
- 2.43 Sebagai contoh, sebahagian daripada wang pusaka yang diterima boleh dilaburkan ke dalam Skim dan disimpan untuk jangka masa yang panjang untuk tujuan tertentu,

seperti, pendidikan anak-anak, perancangan persaraan dan pembelian rumah. Pada akhir tempoh pelaburan, hasil daripada penjualan unit akan menunjukkan pelaburan awal yang dilakukan dicampur dengan apa-apa pulangan bagi jumlah yang terkompoun sepanjang tempoh tersebut. Namun, jika pulangan pelaburan adalah negatif, pelabur tidak akan menerima (semasa penjualan unit dalam Skim) jumlah pelaburan awal mereka.

Pelaburan semula pendapatan

- 2.44 Dengan melaburkan semula pengagihan pendapatan daripada Skim (contohnya dengan mengarahkan Penyedia Skim untuk menggunakan pengagihan yang perlu dibayar kepada pelabur bagi membeli lebih banyak unit dalam Skim), pelabur boleh memperoleh sebilangan kecil unit tambahan setiap kali pengagihan pendapatan dilakukan, dan dari semasa ke semasa, dapat menambah jumlah pulangan dengan ketara daripada pelaburan dalam Skim. Selalunya, jumlah kecil daripada pengagihan pelaburan dalam Skim digunakan sepenuhnya dan bukannya disimpan oleh pelabur. Oleh itu, pelaburan semula pengagihan pendapatan adalah cara yang mudah dan berkesan untuk menambah pelaburan dalam Skim.
- 2.45 Apabila pelabur mengarahkan Penyedia Skim untuk melaburkan semula pengagihan pendapatan yang diterima, jumlah pengagihan pendapatan tersebut akan digunakan untuk membeli unit tambahan. Sesetengah Penyedia Skim melabur semula pengagihan secara automatik, mengikut arahan tersedia pelabur; manakala yang lain memberikan unit tambahan melalui pecahan unit (unit-split). Kelebihan daripada mengompoun pulangan pelaburan adalah sama.


Simpanan berkala

- 2.46 Sesetengah pelabur melabur dalam Skim dengan melakukan caruman berkala (contohnya, secara bulanan) - iaitu pelaburan kecil sekaligus yang dilakukan berturut-turut. Caruman tidak dibuat mengikut kontrak dan boleh ditamatkan pada bila-bila masa tanpa dikenakan penalti. Ini merupakan cara yang lebih berdisiplin, berguna dan fleksibel untuk pelabur mengumpul modal bagi keperluan masa depan.
- 2.47 Hasil daripada penjualan unit mungkin mewakili jumlah caruman yang terkumpul, ditambah dengan pulangan daripada setiap caruman. Dalam keadaan ini, jumlah terkumpul berkemungkinan lebih tinggi jika caruman dilakukan secara berterusan dan unit dipegang untuk jangka masa yang lebih lama. Bentuk simpanan seperti ini adalah asas bagi simpanan persaraan, contohnya, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).
- 2.48 Melabur dalam Skim melalui simpanan secara berkala sangat menarik kepada pelabur dengan modal yang lebih kecil kerana mereka dapat mengambil bahagian dengan perbelanjaan modal yang rendah.

Manfaat Melabur dalam Skim

2.49 Manfaat melabur dalam Skim diringkaskan dalam **Rajah 2.6**. Ini diikuti dengan penjelasan bagi setiap manfaat.

Rajah 2.6: Manfaat melabur dalam Skim



Kepelbagaian

- 2.50 Pengumpulan dana yang lebih besar membolehkan pengurus dana menguruskan Skim untuk membeli pelbagai jenis pelaburan. Portfolio yang merangkumi pelbagai pelaburan boleh dipegang, tanpa mengehadikan portfolio pelaburan kepada satu atau dua pelaburan. Dengan itu, pelabur Skim dapat meraih manfaat daripada 'kesan portfolio', iaitu secara amnya, semakin banyak bilangan pelaburan, semakin kurang kadar ketaktentuan (perubahan) dalam pulangan pelaburan tersebut. Dengan kata lain, pelaburan dalam Skim memberi pendedahan yang lebih rendah kepada pelabur yang tidak mampu memperoleh pelbagai jenis pelaburan kerana simpanan yang terhad.
- 2.51 Pelabur dalam Skim boleh memperoleh kepelbagaian yang lebih luas dengan modal mereka kerana portfolio Skim biasanya dilaburkan dalam pelbagai sekuriti (antara 20 hingga 100 kaunter dalam Skim ekuiti). Sekiranya pelabur melaburkan keseluruhan modal mereka dalam satu kaunter sahaja, mereka berisiko kehilangan semua modal sekiranya syarikat tersebut mengalami prestasi yang lemah atau gulung tikar. Namun, Skim ekuiti mengurangkan risiko ini dengan memegang portfolio yang terdiri daripada pelbagai kaunter. Portfolio seperti ini dijangka mempunyai tahap ketaktentuan yang lebih rendah berbanding portfolio yang hanya mengandungi satu atau dua kaunter. Secara mudahnya, ini bermakna risiko pelaburan dapat dikurangkan.
- 2.52 Pelaburan beberapa Skim mungkin juga dipelbagaikan mengikut kelas aset. Selain saham, Skim boleh melabur dalam sekuriti pendapatan tetap, harta tanah dan tunai. Pelaburan seperti ini memberikan ciri kestabilan dalam pasaran saham menurun dan mungkin menyediakan kecairan apabila memenuhi belian balik pelabur Skim.
- 2.53 Pelabur dengan modal yang lebih kecil mungkin sukar mencapai kepelbagaian yang setara dalam portfolio pelaburan mereka kerana modal mereka terhad. Selain itu,

mereka mungkin tidak mempunyai akses kepada maklumat terkini yang diperlukan untuk membuat keputusan pelaburan termaklum mengenai kepelbagaian. Pelaburan dalam Skim memberi mereka kepelbagaian secara automatik dengan hanya jumlah modal yang kecil.

- 2.54 Untuk memahami bagaimana pelaburan yang dipelbagaikan dapat membantu pelabur, ilustrasi ringkas di bawah membandingkan nilai portfolio pelabur yang tidak dipelbagaikan seperti yang digambarkan dalam **Jadual 2.1A** dan nilai portfolio pelabur yang dipelbagaikan seperti yang digambarkan dalam **Jadual 2.1B**:

Jadual 2.1A: Portfolio pelabur yang tidak dipelbagaikan - Nilai pelaburan selepas pergerakan harga

Kaunter	Bilangan saham	Harga (RM)	Nilai Pelaburan (RM)
X	2,000	5.00	10,000
Jika harga bergerak 20% lebih rendah ke RM4.00			8,000
Kerugian pelaburan ialah			(2,000)

- 2.55 **Jadual 2.1A** menunjukkan bahawa pelabur telah melabur kesemua jumlah RM10,000 dalam kaunter tunggal. Apabila harga jatuh, beliau mengalami kerugian yang ketara.

- 2.56 Andaikan pelabur telah melabur RM10,000 dalam tiga kaunter. **Jadual 2.1B** menunjukkan nilai pelaburan pelabur jika harga X jatuh ke RM4.00, manakala harga Y dan Z masing-masing naik 25%:

Jadual 2.1B: Portfolio pelabur yang dipelbagaikan - Nilai pelaburan selepas pergerakan harga

Kaunter	Bilangan saham	Pelaburan awal		Selepas pergerakan harga	
		Harga (RM)	Nilai Pelaburan (RM)	Harga (RM)	Nilai Pelaburan (RM)
X	1,000	5.00	5,000	4.00	4,000
Y	1,000	3.00	3,000	3.75	3,750
Z	1,000	2.00	2,000	2.50	2,500
Jumlah nilai pelaburan			10,000		10,250

- 2.57 **Jadual 2.1B** menunjukkan bahawa dengan perbelanjaan modal yang sama, pelabur kini mempunyai portfolio yang terdiri daripada tiga kaunter. Kejatuhan harga X telah diimbangi dengan kenaikan harga Y dan Z, menunjukkan pelabur memperoleh pulangan kecil ke atas modal beliau walaupun menghadapi kejatuhan harga sebanyak 20% bagi salah satu kaunter yang mewakili separuh daripada portfolio tersebut. Walaupun harga Y dan Z kekal tidak berubah, portfolio akan mempunyai nilai RM9,000 - penurunan sebanyak 10% berbanding kejatuhan sebanyak 20% dalam nilai portfolio yang tidak dipelbagaikan. Kedua-dua senario ini jelas

menunjukkan kepelbagaian yang memanfaatkan pelabur dengan mencegah dan mengurangkan kerugian secara keseluruhan.

Penilaian dan kecairan

- 2.58 Kebanyakan pelabur memerlukan pelaburan yang mudah cair, iaitu pelaburan yang senang dijual dalam tempoh masa yang singkat. Pada asasnya, kecairan dapat mengukur masa yang diambil oleh pelabur untuk menjual pelaburan beliau. Dalam sesetengah keadaan, pelabur terus memegang saham atau harta tanah yang tidak dapat dijual, kadangkala pada harga apa jua sekalipun. Pelaburan yang dijangka memberikan pulangan yang amat baik tetapi tidak boleh dijual tidak semestinya suatu pelaburan yang baik kerana kecairan yang rendah merupakan faktor risiko tambahan bagi pelabur.
- 2.59 Skim menyediakan kecairan kerana unit dapat dibeli dan dijual dengan mudah melalui Pengedar. Garis panduan SC memerlukan Penyedia Skim melakukan penilaian dana sekurang-kurangnya sekali setiap hari perniagaan supaya unit dapat dibeli dan dijual dengan mudah. Mereka diminta memastikan penilaian dana dilakukan secara objektif, bebas dan dapat ditentusah dengan menguruskan proses penentuan harga dan penilaian selaras dengan keperluan dan piawaian kawal selia yang ditetapkan. Keperluan ini membolehkan pelabur menilai dan membandingkan pelaburan mereka dengan lebih baik.
- 2.60 Penyedia Skim bertanggungjawab membeli balik unit pelabur apabila diminta oleh pelabur untuk berbuat demikian. Kecairan adalah manfaat amat penting yang disediakan oleh pelaburan dalam Skim berbanding bentuk pelaburan lain.
- 2.61 Tambahan pula, garis panduan SC memerlukan Penyedia Skim membayar hasil belian balik kepada pelabur dengan secepat mungkin, iaitu tidak melebihi tempoh 10 hari kalendar daripada penerimaan permintaan belian balik tersebut.

Pengurusan profesional

- 2.62 Bagi pelabur yang tidak mampu atau tidak mahu membuat penyelidikan dan menganalisis pasaran dan produk pelaburan dengan sendiri, Skim merupakan satu cara ideal untuk melabur. Untuk mengendalikan portfolio pelaburan yang dipegang secara langsung, seorang individu perlu mengetahui maklumat dan sentimen terkini mengenai pasaran dan produk. Dalam pasaran kewangan hari ini yang bergerak pantas dan semakin canggih, ini bermakna sentiasa mengikuti perkembangan pelbagai jenis maklumat daripada pelbagai sumber. Bagi kebanyakan pelabur individu, ini agak sukar dilakukan selain memerlukan masa dan kos yang tinggi.
- 2.63 Melabur dalam Skim memindahkan sebahagian besar tekanan pelaburan kepada mereka yang paling layak untuk mengendalikannya - pengurus dana profesional. Latihan, latar belakang dan sumber tersedia mereka memastikan proses pelaburan yang digunakan oleh Skim adalah berstruktur dan mematuhi prinsip pelaburan yang diperlukan. Skim memanfaatkan pengetahuan dan pengalaman kakitangan yang mahir dalam melakukan keputusan pelaburan. Dalam jangka masa panjang, kepakaran seperti ini dapat menghasilkan pulangan pelaburan yang melebihi purata bagi pelabur.

- 2.64 Bagi pelabur dengan modal lebih kecil, Skim adalah salah satu daripada beberapa kaedah pelaburan di mana mereka boleh mendapat pengurusan profesional bagi aset mereka pada harga yang berpatutan. Semua pelabur mendapat manfaat yang sama berhubung dengan nasihat pelaburan kerana satu unit adalah sama dengan unit yang lain. Pengurus dana mempunyai pengalaman bertahun-tahun dalam mengendalikan pelaburan dan memberikan tumpuan kepada pelaburan dalam Skim bagi manfaat semua pelabur, tanpa mengambil kira bilangan unit yang dimiliki oleh pemegang unit.
- 2.65 Pengurus dana mempunyai akses kepada pelbagai jenis sumber dan maklumat termasuk penyelidikan dan analisis pasaran yang khusus, yang diperlukan untuk menguruskan pelaburan secara berkesan dalam pasaran hari ini. Proses pengurusan portfolio Skim juga melibatkan Jawatankuasa Pelaburan, yang menetapkan dan memantau polisi dan strategi pelaburan Skim, manakala pengurus dana menyediakan penyelidikan, analisis peruntukan aset dan cadangan pelaburan. Pelabur dengan modal lebih kecil yang melabur secara langsung biasanya tidak boleh mencapai tahap kepakaran ini.

Pendedahan pelaburan dan kos pelaburan

- 2.66 Pelabur dengan modal lebih kecil kadangkalanya menghadapi kesukaran mendapat pendedahan kepada kelas aset atau sekuriti tertentu. Sebagai contoh, jika seorang pelabur yang mempunyai RM1,000 ingin melabur dalam harta tanah, pasaran sekuriti antarabangsa atau bon korporat, ia agak mustahil bagi beliau memegang pelaburan secara langsung dalam mana-mana atau semua pasaran ini. Melalui Skim, kemungkinan besar pelabur dapat melabur simpanan beliau dalam satu atau gabungan semua pelaburan tersebut. Dengan itu, pelabur dapat menyesuaikan pendedahan pelaburan bagi memenuhi objektif beliau.
- 2.67 Apabila melakukan pelaburan secara langsung, pelabur dengan modal lebih kecil perlu menanggung kos urus niaga, contohnya, komisen broker saham, yang lebih tinggi daripada jumlah yang dibayar oleh pelabur institusi besar seperti Penyedia Skim atau pengurus dana. Penyedia Skim atau pengurus dana melabur jumlah yang besar bagi pihak Skim, oleh itu, ekonomi ikut bidangan akan diguna pakai.
- 2.68 Selain itu, pengurus dana melabur dalam jumlah yang besar, oleh itu mereka boleh mendapat kadar pulangan institusi. Ini mungkin tidak didapati atau didapati secara terhad oleh pelabur dengan modal kecil. Pengurus dana mempunyai akses tersedia ke pasaran ini disebabkan oleh jumlah yang mereka boleh laburkan pada satu-satu masa. Pelabur institusi, termasuk pengurus dana, sering menerima peruntukan keutamaan bagi tawaran awam awal untuk saham syarikat yang akan disenaraikan, yang tidak disediakan atau dihadkan untuk pelabur dengan modal lebih kecil.

Kemampuan dan kemudahan pembelian

- 2.69 Skim adalah mampu dimiliki kerana pelabur boleh bermula dengan jumlah pelaburan serendah RM10. Kelebihan lain untuk melabur dalam Skim ialah pelabur boleh membeli unit dengan mudah. Pelabur yang berminat hanya perlu menghubungi Pengedar Skim untuk mendapatkan prospektus/dokumen pendedahan yang mengandungi semua maklumat berkaitan yang diperlukan untuk membuat keputusan

pelaburan.

Memenuhi keperluan jangka panjang pelabur

- 2.70 Pelaburan dalam Skim sesuai untuk memenuhi sebahagian besar objektif simpanan jangka panjang pelabur kerana ia merupakan pelaburan yang bertujuan untuk dipegang untuk jangka panjang. Objektif simpanan jangka panjang pelabur termasuk:

- (a) pembelian rumah atau percutian ke luar negara;
- (b) kos pendidikan masa depan anak; dan
- (c) dana persaraan yang melengkapkan KWSP, untuk persaraan yang lebih selesa bagi pelabur.

Pemurataan kos dolar

- 2.71 Pelabur dalam Skim berpotensi untuk meraih manfaat dengan menggunakan konsep pemurataan kos dolar.
- 2.72 Konsep ini merujuk kepada pelaburan secara sistematik dan berkala bagi sejumlah wang yang tetap tanpa mengira tahap harga pelaburan ketika pelaburan dilakukan. Ini boleh mengurangkan kos purata bagi pelaburan yang diperoleh ke paras di bawah harga purata bagi pelaburan tersebut dalam tempoh tersebut.
- 2.73 Rasional untuk melabur dengan cara ini adalah ianya sukar, bahkan mustahil, untuk melabur pada paras paling bawah pasaran. Mungkin lebih baik bagi kebanyakan pelabur (khususnya pelabur dengan modal lebih kecil) untuk melabur secara berkala dalam semua peringkat kitaran pasaran dan bukannya melabur semua modal mereka secara serentak.
- 2.74 Dengan menggunakan konsep ini, pelabur boleh menukar harga turun naik bagi manfaat mereka; terutamanya jika harga sedang menurun, mereka boleh membeli lebih banyak unit dan mengurangkan kos purata keseluruhan portfolio pelaburan mereka. Dengan membeli lebih banyak unit apabila harganya rendah dan membeli sedikit sahaja apabila harganya tinggi, pelabur seperti ini mempunyai kelebihan berbanding pelabur lain yang cuba menjadualkan keputusan pelaburan mereka - dan membuat kesilapan.
- 2.75 Sebagai contoh, lihat pelabur A dan pelabur B yang melabur jumlah wang yang sama dalam tempoh yang tetap. Pelabur A membeli bilangan unit yang tetap secara konsisten, tanpa mengambil kira harga unit tersebut. Ini bermakna jumlah pelaburan berubah mengikut harga unit. Sebaliknya, Pelabur B menggunakan konsep pemurataan kos dolar dan melabur jumlah yang tetap dalam ringgit bagi setiap tempoh, iaitu bilangan unit bagi setiap tempoh berubah mengikut harga unit.
- 2.76 Keputusan di bawah senario pasaran yang berbeza ditunjukkan dalam **Jadual 2.2A**, **Jadual 2.2B** dan **Jadual 2.2C**:

Jadual 2.2A: Kesan ke atas purata kos unit dalam pasaran menurun

Harga unit (RM)	Pelabur A Membeli bil. unit yang sama		Pelabur B Pemurataan kos dolar	
	Unit Dibeli	Kos (RM)	Unit Dibeli	Kos (RM)
10.00	1,000	10,000	600	6,000
8.00	1,000	8,000	750	6,000
6.00	1,000	6,000	1,000	6,000
4.00	1,000	4,000	1,500	6,000
2.00	1,000	2,000	3,000	6,000
Jumlah	5,000	30,000	6,850	30,000

Purata kos unit bagi pelabur A: **RM6.00** ($\text{RM}30,000 \div 5,000 \text{ unit}$)

Purata kos unit bagi pelabur B: **RM4.38** ($\text{RM}30,000 \div 6,850 \text{ unit}$)

- 2.77 Dengan modal yang sama untuk pelaburan sebanyak RM30,000, pelabur B, yang menggunakan prinsip pemurataan kos dolar, mempunyai 1,850 unit lebih banyak daripada pelabur A, yang masih membeli bilangan unit yang sama apabila harga jatuh. Dalam tempoh tersebut, purata kos unit bagi pelabur B hanyalah sebanyak RM4.38, manakala purata kos unit bagi pelabur A ialah RM6.00. Jika harga unit pulih semula, ini akan memberi pulangan lebih baik kepada pelabur B berbanding pelabur A.

Jadual 2.2B: Kesan ke atas purata kos unit dalam pasaran menaik

Harga unit (RM)	Pelabur A Membeli bil. unit yang sama		Pelabur B Pemurataan kos dolar	
	Unit Dibeli	Kos (RM)	Unit Dibeli	Kos (RM)
2.00	1,000	2,000	3,000	6,000
4.00	1,000	4,000	1,500	6,000
6.00	1,000	6,000	1,000	6,000
8.00	1,000	8,000	750	6,000
10.00	1,000	10,000	600	6,000
Jumlah	5,000	30,000	6,850	30,000

Purata kos unit bagi pelabur A: **RM6.00**

Purata kos unit bagi pelabur B: **RM4.38**

- 2.78 Anda boleh melihat bahawa sepanjang tempoh harga menaik, pelabur B dapat mengekalkan kelebihan purata kos unit.

Jadual 2.2C: Kesan ke atas purata kos unit dalam pasaran turun naik

Harga unit (RM)	Pelabur A Membeli bil. unit yang sama		Pelabur B Pemurataan kos dolar	
	Unit Dibeli	Kos (RM)	Unit Dibeli	Kos (RM)
10.00	1,000	10,000	600	6,000
6.00	1,000	6,000	1,000	6,000
8.00	1,000	8,000	750	6,000
6.00	1,000	6,000	1,000	6,000
2.00	--	--	3,000	6,000

Harga unit (RM)	Pelabur A		Pelabur B	
	Membeli bil. unit yang sama		Pemurataan kos dolar	
	Unit Dibeli	Kos (RM)	Unit Dibeli	Kos (RM)
Jumlah	4,000	30,000	6,350	30,000

Purata kos unit bagi pelabur A: **RM7.50**

Purata kos unit bagi pelabur B: **RM4.72**

- 2.79 Dalam pasaran turun naik, kelebihan konsep pemurataan kos dolar adalah lebih ketara. Dalam ilustrasi di atas, dengan modal pelaburan yang sama sebanyak RM30,000, pelabur B dapat membeli 6,350 unit, manakala pelabur A hanya mempunyai 4,000 unit. Purata kos unit untuk pelabur B ialah RM4.72 manakala purata kos unit bagi pelabur A ialah RM7.50. Purata kos unit bagi pelabur B dalam pasaran turun naik kekal lebih rendah daripada purata kos unit pelabur A dalam pasaran menaik atau pasaran menurun.
- 2.80 Konsep pemurataan kos dolar yang popular ini membantu (tetapi tidak menjamin) pelabur memperoleh hasil pelaburan jangka panjang yang baik apabila aliran harga unit adalah ke atas. Ambil perhatian bahawa pelabur dalam contoh pertama dan terakhir telah kehilangan wang sepanjang tempoh pelaburan. Apabila pasaran saham dan harga unit turun naik, program pelaburan yang sistematik dalam Skim pada kebiasaannya akan meningkatkan prestasi dalam tempoh harga menurun atau menaik. Walau bagaimanapun, pelabur perlu ingat bahawa pemurataan kos dolar akan digunakan dalam tempoh yang panjang supaya manfaatnya dapat dimaksimumkan.
- 2.81 Memandangkan bahawa kebanyakan pelabur dalam Skim melabur untuk jangka panjang, konsep pemurataan kos dolar dapat dilaksanakan dengan baik walaupun tidak ada jaminan dalam prestasi pelaburan. Nilai sebenarnya adalah komitmen untuk melakukan pelaburan secara berkala, tanpa mengambil kira turun naik pasaran. Ini mengelakkan pelabur membuat keputusan untuk melabur apabila pasaran kelihatan terlalu tinggi ataupun terlalu rendah. Pelabur membeli lebih banyak unit pada tahap paling rendah pasaran apabila tahap keseimbangan adalah paling tinggi. Apabila pasaran pulih semula, pembelian sedemikian akan terbukti tepat pada masanya.

Kelemahan Skim

- 2.82 Melabur dalam Skim ada kelebihannya, namun, pelabur juga perlu sedar akan kelemahan Skim. Kelemahan utama adalah seperti berikut:

Kehilangan Kawalan

- 2.83 Pelabur dalam Skim tidak ada hak untuk menentukan bagaimana simpanan mereka dilaburkan. Penyedia Skim atau pengurus dana melabur mengikut prospektus dan surat ikatan walaupun terdapat perubahan dalam keadaan pasaran atau trend pelaburan. Selagi Penyedia Skim atau pengurus dana melabur mengikut prospektus dan surat ikatan, tidak banyak yang boleh dilakukan jika mereka tidak bersetuju dengan keputusan pelaburan yang dilakukan oleh pengurus dana.

Yuran dan bayaran

- 2.84 Yuran dan bayaran Skim boleh dikategorikan kepada yuran dan bayaran langsung dan tidak langsung. Yuran dan bayaran langsung adalah bayaran jualan, bayaran belian balik dan yuran pertukaran manakala yuran dan bayaran tidak langsung adalah yuran pengurusan tahunan, yuran Pemegang Amanah tahunan dan bayaran lain yang dikenakan kepada Skim. Bayaran lain termasuk yuran pembrokeran, yuran penjagaan, cukai, yuran perakaunan dan penilaian, yuran audit dan kos pentadbiran. Bayaran ini boleh memberi kesan kepada pulangan pelabur. Jika dua (2) Skim mempunyai prestasi yang sama, Skim dengan yuran yang lebih rendah akan mengatasi prestasi yang lain.

Kos melepas

- 2.85 Seperti sebarang keputusan yang diambil, pelabur yang melabur dalam Skim mungkin menghasilkan pulangan yang lebih baik dengan melabur secara langsung di pasaran. Lebihan ini merupakan 'kos melepas' pelaburan dalam Skim.
- 2.86 Dalam keadaan di mana prestasi Skim mengecewakan, pelabur mungkin berpendapat bahawa mereka boleh "melakukan lebih baik" dengan melabur dana mereka sendiri. Ini mungkin benar, tetapi satu aspek pelaburan yang sering dilupakan oleh pelabur langsung ialah tahap risiko yang diambil untuk mencapai pulangan tersebut. Pelaburan melalui Skim memberikan tahap kepelbagaian yang tinggi untuk pelabur dengan modal yang kecil atau simpanan yang terhad. Pelaburan langsung tunggal mungkin memberi pulangan yang lebih tinggi berbanding pelaburan yang dibuat melalui Skim tetapi tahap risiko yang diambil oleh pelabur langsung jelasnya lebih besar daripada pelaburan yang dilakukan melalui Skim.

Kesedaran Pelabur Mengenai Risiko

- 2.87 Sama dengan apa-apa pelaburan, pelabur mesti menyedari risiko melabur dalam Skim.
- 2.88 Perunding perlu memastikan bahawa pelabur Skim diberi penjelasan mengenai risiko ini sebelum melabur dan menasihatkan mereka untuk membaca bahagian yang berkenaan dalam prospektus dan/atau dokumen tawaran Skim. Lembaran sorotan produk dan bahan promosi lain yang dikeluarkan oleh Penyedia Perkhidmatan juga berguna untuk menjelaskan perbezaan dalam risiko pelaburan antara Skim kepada pelabur.

Memahami Risiko dan Persepsi Risiko

- 2.89 Kita menghadapi risiko setiap hari - contohnya, ketika memandu ke tempat kerja, atau apabila menghidap penyakit serius - seterusnya, ia menjadi biasa dan kita menerima risiko tersebut sebagai sebahagian daripada lumrah kehidupan. Namun apabila risiko pelaburan jatuh nilainya, walaupun untuk tempoh yang singkat, kita mengalami tahap kebimbangan yang jauh melebihi risiko "biasa" yang kita hadapi.
- 2.90 Mengikut takrif dalam kamus, risiko ialah "kebarangkalian atau kemungkinan mengalami kecederaan, kerugian, kerosakan atau kemudaratan". Bagi pelabur, risiko adalah kemungkinan menerima pulangan sebenar yang kurang daripada jangkaan. Oleh itu, risiko berkait secara langsung kepada objektif pelabur. Bagi memenuhi objektif pelabur, sedikit risiko mesti diambil - jika inginkan pulangan yang

tinggi, risiko yang tinggi mesti diambil. Adalah mustahil untuk mencapai pulangan yang tinggi tanpa mengambil risiko yang tinggi. Jika tahap risiko yang diperlukan untuk mencapai matlamat menyebabkan pelabur berasa tidak selesa, maka pelabur tersebut perlu mengurangkan tahap pulangan yang dijangka dengan sewajarnya.

- 2.91 Pelabur jangka panjang dengan modal terhad tidak mungkin dapat memenuhi objektif untuk membiayai pendidikan anaknya atau memperoleh sejumlah wang yang cukup untuk bersara dengan melabur dalam pelaburan berisiko rendah seperti pendapatan tetap. Ironiknya, pelaburan yang dahulunya merupakan pendapatan tetap atau pelaburan tunai berisiko rendah kini menjadi pelaburan “berisiko” kerana pelaburan seperti ini mungkin tidak membantu pelabur memenuhi objektif persaraan atau pendidikan anak beliau.
- 2.92 Risiko juga boleh ditakrif dari segi kebolehubahan atau turun naik dalam jumlah pulangan daripada pelaburan. Oleh itu, pelaburan yang mempunyai harga atau nilai yang tidak menentu, seperti saham tersenarai, akan dianggap sebagai mempunyai risiko pelaburan yang lebih tinggi berbanding dengan hanya satu pelaburan, seperti deposit tetap, yang tidak berubah dari segi harga atau nilai.
- 2.93 Walau bagaimanapun, pelaburan yang “berisiko” bagi seorang pelabur mungkin tidak begitu berisiko bagi pelabur yang lain. Contohnya, pelabur yang memegang unit dalam Skim ekuiti yang turun naik dalam jangka panjang boleh menghadapi sebarang turun naik nilai dalam jangka pendek dengan harapan bahawa beliau akan mencapai keuntungan dalam tempoh jangka panjang. Pelabur yang memegang unit dalam Skim ekuiti yang sama untuk beberapa bulan sahaja (sebelum memerlukan dana untuk memenuhi komitmen lain) mempunyai risiko yang lebih tinggi. Pelabur ini lebih digalakkan untuk membeli Skim pendapatan tetap atau tunai yang kurang mengalami turun naik nilai.
- 2.94 “Risiko” bukan sahaja satu konsep yang rumit tetapi juga peribadi. Perunding perlu mengetahui objektif pelanggan, tempoh masa pelaburan dan sikap mereka terhadap risiko sebelum mempertimbangkan pelaburan dalam Skim dan sebelum permohonan dilakukan kepada Skim tertentu. **Rajah 2.7** memberikan beberapa faktor yang menjejaskan keupayaan pelanggan untuk menangani risiko.

Rajah 2.7: Faktor yang menjejaskan keupayaan pelanggan untuk menangani risiko



- 2.95 Pertikaian yang mungkin berlaku antara pelabur dan Perunding boleh dikurangkan atau dielakkan jika pelabur dan Perunding memahami risiko yang berkaitan dengan Skim tersebut.

Risiko Melabur dalam Skim

- 2.96 Risiko melabur dalam Skim digambarkan dalam **Rajah 2.8**. Ini diikuti dengan penjelasan mengenai risiko ini.

Rajah 2.8: Risiko melabur dalam Skim



Risiko pelaburan

- 2.97 Jelas sekali, risiko pelaburan adalah salah satu risiko yang paling penting. Sama seperti semua bentuk pelaburan, terdapat risiko pelaburan yang berkaitan dengan pelaburan dalam Skim. Bagi dana equiti, pergerakan harga saham dalam pasaran saham akhirnya ditunjukkan dalam NAB dana. Bagi mereka yang melabur dalam

REIT, mereka juga dipengaruhi oleh kitaran harta tanah sama seperti pemilik harta tanah.

- 2.98 Sudah tentu, harga saham dan harta tanah (secara berasingan dan bersama) melibatkan pelbagai faktor tempatan dan antarabangsa dari segi ekonomi, politik dan faktor lain, termasuk sentimen pelabur.
- 2.99 Pemilikan pelaburan melalui Skim tidak, dan tidak boleh, mengurangkan ketaktentuan dalam dalam nilai pelaburan. Walau bagaimanapun, kelebihan dari segi kepelbagaian dalam sebilangan besar pelaburan individu dapat mengurangkan ketaktentuan tersebut bagi pelabur yang mempunyai modal pelaburan yang terhad.

Risiko lain

- 2.100 Pelabur dalam Skim menghadapi jenis risiko yang lain seperti yang dihuraikan di bawah:

Risiko perniagaan

- (a) Terdapat risiko bahawa Penyedia Skim akan menamatkan operasi. Walau bagaimanapun, ini tidak begitu menjejaskan pelabur kerana pelaburan dan aset lain Skim dipegang oleh Pemegang Amanah. Walaupun begitu, ini mungkin membawa sedikit gangguan kepada pengurusan harian Skim. Oleh itu, pelabur tidak boleh bergantung sepenuhnya pada prestasi masa lampau Skim sebagai panduan untuk prestasi masa depan kerana kerugian mungkin akan berlaku.

Risiko kecairan

- (b) Dalam keadaan melampau, Skim mungkin tidak dapat memenuhi permintaan pelabur yang ingin menjual unit - contohnya, jika pasaran pelaburan bergolak dan ditutup. Penimbal kecairan Skim mungkin habis digunakan dalam keadaan seperti ini, dan tidak ada kemungkinan untuk menjual sekuriti daripada portfolio pelaburan Skim. Sekiranya ini berlaku, penggantungan jualan dan belian balik unit akan dilakukan oleh Pemegang Amanah Skim sehingga keadaan pasaran bertambah baik. Penyedia Skim perlu mengekalkan kecairan yang wajar dalam Skim dan, dalam keadaan biasa, gangguan pembayaran tidak akan timbul apabila unit dibeli balik.

Risiko kawal selia

- (c) Terdapat risiko perubahan dalam perundangan (contohnya, undang-undang percukaian) yang boleh menjejaskan pelabur.

Perubahan dalam yuran pelaburan

- (d) Perubahan pada yuran yang berkaitan dengan Skim mungkin akan berlaku. Jika perlu, satu mesyuarat bagi pelabur Skim tersebut akan diadakan di mana semua isu dibincangkan dan undian diambil. Walaupun begitu, pelabur biasanya akan diberi masa jika ingin menjual unit dalam Skim sebelum sebarang perubahan dilaksanakan.

Risiko kadar faedah

- (e) Pelabur yang mengambil pinjaman untuk melabur dalam Skim akan menanggung risiko tambahan. Ini dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Bab 7A panduan pembelajaran ini kerana ia hanya berlaku dalam pelaburan SUA.
- 2.101 Pelabur dan Perunding mesti menyedari semua risiko yang berkaitan dengan Skim. Oleh itu, adalah penting untuk mengambil perhatian bahawa amaran risiko telah dimasukkan ke dalam dokumen tawaran, iklan dan bahan promosi, seperti:
- (a) prestasi lampau Skim bukanlah jaminan atau petunjuk bagi prestasi masa depan;
 - (b) pengagihan pendapatan yang lepas tidak dijamin dan mungkin tidak boleh diulangi; dan
 - (c) harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin akan turun dan juga naik.
- 2.102 Perunding dan pelanggan mereka perlu mengetahui dan memahami risiko ini kerana ini akan membantu mengurangkan jumlah aduan yang diterima dengan ketara.

Risiko yang Berkaitan dengan Skim patuh Shariah

- 2.103 Secara amnya, Skim patuh Shariah mempunyai risiko yang sama seperti Skim Konvensional. Risiko ini dijelaskan dalam **Rajah 2.9**.

Rajah 2.9: Risiko yang berkaitan dengan Skim patuh Shariah



Nota:

* Untuk PRS sahaja. Ini dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Bab 7A panduan pembelajaran ini.

** Kadar faedah umum negara boleh mempengaruhi nilai pelaburan walaupun Skim tidak melabur dalam instrumen berfaedah. Ia merupakan petunjuk ekonomi secara umum yang memberi kesan kepada pengurusan Skim tidak kira sama ada ia adalah Skim patuh Shariah atau sebaliknya.

- 2.104 Selain di atas, Skim patuh Shariah juga terdedah kepada “risiko ketidakpatuhan Shariah” atau “risiko khusus Shariah”. Jenis risiko ini berlaku khususnya apabila sekuriti patuh Shariah dikelaskan semula sebagai sekuriti tidak patuh Shariah. Pengelasan semula ini biasanya berlaku apabila sebahagian besar daripada pendapatan yang dihasilkan berasal daripada aktiviti tidak patuh Shariah. Ia juga boleh berlaku apabila:

- (a) sebuah syarikat menjalankan penyusunan semula korporat, seperti penggabungan atau pengambilalihan; atau
 - (b) terdapat perubahan dalam hala tuju perniagaan, yang menyebabkan syarikat tersebut tidak lagi patuh Syariah.
- 2.105 Pengelasan semula status mungkin menjejaskan prestasi Skim kerana pengurus dana perlu “membersihkan” dan/atau “menyucikan” dana dengan menjual semua pelaburan yang telah dikelaskan semula sebagai sekuriti tidak patuh Syariah. Dalam proses “pembersihan” dan/atau “penyucian” tersebut, Skim mungkin mencatatkan pulangan yang lebih rendah ataupun kerugian. Ini akhirnya akan menjejaskan jumlah NAB Skim patuh Syariah.

Peranan Majlis Penasihat Syariah SC

- 2.106 Majlis Penasihat Syariah SC (SAC) diberi mandat untuk memastikan bahawa pelaksanaan Pasaran Modal Islam (ICM) mematuhi prinsip Syariah. Skopnya adalah untuk memberi nasihat kepada SC mengenai semua perkara yang berkaitan dengan pembangunan ICM. Ia juga berfungsi sebagai titik rujukan untuk semua perkara yang berkaitan dengan ICM.
- 2.107 SAC menyelesaikan pelbagai isu yang berkaitan dengan ICM dan resolusi ini diterbitkan secara berkala sebagai panduan dan rujukan kepada orang ramai dan pengamal industri kewangan Islam dalam membangunkan dan mengembangkan produk ICM.
- 2.108 SAC juga menjalankan kajian semula pematuhan Syariah ke atas sekuriti tersenarai dan juga untuk sekuriti yang akan disenaraikan di Bursa Malaysia berdasarkan kaedah saringan yang terdiri daripada penilaian kuantitatif dan kualitatif. Keputusan kajian semula pematuhan ini diterbitkan setiap enam bulan sekali, iaitu pada bulan Mei dan November setiap tahun. Penerbitan ini juga menyediakan:
- (a) Penanda aras yang digunakan dalam menentukan status patuh Syariah untuk caruman pendapatan bercampur dalam syarikat tertentu; dan
 - (b) Perlakuan jualan untuk:
 - (i) Sekuriti patuh Syariah yang kemudiannya dikelaskan semula sebagai tidak patuh Syariah; dan
 - (ii) Sekuriti tidak patuh Syariah (pelaburan).
- 2.109 Maklumat lanjut berkaitan dengan ICM dan SAC termasuk resolusi/keputusan dan dokumen yang dikeluarkan berdasarkan skop kerja SAC boleh didapati di pautan ini <https://www.sc.com.my/development/icm>.
- 2.110 Jawatankuasa Syariah Skim bertanggungjawab untuk memastikan bahawa semua aspek dalam Skim patuh Syariah adalah selaras dengan prinsip Syariah termasuk resolusi SAC.

SOALAN LATIHAN

Soalan 1

SUA dan PRS berkongsi ciri-ciri utama seperti berikut di mana kedua-duanya:

- (i) menyediakan kepelbagaian aset;
 - (ii) mempunyai Pemegang Amanah untuk menjaga kepentingan pelabur;
 - (iii) melibatkan pengumpulan simpanan oleh pelabur di mana simpanan ini dilaburkan mengikut objektif Skim; dan
 - (iv) merupakan skim yang menggalakkan pelabur membuat keputusan simpanan dan pelaburan jangka panjang
- (A) (i), (ii) dan (iii)
 - (B) (i), (iii) dan (iv)
 - (C) (ii), (iii) dan (iv)
 - (D) semua di atas

Jawapan: (D)

Soalan 2

Apakah jenis dana yang paling biasa di Malaysia?

- (A) Dana Pasaran Wang
- (B) Dana Ekuiti
- (C) Dana Pendapatan Tetap
- (D) Dana Indeks

Jawapan: (B)

Soalan 3

Perunding mesti memastikan bahawa pelabur dalam Skim diberikan

- (A) jaminan ke atas pendapatan dana di masa depan
- (B) penjelasan mengenai risiko yang terlibat
- (C) hadiah apabila mendaftar
- (D) hak untuk membatalkan pelaburan mereka pada bila-bila masa

Jawapan: (B)

BAB 3 RANGKA KERJA KAWAL SELIA

Objektif Pembelajaran

Bab ini memberi tumpuan kepada rangka kerja kawal selia dan penyeliaan yang mentadbir industri SUA dan PRS.

Pada akhir bab ini, anda seharusnya dapat memahami dan menerangkan:

- Rangka kerja kawal selia industri SUA dan PRS serta peranan dan tanggungjawab pengawal selia utama;
- Perundangan, pengawalseliaan dan garis panduan berbeza yang mentadbir industri SUA dan PRS;
- Tanggungjawab utama Penyedia Skim dan keperluan kelulusan SC;
- Fungsi pengawasan Skim;
- Kekangan yang dikenakan ke atas portfolio pelaburan Skim;
- Pengawalseliaan dan tanggungjawab Pemegang Amanah Skim;
- Pengawalseliaan pemasaran dan pengedaran Skim;
- Pendaftaran Perunding dengan FIMM; dan
- Pengawalseliaan untuk CIS yang lain.




Tahap Kecekapan

1. Teras – CCO2 Etika dan Integriti (Tahap 3)
2. Teras – CCO3 Tadbir Urus Korporat (Tahap 3)
3. Asas (Kawal Selia)
 - i. FOR02 Institusi Pasaran Modal (Tahap 3)
 - ii. FOR03 Perantara Pasaran Modal (Tahap 3)
 - iii. FOR04 Pengawalseliaan Produk Pasaran Modal (Tahap 2)
 - iv. FOR05 Pengawalseliaan Pasaran Modal Islam (Tahap 3)
4. Kecekapan Berfungsi (PROSES) – FUP03 Pematuhan (Tahap 2)
5. Fungsi (Proses) – FUP11 Pengurusan Produk Pelaburan (Tahap 3)

- 3.01 Rangka kerja kawal selia yang kukuh untuk sistem kewangan adalah penting. Jika pelabur (dan peserta lain) tidak mempunyai keyakinan terhadap pasaran modal Malaysia dan mereka yang memainkan peranan dalam pasaran tersebut, maka pelaburan yang dijalankan mungkin sedikit sahaja atau tidak ada sama sekali dan ekonomi akan gagal untuk berkembang selaras dengan objektif kerajaan dan jangkaan rakyat Malaysia secara amnya.
- 3.02 Unsur utama dalam pengawalseliaan mana-mana sistem kewangan termasuk:
 - (a) perlindungan kepentingan pelabur;
 - (b) pendedahan yang wajar kepada pelabur;
 - (c) kawalan ke atas peserta pasaran, termasuk sekatan terhadap mereka yang mungkin terlibat dalam industri; dan
 - (d) pencegahan amalan pasaran yang tidak betul.
- 3.03 Pengawalseliaan juga biasanya termasuk langkah yang diambil untuk membantu pembangunan sistem kewangan dengan menetapkan hak, tugas dan tanggungjawab peserta pasaran.
- 3.04 Bab ini memberikan gambaran keseluruhan rangka kerja kawal selia bagi industri SUA dan PRS. Pihak berkuasa termasuk SC, BNM dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Lebih penekanan diberikan kepada peranan kawal selia SC ke atas industri SUA dan PRS memandangkan bahawa SC adalah pengawal selia pasaran modal di Malaysia. Bab ini juga mengandungi peraturan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh FIMM memandangkan peranan FIMM sebagai SRO yang mengawal pemasaran dan pengedaran SUA dan PRS. **Rajah 3.1** memberikan pandangan keseluruhan rangka kerja kawal selia bagi SUA dan PRS di Malaysia.

Rajah 3.1: Rangka kerja kawal selia bagi SUA dan PRS di Malaysia



Peranan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ke atas industri SUA dan PRS

- 3.05 Pengawalseliaan industri SUA dan PRS dijelaskan dalam Akta Suruhanjaya Sekuriti, 1993 (SCA) dan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (CMSA).
- 3.06 Objektif utama keperluan kawal selia adalah untuk memastikan industri SUA dan PRS berfungsi dengan baik selain meningkatkan kestabilan sistem dan melindungi pemegang unit, ahli PRS dan benefisiari, melalui keperluan langkah berhemat dan perlindungan pelabur.
- 3.07 Bagi tujuan mengawal selia industri SUA dan PRS, SCA dan CMSA memperkasakan SC untuk mengeluarkan garis panduan yang termasuk, antara lain, Garis Panduan Dana Unit Amanah (Garis Panduan UTF) dan Garis Panduan Skim Persaraan Swasta (Garis Panduan PRS), yang mentadbir pengendalian dan pentadbiran Skim.
- 3.08 SC mempunyai kuasa yang luas, meliputi Syarikat Pengurusan, Skim, Pengekar dan Perunding, Pemegang Amanah Skim, Pemegang Amanah Majikan dan Pentadbir PRS. SC boleh mengambil tindakan penguatkuasaan untuk sebarang pelanggaran undang-undang sekuriti, pengawalseliaan dan garis panduannya.
- 3.09 Skop fungsi kawal selia SC termasuk yang berikut:
- (a) pihak berkuasa yang mendaftarkan prospektus syarikat selain kelab rekreasi yang tidak tersenarai;
 - (b) pihak berkuasa yang meluluskan terbitan bon korporat;
 - (c) mengawal selia semua perkara berkaitan dengan sekuriti dan kontrak niaga hadapan;
 - (d) mengawal selia pengambilalihan dan penggabungan syarikat;
 - (e) mengawal selia semua perkara berkaitan dengan skim unit amanah;
 - (f) melesenkan dan menyelia semua individu yang berlesen;
 - (g) menyelia bursa saham, rumah penjelasan dan depository pusat;
 - (h) menggalakkan kawal selia diri; dan
 - (i) memastikan tatalaku yang betul dalam institusi pasaran dan individu berlesen.

Butiran lanjut mengenai fungsi kawal selia SC boleh didapati dalam SCA.

- 3.10 Penyataan misi SC yang "menggalakkan dan mengekalkan pasaran sekuriti dan derivatif yang adil, cekap, selamat dan telus; dan memudahkan pembangunan yang teratur serta pasaran modal yang inovatif dan berdaya saing" mencerminkan bidang tanggungjawab SC yang termasuk:
- (a) membangunkan keseluruhan pasaran modal dan segmen pasarannya seperti pasaran ekuiti, pasaran bon dan sukuk, pasaran modal Islam, pengurusan dana, derivatif serta platform dan perkhidmatan berasaskan pasaran lain;
 - (b) memudahkan inovasi dan perkhidmatan digital melalui pasaran modal;
 - (c) mewujudkan kaedah untuk ekosistem pembiayaan yang mampan;
 - (d) memastikan tingkah laku yang betul daripada semua peserta pasaran melalui penyeliaan, pengawasan dan penguatkuasaan kami;

- (e) memperjuangkan amalan tadbir urus korporat yang baik; dan
 - (f) memudahkan kerjasama kawal selia rentas sempadan dan kepimpinan pemikiran yang lebih besar.
- 3.11 SC memastikan bahawa kepentingan pelabur dilindungi dan telah melaksanakan pelbagai inisiatif termasuk meningkatkan tahap celik kewangan dan pelaburan pelabur.
- 3.12 Selaras dengan fungsi dan bidang tanggungjawabnya, SC telah diamanahkan oleh Kerajaan untuk membangunkan industri PRS sebagai bahagian penting dalam landskap pencen swasta di Malaysia untuk:
- (a) menyediakan industri PRS yang dikawal selia dan diawasi dengan baik;
 - (b) menyediakan pilihan dan kefleksibelan kepada ahli dalam usaha menyimpan wang bagi persaraan mereka;
 - (c) membina kepercayaan dan keyakinan dalam industri PRS serta rangka kerjanya;
 - (d) memudahkan rangka kerja pencen swasta yang menjimatkan kos; dan
 - (e) melindungi kepentingan ahli melalui garis panduan operasi yang berhemat.

Peranan Pengawal Selia Lain

- 3.13 Walaupun SC merupakan pengawal selia utama, beberapa badan kawal selia lain juga mempengaruhi aktiviti peserta dalam industri SUA dan PRS. Perenggan berikut memberi latar belakang ringkas dan fungsi pengawal selia ini dan bagaimana fungsi mereka mempengaruhi industri SUA dan PRS.

Suruhanjaya Syarikat Malaysia

- 3.14 Aktiviti utama Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) adalah pemerbadanan syarikat dan pendaftaran perniagaan selain menyediakan maklumat syarikat dan perniagaan kepada orang ramai. SSM juga memenuhi fungsinya sebagai pihak berkuasa utama bagi peningkatan tadbir urus korporat dengan memastikan syarikat dan perniagaan di Malaysia mematuhi pendaftaran perniagaan dan perundangan korporat melalui penguatkuasaan dan pemantauan yang komprehensif untuk mengekalkan pembangunan positif di sektor korporat dan perniagaan di Malaysia.
- 3.15 Memandangkan peranan dan fungsi SSM mengawal selia aktiviti semua syarikat dan perniagaan di Malaysia termasuk dari Pengekar dan Pemegang Amanah Skim. Bagi tujuan ini, kesemua entiti ini diminta memenuhi pelbagai keperluan yang dikenakan di bawah Akta Syarikat, 1965, serta pengawalseliaan lain yang diguna pakai oleh SSM.

Bank Negara Malaysia

- 3.16 Bank Negara Malaysia (BNM) adalah badan berkanun yang ditadbir oleh Akta Bank Negara Malaysia 2009. Peranan BNM adalah untuk meningkatkan kestabilan monetari dan kewangan. Ini bertujuan untuk menyediakan persekitaran yang kondusif bagi pertumbuhan mampan ekonomi Malaysia.

- 3.17 BNM mempunyai beberapa fungsi penting, termasuk membangunkan polisi dan strategi untuk menggalakkan sistem penjelasan, penyelesaian dan pembayaran yang boleh dipercayai, selamat dan cekap untuk digunakan oleh semua peserta dalam industri SUA dan PRS. BNM juga bertanggungjawab untuk mengawal selia syarikat insurans. Untuk ini, jika UTMC menggabungkan perlindungan insurans dengan penjualan SUA, keperluan BNM yang berkaitan dengan komponen insurans mesti dipenuhi. Oleh kerana BNM juga mengawasi pasaran pertukaran asing, keperluan BNM yang berkenaan juga mesti dipatuhi berkenaan aktiviti pelaburan Skim di luar negara.

Bursa Malaysia

- 3.18 Beberapa aspek industri SUA dan PRS juga ditadbir oleh bursa saham, Bursa Malaysia. Sebagai bursa saham, peranan Bursa Malaysia adalah termasuk memudahkan akses yang selamat dan mudah kepada pelaburan dan pengumpulan dana selain memastikan penerbit dan pengantara yang tersenarai memenuhi tanggungjawab kawal selia mereka untuk menegakkan perlindungan pelabur, integriti pasaran dan kestabilan. Untuk ini, selain memenuhi keperluan yang dikenakan ke atas semua SUA oleh SC, SUA yang tersenarai juga mesti memenuhi Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia.

Peranan Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia (FIMM)

- 3.19 Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia (FIMM) berfungsi dalam dua kapasiti, iaitu, sebagai organisasi kawal selia diri (SRO), dan sebagai wakil industri yang menggalakkan pembangunan dan pertumbuhan teratur industri SUA dan PRS. Sebagai tambahan, FIMM bertanggungjawab untuk meningkatkan piawaian profesional Perunding bagi melindungi keperluan dan kepentingan pelabur yang semakin sofistikated selain mengekalkan keyakinan orang ramai.
- 3.20 FIMM menjalankan fungsi SRO melalui pembentukan amalan perniagaan yang kukuh dan beretika untuk meningkatkan kepentingan industri SUA dan PRS dan memberikan perlindungan kepada pelabur. Untuk ini, FIMM telah memperkenalkan peraturan, garis panduan dan piawaian yang menetapkan keperluan dan/atau panduan yang berkaitan dengan pelbagai aspek operasi Skim serta urus niaga dan aktiviti yang dijalankan oleh Pendedar dan Perunding.
- 3.21 FIMM adalah badan yang diluluskan oleh SC untuk menjalankan peperiksaan SUA dan PRS bagi sesiapa yang ingin menjadi Perunding dan kemudian mendaftarkan mereka sebagai Perunding yang diberi kuasa. FIMM menggalakkan amalan terbaik dalam pemasaran dan pengedaran Skim dan meningkatkan sikap profesionalisme di kalangan Pendedar dan Perunding.
- 3.22 FIMM juga bekerjasama rapat dengan SC dan industri dalam pembangunan dan pertumbuhan industri SUA dan PRS. Dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai wakil industri, FIMM mewakili industri dalam isu dan perkara yang mempengaruhi industri di samping memperkenalkan projek untuk menggalakkan pertumbuhan industri.

Perundangan, Pengawalseliaan dan Garis Panduan yang dikeluarkan oleh SC

SC telah mengeluarkan undang-undang, pengawalseliaan dan garis panduan untuk mengawal selia dan mengawasi industri SUA dan PRS. Perenggan berikut memberikan huraian ringkas mengenai objektif utama dan kandungan undang-undang, pengawalseliaan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh SC:

Akta Pasaran Modal & Perkhidmatan 2007 (CMSA)

- 3.23 CMSA meliputi keperluan kawal selia untuk Penyedia Skim, Skim, Pemegang Amanah Skim, Pemegang Amanah Majikan dan Pentadbir PRS. Pentadbir Pencen Swasta (PPA) yang telah dilantik sebagai Pentadbir PRS yang diluluskan bertujuan untuk melaksanakan tugas dan fungsi sebagaimana yang ditetapkan dalam CMSA.
- 3.24 Kuasa dan kewibawaan SC sebagai pengawal selia industri SUA ditetapkan dalam beberapa bahagian dalam CMSA di mana Penggal 5 Bahagian VI adalah khusus untuk SUA dan Skim Pelaburan yang Ditetapkan. Bahagian IIIA CMSA menetapkan kuasa dan kewibawaan SC sebagai pengawal selia industri PRS.
- 3.25 Beberapa keperluan utama yang diperuntukkan dalam CMSA mengenai SUA dan/atau PRS termasuk:
- (a) Kelulusan SC diperlukan untuk semua pihak yang bertindak sebagai Penyedia Skim;
 - (b) Wang yang diterima daripada pemegang unit dan ahli PRS mesti disimpan dalam akaun amanah;
 - (c) SPUA mesti mendaftarkan salinan prospektus berkenaan SUA dengan SC sebelum tarikh penerbitan prospektus;
 - (d) Peletakan hak untuk caruman yang dilakukan oleh ahli PRS sebagai faedah terakru yang layak diterima oleh ahli;
 - (e) Pengekalan faedah terakru oleh Penyedia PRSS untuk ahlinya;
 - (f) Pelanggaran syarat yang berkenaan boleh menjadi suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda dan/atau penjara dan/atau SC boleh mengarahkan Penyedia Skim untuk mematuhi syarat tersebut; dan
 - (g) SC diberi kuasa untuk mengeluarkan pengawalseliaan dan garis panduan yang memberi maklumat lanjut bagi tujuan menyokong keperluan CMSA yang biasanya menggunakan istilah yang lebih umum.
- 3.26 Bahagian 92A(1) CMSA menetapkan maklumat yang akan diberikan kepada seorang yang melabur dalam Skim. Ini mungkin termasuk maklumat yang menjelaskan ciri-ciri utama produk pasaran modal, jenis tanggungjawab oleh pihak yang berurusan dalam produk tersebut, risiko yang berkaitan dengan produk dan butiran mengenai syarat penting produk. Kegagalan untuk mematuhi keperluan ini boleh mengakibatkan denda tidak melebihi RM3 juta dikenakan atau hukuman penjara untuk tempoh tidak melebihi sepuluh (10) tahun atau kedua-duanya sekali.

Pengawalseliaan PRS

- 3.27 Seksyen 139ZI CMSA memperkasakan SC untuk mengeluarkan pengawalseliaan yang berkaitan dengan PRS, Pentadbir PRS, Penyedia PRS, Pemegang Amanah Skim dan Pemegang Amanah Majikan.
- 3.28 Peruntukan utama Pengawalseliaan PRS yang berkuat kuasa pada 19 Mac 2012 termasuk:
- (a) Keperluan untuk pendaftaran, penyerahan surat ikatan, dokumen pendedahan dan Lembaran Penerangan Produk;
 - (b) Tugas dan tanggungjawab Penyedia PRS, Pemegang Amanah Skim dan Pemegang Amanah Majikan;
 - (c) Ganti rugi dan penggantian Pemegang Amanah Skim;
 - (d) Kuasa mahkamah dalam keadaan tertentu; dan
 - (e) Keperluan yang berkaitan dengan mengekalkan senarai pendaftaran ahli, hak berkenaan dengan ahli yang meninggal dunia, mesyuarat ahli dan kelulusan terlebih dahulu daripada SC untuk penggulungan Skim.

Garis Panduan Dana Unit Amanah dan Garis Panduan Skim Persaraan Swasta

- 3.29 Garis Panduan Dana Unit Amanah (Garis Panduan UTF) dan Garis Panduan Skim Persaraan Swasta (Garis Panduan PRS) dikeluarkan oleh SC menurut seksyen 377 CMSA. Kedua-dua garis panduan ini meliputi keperluan operasi bagi Skim, Penyedia Skim dan Pemegang Amanah Skim. Ia juga menjelaskan dengan lebih terperinci, keperluan yang perlu dipatuhi oleh Penyedia Skim dalam mewujudkan, menawarkan Skim dan keperluan yang mesti dipatuhi oleh Pemegang Amanah Skim. Selain itu, kedua-dua garis panduan ini bertujuan untuk menyediakan persekitaran kawal selia yang melindungi keselamatan pelaburan yang dilakukan oleh pemegang unit serta simpanan oleh ahli PRS dalam rangka kerja PRS, di samping melindungi kepentingan pemegang unit dan ahli PRS.

Garis panduan lain yang diguna pakai

- 3.30 Penyedia Skim mestilah pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk menjalankan aktiviti pengurusan dana dan mesti mematuhi keperluan yang berkaitan seperti yang dinyatakan dalam Buku Panduan Pelesenan SC.
- 3.31 Skim boleh menyumberluarkan fungsi pejabatnya kepada pihak luar. Dalam keadaan ini, Penyedia Skim mesti mematuhi dan memastikan pematuhan kepada keperluan dalam Bab 10 (Pengaturan Penyumberan Luar oleh Pemegang CMSL) dalam Buku Panduan Pelesenan SC.
- 3.32 Keperluan yang dinyatakan dalam Garis Panduan mengenai Fungsi Pematuhan untuk Syarikat Pengurusan Dana juga mesti dipatuhi oleh mereka yang menawarkan perkhidmatan pengurusan pelaburan digital. Bab 13 garis

panduan ini memberikan keperluan tambahan yang berkaitan dengan syarikat pengurusan pelaburan digital. Ini termasuk pengurusan risiko, pendedahan kepada pelanggan reka bentuk algoritma serta pengawasan dan pengaturan penjaga.

Pengawalseliaan yang dikeluarkan oleh FIMM

- 3.33 Memandangkan peranannya sebagai SRO untuk industri SUA dan PRS, FIMM telah mengeluarkan beberapa pengawalseliaan untuk mentadbir aktiviti Perunding dan Pengedar seperti berikut:
- (a) Peraturan Disatukan FIMM (FCR) – ini merupakan garis panduan, Undang- Undang Kecil dan nota panduan yang dikeluarkan oleh FIMM sebelum ini berkaitan dengan pemasaran dan pengedaran Skim yang mesti dipatuhi oleh Pengedar dan Perunding. Peraturan Disatukan ini menetapkan syarat pendaftaran untuk Pengedar dan Perunding, kriteria pendaftaran yang sesuai dan wajar, perkara yang berkaitan dengan peperiksaan dan penilaian, program pembangunan profesional yang berterusan untuk Perunding serta siasatan dan prosiding tatatertib;
 - (b) Piawaian Pengurusan Pelaburan (IMS) - satu siri piawaian yang merangkumi isu operasi tertentu yang mesti dipatuhi oleh semua Pengedar dalam operasi mereka, melainkan jika pengecualian diberikan;
 - (c) Kod Etika - menyediakan piawaian etika dan tingkah laku profesional Pengedar dan Perunding;
 - (d) Manual Pendaftaran - menetapkan prosedur yang berkaitan dengan pendaftaran Pengedar dan Perunding menurut FCR; dan
 - (e) Panduan Bahasa Mudah dan Amalan Penggubalan Prospektus yang Berkesan - membantu ahli FIMM mematuhi Garis Panduan Prospektus untuk Skim Pelaburan Kolektif yang dikeluarkan oleh SC.

Garis Panduan Tambahan yang diguna pakai untuk IUTA dan IPRA

- 3.34 Sebagai tambahan kepada keperluan kawal selia yang dikenakan oleh SC dan FIMM, IUTA dan IPRA yang juga merupakan bank yang dilesenkan oleh BNM, perlu mematuhi garis panduan berikut:
- (a) Garis Panduan Ketelusan dan Pendedahan Produk -
Garis panduan ini dikeluarkan oleh BNM dan ia bertujuan untuk:
 - (i) meningkatkan kesedaran dan pemahaman pengguna mengenai produk dan perkhidmatan kewangan;
 - (ii) memudahkan ketekalan dalam pendedahan maklumat penting mengenai produk dan perkhidmatan kewangan bagi membolehkan perbandingan;
 - (iii) mengurangkan penjualan produk dan perkhidmatan kewangan yang tidak sesuai dan memastikan bahawa produk kewangan yang dijual dan perkhidmatan yang disediakan bersesuaian dengan keperluan dan sumber pengguna; dan
 - (iv) menggalakkan proses membuat keputusan oleh pengguna.

(b) **Garis Panduan Perlindungan Pelabur**

Garis panduan ini dikeluarkan bersama oleh BNM dan SC dan bertujuan memastikan, antara lain:

- (i) piawaian keperluan yang sesuai dan wajar untuk SUA yang ditetapkan oleh SC dan FIMM, serta keperluan peperiksaan dan pendidikan profesion yang berterusan dipatuhi;
- (ii) mengekalkan senarai pendaftaran kakitangan yang menjalankan aktiviti pasaran modal yang dibenarkan dan sekuriti kakitangan berdaftar;
- (iii) sebarang aduan daripada pelanggan dikendalikan selaras dengan keperluan pengendalian aduan yang dikeluarkan oleh BNM; dan
- (iv) keperluan tertentu dipatuhi, termasuk, pembentukan dan penyelenggaraan sistem dan prosedur yang berkesan untuk melindungi wang pelanggan, perhubungan berkontrak yang jelas antara pelanggan dan pemegang CMSL, yang memaklumkan pelanggan bahawa tebus rugi disediakan sekiranya berlaku sebarang pertikaian.

3.35 Senarai undang-undang, peraturan dan garis panduan yang mentadbir industri SUA dan PRS dilampirkan di akhir panduan pembelajaran ini bersama dengan pautan yang berkaitan untuk rujukan mudah. Perunding perlu ambil perhatian bahawa senarai ini tidak lengkap dan tertakluk kepada perubahan. Perunding juga digalakkan untuk merujuk kepada laman web pengawal selia yang berkenaan untuk mengikuti perkembangan dan perubahan dalam pasaran modal termasuk perubahan kepada keperluan kawal selia yang berkenaan dengan industri SUA dan PRS.

3.36 Walaupun kebanyakan peraturan dan garis panduan yang ditetapkan dalam senarai yang dinyatakan di atas diguna pakai bagi kedua-dua SUA dan PRS, sesetengah daripada mereka diguna pakai secara khusus untuk SUA dan PRS sahaja. **Rajah**

3.2 menetapkan garis panduan dan pengawalseliaan yang diguna pakai masing-masing untuk SUA dan PRS.

Rajah 3.2: Garis panduan dan pengawalseliaan yang diguna pakai untuk SUA dan PRS



- 3.37 SC juga mengeluarkan Nota Teknikal dan Nota Amalan di mana sesetengah daripadanya boleh diguna pakai untuk Skim.
- 3.38 Prinsip utama dalam pelbagai pengawalseliaan, garis panduan, keperluan dan peraturan dijelaskan dalam beberapa bahagian panduan pembelajaran ini. Perenggan berikutnya dalam bab ini memberi tumpuan kepada kesesuaian pelbagai pengawalseliaan, garis panduan, keperluan dan peraturan dalam bidang berikut:
- Pengawalseliaan Penyedia Skim dan Skim;
 - Pengawalseliaan Pemegang Amanah Skim; dan
 - Pengawalseliaan pemasaran dan pengedaran SUA dan PRS.

Pengawalseliaan Penyedia Skim

- 3.39 Walaupun fungsi harian Penyedia Skim dijelaskan dalam buku ini; seksyen ini menggariskan keperluan yang perlu dipatuhi oleh Penyedia Skim dari segi kawal selia. Keperluan ini dinyatakan terutamanya di bawah CMSA, Pengawalseliaan PRS, Garis Panduan UTF dan Garis Panduan PRS.
- 3.40 Perenggan berikut secara ringkasnya menyatakan tugas dan tanggungjawab utama Penyedia Skim dan keperluan lain yang dikenakan ke atas mereka:

Tugas dan tanggungjawab utama Penyedia Skim

- 3.41 Fungsi utama Penyedia Skim adalah menerima wang daripada pelabur untuk pelaburan, memproses urus niaga pelabur dan menguruskan dana dalam Skim. Teras utama tugas Penyedia Skim adalah mengendalikan Skim dengan betul, secara tekun dan berkesan, yang dilaksanakan dengan ikhlas demi kepentingan pelabur.
- 3.42 Dalam melaksanakan tugas, Penyedia Skim diperlukan untuk, antara lain:
- Menyediakan dokumen yang berkaitan, seperti salinan surat ikatan dan laporan tahunan kepada pelabur;

- (b) Menyediakan surat ikatan, rekod kewangan dan rekod lain Skim kepada Pemegang Amanah, orang yang diberi kuasa oleh Pemegang Amanah atau juruaudit syarikat diluluskan yang dilantik oleh Pemegang Amanah;
- (c) Mengelak daripada menggunakan kedudukan dalam mengurus Skim dengan cara tidak wajar untuk memperoleh, secara langsung atau tidak langsung, kelebihan untuk diri sendiri atau untuk mana-mana orang lain atau menyebabkan kemudaratan kepada kepentingan pemegang unit dan ahli Skim tersebut;
- (d) Mengadakan mesyuarat pemegang unit atau mesyuarat ahli untuk keadaan di mana apa-apa perubahan kepada dana boleh menjejaskan kepentingan pelabur dengan ketara;
- (e) Menerima hanya yuran yang dibenarkan dalam surat ikatan dan dinyatakan dalam prospektus atau dokumen pendedahan Skim;
- (f) Mengambil semua langkah yang sewajarnya untuk menggantikan Pemegang Amanah dengan secepat mungkin di bawah keadaan yang dinyatakan dalam CMSA, seperti selepas menyedari bahawa Pemegang Amanah tidak lagi wujud atau tidak layak untuk dilantik atau bertindak sebagai Pemegang Amanah;
- (g) Menyimpan rekod yang mencukupi untuk semua maklumat termasuk rekod perakaunan dan rekod lain yang berkenaan bagi mendapat gambaran yang lengkap dan tepat mengenai Skim; dan
- (h) Mengelak daripada sebarang konflik kepentingan. Jika konflik tidak dapat dielakkan, perlindungan yang sewajarnya mesti dilaksanakan untuk melindungi kepentingan pelabur dan memastikan dana tidak mengalami kerugian oleh urus niaga tersebut.

3.43 Sebagai tambahan kepada perkara di atas, Penyedia PRS juga bertanggungjawab untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab tertentu bagi membolehkan PPA melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang termasuk bertindak sebagai repositori pusat maklumat dan data ahli Skim serta meningkatkan kecekapan pentadbiran keseluruhan dalam industri PRS. Untuk tujuan ini, Penyedia PRS mesti:

- (a) menyediakan maklumat dan mematuhi keperluan pelaporan, mengikut cara dan kekerapan yang ditetapkan oleh PPA;
- (b) memaklumkan PPA tepat pada masanya mengenai sebarang perubahan yang dilakukan kepada Skim atau dana di bawah Skim atau dokumen pendedahan;
- (c) memudahkan pembukaan akaun pencen swasta termasuk mengimbas dan memuat naik borang serta maklumat yang berkenaan; dan
- (d) mengambil semua langkah untuk mematuhi arahan yang diberi oleh PPA berhubung dengan permintaan yang dilakukan oleh ahli kepada PPA untuk:
 - (i) membuat sebarang pengeluaran sebelum persaraan daripada mana-mana dana di bawah PRS;
 - (ii) memindah wang ke Penyedia PRS lain; atau
 - (iii) memastikan berhubung dengan penamaan mana-mana orang untuk menerima sebarang pembayaran manfaat terakru ahli, selepas kematian ahli tersebut.

Kelulusan Penyedia Skim

- 3.44 CMSA memerlukan Skim untuk diuruskan oleh Penyedia Skim yang diluluskan. SC mungkin mengenakan terma dan syarat tertentu dalam meluluskan Penyedia Skim dan boleh membatalkan kelulusan pada bila-bila masa sekiranya apa-apa pelanggaran terma dan syarat tersebut berlaku.
- 3.45 Penyedia Skim adalah syarikat yang:
- (a) mewujudkan Skim;
 - (b) menerbit, menawarkan untuk langganan, membuat pelawaan untuk melanggan atau membeli unit Skim; dan
 - (c) mengendalikan dan mentadbir dana mengikut akta, prospektus/dokumen pendedahan, Garis Panduan UTF/PRS dan keperluan lain yang diguna pakai.

Kriteria Kelayakan

- 3.46 Untuk mengurangkan risiko Penyedia Skim diluluskan yang gagal melaksanakan peranan dan tugas dengan sewajarnya, SC menilai sumber dan keupayaan setiap pemohon Penyedia Skim. Untuk layak bertindak sebagai Penyedia Skim, pemohon mestilah:
- (a) sebuah entiti yang diperbadankan di Malaysia;
 - (b) mempunyai modal berbayar minimum dan dana pemegang saham sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang pada setiap masa; dan
 - (c) merupakan pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal (CMSL) yang memenuhi keperluan yang ditetapkan dalam Buku Panduan Pelesenan SC.
- 3.47 Penyedia Skim mesti mengekalkan sumber kewangan, daya manusia dan sumber lain yang mencukupi yang setimpal dengan perniagaannya termasuk:
- (a) sumber daya manusia yang mencukupi dengan kelayakan, kepakaran dan pengalaman yang diperlukan untuk menjalankan perniagaan sebagai syarikat pengurusan;
 - (b) sistem, prosedur dan proses yang mencukupi dan bersesuaian untuk menjalankan perniagaan dengan cara yang betul dan berkesan; dan
 - (c) mewujudkan dan mengekalkan sistem dan kawalan pengurusan risiko yang boleh mengenal pasti, menilai, mengurangkan, mengawal dan memantau risiko yang berkaitan dengan dana yang dikendalikan dan diuruskan.

Kelulusan Skim

- 3.48 Penyedia Skim perlu menjalankan kelulusan dan pendaftaran yang diperlukan untuk Skim. Kelulusan dan pendaftaran ini termasuk:
- (a) Kelulusan untuk mewujudkan Skim baharu, termasuk untuk syarikat bertindak sebagai syarikat pengurusan Skim dan syarikat untuk bertindak

- sebagai Pemegang Amanah Skim;
 - (b) Pendaftaran surat ikatan dan surat ikatan tambahan Skim;
 - (c) Pendaftaran dan penyerahan prospektus SUA/dokumen pendedahan PRS.
- 3.49 Kedua-dua surat ikatan dan prospektus/dokumen pendedahan mesti memenuhi keperluan SC sebagai langkah utama dalam melindungi pelabur. Apabila Skim, surat ikatan dan prospektus/dokumen pendedahan diluluskan oleh SC, surat ikatan tersebut akan ditandatangani di bawah meterai Penyedia Skim.
- 3.50 Kelulusan bagi Skim boleh dibatalkan jika:
- (a) sebarang maklumat atau dokumen yang diberikan dalam permohonan adalah palsu atau mengelirukan atau mengandungi peninggalan yang penting;
 - (b) Penyedia Skim gagal mematuhi arahan SC atau keperluan dalam Garis Panduan PRS yang diguna pakai; atau
 - (c) ia bertujuan melindungi kepentingan orang awam atau pelabur secara keseluruhan.

Fungsi Pengawasan

- 3.51 Garis Panduan UTF dan PRS memerlukan fungsi pengawasan dimasukkan bagi melindungi kepentingan pelabur. Fungsi pengawasan ini adalah:
- (a) Lembaga Pengarah;
 - (b) Individu yang bebas daripada operasi dan pengurusan dana;
 - (c) Jawatankuasa yang terdiri daripada beberapa Ahli yang tidak bebas daripada fungsi pengaturan pengawasan operasi dan pengurusan dana, dengan syarat jawatankuasa itu secara keseluruhannya mesti dapat menjalankan peranan dan tanggungjawabnya dengan berkesan.
 - (d) Unit Pematuhan;
 - (e) Audit Dalaman; dan
 - (f) Jawatankuasa Audit.
- 3.52 **Jadual 3.1** menunjukkan bahagian penting yang berkaitan dengan fungsi pengawasan ini.

Jadual 3.1: Huraian bahagian penting fungsi pengawasan

	Fungsi pengawasan	Huraian
(a)	Lembaga Pengarah	▪ Memastikan polisi dan prosedur yang wajar bagi pembangunan rangka kerja pematuhan yang kukuh ▪ Pengarah bebas mewakili dan melindungi kepentingan pemegang unit dan ahli
(b)	Individu dan/atau Jawatankuasa	▪ Memastikan strategi pelaburan yang dipilih dilaksanakan dengan betul dan cekap oleh Penyedia Skim; ▪ Aktif memantau, mengukur dan menilai prestasi pengurusan dana Penyedia Skim;

	Fungsi pengawasan	Huraian
		▪ Meluluskan pelantikan broker atau peniaga di mana urusan dalam aset dana akan dilaksanakan oleh broker atau peniaga atas terma yang paling menguntungkan dana (“asas pelaksanaan terbaik”); dan ▪ Meluluskan dasar dan prosedur yang mengawal perdagangan silang. <u>Syarat kelayakan bagi individu</u> Seseorang individu yang menjalankan fungsi pengawasan mesti: ▪ Bebas daripada fungsi di mana pengaturan pengawasan dijalankan untuk membolehkan individu menjalankan peranannya dengan berkesan; dan ▪ tidak boleh menjadi Ahli penasihat Syariah yang dilantik untuk dana yang sama. <u>Syarat kelayakan bagi jawatankuasa</u> ▪ Boleh terdiri daripada beberapa Ahli yang tidak bebas daripada fungsi pengaturan ▪ pengawasan, dengan syarat jawatankuasa secara keseluruhan mesti dapat melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya dengan berkesan. ▪ Mana-mana Ahli jawatankuasa yang menjalankan fungsi pengawasan mestilah bukan Ahli penasihat Syariah yang dilantik untuk dana yang sama.
(c)	Penasihat Syariah	▪ Menyediakan kepakaran dan nasihat berkaitan hal-hal Syariah berkenaan skim patuh Syariah termasuk perkara-perkara berkaitan dokumen. ▪ Memastikan Skim Patuh Syariah mematuhi ketetapan, prinsip dan konsep Syariah terpakai yang disahkan oleh MPS. ▪ Menyemak laporan pematuhan Skim Patuh Syariah dan laporan transaksi pelaburan untuk memastikan pelaburan Skim Patuh Syariah selaras dengan keperluan Syariah. ▪ Sediakan laporan untuk dimasukkan ke dalam laporan dana Skim Patuh Syariah dengan menyatakan pendapatnya sama ada Skim Patuh Syariah telah diuruskan dengan mematuhi keperluan Syariah. ▪ Mengaplikasikan ijtihad (penaakulan intelek) untuk memastikan semua aspek

	Fungsi pengawasan	Huraian
		yang berkaitan dengan Skim Patuh Shariah mengikut kehendak Shariah.
(d)	Jawatankuasa Shariah	Mesti terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga orang penasihat Shariah untuk membentuk Jawatankuasa Shariah.
(e)	Pematuhan	- Memastikan pematuhan kepada semua keperluan - Bertanggungjawab untuk mengekalkan manual pematuhan dan kod etika bagi kakitangan Penyedia Skim - Melaporkan terus kepada Lembaga Pengarah secara berkala. - Skim dinyatakan untuk diurus dan ditadbir mengikut prinsip Shariah, Pegawai Pematuhan mesti mempunyai pengetahuan asas tentang undang-undang dan prinsip Shariah. - Boleh melaporkan kepada Jawatankuasa Pematuhan di mana jawatankuasa tersebut telah ditubuhkan
(f)	Audit Dalaman	Laporan mengenai kecukupan, keberkesanan dan kecekapan pengurusan, operasi pengurusan risiko dan kawalan dalaman.
(g)	Jawatankuasa Audit	- Garis Panduan PRS memerlukan fungsi audit dalaman Penyedia PRS melapor kepada Jawatankuasa Audit. - Membantu dalam fungsi pengawasan dengan mengkaji semula dan melapor kepada Lembaga Pengarah mengenai rangka kerja dan fungsi audit dalaman, dan memastikan semua perkara yang dikemukakan oleh laporan audit diselesaikan dengan cara yang memuaskan. - Juga mengkaji semula laporan interim dan laporan tahunan Penyedia PRS serta sebarang keadaan urus niaga pihak berkaitan dan konflik kepentingan yang mungkin timbul.

Surat Ikatan Skim

- 3.53 CMSA dan Pengawalseliaan PRS memerlukan surat ikatan SUA dan PRS didaftarkan dengan SC dan kandungan surat ikatan tersebut mesti memenuhi keperluan SC. Pengubahsuaian yang dilakukan kepada surat ikatan memerlukan pendaftaran surat ikatan tambahan disertakan dengan resolusi pelabur yang sesuai atau kenyataan daripada Pemegang Amanah dan Penyedia Skim. Ini adalah untuk memastikan bahawa pengubahsuaian tersebut melindungi kepentingan pelabur.

Kandungan minimum surat ikatan Skim

- 3.54 Kedua-dua Garis Panduan UTF (GUTF) dan Garis Panduan PRS (GPRS) menggariskan keperluan minimum untuk kandungan⁴ surat ikatan. Antara lain, surat ikatan mesti mengandungi yang berikut:
- (a) Perjanjian Penyedia Skim yang meliputi tugas syarikat pengurusan yang termasuk memastikan Skim mempunyai Pemegang Amanah pada setiap masa dan dana dikendalikan menurut surat ikatan;
 - (b) Perjanjian Pemegang Amanah yang mesti meliputi tugas Pemegang Amanah yang termasuk memastikan dana mempunyai syarikat pengurusan pada setiap masa serta melindungi hak dan kepentingan pemegang unit dan juga ahli PRS yang berkaitan dengan surat ikatan tersebut;
 - (c) Perjanjian bersama antara syarikat pengurusan dan Pemegang Amanah yang termasuk, tetapi tidak terhad kepada, melindungi kepentingan pemegang unit dan ahli PRS dan bahawa surat ikatan yang berdaftar berkuatkuasa pada setiap masa sepanjang tempoh Skim; dan
 - (d) Peruntukan lain termasuk, tetapi tidak terhad kepada, pewujudan Skim, butiran Skim, butiran mengenai peruntukan yang akan dilakukan untuk pelaburan dalam aset, butiran mengenai ganjaran syarikat pengurusan dan Pemegang Amanah.
- 3.55 Kedua-dua Garis Panduan UTF dan Garis Panduan PRS menyatakan bahawa kandungan surat ikatan mesti melindungi kepentingan pelabur dan mesti selaras dengan undang-undang sekuriti dan garis panduan yang dikeluarkan oleh SC.

Prospektus SUA dan Dokumen Pendedahan PRS

- 3.56 Prospektus dan dokumen pendedahan dikeluarkan oleh UTMC dan Penyedia PRS masing-masing. Keperluan kawal selia menyatakan bahawa seorang individu tidak boleh mengeluarkan sebarang sekuriti atau membuat sebarang pelawaan untuk melabur melainkan jika prospektus atau dokumen pendedahan telah didaftarkan oleh SC dan mematuhi keperluan SC.
- 3.57 Kedua-dua prospektus dan dokumen pendedahan mempunyai matlamat yang sama iaitu membolehkan pemegang unit dan ahli PRS membuat keputusan

⁴ Sila rujuk Jadual D GUTF dan GPRS untuk maklumat lanjut mengenai keperluan tersebut.

yang termaklum dalam pelaburan dan caruman mereka. Kedua-dua dokumen ini memberikan maklumat berkenaan dan tepat yang penting untuk memahami pengurusan dan pengendalian dana masing-masing dalam Skim.

- 3.58 Bakal pelabur mesti diberi salinan (sama ada dalam bentuk salinan cetak atau salinan elektronik) prospektus/dokumen pendedahan apabila mereka meminta untuk melanggan Skim. Mereka mesti dinasihatkan supaya membaca dan memahami prospektus/ dokumen pendedahan sebelum membuat keputusan untuk menyertai Skim.
- 3.59 Keperluan kawal selia yang berkaitan dengan prospektus dan dokumen pendedahan dinyatakan dalam CMSA. Keperluan tambahan bagi prospektus dinyatakan dalam Garis Panduan Prospektus bagi Skim Pelaburan Kolektif manakala Garis Panduan PRS dan Pengawalseliaan PRS menetapkan keperluan tambahan untuk dokumen pendedahan.
- 3.60 SC tidak akan mendaftarkan prospektus atau dokumen pendedahan jika ia tidak mematuhi keperluan kawal selia yang diguna pakai atau jika, pada pendapat SC, prospektus atau dokumen pendedahan tersebut mengandungi kenyataan atau maklumat yang palsu atau mengelirukan, atau peninggalan penting dalam sebarang kenyataan atau maklumat.
- 3.61 Pendaftaran prospektus dan dokumen pendedahan tidak bermakna bahawa SC mengesyorkan pelaburan dalam Skim atau bertanggungjawab untuk kenyataan dalam prospektus dan dokumen pendedahan. Oleh itu, penafian yang berkaitan perlu dimasukkan ke dalam prospektus.
- 3.62 Pengarah Penyedia Skim kekal bertanggungjawab terhadap prospektus dan dokumen pendedahan. Penyedia Skim yang mengeluarkan prospektus atau dokumen pendedahan yang tidak memenuhi keperluan Akta boleh dikenakan denda hingga RM3 juta atau dipenjarakan hingga sepuluh (10) tahun atau kedua-duanya sekali.
- 3.63 Dalam menentukan maklumat yang perlu dimasukkan menurut keperluan kawal selia yang berkenaan, mereka yang bertanggungjawab untuk menyediakan prospektus dan dokumen pendedahan perlu mempertimbangkan yang berikut:
 - (a) sifat Skim;
 - (b) orang yang mungkin memberi pertimbangan untuk melabur dalam Skim (contohnya, tahap pengetahuan pelaburan dan pengalaman pelaburan bakal pelabur); dan
 - (c) hakikat bahawa bakal pelabur mungkin ingin mengetahui beberapa perkara tertentu dalam pengetahuan penasihat profesional, termasuk Perunding, sebelum melabur.
- 3.64 Kandungan prospektus dan dokumen pendedahan akan dihuraikan dalam Bab 4 Panduan Pembelajaran ini.
- 3.65 Pengeluaran prospektus elektronik bersama borang permohonan elektronik adalah berdasarkan Garis Panduan Dana Unit Amanah Seksyen 3.26. Syarikat

pengurusan boleh menggunakan apa-apa jenis komunikasi elektronik untuk menghantar laporan dana, penyata dan notis lain seperti yang dikehendaki di bawah Garis Panduan ini, selagi syarikat pengurusan mematuhi peraturan-peraturan berikut:

- (a) Pelabur dimaklumkan mengenai kaedah komunikasi semasa mereka membuka akaun mereka; atau
- (b) Sebelum menggunakan komunikasi elektronik sebagai kaedah automatik, syarikat pengurusan mesti menghantar notis melalui pos kepada semua pelabur, menyatakan bahawa mereka akan menerima dokumen secara automatik secara elektronik melainkan mereka memilih untuk tidak menerima

Prospektus dan dokumen pendedahan tambahan dan prospektus dan dokumen pendedahan penggantian

- 3.66 Sekiranya maklumat dalam prospektus atau dokumen pendedahan adalah palsu atau mengelirukan, sebagai contoh, disebabkan oleh perubahan dalam undang-undang pencukaian yang melibatkan pelabur, maka undang-undang memerlukan bahawa prospektus atau dokumen pendedahan tersebut ditarik balik dari pasaran oleh Penyedia Skim.
- 3.67 Sebagai alternatif, Penyedia Skim boleh mengeluarkan dokumen/prospektus pendedahan tambahan yang membetulkan prospektus/dokumen pendedahan yang asal, atau memberikan butiran mengenai perubahan atau maklumat penting tersebut. Penyedia Skim juga boleh mengganti prospektus/dokumen pendedahan dikeluarkan sebelum ini dengan prospektus/dokumen pendedahan penggantian yang menyatakan dengan jelas bahawa ia adalah prospektus/dokumen pendedahan penggantian.
- 3.68 Prospektus/dokumen pendedahan tambahan merupakan sebahagian daripada prospektus/dokumen pendedahan yang asal dan Perunding perlu memastikan bahawa setiap salinan prospektus/dokumen pendedahan yang diberikan kepada pelabur mengandungi prospektus/dokumen pendedahan tambahan. Ambil perhatian bahawa kemungkinannya akan terdapat beberapa prospektus/dokumen pendedahan tambahan yang dikeluarkan sepanjang hayat prospektus/dokumen pendedahan yang asal.
- 3.69 Ada kalanya akan berlaku kejadian apabila pelabur memohon unit dalam Skim dan Penyedia Skim memberikan prospektus/dokumen pendedahan tambahan atau penggantian untuk didaftarkan dengan SC sebelum unit dikeluarkan kepada pelabur. Sebaik sahaja prospektus/dokumen pendedahan tambahan atau penggantian didaftarkan oleh SC, pelabur mesti dimaklumkan dan diberi peluang selama sekurang-kurangnya 14 hari dari tarikh pemberitahuan untuk menarik balik permohonan beliau. Sekiranya pelabur membuat keputusan untuk menarik diri, beliau mesti mendapat bayaran balik jumlah keseluruhan permohonan.

Keperluan Umum untuk Lembaran Penerangan Produk Skim (LPP)

- 3.70 Lembaran Penerangan Produk (LPP) adalah dokumen yang menunjukkan ciri-ciri utama dana. LPP bertujuan untuk memudahkan pemahaman pelabur mengenai produk selain menggalakkan persaingan dengan membolehkan pelabur melakukan perbandingan produk.
- 3.71 Dalam konteks LPP untuk SUA dan PRS, keperluan utama disenaraikan dalam Garis Panduan Amalan Jualan Produk Pasaran Modal Tidak Tersenarai (Garis Panduan Amalan Jualan). Keperluan tambahan untuk LPP dan PRS dinyatakan dalam Garis Panduan PRS.
- 3.72 SC memerlukan LPP dikeluarkan sebagai tambahan kepada prospektus/dokumen pendedahan yang dikeluarkan oleh Penyedia Skim kepada pelabur.
- 3.73 Maklumat yang terkandung dalam LPP mestilah jelas, ringkas dan berkesan supaya LPP dianggap sebagai sumber maklumat yang boleh dipercayai kepada pelabur. Sebahai tambahan, maklumat tersebut mestilah tidak palsu, mengelirukan atau mengandungi sebarang peninggalan yang penting. LPP perlu memasukkan semua maklumat berkenaan yang diperlukan supaya pelabur boleh membuat keputusan untuk melabur dalam Skim.
- 3.74 Kandungan utama LPP untuk SUA dan PRS adalah seperti berikut:
- (a) Penyata tanggungjawab;
 - (b) Penyata penafian;
 - (c) Maklumat ringkas mengenai produk, Skim, dana dan Penyedia Skim;
 - (d) Kesesuaian produk;
 - (e) Ciri-ciri produk utama; dan
 - (f) Risiko utama dan lain-lain.
- 3.75 **Lampiran 3.1A** dan **Lampiran 3.1B** bab ini memberikan panduan mengenai kandungan LPP seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan Amalan Jualan dan Garis Panduan PRS. Kedua-dua panduan ini boleh didapati di pautan berikut:
- (a) <https://www.sc.com.my/api/documentms/download.ashx?id=0e79cecd-c0b3-4a7f-b850-b4fe775703bc>
 - (b) <https://www.sc.com.my/api/documentms/download.ashx?id=9ae32b79-6031-47b2-80a7-c23b0be61e24>
- 3.76 Panduan ini juga menyediakan maklumat perhubungan Penyedia Skim jika pelabur memerlukan maklumat lanjut. Sekiranya pelabur ingin membuat aduan, dokumen ini memberikan maklumat perhubungan beberapa pihak di mana pelabur boleh membuat aduan. Keadaan dan pihak untuk pelabur membuat aduan adalah seperti yang dihuraikan di bawah:
- (a) Untuk penyelesaian pertikaian dalaman, pelabur boleh menghubungi Penyedia Skim;
 - (b) Jika pelabur tidak berpuas hati dengan keputusan proses penyelesaian pertikaian dalaman, pelabur boleh merujuk pertikaian tersebut kepada FMOS. Maklumat lanjut boleh didapati di laman web FMOS's di

- <https://www.fmos.org.my/en/>; dan
- (c) Walaupun pelabur telah memulakan proses penyelesaian pertikaian dengan SIDREC, pelabur juga boleh menghantar aduan kepada SC dan FIMM. Maklumat lanjut berkaitan dengan proses aduan SC dan FIMM boleh didapati dari laman web mereka di www.sc.com.my dan www.fimm.com.my.
- 3.77 Memandangkan bahawa Garis Panduan Amalan Jualan diguna pakai untuk semua produk pasaran modal yang tidak tersenarai (kecuali yang dinyatakan secara khusus sebagai tidak berkenaan, contohnya, saham dan lain-lain), Garis Panduan Amalan Jualan juga menyediakan maklumat khusus yang mesti dimasukkan dalam LPP, antara lain:
- (a) purata jumlah pulangan dalam tempoh yang tertentu;
 - (b) jumlah pulangan tahunan dalam tempoh yang tertentu;
 - (c) prestasi dana berbanding penanda aras;
 - (d) nisbah pusing ganti portfolio;
 - (e) pengagihan cukai seunit kasar dan bersih SUA dalam tempoh tertentu dan bentuk pembayaran; dan
 - (f) Kenyataan amaran bahawa:
 - (i) pelabur tidak boleh membuat bayaran tunai kepada Perunding SUA atau mengeluarkan cek atas nama Perunding SUA; dan
 - (ii) prestasi dana masa lampau bukanlah petunjuk bagi prestasi dana di masa depan.
- 3.78 Keperluan di atas juga diguna pakai untuk PRS seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan PRS. Di samping itu, Garis Panduan PRS memerlukan LPP untuk PRS memasukkan perkara berikut:
- (a) pencukaian dana di bawah PRS dengan mengambil kira sebarang ciri khas dana;
 - (b) berkenaan ahli, potongan cukai yang disediakan dan liabiliti cukai (termasuk penalti cukai untuk pengeluaran sebelum persaraan), jika ada; dan
 - (c) potongan cukai maksimum yang disediakan kepada majikan yang mencarum bagi pihak kakitangan.
- 3.79 Kedua-dua Amalan Garis Panduan Jualan dan Garis Panduan PRS memerlukan Penyedia Skim untuk memastikan bahawa pelabur dimaklumkan mengenai hak mereka untuk menerima LPP. Pelabur juga mesti diberi masa yang sewajarnya untuk membaca dan memahami LPP. Garis Panduan Amalan Jualan menetapkan bahawa LPP, sama ada dalam salinan cetak atau salinan elektronik, mesti diberikan kepada pelabur sebelum beliau membuat keputusan pelaburan. Walau bagaimanapun, salinan cetak mesti diberikan kepada pelabur atas permintaan.

Panduan Penggubalan Prospektus, Dokumen Pendedahan dan LPP

- 3.80 Di bawah Garis Panduan Prospektus untuk Skim Pelaburan Kolektif SC, maklumat yang diberikan kepada pelabur mesti disampaikan dengan cara yang mudah difahami bagi membolehkan mereka menilai dan membuat keputusan pelaburan yang termaklum berkaitan dengan dana.
- 3.81 Oleh itu, kandungan prospektus mesti mengandungi maklumat yang ditulis dengan cara yang jelas dan ringkas, dengan ayat yang mudah difahami menggunakan bahasa yang mudah dan ringkas. Untuk tujuan ini, FIMM telah mengeluarkan Panduan Bahasa Mudah dan Amalan Penggubalan Prospektus yang Berkesan bagi membantu mematuhi Garis Panduan Prospektus untuk Skim Pelaburan Kolektif SC. Nota panduan boleh diakses melalui : <https://www.fimm.com.my/regulations/guidance-note/>.

Keperluan Berkaitan dengan Pengiklanan

- 3.82 SC juga telah mengeluarkan Garis Panduan Pengiklanan Produk dan Perkhidmatan Pasaran Modal (Garis Panduan Pengiklanan) yang menetapkan keperluan yang berkaitan dengan pengeluaran iklan atau penyebaran maklumat untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan pasaran modal, melalui media cetak, elektronik, digital atau apa-apa cara lain.
- 3.83 Garis panduan ini diguna pakai untuk orang seperti berikut yang mengeluarkan atau membenarkan iklan atau aktiviti promosi yang berkaitan dengan produk pasaran modal atau perkhidmatan pasaran modal:
- (a) Penerbit produk pasaran modal;
 - (b) Seseorang yang menjalankan aktiviti yang dikawal selia;
 - (c) Seseorang yang menyediakan perkhidmatan pasaran modal; atau
 - (d) Seseorang yang mengendalikan atau mengekalkan pasaran yang diiktiraf.
- 3.84 Memandangkan peranan Perunding SUA dan Perunding PRS dalam pemasaran dan pengedaran SUA dan PRS, keperluan dalam Garis Panduan Pengiklanan SC diguna pakai untuk mereka.
- 3.85 Secara umumnya, iklan mesti memberi maklumat yang jelas, adil dan seimbang berkenaan Skim. Iklan tidak boleh mengandungi maklumat yang boleh mengelirukan pelabur, seperti maklumat yang dibesar-besarkan, menunjuk-nunjuk, berlebihan atau terlalu bersemangat.
- 3.86 Beberapa perkara penting daripada Garis Panduan Pengiklanan dibincangkan dalam Bab 4 Panduan Pembelajaran ini.

Kekangan Portfolio

- 3.87 Kedua-dua Garis Panduan UTF dan Garis Panduan PRS menetapkan bahawa aset dana mestilah berkenaan dan selaras dengan objektif pelaburan Skim. Langkah yang sewajarnya perlu diambil bagi memastikan aset dana, selepas mengambil kira objektif pelaburan dan polisi dana di bawah Skim, menyediakan penyebaran risiko yang berhemat.
- 3.88 Sebagai tambahan kepada langkah berhemat yang dinyatakan di atas, garis panduan tersebut juga mengandungi beberapa kekangan khusus yang berkaitan dengan pembinaan dan pengurusan portfolio pelaburan Skim. Kekangan ini, yang dirancang untuk mengurangkan risiko kerugian kepada pelabur Skim, akan menjejaskan keputusan pelaburan yang berkaitan dengan:
- (a) penubuhan objektif portfolio yang sesuai;
 - (b) pembinaan portfolio; dan
 - (c) pengendalian portfolio (contohnya, apabila mengubah portfolio pelaburan untuk menunjukkan perubahan jumlah unit dalam pendedaran).
- 3.89 Kekangan utama portfolio pelaburan yang termasuk dalam Garis Panduan UTF dan PRS diuraikan secara umum di bawah. Garis panduan tersebut perlu dirujuk untuk mendapat butiran khusus.

Ciri-ciri Umum Pelaburan SUA dan PRS

- 3.90 SUA dan PRS hanya boleh melabur dalam instrumen kewangan berikut yang selaras dengan objektif mereka seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah:

Rajah 3.2 Instrumen kewangan di mana SUA dan PRS dibenarkan untuk melabur

SUA	PRS
▪ sekuriti boleh pindah (termasuk ekuiti, sukuk, bon atau bentuk lain hutang tersekuriti, sekuriti hutang dan waran); ▪ tunai, deposit dan instrumen pasaran wang; ▪ unit/saham dalam Skim pelaburan kolektif; ▪ derivatif; dan ▪ Sekuriti selain daripada yang dinyatakan di atas, dan akaun pelaburan selain tunai, deposit dan instrumen pasaran wang dirujuk sebagai "sekuriti lain"	▪ sekuriti boleh pindah (termasuk ekuiti, sukuk, bon atau bentuk lain hutang tersekuriti, sekuriti hutang dan waran); ▪ tunai, deposit dan instrumen pasaran wang; ▪ unit/saham dalam Skim pelaburan kolektif; ▪ derivatif; ▪ hartanah; dan ▪ Sekuriti selain daripada yang dinyatakan di atas, dan akaun pelaburan selain tunai, deposit dan instrumen pasaran wang dirujuk sebagai "sekuriti lain"

- 3.91 Sebagai tambahan, pelaburan dalam Skim juga perlu mematuhi keperluan lain seperti jumlah maksimum yang boleh dilabur oleh Skim dalam sekuriti tidak tersenarai dan sekatan yang berkaitan dengan pelaburan di pasaran asing.
- 3.92 Selain sekatan yang dikenakan oleh SC ke atas portfolio pelaburan Skim, Penyedia Skim hanya boleh melabur dalam sekuriti yang dibenarkan dalam surat ikatan dana. Ini memastikan bahawa semua pelaburan adalah selaras dengan objektif pelaburan luas yang terkandung dalam surat ikatan. Dari segi amalan, prospektus SUA dan dokumen pendedahan PRS mungkin juga mengandungi batasan kepada pelaburannya.

Kecairan

- 3.93 Ia adalah penting untuk Skim mengekalkan kecairan yang mencukupi supaya pelabur boleh mendapat hasil yang cepat daripada jualan unit mereka. Oleh itu, SC memerlukan Penyedia Skim untuk mengekalkan pengaturan yang membolehkannya memenuhi permintaan sebarang belian balik.
- 3.94 Dalam menentukan tahap kecairan, Penyedia Skim perlu mempertimbangkan pengaturan belian balik, jangkaan tahap belian balik unit serta objektif pelaburan dan polisi dana. Skim boleh mengekalkan kecairan dengan memegang sebahagian daripada asetnya secara tunai, pendapatan tetap jangka pendek atau instrumen pasaran wang atau melalui peminjaman jangka pendek. Oleh sebab unit dalam Skim dibeli balik daripada pelabur oleh Penyedia Skim, unit tersebut boleh dibatalkan oleh Pemegang Amanah untuk tunai daripada dana, dan pelabur dapat dibayar dengan segera.

Urus niaga pinjaman dan belian sekuriti

- 3.95 Skim ini boleh menjalankan urus niaga pinjaman sekuriti dan pembelian semula dengan syarat untuk tujuan pengurusan portfolio yang cekap. Sesuatu urus niaga dianggap untuk tujuan pengurusan portfolio yang cekap jika ia memenuhi kriteria berikut:
- (a) Sesuai dari segi ekonomi dan direalisasikan dengan cara yang kos efektif;
 - (b) Dimeterai untuk satu atau lebih daripada matlamat berikut:
 - (i) Pengurangan risiko;
 - (ii) Pengurangan kos; atau
 - (iii) Penjana modal atau pendapatan tambahan untuk Skim dengan tahap risiko yang konsisten dengan profil risiko Skim dan keperluan kepelbagaian seperti yang ditetapkan dalam Garis Panduan;
 - (c) Pendedahan dilindungi sepenuhnya untuk memenuhi sebarang kewajipan untuk membayar atau menyerahkan; dan
 - (d) Risiko ditangkap secukupnya oleh dasar pengurusan risiko dan prosedur Skim.
- 3.96 Pengurus Dana mesti mempunyai sekurang-kurangnya 100% cagaran berhubung dengan pinjaman sekuriti dan urus niaga pembelian semula di mana ia memasuki dan memastikan tiada pendedahan risiko rakan niaga tanpa cagaran yang timbul daripada urus niaga ini.

Peminjaman

- 3.97 Tertakluk kepada syarat tertentu, Penyedia Skim dibenarkan meminjam untuk

tempoh tidak melebihi satu bulan supaya dana dapat memenuhi permintaan penebusan tanpa perlu menjual aset dalam portfolio dana, yang mungkin akan menjejaskan kepentingan pelabur yang lain.

3.98 Sebagai contoh, SUA khusus yang tertentu seperti dana borong yang hanya ditawarkan kepada pelabur institusi dan pelabur sofistikated yang lain dibenarkan meminjam wang untuk membuat pelaburan lebih lanjut selain memenuhi permintaan penebusan. Kesan leveraj atau penggearan adalah positif jika nilai pasaran bagi portfolio aset naik. Pada masa yang sama, kerugian juga mungkin besar jika pasaran jatuh secara mendadak.

3.99 Kecuali untuk pinjaman sekuriti, tunai atau pelaburan Penyedia Skim tidak boleh dipinjamkan. Seterusnya, Penyedia Skim tidak boleh mengambil, menjamin, mengesahkan atau sebaliknya bertanggungjawab secara langsung atau bersyarat untuk atau berkaitan dengan sebarang kewajipan atau keberhutangan lain mana- mana orang.

Penumpuan dan Pendedahan

3.100 Untuk mengurangkan lagi risiko kepada pelabur, SC menetapkan pendedahan maksimum portfolio dana kepada pelaburan tertentu untuk kedua-dua SUA dan PRS yang khusus dan tidak khusus. Dengan menghadkan pendedahan, portfolio Skim dipelbagaikan melalui penyebaran pelaburan yang luas. Had tersebut mungkin dalam bentuk pendedahan kepada pengeluar tunggal, kelas sekuriti atau kumpulan syarikat.

3.101 Contoh berikut menerangkan bagaimana had pendedahan adalah saling berkaitan:

Contoh 1 – Penyebaran pelaburan

SUA ekuiti dengan NAB sebanyak RM10 juta biasanya boleh memegang saham biasa ABC Berhad bernilai tidak lebih daripada RM1 juta (10% daripada NAB adalah pemegangan maksimum bagi modal saham oleh penerbit tunggal) dan sekuriti pendapatan tetap selanjutnya bernilai RM0.5 juta yang dikeluarkan oleh syarikat tersebut (15% daripada NAB adalah **pegangan** maksimum bagi sekuriti yang dikeluarkan oleh penerbit tunggal).

Contoh 2 – Penumpuan dan penyebaran pelaburan

Di bawah had pendedahan penumpuan, SUA biasanya tidak boleh memegang lebih daripada 10% modal saham biasa (kelas sekuriti) penerbit tunggal. Jika syarikat mempunyai 10 juta saham biasa yang diterbitkan, SUA tidak boleh memegang lebih daripada 1 juta saham biasa. Oleh itu, nilai pegangan sedemikian mestilah kurang daripada had pendedahan berdasarkan NAB (10% daripada NAB) SUA.

3.102 Walaupun had pendedahan SC diguna pakai untuk Skim individu, Penyedia Skim boleh menguruskan beberapa Skim. Oleh itu, SC menggalakkan Penyedia Skim untuk membangunkan had dan sekatan dalaman yang berhemat bagi mempertimbangkan pendedahan agregat bagi semua Skim.

Pelanggaran had pelaburan

3.103 Penyedia Skim mesti memastikan bahawa had dan sekatan pelaburan dipatuhi pada setiap masa berdasarkan nilai aset dana yang paling terkini.

- 3.104 Adalah menjadi kewajipan Penyedia Skim untuk memaklumkan SC dalam masa tujuh hari perniagaan, tentang sebarang pelanggaran had pelaburan dan sekatan dengan langkah-langkah yang diambil untuk membetulkan dan mencegah pelanggaran tersebut daripada berulang.
- 3.105 Apabila dana melanggar had pelaburan, Penyedia Skim tidak perlu melaporkan kepada SC tetapi mesti diperbetulkan secepat mungkin dalam tempoh tiga bulan dari tarikh pelanggaran melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Garis Panduan.
- 3.106 Walau bagaimanapun, tempoh tiga bulan boleh dilanjutkan jika ia adalah untuk kepentingan terbaik pemegang unit dan persetujuan pemegang amanah diperoleh. Pelanjutan sedemikian mesti tertakluk kepada sekurang-kurangnya semakan bulanan oleh pemegang amanah.

Pengawalseliaan Pemegang Amanah Skim

Keperluan utama Pemegang Amanah Skim

- 3.107 Pemegang Amanah memainkan peranan yang amat penting dalam menjayakan operasi Skim. Pemegang amanah Skim mestilah syarikat amanah yang berdaftar di bawah Akta Syarikat Amanah, 1949 atau diperbadankan menurut Akta Perbadanan Amanah Awam, 1995 atau Akta Amanah Labuan 1996. Bagi pemegang amanah asing, Pemegang Amanah mestilah syarikat yang merupakan syarikat awam di bawah Akta Syarikat 2016 atau undang-undang negara lain.
- 3.108 Pemegang Amanah mesti berdaftar dengan SC selaras dengan keperluan yang dinyatakan dalam Garis Panduan Pendaftaran dan Tatalaku Penyedia Perkhidmatan Pasaran Modal (Garis Panduan Pendaftaran). Dalam mendaftarkan Pemegang Amanah, SC mungkin mengenakan terma dan syarat sedemikian yang dianggap sesuai. Seterusnya, SC mempunyai kuasa untuk membatalkan kelulusannya pada bila-bila masa sekiranya sebarang pelanggaran terma dan syarat yang dikenakan olehnya berlaku.
- 3.109 Garis Panduan Pendaftaran sedemikian menetapkan bahawa hanya satu Pemegang Amanah boleh dilantik untuk setiap Skim. Sebagai tambahan, Pemegang Amanah tersebut mesti bebas daripada Penyedia Skim. Berikut adalah kriteria yang mungkin diambil kira oleh SC dalam mempertimbangkan permohonan untuk mendaftarkan Pemegang Amanah:
- (a) Struktur – sistem tadbir urus yang mencukupi dengan kebertanggungjawapan, tanggungjawab dan kuasa yang jelas, serta pengasingan tugas secara jelas untuk mengelakkan sebarang konflik yang berpotensi;
 - (b) Kecekapan – kawalan, prosedur dan proses yang mencukupi untuk memastikan kepentingan pelabur sentiasa dilindungi; dan
 - (c) Kemampuan sumber – sumber daya manusia yang mencukupi dengan kelayakan, kepakaran, pengalaman dan kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan perniagaan sebagai Pemegang Amanah.

Pemegang Amanah Pihak Berkaitan

- 3.110 Walaupun peraturan am menetapkan bahawa Pemegang Amanah mesti bebas daripada Penyedia Skim dan Skim, SC membenarkan pelantikan Pemegang Amanah pihak berkaitan dalam keadaan tertentu.
- 3.111 Garis Panduan Pendaftaran memerlukan Pemegang Amanah pihak berkaitan untuk mematuhi keperluan berikut:
- (a) Pemegang Amanah pihak berkaitan yang berdaftar perlu melantik juruaudit luar yang berdaftar dengan Lembaga Pemantauan Audit untuk menjalankan penilaian bebas ke atas kawalan, proses dan sistem dalaman Pemegang Amanah, setiap dua tahun sekali;
 - (b) Sebelum penilaian bebas dimulakan, Pemegang Amanah pihak berkaitan yang berdaftar mesti menghantar skop penilaian tersebut kepada SC untuk kelulusan;
 - (c) Laporan penilaian mesti dihantar kepada SC satu bulan sebelum tarikh ulang tahun.

Peranan Pemegang Amanah

- 3.112 Garis Panduan Pendaftaran menyatakan tugas am Pemegang Amanah yang termasuk aspek utama seperti berikut:
- (a) bertindak dengan jujur dan demi kepentingan pelabur;
 - (b) melindungi hak dan kepentingan pelabur;
 - (c) mengambil semua langkah yang wajar untuk memastikan layanan adil diberi kepada pelabur;
 - (d) mengelak daripada mendapat kelebihan untuk diri sendiri atau orang lain;
 - (e) mengelak daripada menyebabkan kemudaratan kepada pelabur;
 - (f) mematuhi kewajipan lain yang dinyatakan dalam surat ikatan, dengan syarat kewajipan tersebut tidak bertentangan dengan undang-undang sekuriti dan garis panduan yang diguna pakai;
 - (g) menjalankan tugas atau tanggungjawab lain sebagaimana yang ditentukan oleh SC.
- 3.113 Perenggan berikut menghuraikan beberapa fungsi pengawasan Pemegang Amanah ke atas pengurusan Skim dan kewajipan berterusan Pemegang Amanah yang dikenakan ke atas Pemegang Amanah oleh Garis Panduan Pendaftaran.

Penjagaan aset Skim

- 3.114 Semua aset Skim dipegang atas nama Pemegang Amanah untuk disimpan dengan selamat. Ini bermakna bahawa aset dana tidak boleh dijual atau dipindah milik oleh Skim tanpa kebenaran nyata daripada Pemegang Amanah. Pemegang Amanah memegang aset dana untuk pelabur, dan aset tersebut mesti dikenal pasti secara berasingan (daripada aset Pemegang Amanah sendiri dan aset Skim serta pelanggan lain) sebagai aset dana. Sub-penjaga boleh dilantik (dengan kelulusan SC), tetapi Pemegang Amanah masih bertanggungjawab untuk tindakan sub- penjaga yang diluluskan tersebut.

- 3.115 Pemegang Amanah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Skim menerima pendapatan (dan apa-apa kelayakan lain) daripada portfolio pelaburannya, dan bahawa pendapatan bersih Skim diagihkan sewajarnya kepada pelabur. Pemegang Amanah perlu berpuas hati bahawa bayaran yang perlu dibayar kepada Penyedia Skim daripada aset dana adalah wajar dan menurut surat ikatan dan prospektus.

Polisi dan urus niaga pelaburan

- 3.116 Pemegang Amanah mesti mengetahui polisi pelaburan Skim (yang ditetapkan oleh Penyedia Skim), dan memeriksa bahawa polisi tersebut adalah seperti yang diuraikan dalam prospektus dan dokumen pendedahan dana. Pemegang Amanah juga mesti berpuas hati bahawa polisi pelaburan tersebut adalah kukuh dan mengambil kira kepentingan pelabur. Setelah berpuas hati, Pemegang Amanah boleh memperoleh atau menjual pelaburan menurut arahan Penyedia Skim. Penyedia Skim perlu menghantar laporan pelaburan harian kepada Pemegang Amanah.
- 3.117 Pemegang Amanah juga perlu memastikan bahawa pelaburan tidak dilakukan untuk melanjutkan kepentingan Penyedia Skim (atau mana-mana pihak yang berkaitan dengan UTMC dan Penyedia PRS), atau untuk memudaratkan pelabur. Dengan erti kata lain, tidak boleh berlaku sebarang percanggahan antara kepentingan Penyedia Skim dan kepentingan pelabur Skim.

Berurusan dalam unit

- 3.118 Pemegang Amanah akan mewujudkan dan membatalkan unit dalam Skim (iaitu mengubah bilangan unit dalam pengedaran) atas permintaan Penyedia Skim, dan menurut Garis Panduan UTF dan Garis Panduan PRS. Sebagai contoh, kedua-dua garis panduan tersebut menetapkan bahawa Penyedia Skim mesti mewujudkan unit untuk bayaran tunai sahaja (yang mesti dibayar kepada Pemegang Amanah dalam tempoh 10 hari), dan pada harga yang ditentukan menurut surat ikatan, serta garis panduan UTF dan PRS. Pemegang Amanah juga perlu memastikan bahawa penilaian pelaburan dan proses pengiraan harga unit dijalankan oleh Penyedia Skim menurut surat ikatan dan garis panduan yang diguna pakai.
- 3.119 Pemegang Amanah boleh menolak untuk mewujudkan unit atau mewujudkan unit dalam jumlah yang diarahkan oleh Penyedia Skim jika mewujudkan sedemikian mengakibatkan pelanggaran surat ikatan, undang-undang sekuriti atau garis panduan yang diguna pakai. Begitu juga Pemegang Amanah boleh menolak untuk membatalkan unit atau membatalkan unit dalam jumlah yang diarahkan oleh Penyedia Skim jika pembatalan sedemikian bukan untuk kepentingan terbaik pelabur atau jika ia akan mengakibatkan pelanggaran surat ikatan, undang-undang sekuriti atau garis panduan yang diguna pakai.

Akaun dan audit

- 3.120 Pemegang Amanah Skim mesti menyimpan, dan memastikan bahawa Penyedia Skim menyimpan rekod perakaunan dan rekod lain yang akan memastikan bahawa Skim diuruskan dengan baik dan mematuhi surat ikatan, garis panduan dan undang-undang.
- 3.121 Sebagai perlindungan tambahan kepada pelabur, akaun Skim perlu diaudit pada akhir setiap tahun kewangan dana oleh juruaudit yang diluluskan. Di mana SC berpendapat bahawa juruaudit yang dilantik oleh Pemegang Amanah tidak sesuai, atau jika seorang juruaudit belum dilantik, SC boleh mengarahkan Pemegang Amanah untuk menggantikan atau melantik juruaudit kepada dana mengikut keperluan garis panduan.
- 3.122 Pemegang Amanah Skim, boleh dari semasa ke semasa, jika dianggap sesuai, menamatkan perkhidmatan juruaudit dana dan melantik juruaudit lain sebagai gantinya. Tambahan, pemegang Unit juga boleh meminta Pemegang Amanah untuk menggantikan juruaudit melalui resolusi biasa.

Laporan kepada Pelabur

- 3.123 Penyedia Skim bertanggungjawab untuk melaporkan kedudukan kewangan dana kepada pelabur dengan menerbitkan sekurang-kurangnya dua laporan (laporan interim dan laporan tahunan) bagi setiap tahun kewangan dana. Laporan untuk jangka masa yang diliputi mesti dihantar dalam tempoh dua bulan dari akhir tempoh kewangan tersebut. Laporan interim dan laporan tahunan dana mesti mengandungi penyata kewangan dana (termasuk mana-mana laporan audit). Penyata kewangan dalam laporan tahunan mesti diaudit oleh juruaudit yang diluluskan dan bebas yang dilantik oleh Pemegang Amanah.
- 3.124 Juga termasuk dalam laporan tahunan Skim adalah laporan Pemegang Amanah kepada pelabur dana (dikenali sebagai Penyata Pemegang Amanah). Dalam Penyata tersebut, Pemegang Amanah menyatakan, pada pendapatnya:
- (a) Penyedia Skim telah menguruskan dana menurut had yang dikenakan ke atas kuasa pelaburan Penyedia Skim di bawah surat ikatan, Garis Panduan UTF dan PRS, serta undang-undang berkenaan dan diguna pakai yang lain;
 - (b) penilaian/penetapan harga dijalankan menurut surat ikatan dan mana-mana keperluan kawal selia yang lain; dan
 - (c) pewujudan dan pembatalan unit dijalankan menurut surat ikatan dan mana-mana keperluan kawal selia yang lain.
- 3.125 Jika Pemegang Amanah berpendapat bahawa Penyedia Skim tidak berbuat demikian, maka Pemegang Amanah mesti mendedahkan kekurangan yang mungkin memberi kesan kepada keputusan pelabur sedia ada atau berpotensi untuk terus melabur atau melabur dalam dana. Pemegang Amanah juga mesti memaklumkan langkah yang diambil untuk menangani kelemahan dan mengelakkan kelemahan tersebut daripada berulang.

Fungsi pengawasan dan pelaporan kepada SC

- 3.126 Pemegang Amanah mesti melapor kepada SC jika ia berpendapat bahawa Penyedia Skim bagi sesuatu Skim tidak bertindak demi kepentingan pelabur, atau menurut surat ikatan, atau gagal mematuhi surat ikatan, garis panduan atau keperluan SC.
- 3.127 Oleh itu, adalah penting untuk Pemegang Amanah mengekalkan polisi dan prosedur yang memantau operasi dan pengurusan Penyedia Skim secara aktif. Ini dilakukan melalui tinjauan pematuhan secara berkala terhadap had dan proses pelaburan yang diamalkan oleh Penyedia Skim. Pemegang Amanah diminta untuk melaporkan sebarang pelanggaran prosedur. Audit tahunan yang dijalankan ke atas penyata kewangan dana oleh juruaudit bebas yang dilantik oleh Pemegang Amanah memberi kredibiliti kepada keseluruhan fungsi pengawasan.

Pengawalseliaan Pemasaran dan Pengedaran SUA dan PRS

- 3.128 Mengawal selia proses pemasaran dan pengedaran adalah bahagian penting dalam pengawalseliaan industri SUA dan PRS di Malaysia. Tumpuan bahagian ini adalah pada keperluan yang diguna pakai:
- (a) bagi mereka yang ingin menjadi Perunding berdaftar;
 - (b) bagi struktur agensi Perunding; dan
 - (c) secara ringkas, bagi proses pendaftaran yang berkaitan dengan IUTA/IPRA dan CUTA/CPRA.
- 3.129 Bab 5 panduan pembelajaran ini meliputi kawalan, melalui kod etika, yang diguna pakai untuk aktiviti harian Pengedar dan Perunding.
- 3.130 Sehingga tahun 1998, seorang jurujual SUA hanya perlu memenuhi keperluan dalaman UTMC sebelum dilantik oleh UTMC tersebut untuk menjual unit dalam SUA.
- 3.131 Walau bagaimanapun, memandangkan betapa pentingnya peranan jurujual dalam industri SUA, SC dan FIMM mengakui bahawa jurujual sedemikian perlu didaftarkan dan diberi kuasa sewajarnya untuk memasarkan dan mengedarkan unit dalam SUA. Berikutan ini, proses pendaftaran dan peperiksaan telah dibangunkan. Calon yang berjaya akan ditauliahkan secara rasmi sebagai Perunding SUA yang berdaftar dan layak mengedarkan unit dalam SUA yang diuruskan oleh UTMC.
- 3.132 Pada Februari 2000, FIMM mengeluarkan Garis Panduan Pendaftaran Penasihat Institusi (IUTA) bagi Pemasaran dan Pengedaran Unit Amanah. Garis Panduan ini membolehkan pengedaran SUA untuk merangkumi organisasi yang mempunyai rangkaian cawangan yang luas dan pengawalseliaan yang mantap seperti bank dan wakil penjual sekuriti.
- 3.133 Berikutan pengenalan Garis Panduan Pendaftaran Penasihat Korporat Unit Amanah (CUTA) bagi Pemasaran dan Pengagihan Unit Amanah yang

dikeluarkan pada Oktober 2007, akses kepada SUA diperluaskan lagi untuk merangkumi perancang kewangan yang berlesen daripada SC. Selanjutnya, Garis Panduan Pendaftaran IUTA untuk Pemasaran dan Pengedaran Unit Amanah telah digabungkan dengan garis panduan pendaftaran untuk CUTA, IPRA dan CPRA, yang kini dirujuk sebagai Peraturan Disatukan FIMM (FCR).

- 3.134 Kakitangan IUTA dan CUTA yang memenuhi keperluan untuk menjadi Perunding SUA boleh menjual unit dalam SUA yang dikeluarkan oleh UTMIC yang telah memasuki perjanjian pengedaran dengan IUTA dan CUTA.
- 3.135 Semua yang memasuki industri SUA dengan hasrat untuk memasarkan dan mengagihkan unit perlu memenuhi piawaian pendidikan minimum dan lulus peperiksaan sebelum pendaftaran selesai. Hanya mereka yang berdaftar dibenarkan untuk memasarkan dan mengedarkan SUA.
- 3.136 Dengan pengenalan rangka kerja PRS, saluran pengedaran PRS (IPRA dan CPRA) juga telah dikawal selia untuk memastikan piawaian tingkah laku yang tinggi dan penyampaian nasihat yang wajar atau asas untuk melakukan cadangan kepada individu dan syarikat.

Kategori Pengedar dan Perunding Skim

- 3.137 Semua Perunding yang berdaftar boleh dikategorikan mengikut kategori pendaftaran Pengedar seperti yang dinyatakan dalam **Jadual 3.3**:

Jadual 3.3 Kategori Perunding dan Pengedar berdaftar

Kategori Pengedar	Kategori Perunding
(a) UTMIC; dan (b) Penyedia PRS	(i) Ejen terikat kepada UTMIC/Penyedia PRS, iaitu, ejen yang dilantik oleh UTMIC /Penyedia PRS untuk menjual unit dalam SUA/PRS yang diurus oleh UTMIC /Penyedia PRS tersebut (ii) Kakitangan UTMIC/Penyedia PRS
(a) IUTA; dan (b) IPRA	(i) Ejen terikat kepada IUTA/IPRA yang juga merupakan UTMIC/Penyedia PRS (ii) Kakitangan IUTA/IPRA.
(a) CUTA; dan (b) CPRA	(i) Kakitangan CUTA/CPRA (ii) Individu yang dilesenkan oleh SC untuk menjalankan aktiviti perancangan kewangan

Tempat Pengedaran dan Pengumpulan

- 3.138 Lampiran 2-A dan 2-B dalam FCR memperuntukkan bahawa Pengedar perlu memastikan terdapat sekurang-kurangnya dua Perunding di setiap Tempat Pengedaran pada setiap masa.
- 3.139 Kakitangan di 'Tempat Pengumpulan' dalam rangkaian pengedaran IUTA, IPRA, CUTA dan CPRA tidak perlu didaftarkan sebagai Perunding, memandangkan peranan mereka tidak melibatkan 'berurusan dalam SUA' dan 'berurusan dalam PRS' (lihat di bawah). Tidak seperti tempat pengedaran di mana premis perniagaan digunakan untuk pemasaran dan pengedaran Skim, tempat pengumpulan merujuk kepada premis perniagaan yang digunakan untuk mengumpul dokumen yang berkenaan daripada pelabur.
- 3.140 Kakitangan di tempat pengumpulan tidak boleh menawarkan, menjual, memasarkan dan mengedarkan Skim. Mereka juga tidak dibenarkan untuk menyediakan dan melengkapkan borang pesanan bagi sesuatu urusan niaga dalam Skim ataupun menandatangani dokumen sebagai Perunding.

Struktur Agensi

- 3.141 Hanya Penyedia Skim, rangkaian pengedaran yang diberi kuasa dan Perunding yang berdaftar dibenarkan untuk memasarkan dan/atau mengedarkan Skim.
- 3.142 Oleh itu, sesiapa yang layak untuk mendaftar sebagai Perunding mesti membuat permohonan melalui Pengedar yang akan membuat permohonan kepada FIMM dalam format dan cara yang diperlukan. Pengedar bertanggungjawab untuk memastikan kelayakan mana-mana pemohon dan juga ketepatan dan kelengkapan maklumat dan dokumen yang diberikan oleh pemohon.
- 3.143 SC bertujuan untuk melindungi pelabur dengan mengenakan had ke atas saiz dan struktur agensi yang dikendalikan oleh Pengedar. Had ini dihuraikan dalam FCR dan bertujuan untuk memastikan penyeliaan yang sewajarnya dijalankan ke atas aktiviti setiap ejen.
- 3.144 Struktur agensi secara lazimnya (dirujuk dalam FCR sebagai "Unit") dijelaskan lebih lanjut dalam **Jadual 3.4**:

Jadual 3.4 Keperluan struktur agensi untuk Pengedar

Kategori Pengedar	Keperluan di bawah FCR
UTMC / Penyedia PRS	Unit Agensi Penyedia Skim yang melantik individu bebas (iaitu, kakitangan tidak bergaji Penyedia Skim) untuk berurusan dengan unit dalam Skim dan unit agensi dibentuk, bilangan peringkat dalam unit agensi mesti diseragamkan dan tidak melebihi empat peringkat, yang terdiri daripada — (a) pengurus agensi kumpulan; (b) pengurus agensi; (c) penyelia agensi; dan (d) ejen. Walau bagaimanapun, Penyedia Skim amat digalakkan untuk mengurangkan bilangan peringkat dalam struktur agensi sehingga ke peringkat paling minimum demi kepentingan pelabur. Saiz Unit Agensi • Unit agensi tidak boleh melebihi 50 orang pada setiap masa. • Unit terdiri daripada seorang “penyelia” (ditakrifkan sebagai tiga peringkat atasan sahaja, iaitu, sama ada pengurus kumpulan agensi atau pengurus agensi atau penyelia agensi) dan orang bawahan beliau. • Seorang ejen tidak dibenarkan melakukan pengambilan pekerja.

IUTA/IPRA	Unit Agensi 1. Penyedia Skim yang juga berdaftar sebagai IUTA/IPRA boleh membentuk unit agensi di antara Perundingnya dengan syarat bahawa ia memenuhi keperluan penubuhan unit agensi sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan di bawah; • Bilangan peringkat dalam unit agensi mesti diseragamkan dan tidak melebihi empat peringkat, yang terdiri daripada— (a) pengurus agensi kumpulan; (b) pengurus agensi; (c) penyelia agensi; dan (d) ejen. • Unit agensi tidak boleh melebihi 50 orang pada setiap masa. • Unit terdiri daripada seorang “penyelia” (ditakrifkan sebagai tiga peringkat atasan sahaja, iaitu, sama ada pengurus kumpulan agensi atau pengurus agensi atau penyelia agensi) dan orang bawahan beliau. • Seorang ejen tidak dibenarkan melakukan pengambilan pekerja. 2. IUTA/IPRA yang merupakan pemegang CMSL selain dari yang disebut dalam perenggan 1 di atas hanya boleh membentuk unit agensi peringkat satu di kalangan Perundingnya.
CUTA / CPRA	CUTA/CPRA mesti mempunyai pengaturan pengedaran atau sub-pengedaran yang membolehkannya memasarkan dan mengedarkan Skim sekurang-kurangnya 2 penerbit termasuk pengendali pada setiap masa. CUTA/CPRA tidak dibenarkan memasuki perjanjian sub-pengedaran dengan IUTA yang merupakan institusi kewangan yang dinyatakan sebagai “orang berdaftar” di bawah Perkara (1)(g) Bahagian 1 dalam Jadual 4 CMSA. Unit Agensi CUTA/CPRA boleh membentuk unit agensi di kalangan Perundingnya dengan syarat ia mematuhi keperluan penubuhan unit agensi seperti yang dinyatakan di bawah:

Peringkat dalam Struktur Agensi

Di mana individu bebas (iaitu, kakitangan tidak bergaji CUTA/CPRA) dilantik untuk berurusan dengan unit dalam Skim dan unit agensi dibentuk, bilangan peringkat dalam unit agensi mesti diseragamkan dan tidak melebihi tiga peringkat, yang terdiri daripada—

- (a) pengurus agensi kumpulan;
- (b) penyelia agensi; dan
- (c) ejen.

Walau bagaimanapun, CUTA amat digalakkan untuk mengurangkan bilangan peringkat dalam struktur agensi sehingga ke peringkat paling minimum demi kepentingan pelabur

Unit Saiz Unit Agensi

- Unit agensi tidak boleh melebihi 36 orang pada setiap masa.
- Unit terdiri daripada seorang “penyelia” (ditakrifkan sebagai tiga peringkat atasan sahaja, iaitu, sama ada pengurus kumpulan agensi atau pengurus agensi atau penyelia agensi) dan orang bawahan beliau.
- Seorang ejen tidak dibenarkan melakukan pengambilan pekerja.

Keperluan untuk Mengawal Selia Perunding

- 3.145 Semua orang yang terlibat dalam pemasaran dan pengedaran SUA dan PRS dianggap sebagai ‘berurusan dalam unit amanah’ dan ‘berurusan dalam PRS’ masing-masing.
- 3.146 Pengedar SUA dan PRS mesti dilesenkan untuk menjalankan aktiviti kawal selia yang berurusan dalam SUA dan PRS di bawah Jadual 2 CMSA atau termasuk dalam jenis orang berdaftar di bawah Jadual 4 CMSA. Pengedar ini diwakili oleh Perunding yang mesti berdaftar dengan FIMM.
- 3.147 Prinsip asasnya adalah untuk memastikan bahawa semua Perunding memperoleh pengetahuan minimum industri sebelum menemui bakal pelabur. Perunding selalunya adalah titik pertemuan pertama bagi pelabur. Bagi Perunding PRS, mereka juga bertemu dengan majikan.
- 3.148 Perunding mempunyai kewajipan kepada pelabur dan bakal pelabur. Mereka dijangka untuk:
- (a) bertindak secara jujur, berintegriti dan bermaruah selain berkelakuan secara profesional dan beretika;
 - (b) melayan ahli dengan penuh hormat dan mendedahkan semua maklumat penting bagi pelabur membuat keputusan pelaburan yang termaklum; dan
 - (c) tidak memberi gambaran yang salah mengenai Skim, dana atau prestasi lampau dana apabila memasarkan Skim.

- 3.149 Perunding yang berdaftar dengan dan diberi kuasa oleh FIMM untuk memasarkan dan mengedarkan Skim akan diberikan kad kuasa. Hanya kad yang dikeluarkan oleh FIMM diiktiraf bagi tujuan pemasaran dan pengedaran unit. Perunding mesti menunjukkan kad kuasa beliau kepada pelabur apabila memasarkan dan mengedarkan Skim.
- 3.150 Sebagai sebahagian daripada tugas Perunding dan Pengedar untuk bertindak secara jujur, adil dan profesional, mereka mesti menjalankan penilaian kesesuaian sebelum mencadangkan produk pasaran modal yang tidak tersenarai kepada pelabur. Keperluan yang berkaitan dengan penilaian kesesuaian dihuraikan lebih lanjut dalam Bab 4 panduan pembelajaran ini.

Keperluan Kelayakan bagi Pendaftaran sebagai Perunding

- 3.151 Individu yang ingin mendaftar sebagai Perunding yang memasarkan dan mengedarkan Skim mesti mematuhi keperluan yang berkenaan seperti yang dinyatakan dalam FCR.
- 3.152 Individu tersebut mestilah:
- (a) berumur sekurang-kurangnya 21 tahun;
 - (b) mendapat kepujian untuk mana-mana tiga (3) mata pelajaran dalam SPM atau yang setaraf dengannya; dan
 - (c) lulus Peperiksaan Unit Amanah atau Peperiksaan PRS yang dijalankan oleh FIMM (melainkan beliau dikecualikan di bawah FCR di mana butirannya adalah seperti yang dinyatakan dalam perkara (ii) Lampiran 1-A dan 1-B FCR).
- 3.153 Di samping itu, mereka juga mesti memenuhi kriteria yang sesuai dan wajar seperti berikut:
- (a) kejujuran, integriti dan reputasi yang baik;
 - (b) kecekapan dan keupayaan; dan
 - (c) kekukuhan kewangan dan kemampuan bayar.
- 3.154 Bab 4 dalam Peraturan Disatukan FIMM menyediakan butiran lanjut mengenai faktor yang mungkin dipertimbangkan apabila menilai sama ada Perunding memenuhi keperluan sesuai dan wajar. Faktor ini termasuk yang berikut:
- (a) Kejujuran, integriti dan reputasi yang baik
 - (i) hak untuk menjalankan perdagangan atau profesion yang memerlukan pendaftaran khusus atau kebenaran lain, sama ada di Malaysia atau di tempat lain, tidak dihalang atau dibataskan;
 - (ii) tidak mendapat celaan, teguran, tindakan disiplin, penggantungan atau ditolak keahlian atau pendaftaran oleh FIMM, SC, atau pihak berkuasa atau badan lain, sama ada di Malaysia atau di tempat lain.
 - (b) Kecekapan dan keupayaan
 - (i) mempunyai rekod prestasi atau kepakaran masa lalu yang memuaskan, dengan pemahaman mengenai sifat perniagaan yang

- ingin dijalankan berkaitan pendaftaran dengan FIMM;
 - (ii) mempunyai pengetahuan, kemahiran dan pengalaman untuk memahami, mengendalikan dan menguruskan aktiviti kawal selia berkaitan pendaftaran dengan FIMM.
- (c) Kekukuhan kewangan dan kemampuan bayar
- (i) adalah atau tertakluk kepada pelaksanaan berkaitan dengan hutang penghakiman yang belum dipenuhi, secara keseluruhan atau sebahagian, sama ada di Malaysia atau di tempat lain; dan
 - (ii) telah memasuki penyelesaian tolak ansur atau skim pengaturan dengan pemiutang atau melakukan penyerahan hak bagi kepentingan pemiutang, sebagai penyelesaian tolak ansur atau skim pengaturan atau penyerahan hak yang masih beroperasi, sama ada di Malaysia atau di tempat lain.
- 3.155 Pemohon yang memohon untuk mendaftar sebagai Perunding mesti mengemukakan akuan berkanun dengan cara yang ditentukan oleh FIMM kepada Prinsipal yang dimaksudkan. Seorang yang didaftarkan oleh FIMM sebagai Pengedar atau Perunding di bawah FCR diminta untuk sentiasa memenuhi kriteria sesuai dan wajar semasa pendaftaran. Kegagalan untuk memenuhi mana-mana kriteria yang sesuai dan wajar merupakan ketidakpatuhan kepada peraturan. FIMM boleh menggantung atau membatalkan pendaftaran tersebut atau mengambil tindakan lain yang dianggap sesuai.
- 3.156 Pengedar bertanggungjawab untuk memantau pematuhan berterusan kriteria sesuai dan wajar oleh Perundingnya dan mesti memaklumkan FIMM dengan segera sekiranya Pengedar mendapati bahawa Perundingnya tidak lagi bersikap sesuai dan wajar.
- 3.157 Pengedar juga perlu memastikan bahawa Perunding mereka mematuhi perkara berikut:
- (a) Seorang Perunding hanya boleh mewakili satu Prinsipal;
 - (b) Seorang Perunding hanya boleh berurusan dengan Skim Prinsipalnya atau yang diedarkan oleh Prinsipalnya dan tidak boleh membuat pengaturan untuk mengedarkan Skim Penyedia Skim yang lain atau yang diedarkan oleh Pengedar lain;
 - (c) Perunding SUA dari UTMCI dan Perunding PRS dari Penyedia PRS atau IUTA dan IPRA yang memegang CMSRL untuk menjalankan aktiviti perancangan kewangan yang dikawal selia seperti yang ditakrifkan dalam CMSA dan berhasrat untuk mewakili CPRA atau IPRA mesti menamatkan pendaftaran beliau dengan sewajarnya sebagai Perunding SUA dari UTMCI dan Perunding PRS dari Penyedia PRS sebelum memohon untuk mendaftar sebagai Perunding SUA CPRA dan Perunding PRS IPRA;
 - (d) IUTA dan IPRA perlu memastikan bahawa hanya kakitangan sepenuh masa mereka boleh mendaftar sebagai Perunding. Sekatan ini tidak diguna pakai jika IUTA dan IPRA merupakan UTMCI atau syarikat insurans berlesen atau pengendali takaful yang berdaftar; dan

- (e) CUTA dan CPRA perlu memastikan bahawa hanya kakitangan sepenuh masa mereka yang memegang CMSRL untuk aktiviti perancangan kewangan yang dikawal selia yang boleh mendaftar sebagai Perunding.

Tempoh Pendaftaran Perunding

- 3.10 Pendaftaran Perunding akan berakhir pada 31 Disember setiap tahun kalendar pendaftaran tersebut melainkan permohonan untuk pembaharuan dilakukan oleh Perunding sedemikian menurut Manual Pendaftaran FIMM. Namun begitu, FIMM boleh menggantung atau membatalkan pendaftaran Perunding pada bila-bila menurut peruntukan yang dinyatakan dalam FCR.

Perubahan kepada Pendaftaran Perunding

- 3.11 Seorang Perunding mesti mendapat kelulusan FIMM untuk mengubah pendaftaran beliau dalam keadaan berikut:
 - (a) Apabila hubungan antara Perunding dan Prinsipnya berubah daripada kakitangan kepada ejen atau sebaliknya; dan
 - (b) Apabila Perunding menukar Prinsipal.
- 3.12 Mana-mana bekas Perunding yang telah meninggalkan industri SUA atau PRS selama lebih dari tiga tahun mesti menduduki peperiksaan SUA atau PRS jika beliau berhasrat untuk mendaftar semula sebagai Perunding SUA atau Perunding PRS.

Pembatalan Pendaftaran atau Pemberhentian Perunding

- 3.13 Sekiranya seorang Perunding meletak jawatan dari atau diberhentikan oleh Prinsipal beliau, Prinsipal tersebut mesti meminta Perunding mengembalikan kad kuasa FIMM beliau kepada Prinsipal. Prinsipal juga mesti meminta Perunding yang meletak jawatan untuk menghantar surat peletakan jawatan kepada Prinsipal.
- 3.14 Pengedar mesti memaklumkan peletakan jawatan atau pemberhentian Perunding melalui sistem pendaftaran FIMM.

Penggantungan dan Pembatalan Pendaftaran

- 3.15 FIMM boleh menggantung atau membatalkan pendaftaran Perunding pada bila-bila masa atas sebab berikut:
 - (a) Perunding gagal memenuhi mana-mana keperluan kelayakan;
 - (b) CMSRL Perunding yang berkenaan digantung atau dibatalkan oleh SC;
 - (c) Perunding gagal mematuhi peraturan, garis panduan, undang-undang kecil, kod, arahan atau piawaian berkenaan yang dikeluarkan oleh FIMM, pengawalseliaan atau garis panduan yang dikeluarkan oleh SC, undang-

- undang sekuriti atau undang-undang lain yang diguna pakai;
 - (d) SC mengeluarkan arahan kepada FIMM untuk menggantung atau membatalkan pendaftaran Perunding; atau
 - (e) apa-apa maklumat atau pengakuan dalam sebarang akuan berkanun yang diberikan oleh Perunding bagi tujuan pendaftaran dengan FIMM didapati sebagai palsu, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.
- 3.16 Di samping itu, pendaftaran Perunding boleh digantung atau dibatalkan sekiranya—
- (a) pendaftaran Prinsipal beliau dibatalkan;
 - (b) pendaftaran Prinsipal beliau digantung; atau
 - (c) Prinsipal beliau menamatkan operasi.

Pengawalseliaan untuk CIS Lain

Amanah Pelaburan Harta Tanah (REIT)

- 3.158 Memandangkan pada dasarnya harta tanah adalah satu kelas aset bagi SUA, terdapat keperluan khusus yang berkaitan dengan operasi REIT:

REIT yang Tersenarai

- (a) Hanya boleh melabur dalam hartanah, aset bukan hartanah dan; tunai, deposit dan instrumen pasaran wang; dan
- (b) Sekurang-kurangnya 75% daripada jumlah nilai aset REIT mesti dilaburkan dalam hartanah, yang menjana pendapatan sewa berulang pada setiap masa;

REIT yang Tidak Tersenarai

- (a) Hanya boleh melabur dalam hartanah, syarikat satu guna, aset berkaitan hartanah dan tunai, deposit dan instrumen pasaran wang;
- (b) Sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah nilai aset dana mesti dilaburkan dalam hartanah dan/atau syarikat satu guna pada setiap masa; dan
- (c) Pelaburan dana dalam aset bukan berkaitan hartanah dan/atau tunai, deposit dan instrumen pasaran wang tidak boleh melebihi 25% daripada jumlah nilai aset dana.

- 3.159 Keperluan SC juga meliputi kualiti aset dan penilaian harta tanah yang dibeli untuk SUA, termasuk pelupusannya memandangkan mungkin terdapat kaitan antara penganjur SUA dengan penjual harta tanah yang dibeli bagi pihak SUA. Semua penilaian harta tanah mesti sentiasa mematuhi Garis Panduan Penilaian Aset SC.
- 3.160 Terdapat beberapa perbezaan utama antara keperluan yang berkaitan dengan REIT dan SUA lain, di mana kebanyakannya menunjukkan perbezaan dalam portfolio pelaburan seperti berikut:
- (a) Penilaian harta tanah yang dipegang oleh SUA adalah berbeza daripada

ekuiti yang tersenarai di Bursa Malaysia. Garis Panduan REIT menyediakan butiran mengenai cara penilaian harta tanah perlu dijalankan. Selain itu, penilai diluluskan yang sama tidak boleh melakukan lebih daripada dua penilaian berturut-turut bagi sebarang harta tanah tertentu. Pemegang Amanah akan membuat penilaian semula untuk mana-mana keping harta tanah yang dipegang secara langsung oleh amanah, atau dipegang secara tidak langsung melalui pemegangan ekuiti syarikat satu tujuan, untuk dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali dalam setiap tiga tahun dari tarikh penilaian terakhir.

- (b) Walaupun REIT yang tersenarai tidak perlu membeli balik unit daripada pemegang unit (sebaliknya, pelabur boleh menjual unit mereka melalui Bursa Malaysia), REIT yang tidak tersenarai biasanya dijangka membeli balik unit daripada pelabur dalam tempoh 30 hari (14 hari jika UTMC membeli balik unit daripada pemegang unit buat sementara waktu sebelum menjual atau membatalkan unit tersebut dengan Pemegang Amanah) dari tarikh penerimaan permintaan untuk belian balik. Jika Pemegang Amanah percaya bahawa pembatalan unit bukan dilakukan untuk kepentingan pemegang unit, contohnya, di mana aset harta tanah SUA tidak boleh dijual pada harga yang sesuai atau mengikut syarat yang sewajarnya, Pemegang Amanah boleh menggantung perjanjian (kewajipan) belian balik di bawah surat ikatan tersebut dengan kelulusan SC. Pemegang Amanah SUA kemudiannya mesti memanggil mesyuarat pemegang unit untuk mempertimbangkan masa depan SUA.
- (c) Saiz permulaan minimum REIT mestilah RM100 juta, dan jumlah ini mungkin meningkat selepas pelancaran SUA yang berikutnya. Peminjaman boleh digunakan untuk memperoleh harta tanah dan syarikat satu tujuan (bagi REIT yang tersenarai dan yang tidak tersenarai) dan untuk menebus unit (untuk REIT yang tidak tersenarai). Walau bagaimanapun, jumlah peminjaman tidak boleh melebihi 50% daripada jumlah nilai aset SUA pada masa pinjaman tersebut berlaku; dan
- (d) UTMC bagi REIT boleh menyandarkan aset SUA untuk menjamin peminjaman sehingga tahap yang dibenarkan di atas. Kelulusan Pemegang Amanah dan SC mestilah diperolehi terlebih dahulu untuk melepasi tahap peminjaman yang dibenarkan.

Dana Dagangan Bursa (ETF)

- 3.161 Aset ETF hanya boleh terdiri daripada sekuriti boleh alih, unit atau saham dalam CIS, derivatif; dan deposit dan instrumen pasaran wang.
- 3.162 Berat komponen dalam asset ETF mungkin berdasarkan strategi-strategi berikut:
 - (a) Replikasi sepenuhnya dengan melaburkan semua atau hampir semua asetnya dalam keseluruhan komponen indeks;
 - (b) Pengambilan sampel wakil bagi komponen-komponen indeks; atau
 - (c) Replikasi sintetik bagi komponen-komponen indeks ETF yang dijejaki.

- 3.163 Sebagai dana penjejakan indeks tersenarai dengan objektif utama untuk mencapai pulangan yang sama seperti indeks pasaran tertentu dengan melaburkan semua atau hampir semua asetnya dalam sekuriti-sekuriti komponen indeks, Garis Panduan ETF memerlukan indeks asas yang dijejak oleh ETF untuk memenuhi keperluan berikut:
- (a) Mempunyai objektif yang jelas;
 - (b) Sesuai mencerminkan ciri-ciri pasaran atau sektor;
 - (c) Diversifikasi dengan memastikan berat maksimum setiap komponen tidak melebihi 20% daripada indeks;
 - (d) Di mana suatu indeks terdiri hanya daripada komponen yang bukan saham, berat maksimum bagi satu komponen sahaja boleh ditingkatkan tetapi tidak melebihi 35% daripada indeks;
 - (e) Berasaskan secara meluas;
 - (f) Secukupnya cair; dan
 - (g) Telus dan mudah diakses oleh pelabur.
- 3.164 Selain itu, Garis Panduan juga mengenakan beberapa sekatan pelaburan yang termasuk, antara lain:
- (a) Pelaburan dalam sekuriti yang tidak didagangkan di pasaran yang layak tidak boleh melebihi 10% daripada dana NAV;
 - (b) Pelaburan dalam instrumen pasaran wang, sekuriti ekuiti, sekuriti debit yang diterbitkan oleh mana-mana penerbit tunggal tidak boleh melebihi 15% daripada dana NAV;
 - (c) Penempatan dalam deposit dengan mana-mana institusi kewangan tunggal tidak boleh melebihi 20% daripada dana NAV;
 - (d) Dana itu boleh menyertai kontrak niaga hadapan yang secukupnya cair, didagangkan di bursa di mana rumah pembersihan berfungsi sebagai pihak lawan pusat, mempunyai perdagangan yang dicirikan oleh penilaian harian kedudukan kontrak berdasarkan nilai pasaran dan tertakluk kepada penjaminan sekurang-kurangnya setiap hari; dan diselesaikan dalam tunai.

Bergantung kepada sifat dana dan objektif pelaburan, SC mungkin mempertimbangkan variasi had dan sekatan berdasarkan permohonan daripada UTMCI..

Lampiran 3.1A – Panduan Lembaran Pengenalan Produk SUA

Tarikh Dikeluarkan:
Penyataan Tanggungjawab
Lembaran Pengenalan Produk ini telah dikaji semula dan diluluskan oleh pengarah dan/atau jawatankuasa yang diberi kuasa dan/atau individu yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah (nama Pengeluar Produk) dan mereka telah menerima secara kolektif dan individu menerima tanggungjawab sepenuhnya terhadap ketepatan maklumat tersebut. Setelah membuat semua pertanyaan yang munasabah, mereka mengesahkan sebaik-baiknya menurut pengetahuan dan kepercayaan mereka, bahawa tiada kenyataan yang salah atau mengelirukan atau pengabaian fakta lain yang akan menyebabkan mana-mana kenyataan dalam Lembaran Pengenalan Produk menjadi salah atau mengelirukan.
Penyataan Penafian
*Pilih Sampel yang berkaitan dengan Produk Pasaran Modal Tidak Tersenarai anda.
Sampel 1 — Untuk produk yang memerlukan Kebenaran/Pengiktirafan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah memberi kebenaran/mengiktiraf penerbitan (nama produk pasaran modal tidak tersenarai) dan salinan Lembaran Pengenalan Produk ini telah dihantar kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Kebenaran daripada (nama produk pasaran modal tidak tersenarai) dan penghantaran Lembaran Pengenalan Produk ini tidak seharusnya dianggap sebagai satu cadangan daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia terhadap (nama produk pasaran modal tidak tersenarai) atau sebagai tanggungjawab terhadap ketepatan mana-mana kenyataan yang dibuat, pendapat, atau laporan yang disampaikan dalam Lembaran Pengenalan Produk ini. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kegagalan pendedahan oleh (nama Pengeluar Produk) yang bertanggungjawab terhadap (nama produk pasaran modal tidak tersenarai) dan tidak mengambil tanggungjawab terhadap kandungan Lembaran Pengenalan Produk ini. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak membuat sebarang perwakilan mengenai ketepatan atau kesempurnaan Lembaran Pengenalan Produk ini dan secara jelas menafikan sebarang liabiliti yang timbul daripada, atau bergantung kepada, keseluruhan atau mana-mana bahagian kandungannya.
Sampel 2 — Untuk produk di bawah Rangka Kerja Penyerahan dan Pelancaran
Maklumat dan dokumen yang relevan berkaitan dengan (nama produk pasaran modal tidak tersenarai), termasuk salinan Lembaran Pengenalan Produk ini telah dihantar kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia di bawah Kerangka Penyerahan dan Pelancaran Penghantaran maklumat dan dokumen yang relevan berkaitan dengan (nama produk pasaran modal tidak tersenarai), termasuk Lembaran Pengenalan Produk ini, tidak seharusnya dianggap sebagai satu cadangan daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia terhadap (nama produk pasaran modal tidak tersenarai) atau sebagai tanggungjawab terhadap ketepatan mana-mana kenyataan yang dibuat, pendapat, atau laporan yang disampaikan dalam Lembaran Pengenalan Produk ini. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kegagalan pendedahan oleh (nama Pengeluar Produk) yang bertanggungjawab terhadap (nama produk pasaran modal tidak tersenarai) dan tidak mengambil tanggungjawab terhadap kandungan Lembaran Pengenalan Produk ini. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak membuat sebarang perwakilan mengenai ketepatan atau kesempurnaan Lembaran Pengenalan Produk ini dan secara jelas menafikan sebarang liabiliti yang timbul daripada, atau bergantung kepada, keseluruhan atau mana-mana bahagian kandungannya.

CATATAN: Rangka ini hanya berfungsi sebagai **PANDUAN**. Pembentangan, gaya, kandungan, dan jenis maklumat di bawah ini perlu diubah mengikut jenis produk pasaran modal tidak tersenarai yang ditawarkan. Walau bagaimanapun, maklumat yang diperlukan dalam perenggan 3.06 mesti disertakan dalam Lembaran Pengenalan Produk (PHS) mengikut jenis produk pasaran modal tidak tersenarai yang ditawarkan.

Lembaran Pengenalan Produk ini hanya menekankan ciri utama dan risiko produk pasaran modal tidak tersenarai ini. Pelabur dinasihatkan untuk meminta, membaca, dan memahami dokumen pendedahan sebelum membuat keputusan untuk melabur.

Lembaran Sorotan Produk

Nama Produk

MAKLUMAT RINGKAS MENGENAI PRODUK

1. Apakah produk ini?

Penerangan ringkas mengenai produk ini boleh merangkumi maklumat berikut:

- *Jenis produk*
- *Nama pengeluar*
- *Boleh dipanggil oleh pengeluar (Ya/Tidak)*
- *Dilindungi atau dijamin modal (Ya/Tidak)*

KESESUAIAN PRODUK

2. Siapakah yang sesuai untuk produk ini?

Nyatakan dengan ringkas jenis pelabur yang sesuai untuk produk ini. Maklumat yang disediakan boleh merangkumi:

- *Objektif pulangan seperti pendapatan / pertumbuhan modal / pemeliharaan modal*
- *Sama ada pelaburan utama mereka akan berisiko*
- *Berapa lama mereka bersedia untuk memegang pelaburan mereka*
- *Maklumat lain yang penting bagi produk yang akan membantu pelabur menentukan sama ada produk ini sesuai untuk mereka*

CIRI-CIRI UTAMA PRODUK

3. Apakah yang saya laburkan?

- Tarikh penerbitan
- Harga penerbitan
- Saiz penerbitan
- Tarikh matang
- Tempoh penerbitan
- Penerbitan pada nilai nominal/premium/diskaun
- Kadar keuntungan/kupon/sewa
- Penarafan dan agensi penarafan
- Kekerapan beli balik
- Kerugian/keuntungan maksimum (dalam peratus)
- Wakil dan jaminan
- ☐ Sekatan penjualan/perdagangan
- ☐ Butiran penggunaan hasil
- ☐ Aset asas
- ☐ Objektif pelaburan, contohnya tumpuan pelaburan (jenis aset, peruntukan, negara, pasaran/ sektor/industri), teknik/pendekatan yang digunakan dalam pengurusan portfolio
- ☐ Sama ada produk ini akan menggunakan strategi derivatif atau pelaburan dalam produk yang disusun

**Untuk menerangkan ciri-ciri ini dengan jadual, rajah atau ilustrasi yang berkaitan jika perlu*

4. Dengan siapa saya melabur?

- [Nyatakan nama semua pihak yang berkaitan yang terlibat dalam struktur produk, contohnya pengeluar, asal usul, penyedia perkhidmatan, pihak lawan, penjamin, pemegang amanah, penjaga, penaja utama, penasihat Shariah, akauntan pelapor dan sebagainya.
- Nyatakan sebarang konflik kepentingan, jika berkenaan.]

5. Apakah hasil yang mungkin bagi pelaburan saya?

[Untuk menerangkan kemungkinan keuntungan/kerugian dalam senario terbaik dan terburuk dan sebarang senario lain yang mungkin berlaku.]

RISIKO UTAMA

6. Apakah risiko utama yang berkaitan dengan produk ini?

- *[Nyatakan risiko utama yang biasanya berlaku, atau yang mungkin menyebabkan kerugian yang ketara jika ia berlaku, atau kedua-duanya. Risiko yang khusus kepada produk juga perlu dinyatakan. Berikan penekanan dengan format yang sesuai di tempat di mana pelabur mungkin kehilangan semua pelaburan awal mereka.]*
- *Untuk dana amanah saham (unit trust), seorang perunding dana amanah (UTC) mungkin mewakili sebuah syarikat yang mengedarkan dana amanah saham yang menggunakan sistem nominee dan hak sebagai pemegang unit mungkin terhad jika pelabur melabur dalam dana amanah saham melalui sistem ini. Jika syarikat yang mengedarkan dana amanah saham menggunakan sistem nominee, perlu dinyatakan jika hak sebagai pemegang unit akan terhad dalam apa-apa cara.*

YURAN DAN CAJ

7. Apakah yuran dan caj yang terlibat?

- *Semua yuran dan caj yang berkaitan perlu dibayar (iaitu yuran pengurusan, yuran pengedaran, yuran penebusan, yuran penukaran dan mana-mana yuran yang penting melebihi 0.08% daripada NAV atau nilai langganan).*
- *Nyatakan jika yuran perlu dibayar sekali sahaja atau setiap tahun.*
- *Jika yuran boleh dinaikkan kemudian, sila nyatakan.*
- *Nyatakan jika caj boleh dirundingkan.*
- *Untuk dana amanah saham atau skim persaraan swasta, jika pelabur menebus unit dalam dana amanah saham dan kemudian membeli unit dalam dana lain, pelabur kemungkinan besar perlu membayar caj jualan. Walau bagaimanapun, jika pelabur menukar dari satu dana ke dana lain yang dikendalikan oleh syarikat pengurusan dana amanah saham atau penyedia skim persaraan swasta yang sama, kemungkinan pelabur tidak perlu membayar caj jualan. Nyatakan secara jelas polisi tentang penukaran dan penebusan, dan yuran yang berkaitan, jika ada.*

8. Seberapa kerap penilaian tersedia?

- *Seberapa kerap dan di mana penilaian diterbitkan (iaitu alamat web / surat khabar di mana penilaian diterbitkan)*

9. Bagaimanakah saya boleh keluar dari pelaburan ini dan apakah risiko serta kos yang terlibat?

- *Terangkan bagaimana pelabur boleh keluar dari pelaburan dalam tempoh tawaran awal.*
- *Jika pelabur membatalkan pelaburan selepas tempoh tawaran awal tamat, jelaskan bagaimana pelabur boleh keluar dari pelaburan tersebut.*

MAKLUMAT HUBUNGAN

10. Siapakah yang saya patut hubungi untuk mendapatkan maklumat lanjut atau untuk mengemukakan aduan?

- Butiran hubungan pengeluar/pengedar yang boleh dihubungi oleh pelabur jika mereka mempunyai pertanyaan:
- Alamat laman web dan alamat emel

1. Untuk penyelesaian pertikaian dalaman, anda boleh menghubungi:
(Butiran hubungan untuk penyelesaian pertikaian dalaman pengedar produk)
2. Jika anda tidak berpuas hati dengan hasil daripada Penyedia Perkhidmatan Kewangan (FSP), rujuk pertikaian anda kepada Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS):

Melalui emel : <https://www.fmos.org.my/en/feedback.html>

Melalui pos : Ketua Pegawai Eksekutif
Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan [Reg. No: 20040010125885]
Tingkat 14, Blok Utama
Menara Takaful Malaysia
No 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur

Secara peribadi : Seperti alamat di atas.

3. Anda juga boleh mengarahkan aduan anda kepada SC walaupun anda telah memulakan proses penyelesaian pertikaian dengan FMOS. Untuk membuat aduan, sila hubungi Pejabat Pengguna & Pelabur SC:

Melalui telefon ke Hotline Aduan di : 03-6204 8999

Melalui faks : 03-6204 8991

Melalui emel : aduan@seccom.com.my

Melalui borang aduan dalam talian yang tersedia di www.sc.com.my

Melalui surat : Pejabat Pengguna & Pelabur
Suruhanjaya Sekuriti
3 Persiaran Bukit Kiara
Bukit Kiara

4. Federation of Investment Managers Malaysia (FIMM):

- Melalui telefon : 03-7890 4242
- Melalui emel : complaints@fimm.com.my
- Melalui borang aduan dalam talian yang tersedia di : Lodge A Complaint – FIMM
- Melalui surat : Undang-undang dan Hal Ehwal Kawal Selia
Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia
19-06-1, Tingkat 6
Wisma Capital A
No. 19, Lorong Dungun
Damansara Heights
50490 Kuala Lumpur

Lampiran 3.1B – Panduan Lembaran Pengenalan Produk PRS

<<Tarikh pengeluaran>>

LEMBARAN PENGENALAN PRODUK

<<*nama Skim Persaraan Swasta dan Dana yang berkaitan*>>

PENYATAAN TANGGUNGJAWAB

Lembaran Pengenalan Produk ini telah dikaji semula dan diluluskan oleh pengarah atau jawatankuasa yang diberi kuasa dan/atau individu yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah <<*nama Penyedia Skim Persaraan Swasta*>> dan mereka telah menerima secara kolektif dan individu tanggungjawab sepenuhnya terhadap ketepatan maklumat tersebut. Setelah membuat semua pertanyaan yang munasabah, mereka mengesahkan sebaik-baiknya menurut pengetahuan dan kepercayaan mereka, bahawa tiada kenyataan yang salah atau mengelirukan atau pengabaian fakta lain yang akan menyebabkan mana-mana kenyataan dalam Lembaran Pengenalan Produk ini menjadi salah atau mengelirukan.

PENYATAAN PENAFIAN

<<*nama Skim Persaraan Swasta*>> dan dana <<*nama dana yang berkaitan*>> telah diluluskan dan salinan Lembaran Pengenalan Produk ini telah dihantar kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Kebenaran dan kelulusan, serta penghantaran Lembaran Pengenalan Produk ini, tidak seharusnya dianggap sebagai satu cadangan daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia terhadap

<<*nama Skim Persaraan Swasta*>> atau <<*nama dana yang berkaitan*>>, atau sebagai tanggungjawab terhadap ketepatan mana-mana kenyataan yang dibuat, pendapat atau laporan yang disampaikan dalam Lembaran Pengenalan Produk ini.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kegagalan pendedahan oleh <<*nama Penyedia Skim Persaraan Swasta*>>, yang bertanggungjawab terhadap <<*nama Skim Persaraan Swasta*>> dan <<*nama dana yang berkaitan*>>, dan tidak mengambil tanggungjawab terhadap kandungan Lembaran Pengenalan Produk ini. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak membuat sebarang perwakilan mengenai ketepatan atau kesempurnaan Lembaran Pengenalan Produk ini, dan secara jelas menafikan sebarang liabiliti yang timbul daripada, atau bergantung kepada, keseluruhan atau mana-mana bahagian kandungannya.

- Lembaran Pengenalan Produk ini hanya menyoroti ciri utama dan risiko produk ini, iaitu <<*nama Skim Persaraan Swasta*>> dan <<*nama dana yang berkaitan*>>. Pelabur dinasihatkan untuk meminta, membaca, dan memahami dokumen pendedahan sebelum membuat keputusan untuk melabur.

NAMA SKIM DAN DANA YANG BERKAITAN

MAKLUMAT RINGKAS

Apakah <<nama Skim Persaraan Swasta dan Dana yang berkaitan>>?

Penerangan ringkas mengenai perkara berikut:

- Nama Skim
- <<Untuk PHS dana pelbagai>> Apakah Dana Teras di bawah Skim ini?
- <<Untuk PHS dana tunggal>> Apakah <<nama Dana Bukan Teras>>?
- Nama Penyedia PRS

KESESUAIAN PRODUK

Siapa yang sesuai untuk dana ini?

Nyatakan dengan ringkas jenis pelabur yang sesuai untuk dana ini. Maklumat yang diberikan boleh merangkumi:

- Objektif pulangan - membina simpanan untuk persaraan, contohnya pendapatan/pertumbuhan modal/pemeliharaan modal
- Sama ada pelaburan utama mereka berisiko
- Apa-apa maklumat lain yang penting yang berkaitan dengan dana ini yang akan membantu pelabur menentukan sama ada dana ini sesuai untuk mereka

CIRI-CIRI UTAMA PRODUK

Apa yang saya laburkan?

• Kategori/Jenis Dana • Tarikh penerbitan • Harga penerbitan • Saiz penerbitan • Penanda aras • Tamat tahun kewangan • Dasar pengagihan	• Amaun sumbangan awal dan sumbangan susulan minimum • Strategi dan dasar pelaburan untuk mencapai objektif pelaburan, contohnya tumpuan pelaburan (jenis aset, peruntukan, negara, pasaran/sektor/industri), teknik/pendekatan yang digunakan dalam menguruskan portfolio • Sama ada produk ini akan menggunakan strategi derivatif atau pelaburan dalam produk yang disusun
---	---

Untuk menerangkan ciri-ciri ini dengan jadual, rajah atau ilustrasi yang berkaitan jika perlu

Dengan siapa saya melabur?

- [Nyatakan nama semua pihak yang berkaitan yang terlibat dalam struktur Skim Persaraan Swasta, contohnya Penyedia PRS, Pemegang Amanah Skim, Penasihat Syariah dan sebagainya]
- Nyatakan sebarang konflik kepentingan, jika ada.

Bagaimana Skim ini berfungsi?

<<Penerangan ringkas. Termasuk keadaan di mana tiada pemilihan dibuat oleh ahli, iaitu terangkan Pilihan Lalai. Jadual harus digunakan untuk menetapkan kumpulan umur untuk Pilihan Lalai. Tekankan bahawa usia persaraan semasa adalah 55 tahun dan ia mungkin berubah kepada mana-mana usia persaraan wajib lain daripada pekerjaan yang mungkin ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis.>>

Siapa yang patut saya hubungi untuk mendapatkan maklumat lanjut atau untuk mengemukakan aduan?

- Butiran hubungan PRS/pengedar yang boleh dihubungi oleh pelabur jika mereka mempunyai pertanyaan:
 - Alamat laman web dan alamat emel
1. Untuk penyelesaian pertikaian dalaman, anda boleh menghubungi:
(Butiran hubungan untuk penyelesaian pertikaian dalaman pengedar Penyedia PRS)
 2. Jika anda tidak berpuas hati dengan hasil daripada Penyedia Perkhidmatan Kewangan (FSP), rujuk pertikaian anda kepada Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS):

Melalui emel : <https://www.fmos.org.my/en/feedback.html>

Melalui pos : Ketua Pegawai Eksekutif
Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan [Reg.
No:20040010125885] Tingkat 14, Blok Utama
Menara Takaful
Malaysia No 4, Jalan
Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur

Secara peribadi: Seperti alamat di atas.

3. Anda juga boleh mengarahkan aduan anda kepada SC walaupun anda telah memulakan proses penyelesaian pertikaian dengan FMOS. Untuk membuat aduan, sila hubungi Pejabat Pengguna & Pelabur SC:

Melalui telefon ke Hotline Aduan di : 03-6204 8999

Melalui faks : 03-6204 8991

Melalui emel :

aduan@seccom.com.my Melalui borang aduan dalam talian yang
tersedia di www.sc.com.my

Melalui surat : Pejabat Pengguna &
Pelabur Suruhanjaya
Sekuriti
3 Persiaran Bukit
Kiara Bukit Kiara

4. Federation of Investment Managers Malaysia (FIMM):

Melalui telefon : 03-7890 4242

Melalui emel :

complaints@fimm.com.my Melalui borang aduan dalam talian yang
tersedia di: [Lodge A Complaint – FIMM](http://www.fimm.com.my)

Melalui surat : Undang-undang dan Hal Ehwal Kawal
Selia Persekutuan Pengurus
Pelaburan Malaysia 19-06-1, Tingkat 6
Wisma Capital A
No. 19, Lorong
Dungun Damansara
Heights 50490
Kuala Lumpur

SOALAN LATIHAN

Soalan 1

Berikut adalah tugas PPA, kecuali

- (A) melakukan promosi dan kesedaran umum mengenai Skim
- (B) bertindak sebagai pusat sumber untuk data dan penyelidikan industri PRS
- (C) memantau yuran yang dikenakan dan prestasi yang disediakan oleh Penyedia PRS yang berbeza
- (D) melantik Pemegang Amanah Skim untuk setiap Skim

Jawapan: (D)

Soalan 2

Antara berikut, yang mana memerlukan kelulusan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia?

- (i) Penyedia Skim
- (ii) Skim
- (iii) Perunding
- (iv) Pemegang Amanah

- (A) (i), (ii) dan (iii)
- (B) (i), (ii) dan (iv)
- (C) (ii) sahaja
- (D) Semua di atas

Jawapan: (B)

Soalan 3

Antara berikut, undang-undang, peraturan dan garis panduan manakah yang relevan dengan SUA dan PRS?

- (i) CMSA
- (ii) Garis Panduan Pengiklanan Produk Pasaran Modal dan Perkhidmatan Berkaitan
- (iii) Garis Panduan Prospektus
- (iv) Buku Panduan Pelesenan

- (A) (i) dan (iv)
- (B) (i), (iii) dan (iv)
- (C) (i), (ii) dan (iv)
- (D) Semua di atas

Jawapan: (D)

BAB 4 - PEMASARAN DAN PENGEDARAN

Objektif Pembelajaran

Bab ini memberi tumpuan kepada peranan kakitangan perkhidmatan pelabur Pengedar dan Perunding dalam pemasaran dan pengedaran Skim bagi memastikan perkhidmatan pelabur yang sesuai disediakan.

Pada akhir bab ini, anda seharusnya dapat memahami dan menerangkan:

- Pertimbangan yang diperlukan dalam menyediakan perkhidmatan kepada pelabur dalam industri SUA dan PRS;
- Proses perniagaan utama yang dijalankan oleh Penyedia Skim dalam pembelian; pemilikan dan penjualan pelaburan dalam Skim;
- Keperluan utama Bahan Pendedahan bagi Skim;
- Proses aliran untuk melabur dalam Skim, yang termasuk:
 - Belian unit;
 - Belian balik unit; dan
 - Pembiayaan pembelian SUA.
- Pemindahan dan pengeluaran KWSP untuk pelaburan dalam SUA yang diluluskan;
- Pendapatan boleh agih Skim dan kesannya kepada NAB;
- Pencukaian pengagihan;
- Pelaporan kepada pelabur;
- Prinsip asas pemasaran Skim;
- Penyampaian perkhidmatan berkualiti; dan
- Pelaburan yang alternatif untuk Skim.



Tahap Kecekapan

1. Kecekapan Fungsian (Proses)
 - i. FUP15 Penjualan dan Pemasaran (Tahap 3)
 - ii. FUP14 Kenali Pelanggan Anda (Tahap 3)

Menyediakan Perkhidmatan kepada Pelabur dalam Industri SUA dan PRS

- 4.01 Menyediakan perkhidmatan terbaik kepada pelabur dalam industri perkhidmatan kewangan adalah amat penting. Beberapa syarikat perkhidmatan kewangan yang paling berjaya di dunia membina perniagaan mereka dengan memberikan perkhidmatan yang berkualiti.
- 4.02 Bakal pelabur dalam Skim tidak hanya membeli pelaburan - mereka juga menjalin hubungan kewangan (dalam erti kata luas) dengan Perunding, Pengedar dan Pemegang Amanah. Kejayaan hubungan ini bukan hanya diukur dari segi kuantitatif (seperti prestasi Skim) tetapi juga dari segi kualitatif seperti:
 - (a) betapa mudahnya untuk menjalankan urus niaga;
 - (b) tindak balas terhadap permintaan dan aduan yang dilakukan oleh pelabur;
 - (c) pengetahuan mendalam kakitangan perkhidmatan pelabur Pengedar dan Perunding; dan
 - (d) kualiti pelaporan berterusan dan penjagaan pelabur.
- 4.03 Perniagaan hari ini memberi perhatian kepada proses perniagaan yang meliputi, antara lain, kaedah mesra pengguna, kemudahan menjalankan urus niaga, dan kualiti perkhidmatan pelabur. Selanjutnya, teknologi memainkan peranan penting dalam industri SUA dan PRS, oleh itu, memberi peluang lebih besar untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik.
- 4.04 Dalam industri SUA dan PRS, kebanyakan perniagaan baharu berasal dari perniagaan berulang melalui pelabur sedia ada atau melalui rangkaian pelabur sedia ada yang berpuas hati. Oleh itu, mempertimbangkan keperluan pelabur adalah penting semasa memberi perkhidmatan.
- 4.05 Tahap kepuasan pelabur akan berubah sepanjang hayat pelaburan beliau dalam Skim. Ini dapat dilihat bukan sahaja dalam prestasi yang mendasari portfolio pelaburan tetapi juga kualiti perkhidmatan yang diberikan bagi memenuhi keperluan mereka.
- 4.06 Secara amnya, pelabur yang berpuas hati adalah mereka yang mendapat apa yang mereka sangka mereka beli – iaitu pelaburan seperti yang diuraikan dalam prospektus, tanpa kejutan pelaburan yang tidak dijangka. Ini mengukuhkan lagi hakikat bahawa dalam proses penjualan, Perunding perlu memastikan bahawa mereka boleh menyampaikan apa yang dijanjikan dalam promosi jualan.
- 4.07 Pada masa lalu, ramai pelabur tertarik dengan Skim yang menjanjikan pulangan tinggi dan amat lumayan, hanya untuk dikecewakan kemudiannya apabila gagal mencapai pulangan yang tidak realistik ini. Ia adalah penting bahawa proses jualan mengandungi penjelasan penuh mengenai pelbagai risiko yang berkaitan dengan pelaburan dalam Skim bagi menguruskan jangkaan pelabur. Jika jangkaan pelabur dipenuhi, besar kemungkinan beliau akan berpuas hati.
- 4.08 Bahagian penting dalam memberi perkhidmatan yang betul kepada pelabur adalah 'mengetahui produk anda'. Oleh itu, bab ini pada mulanya akan menjelaskan tentang bahan pendedahan yang diberikan kepada bakal pelabur ketika memasarkan Skim dan juga kandungan dokumen pendedahan ini.
- 4.09 Ini diikuti dengan ilustrasi proses perniagaan utama yang dijalankan oleh Penyedia Skim untuk pembelian, pemilikan dan penjualan pelaburan dalam Skim. Proses terperinci yang digariskan dalam bab ini dilakukan secara am dan tidak semestinya diamalkan dalam semua urus niaga yang dijalankan oleh setiap Penyedia Skim. Ia berfungsi untuk memberi gambaran tentang langkah penting dan aktiviti yang

berkaitan dalam pelaksanaan urus niaga SUA dan PRS yang mesti diketahui oleh Perunding.

- 4.10 Bab ini juga akan mengkaji beberapa konsep pemasaran asas dan menyediakan maklumat yang berkenaan bagi membantu Perunding memasarkan Skim, termasuk kajian semula ciri-ciri utama untuk melabur dalam pilihan yang lain daripada SUA dan PRS.

Bahan Pendedahan

- 4.11 Tujuan bahan pendedahan adalah untuk membolehkan pelabur membuat keputusan pelaburan yang termaklum sebelum melabur dalam SUA atau melakukan caruman kepada PRS dengan memberikan maklumat berkenaan dan tepat yang penting untuk memahami pengurusan dan pengendalian dana masing-masing dalam Skim.
- 4.12 Bakal pelabur akan diberikan salinan (sama ada dalam bentuk salinan cetak atau salinan elektronik) bahan pendedahan ini apabila mereka meminta untuk melanggan Skim. Bagi SUA, bahan pendedahan ini dikenali sebagai prospektus manakala untuk PRS pula, bahan yang sama dikenali sebagai dokumen pendedahan. Pelabur mesti dinasihatkan untuk membaca dan memahami bahan pendedahan sebelum membuat keputusan untuk menyertai Skim. Sebagai tambahan kepada prospektus dan dokumen pendedahan, bahan pendedahan lain yang perlu diberikan kepada bakal pelabur Skim adalah Lembaran Penerangan Produk (LPP).
- 4.13 Perenggan berikut menghuraikan kandungan prospektus, dokumen pendedahan dan LPP.

Prospektus dan Dokumen Pendedahan

- 4.14 Prospektus dan dokumen pendedahan adalah dokumen yang sangat penting. Penjualan unit dalam SUA tidak boleh dilakukan tanpa prospektus manakala caruman tidak boleh dilakukan kepada PRS tanpa dokumen pendedahan. SPUA dan Penyedia PRS perlu memastikan bahawa prospektus tambahan dan dokumen pendedahan tambahan dikeluarkan apabila terdapat perubahan kepada maklumat dalam prospektus/dokumen pendedahan dan perubahan ini perlu dilakukan selaras dengan keperluan yang dinyatakan dalam CMSA dan garis panduan SC. Pelabur mesti diberikan semua maklumat yang berkenaan untuk membolehkan mereka membuat keputusan pelaburan yang termaklum.

Mengetahui prospektus SUA dan dokumen pendedahan PRS

- 4.15 Perunding perlu memastikan bahawa pelabur diberikan prospektus dan/atau dokumen pendedahan yang terkini. Perunding harus memberikan penjelasan yang diperlukan kepada pelabur mengenai sebarang penjelasan yang mungkin diperlukan oleh pelabur berkenaan dengan maklumat yang dinyatakan dalam prospektus dan dokumen pendedahan sebelum permohonan untuk langganan unit dilakukan. Perunding harus mengetahui sepenuhnya prospektus setiap SUA dan dokumen pendedahan setiap PRS yang mereka edarkan. Perunding perlu menumpukan perhatian pelabur kepada beberapa bahagian dalam prospektus dan dokumen pendedahan.
- 4.16 Walaupun susun atur dan reka bentuk kedua-dua bahan pendedahan ini mungkin berbeza mengikut pilihan Penyedia Skim, kandungan prospektus SUA dan dokumen

pendedahan PRS ditadbir oleh keperluan SC seperti yang dijelaskan dalam bahagian berikut.

Kandungan prospektus SUA dan dokumen pendedahan PRS

- 4.17 **Jadual 4.1** menetapkan kandungan minimum prospektus dan dokumen pendedahan berdasarkan keperluan yang dinyatakan dalam Garis Panduan Prospektus CIS dan PRS. Senarai ini adalah tidak lengkap dan tertakluk kepada perubahan. Perunding digalakkan untuk merujuk kepada garis panduan SC tersebut untuk maklumat lanjut dan untuk sebarang kemas kini dan perubahan.

Jadual 4.1: Kandungan minimum prospektus SUA dan dokumen pendedahan PRS

No.	Kandungan minimum yang diperlukan dalam Prospektus SUA dan Dokumen Pendedahan PRS	Huraian kandungan (termasuk tetapi tidak terhad kepada)
1	Muka hadapan	- Nama dana/skim; - Nama Penyedia Skim dan nombor pendaftaran - Tarikh prospektus/dokumen pendedahan - Nama Pemegang Amanah dan nombor pendaftaran; - Tarikh perlembagaan Skim; - Tempoh tawaran dana bagi dana yang mempunyai tempoh tawaran terhad; - Dalam kes dana luar negara, satu kenyataan yang merangkumi maklumat bahawa dana tersebut diluluskan, diberi kuasa, atau didaftarkan oleh pengawal selia sekuriti di bidang kuasa luar negara; bidang kuasa luar negara di mana dana tersebut didaftarkan, nama pengawal selia sekuriti yang mengawal selia dana dan syarikat pengurusan; bidang kuasa yang terpakai yang mengawal dana tersebut dan bahawa persekitaran undang-undang dan peraturan di sana mungkin berbeza dengan Malaysia; dan jika prospektus memasukkan dokumen tawaran yang didaftarkan di luar Malaysia berkenaan dengan dana tersebut, kenyataan mengenai fakta tersebut - Kenyataan dalam huruf tebal bahawa pelabur dinasihatkan untuk membaca dan memahami dokumen tersebut dan untuk berunding dengan penasihat

No.	Kandungan minimum yang diperlukan dalam Prospektus SUA dan Dokumen Pendedahan PRS	Huraian kandungan (termasuk tetapi tidak terhad kepada)
		profesional jika mereka mempunyai sebarang keraguan selepas membaca prospektus/dokumen pendedahan. ▪ Kenyataan dalam huruf tebal yang menyatakan bahawa Pelabur yang berpotensi harus mempertimbangkan faktor risiko tertentu dengan teliti. Mereka dinasihatkan untuk merujuk kepada bahagian "Faktor Risiko", yang menyatakan nombor halaman dalam prospektus/dokumen pendedahan di mana butiran ini disediakan. ▪ Sekiranya aset dana terdiri, atau dicadangkan untuk terdiri daripada derivatif melebihi 30% daripada NAV, mesti ada satu kenyataan, dalam huruf tebal dan di posisi yang menonjol, yang mendedahkan pelaburan dana yang kukuh dalam derivatif.
2	Muka depan dalam/muka surat pertama	▪ "Pernyataan Tanggungjawab" di mana pengarah Penyedia Skim secara kolektif dan individu mengambil tanggungjawab sepenuhnya untuk ketepatan kandungan dan mengesahkan, berdasarkan pengetahuan dan kepercayaan mereka yang terbaik, bahawa tiada kenyataan palsu atau mengelirukan, atau pengecualian fakta lain yang boleh menjadikan mana-mana kenyataan dalam prospektus/dokumen pendedahan palsu atau mengelirukan. ▪ "Pernyataan Penafian" bahawa kelulusan Skim dan pendaftaran prospektus/dokumen pendedahan dengan SC tidak boleh dianggap sebagai cadangan untuk melabur dalam Skim tersebut dan pelabur harus bergantung pada penilaian mereka sendiri untuk menilai kelebihan dan risiko pelaburan tersebut. ▪ Sebagai tambahan, satu kenyataan di mana Pelabur boleh mencari jalan penyelesaian di bawah CMSA 2007 untuk pelanggaran undang-undang dan

No.	Kandungan minimum yang diperlukan dalam Prospektus SUA dan Dokumen Pendedahan PRS	Huraian kandungan (termasuk tetapi tidak terhad kepada)
		peraturan sekuriti berkaitan dengan prospektus/dokumen pendedahan atau tingkah laku mana-mana individu lain yang berkaitan dengan Skim tersebut. ▪ Bagi Dana Islam, satu kenyataan tambahan bahawa dana tersebut telah disahkan sebagai patuh Syariah oleh penasihat Syariah yang dilantik untuk dana tersebut. ▪ Prospektus mesti menyediakan satu kenyataan tambahan bagi dana dengan tempoh tawaran terhad, kenyataan bahawa tiada unit akan diterbitkan atau dijual berdasarkan prospektus selepas tamat tempoh prospektus tersebut. ▪ Bagi Skim di mana pengagihan dibenarkan daripada modal, satu kenyataan amaran yang menyatakan bahawa modal akan terhakis, bahawa pengagihan dicapai dengan mengabaikan potensi untuk pertumbuhan modal masa depan, dan bahawa kitaran ini mungkin berterusan sehingga semua modal habis.
3	Kandungan, takrif dan direktori	▪ Senarai semua bahagian dan subbahagian dalam prospektus/dokumen pendedahan; ▪ Takrif, glosari singkatan dan istilah teknikal; ▪ Direktori korporat yang mengandungi butiran mengenai, antara lain, - Penyedia Skim - Pemegang Amanah - Bagi dana Islam, penasihat Syariah - Bagi dana luar negara, wakil dana tersebut ▪ Direktori juga mesti mengandungi maklumat berikut: - Alamat yang merangkumi alamat pejabat berdaftar dan pejabat perniagaan Penyedia Skim dan Pemegang Amanah Skim, - Nombor telefon yang merangkumi nombor telefon pejabat berdaftar dan

No.	Kandungan minimum yang diperlukan dalam Prospektus SUA dan Dokumen Pendedahan PRS	Huraian kandungan (termasuk tetapi tidak terhad kepada)
		pejabat perniagaan Penyedia Skim dan Pemegang Amanah Skim, - Alamat emel, dan - Alamat laman web, jika ada.
4	Butiran dana	▪ Nama dana dan kategori, ▪ Mata wang asas dana, jika berkenaan, ▪ Dalam kes dana baharu, tempoh tawaran awal dan harga awal, ▪ Objektif pelaburan dan satu kenyataan bahawa sebarang perubahan material kepada ini memerlukan kelulusan Pelabur, ▪ Dasar pelaburan dan strategi pelaburan utama untuk mencapai objektif pelaburan yang dinyatakan yang merangkumi, tumpuan pelaburan dana; amalan, teknik atau pendekatan yang digunakan dalam menguruskan portfolio pelaburan, dll. ▪ Jika berkenaan, pendedahan bahawa Dana melabur atau boleh melabur dalam derivatif atau derivatif tertanam, termasuk jenis dan ciri-ciri derivatif atau derivatif tertanam; tujuan melabur dalamnya; kebarangkalian volatiliti tinggi NAV dana, dll. ▪ Jika berkenaan, pendedahan kepada Skim yang menyertai pinjaman sekuriti dan urus niaga jual dan beli semula, termasuk tetapi tidak terhad kepada risiko yang terlibat, dasar pengurusan risiko dan prosedur untuk menangani risiko; penerangan dan sifat cagaran yang akan diterima oleh Skim, risiko yang berkaitan dengan pengurusan cagaran, dll. ▪ Dasar pengagihan. Pendedahan tambahan diperlukan untuk Skim yang mengisytiharkan pengagihan daripada modal, ▪ Penanda aras prestasi Skim, jika berkenaan

No.	Kandungan minimum yang diperlukan dalam Prospektus SUA dan Dokumen Pendedahan PRS	Huraian kandungan (termasuk tetapi tidak terhad kepada)
		▪ Pelaburan yang dibenarkan atau diberi kuasa, had dan sekatan pelaburan bagi Skim, ▪ Bagi dana yang dibenarkan, butiran dasar dalam menjalankan perdagangan silang, ▪ Jika strategi dana adalah untuk memelihara modal, satu kenyataan amaran mesti didedahkan bahawa modal dana tidak dijamin, ▪ Bagi dana Islam, penerangan jelas mengenai proses kelulusan Syariah dan kenyataan yang menyatakan bahawa portfolio pelaburan dana akan terdiri daripada instrumen yang telah diklasifikasikan sebagai patuh Syariah oleh SAC SC dan jika berkenaan, SAC BNM.
5	Yuran, bayaran dan perbelanjaan	▪ Bayaran yang dikenakan ke atas pembelian dan penebusan; ▪ Senarai yuran dan perbelanjaan dana; dan ▪ Polisi mengenai rebat broker saham dan komisen ringan
6	Maklumat urus niaga	▪ Asas penilaian untuk aset yang dilaburkan atau akan dilaburkan oleh Skim, termasuk pengendalian kaunter yang digantung, ▪ Titik penilaian, ▪ Dasar penetapan harga yang diterima pakai untuk unit dana (contohnya, harga hadapan atau sejarah), ▪ Prosedur untuk pembelian, penebusan, pertukaran dan pemindahan unit, hak penyejukan, dan jenis saluran pengagihan. ▪ Penjelasan yang jelas mengenai bagaimana harga unit dikira ▪ Memberikan kenyataan amaran bahawa Pelabur tidak boleh membuat pembayaran tunai kepada mana-mana ejen individu, dan

No.	Kandungan minimum yang diperlukan dalam Prospektus SUA dan Dokumen Pendedahan PRS	Huraian kandungan (termasuk tetapi tidak terhad kepada)
		▪ Menerangkan cara pengagihan kepada Pelabur, termasuk dasar dan prosedur mengenai wang yang tidak dituntut.
7	SPUA/Penyedia PRS	▪ Profil korporat Penyedia PRS/ SPUA dan tanggungjawab mereka, jawatankuasa pelaburan, kakitangan pelaburan utama, penasihat Syariah dan panel penasihat, di mana berkenaan, dan ▪ Semua litigasi dan timbang tara material semasa, dan ▪ Menyediakan maklumat di laman web Penyedia Skim.
8	Pemegang Amanah	▪ Butiran korporat Pemegang Amanah, ▪ Pengalaman sebagai Pemegang Amanah untuk Dana Amanah Unit, ▪ Peranan, tugas, dan tanggungjawab, ▪ Pendedahan litigasi dan timbang tara material semasa, dan ▪ Maklumat Delegasi, di mana fungsi penjagaan Pemegang Amanah didelegasikan.
9	Terma penting surat ikatan	▪ Hak dan liabiliti Pelabur, termasuk had dan sekatan terhadap hak mereka, ▪ Yuran dan caj maksimum yang dibenarkan oleh akta, ▪ Peningkatan yuran dan caj serta kadar maksimum yang disediakan dalam akta, ▪ Perbelanjaan yang dibenarkan dibayar daripada harta dana, ▪ Penamatan, penggantian dan persaraan Penyedia Skim dan Pemegang Amanah, ▪ Penamatan dana dan di mana pelbagai kelas unit diterbitkan, keadaan, prosedur dan proses untuk penamatan setiap kelas unit dan dana tersebut, dan ▪ Mesyuarat pemegang unit.
10	Kelulusan dan syarat oleh pihak berkuasa yang berkenaan	▪ Jika berkenaan, kelulusan yang diperoleh daripada mana-mana pihak berkuasa yang relevan berkaitan dengan penubuhan dana, termasuk tarikh kelulusan, sebarang syarat yang dilampirkan dan status pematuhannya.

No.	Kandungan minimum yang diperlukan dalam Prospektus SUA dan Dokumen Pendedahan PRS	Huraian kandungan (termasuk tetapi tidak terhad kepada)
		Sebarang pengecualian daripada mana-mana garis panduan yang relevan yang telah diluluskan oleh SC, untuk menyatakan perenggan khusus dalam garis panduan yang mana pengecualian diminta dan butiran kelulusan serta syarat yang dikenakan.
11	Urus niaga pihak berkaitan dan konflik kepentingan	- Urus niaga pihak berkaitan sedia ada dan dicadangkan yang melibatkan dana, Penyedia Perkhidmatan, Pemegang Amanah dan lain-lain; - Langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan sebarang konflik kepentingan - Bidang konflik kepentingan yang berpotensi termasuk polisi Penyedia Perkhidmatan berurusan dengan konflik kepentingan
12	Percukaian dana	Laporan memberikan pendapat daripada penasihat cukai Penyedia Skim yang memperincikan cukai dana dan liabiliti cukai pelabur.
13	Laporan pakar	Jika berkenaan, pendapat pakar termasuk petikan atau ringkasan pendapat yang dinyatakan dan kesimpulan yang direkodkan dalam laporan, sama ada laporan tersebut disediakan untuk dimasukkan dalam prospektus atau tidak.
14	Maklumat tambahan	- Maklumat tambahan termasuk maklumat mengenai bagaimana pelabur boleh mengikuti sebarang perkembangan dalam dana, menjejak NAV Skim dan saluran untuk mendapatkan nasihat. - Senarai akta semasa dan sebarang akta tambahan, serta tarikh yang berkaitan. - Mesti mendedahkan tarikh akhir tahun kewangan dana dan bila pelabur boleh menerima laporan separuh tahunan dan tahunan.

No.	Kandungan minimum yang diperlukan dalam Prospektus SUA dan Dokumen Pendedahan PRS	Huraian kandungan (termasuk tetapi tidak terhad kepada)
15	Dokumen yang disediakan untuk pemeriksaan	Kenyataan yang menyatakan bahawa semua dokumen yang berkenaan disediakan untuk pemeriksaan di pejabat berdaftar SPUA/Penyedia PRS
16	Keperluan khusus	Keperluan pendedahan khusus untuk pelbagai jenis dana seperti dana indeks, dana pasaran wang, dana dijamin, dana pemakan, dll.
17	Borang permohonan	- Borang permohonan yang dapat dikenalpasti dengan prospektus/dokumen pendedahan dan mengandungi, antara lain, satu kenyataan selaras dengan keperluan CMSA. - Pernyataan pendedahan risiko pembiayaan pinjaman amanah unit juga mesti menjadi sebahagian daripada borang permohonan.

- 4.18 Sebagai tambahan kepada perkara di atas, Garis Panduan PRS juga memerlukan maklumat yang dinyatakan dalam **Jadual 4.2** disertakan dalam dokumen pendedahan PRS:

Jadual 4.2: Kandungan minimum tambahan yang diperlukan dalam dokumen pendedahan PRS

No.	Kandungan minimum tambahan yang diperlukan dalam dokumen pendedahan PRS	Huraian kandungan
1	Ringkasan data/maklumat utama	- Ciri-ciri utama dana, termasuk: - maklumat skim, - maklumat dana, dan - yuran dan bayaran. - Rujukan silang ke muka surat dalam dokumen pendedahan yang memberikan butiran lengkap mengenai perkara masing-masing.
2	Butiran skim	Nama skim;

No.	Kandungan minimum tambahan yang diperlukan dalam dokumen pendedahan PRS	Huraian kandungan
		▪ Maklumat am mengenai skim dan huraian ringkas mengenai manfaat mencarum kepada Skim; dan ▪ Huraian terperinci mengenai operasi Skim
3	Penyedia PRS	▪ Mesti juga menyertakan maklumat mengenai jawatankuasa audit termasuk maklumat latar belakang setiap ahli jawatankuasa audit, fungsi utama mereka dan kekerapan mesyuarat, dan ▪ Di mana penasihat Syariah dilantik, butiran seperti nama dan syarikat, pengalaman, peranan dan fungsi utama perlu didedahkan.
4	Caruman dan pengeluaran	▪ prosedur untuk: - melakukan caruman; - pembayaran manfaat ahli PRS semasa pengeluaran daripada Skim termasuk pemotongan penalti cukai untuk pengeluaran sebelum persaraan; - penukaran antara dana dalam Skim; dan - pemindahan faedah terakru kepada Penyedia PRS lain. ▪ Mesti juga mengandungi peruntukan untuk penukaran
5	Consents	▪ Pernyataan persetujuan daripada pihak yang berkaitan (iaitu penasihat, akauntan pelapor, juruaudit, rumah terbitan, pendaftar, dan lain-lain) untuk memasukkan nama dan kenyataan/laporan mereka (jika berkenaan) dalam dokumen pendedahan.

Lembaran Penerangan Produk (LPP)

- 4.19 LPP bertujuan untuk memudahkan pemahaman pelabur mengenai produk dan juga menggalakkan persaingan dengan membolehkan pelabur melakukan perbandingan produk. LPP mesti dikeluarkan sebagai tambahan kepada prospektus atau dokumen pendedahan.
- 4.20 LPP mesti disediakan untuk setiap SUA. Untuk PRS, LPP mesti disediakan untuk setiap dana di bawah Skim kecuali dana teras Skim yang mesti dimasukkan di bawah satu LPP.
- 4.21 LPP, sama ada dalam bentuk salinan cetak atau salinan elektronik, mesti diberi kepada bakal pelabur pada pertemuan awal atau ketika beliau menunjukkan minat dalam Skim. Bab 3 panduan pembelajaran ini menggariskan kandungan utama LPP dan memberi panduan mengenai kandungan LPP yang dikeluarkan oleh SC.
- 4.22 Bakal pelabur perlu diberi masa yang sewajarnya untuk membaca dan memahami LPP. Beliau mesti dimaklumkan untuk membaca LPP dan bahan pendedahan lain termasuk prospektus atau dokumen pendedahan dan memahami kandungan dokumen ini sebelum membuat sebarang keputusan pelaburan. Untuk PRS, pengecualian kepada ini adalah apabila pelabur memilih untuk melaksanakan hak beliau untuk tidak memilih dana tertentu dan bergantung pada pilihan automatik PRS. Perkara ini biasanya berlaku dalam kes yang melibatkan caruman majikan bagi pihak kakitangannya.
- 4.23 Bakal pelabur perlu dinasihatkan untuk membaca bahan pendedahan secara keseluruhan dan mendapatkan nasihat undang-undang dan pelaburan jika mereka mempunyai sebarang keraguan.

Bahan Pengiklanan dan Promosi Lain

- 4.24 Selain prospektus, dokumen pendedahan dan LPP, pelbagai bahan lain boleh digunakan untuk memasarkan dan mempromosikan Skim kepada bakal pelabur. Garis Panduan Pengiklanan Produk dan Perkhidmatan Pasaran Modal (Garis Panduan Pengiklanan) SC menyatakan iklan untuk mempromosikan produk pasaran modal atau perkhidmatan yang berkaitan dengan pasaran modal, boleh dilakukan melalui kaedah cetak, elektronik, digital atau apa-apa cara lain, dan termasuk yang berikut:
 - (a) Majalah dan surat khabar;
 - (b) Siaran (contohnya, radio, televisyen dan pawagam);
 - (c) Bahan paparan sahaja (contohnya, pengiklanan luar, termasuk papan iklan, poster, dan papan tanda di tempat awam);
 - (d) Internet, termasuk laman web, iklan banner, platform penstriman video (contohnya, YouTube) dan platform rangkaian sosial (contohnya, Facebook, LinkedIn), dan platform blog mikro (contohnya, Twitter);
 - (e) Media sosial dan laman perbincangan internet;
 - (f) Pesanan telefon bimbit atau aplikasi pemesejan (contohnya, SMS, MMS, pesanan teks, pesanan WhatsApp);
 - (g) Risalah produk atau perkhidmatan dan helaian fakta promosi;
 - (h) Mel langsung (contohnya, melalui pos, atau e-mel);

- (i) Aktiviti telepemasaran dan pesanan audio untuk pemanggil telefon yang sedang menunggu; dan
 - (j) Pembentangan, seminar dan iklan rencana
- 4.25 Pengiklan, yang termasuk Perunding SUA dan PRS yang memasarkan dan menyebarkan SUA dan PRS, diminta mematuhi piawaian minimum yang dinyatakan dalam Garis Panduan Pengiklanan yang bertujuan menggalakkan pengiklanan yang bertanggungjawab oleh pengiklan. Perunding diharapkan akan mematuhi perkara berikut:
- (a) Menyediakan maklumat yang jelas, adil dan seimbang. Pemesejan yang dibesar-besarkan, menunjuk-nunjuk, berlebihan atau terlalu bersemangat dilarang kerana ia mungkin mengelirukan pelabur;
 - (b) Melayan pelabur dengan adil pada setiap masa. Percubaan untuk mengelirukan, memperdaya atau mengeksploitasi kelemahan pelabur seperti kurang kepakaran atau pengetahuan mesti dielakkan;
 - (c) Memastikan iklan adalah sesuai dengan pelabur dan boleh difahami dengan mudah oleh pelabur terutamanya mereka di dalam golongan rentan seperti warga emas;
 - (d) Memastikan kandungan iklan adalah konsisten dengan maklumat yang dinyatakan dalam prospektus, dokumen pendedahan dan LPP;
 - (e) Memastikan maklumat dalam iklan adalah terkini dan tepat;
 - (f) Memastikan pelabur dapat mengenal pasti iklan tersebut sebagai iklan dengan serta-merta;
 - (g) Memastikan penyedia iklan pihak ketiga mematuhi Garis Panduan Pengiklanan;
 - (h) Memastikan sebarang perakuan atau pengendorsan dalam iklan diberikan oleh seorang yang telah melabur dalam Skim atau telah menggunakan perkhidmatan yang diiklankan. Apa-apa pampasan yang diterima oleh individu tersebut mesti dinyatakan dalam iklan yang sama;
 - (i) Mengambil langkah yang sewajarnya untuk memberitahu pelabur bahawa iklan tersebut adalah tertakluk kepada sebarang amaran, penafian, kelayakan atau terma dan syarat yang berkenaan;
 - (j) Memastikan iklan menunjukkan bahawa pelabur perlu merujuk kepada prospektus, dokumen pendedahan dan LPP. Oleh itu, iklan mesti menyatakan tarikh terbitan dokumen tersebut dan di mana ia boleh diakses. Semua dokumen ini mestilah mudah didapati;
 - (k) Mesti menyatakan dengan jelas bahawa iklan belum lagi disemak oleh SC; dan
 - (l) Tidak boleh menggunakan nama atau logo SC atau memasukkan maklumat sedemikian yang kononnya menunjukkan SC telah mencadangkan, atau dikaitkan dengan maklumat dalam iklan dan aktiviti promosi.
- 4.26 Garis Panduan Pengiklanan menyediakan panduan berhubung dengan komponen tertentu pengiklanan yang meliputi bidang seperti berikut:
- (a) Pulangan, ciri-ciri, manfaat dan risiko;
 - (b) Yuran, bayaran, dan kos;
 - (c) Perbandingan (antara produk atau perkhidmatan, manfaat dan pulangan, penilaian dan kedudukan serta anugerah);
 - (d) Prestasi masa lampau dan unjuran;
 - (e) Penyataan amaran, penafian, kelayakan atau terma dan syarat;

- (f) Gambar, gambar rajah, imej dan contoh;
- (g) Tepat pada masanya;
- (h) Penggunaan istilah dan ungkapan tertentu;
- (i) Bahasa teknikal dan jargon industri;
- (j) Penonton sasaran;
- (k) Kerumitan;
- (l) Terma promosi; dan
- (m) Penggunaan nama atau logo pihak berkuasa dan pengawal selia.

Di samping itu, ia juga memberikan panduan berkaitan dengan platform media yang meliputi perkara yang berkenaan dengan:

- (a) Iklan audio;
- (b) Iklan filem dan video;
- (c) Pengiklanan internet; dan
- (d) Pengiklanan luar.

Perunding perlu mengambil perhatian bahawa pematuhan kepada Garis Panduan Pengiklanan tidak melepaskan mereka daripada kewajipan undang-undang lain yang boleh dikenakan ke atas mereka oleh pihak berkuasa atau agensi yang berkenaan. Perunding digalakkan untuk merujuk kepada Garis Panduan Pengiklanan yang dipaparkan di laman web SC untuk maklumat lanjut dan untuk mengikuti sebarang perubahan atau kemas kini yang dilakukan ke atas garis panduan tersebut.

Senarai Daftar Pemegang Unit/Ahli PRS dan Pengekalan Akaun

- 4.27 Bahagian seterusnya dalam bab ini menunjukkan gambar rajah yang menghuraikan proses di mana unit dalam Skim dibeli dan dibeli semula. Gambar rajah ini mengandungi rujukan kepada Senarai Daftar pemegang unit/Ahli PRS yang dikekalkan oleh Penyedia Skim bagi setiap Skim. Senarai Daftar mengandungi sejumlah besar data peribadi yang berkaitan dengan setiap pelabur.
- 4.28 Pelabur boleh, dari semasa ke semasa, meminta data peribadi dalam Senarai Daftar dikemas kini untuk, antara lain:
 - (a) pertukaran alamat surat-menyurat dan/atau alamat e-mel;
 - (b) pengeluaran nombor Kad Pengenalan baharu;
 - (c) pertukaran nama;
 - (d) pembukaan akaun bank baharu; dan
 - (e) perubahan dalam arahan pelaburan semula pengedaran, dan lain-lain.
- 4.29 Perunding perlu menyedari keperluan Penyedia Skim (contohnya, Adakah salinan dokumen yang sah diperlukan? Untuk pegangan unit secara bersama, adakah tandatangan semua pemegang unit/ahli PRS diperlukan?) yang berkaitan dengan pemberitahuan perubahan kepada Senarai Daftar. Jika tidak, mereka akan memberi perkhidmatan yang buruk kepada pelabur jika mereka tidak menyedari keperluan ini apabila ditanya.
- 4.30 Perubahan lain yang mempengaruhi pelaburan seorang pelabur dalam Skim termasuk akibat kematian pelabur; hasrat untuk memindahkan unit kepada orang lain seperti pasangan, anak lelaki atau anak perempuan; atau pendaftaran gadai janji

atau lien terhadap pemegangan unit tersebut sebagai jaminan untuk pinjaman pemegang unit.

- 4.31 Proses untuk memindahkan pegangan kepada pihak ketiga atau kepada waris si mati boleh menjadi rumit dan, sekali lagi, Perunding perlu mengetahui keperluan sebenar Penyedia Skim serta keperluan lain yang diguna pakai. Perunding yang menawarkan perkhidmatan pelabur yang berkualiti mengetahui keperluan ini, dan akan tahu siapa dalam Penyedia Skim untuk mengemukakan sebarang pertanyaan.

Aliran Proses Pelaburan dalam SUA dan PRS

- 4.32 **Rajah 4.1** menunjukkan keseluruhan proses pelaburan untuk pelabur SUA dan PRS.

Kesemua proses ini dijelaskan dalam perenggan berikutnya.


Rajah 4.1: Keseluruhan proses pelaburan untuk pelabur SUA dan PRS



Pembelian Unit

- 4.33 Melabur dalam Skim melibatkan pelbagai proses dan langkah seperti yang ditentukan oleh pengawalseliaan. Langkah ini adalah penting untuk dipatuhi oleh pihak yang berkenaan bagi memastikan proses pelaburan dijalankan menurut keperluan yang berkenaan dan juga melindungi pelabur dan pihak lain yang terlibat.
- 4.34 **Rajah 4.2** menunjukkan langkah utama yang perlu diambil apabila pelabur melabur dalam Skim.

Rajah 4.2: Proses pembelian unit utama



- 4.35 Proses pembelian bermula apabila pelabur menunjukkan minat dalam, atau menyedari tentang, kelebihan pelaburan dalam Skim tertentu dan berakhir apabila beliau menerima penyata menunjukkan bilangan unit yang dibeli dalam Skim. Dalam keadaan di mana Perunding mewakili IUTA atau CUTA, permohonan biasanya akan dikemukakan kepada IUTA atau CUTA tersebut terlebih dahulu sebelum diberikan kepada Penyedia Skim untuk diproses.
- 4.36 Seperti yang dinyatakan terlebih dahulu dalam bab ini, proses pembelian yang digambarkan dalam bab ini menunjukkan proses am untuk pembelian unit dalam Skim. Perunding perlu mengambil masa untuk mengaitkan proses yang ditunjukkan dalam carta alir dan aspek tertentu proses yang dijelaskan dalam perenggan berikut dengan yang diamalkan dalam organisasi mereka.

Aspek tertentu dalam proses pembelian

- 4.37 Perenggan berikut memberikan naratif tentang Rajah 4.2 supaya Perunding mempunyai pemahaman dan kesedaran yang lebih baik mengenai aspek penting dalam urusan niaga pembelian daripada perspektif pelbagai pihak yang terlibat dalam proses:
- Perunding
- 4.38 Dalam kebanyakan kes, Perunding akan menjalankan proses pembelian. Garis Panduan Amalan Jualan SC memerlukan mana-mana orang yang memasarkan dan menjual produk pasaran modal yang tidak tersenarai untuk bertindak dengan jujur, adil dan profesional pada setiap masa. Ini termasuk pemasaran dan pengedaran Skim yang dibangunkan oleh Penyedia Skim kepada pelabur yang sesuai. Untuk ini, Perunding mesti menjalankan penilaian kesesuaian sebelum mencadangkan sebarang Skim kepada pelabur.
- 4.39 Di mana seorang perunding dikehendaki untuk mematuhi keperluan di bawah Garis Panduan Tindakan untuk Perantara Pasaran Modal, berkenaan dengan nasihat peribadi yang diberikan kepada pelabur yang merupakan pelabur yang diakreditasi:
- (a) Pelabur adalah entiti bernilai tinggi yang telah menyatakan secara bertulis bahawa dia ingin mengecualikan diri daripada dikenakan keperluan dalam Garis Panduan tersebut;
 - (b) Pelabur menambah pelaburan dalam skim sedia ada dengan SPUA dan PRSP yang sama yang telah mematuhi keperluan sebelum ini;
 - (c) Perunding telah mematuhi keperluan yang dinyatakan dalam perenggan 4.42 berkenaan dengan seorang pelabur dan mencadangkan pelabur dengan pelbagai skim, mengambil kira keadaan khusus pelabur tersebut dan pelabur kemudian memilih untuk melabur dalam skim yang berada dalam julat skim yang telah dicadangkan.
- 4.40 Di mana Perenggan 4.39 (c) dan (d) berlaku, perunding hanya boleh bergantung pada maklumat yang telah diberikan oleh pelabur sebelumnya jika pelabur mengesahkan semasa transaksi bahawa tiada perubahan material terhadap maklumat tersebut.
- 4.41 Dalam kes PRS, sebagai tambahan kepada perenggan 4.39, keperluan tersebut boleh dikecualikan di mana:
- (a) Seorang ahli tidak membuat pilihan tertentu dalam PRS dan oleh itu pilihan dipilih untuk pelabur secara automatik;
 - (b) Seorang ahli bertukar kepada pilihan dalam kategori mereka sendiri;
 - (c) Saluran sumbangan oleh majikan untuk pekerja; atau
 - (d) Seorang ahli memindahkan manfaat terkumpul dari PRSP ke akaun PRS sedia ada milik PRSP lain.

Keperluan khusus berkaitan dengan memberikan nasihat peribadi

- 4.42 Sebelum memberikan nasihat peribadi, perunding mesti:
- (a) Menjelaskan kepada atau memberitahu pelabur mengenai perkara berikut sebelum mengumpul maklumat pelabur:

- (i) Tujuan mengumpul maklumat adalah untuk membolehkan perunding memberikan nasihat peribadi yang sesuai dengan pelabur, mengambil kira keadaan khusus pelabur tersebut. Dalam hal ini, perunding mesti menjelaskan bahawa adalah dalam kepentingan pelabur untuk memberikan maklumat mengenai keadaan khusus mereka yang terkini, tepat dan lengkap;
- (ii) Sebarang maklumat yang tidak tepat atau tidak lengkap yang diberikan oleh pelabur akan menjejaskan nasihat peribadi yang diberikan kepada pelabur dan perunding tidak akan bertanggungjawab atas nasihat peribadi tersebut; dan
- (iii) Risiko yang terlibat dalam melabur keseluruhan atau sebahagian besar dana pelabur yang tersedia, termasuk simpanan dan dana persaraan, dalam satu skim.
- (b) Membentuk asas yang munasabah untuk nasihat peribadi bagi memastikan nasihat yang diberikan sesuai untuk pelabur.
- (c) Mengambil sebarang langkah lain yang boleh dianggap munasabah untuk kepentingan pelabur berdasarkan keadaan relevan pelabur tersebut.
- (d) Merekodkan maklumat yang dikumpulkan daripada pelabur dan nasihat peribadi yang diberikan kepada pelabur.

‘Asas munasabah’ dalam memberikan nasihat peribadi

4.43 Untuk memastikan terdapat asas yang munasabah bagi nasihat peribadi yang diberikan, perunding mesti melakukan perkara berikut:

- (a) Mengumpul maklumat yang mencukupi mengenai keadaan khusus pelabur, yang merangkumi perkara berikut:
 - (i) Mengambil langkah-langkah usaha wajar pelanggan seperti yang diperlukan mengikut tahap risiko yang dikenalpasti.
 - (ii) Situasi kewangan, contohnya status pekerjaan, jumlah pendapatan, komitmen kewangan, aset dan liabiliti, bilangan tanggungan;
 - (iii) Objektif dan keperluan pelaburan, contohnya tujuan pelaburan, tempoh pelaburan, perlindungan modal, pilihan pelaburan seperti Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) atau pelaburan patuh syariah;
 - (iv) Toleransi risiko, contohnya jumlah kerugian yang sanggup ditanggung oleh pelabur; dan
 - (v) Tahap pengetahuan dan pengalaman pelaburan bagi tujuan menentukan bahawa pelabur mempunyai pemahaman yang mencukupi mengenai ciri-ciri dan risiko yang berkaitan dengan skim yang disyorkan, contohnya kelayakan pendidikan pelabur, latihan, pengalaman kerja, pengalaman pelaburan dan portfolio pelaburan semasa. Tahap pengetahuan dan pengalaman pelaburan yang diperlukan harus sepadan dengan kerumitan skim tersebut.
- (b) Memastikan bahawa Maklumat Pelabur yang dikumpulkan adalah terkini, tepat, lengkap dan mencukupi untuk tujuan memberikan nasihat peribadi;
- (c) Melakukan semakan terhadap maklumat pelabur yang dikumpul dan skim yang menjadi subjek nasihat peribadi, seperti yang munasabah dalam keadaan tersebut; dan
- (d) Memadankan produk yang sesuai dengan pelabur berdasarkan pertimbangan dan analisis terhadap kedua-dua maklumat pelabur dan semakan skim yang dilakukan. Skim adalah sesuai jika ia berkemungkinan memenuhi objektif dan

keperluan pelaburan pelabur, dengan mengambil kira situasi kewangan pelabur, toleransi risiko, serta pengetahuan dan pengalaman pelaburan.

- 4.44 Disebabkan oleh situasi kewangan, toleransi risiko atau pengetahuan dan pengalaman pelaburan pelabur, di mana seorang perunding tidak dapat memadankan dan mengesyorkan skim yang berkemungkinan memenuhi objektif dan keperluan pelaburan pelabur atau yang mana pelanggan telah menunjukkan minat, perunding hendaklah;
- (a) Tidak mencadangkan mana-mana skim; dan
 - (b) Menjelaskan kepada pelabur mengapa perunding tidak dapat mencadangkan mana-mana skim, termasuk sebab-sebab kekurangan skim yang sesuai.

Penyedia Skim

- 4.45 Peranan Penyedia Skim jelasnya adalah penting kepada keseluruhan proses pembelian. Penyedia Skim memainkan peranan utama dalam menyelaraskan dan mengawal pelbagai peringkat dalam proses tersebut, daripada menerima borang permohonan, menyelaraskan bayaran yang diterima melalui perbankan dalam talian, mendeposit cek ke dalam bank, memaklumkan pemegang amanah, mengemas kini rekod mereka dan akhir sekali, mengeluarkan penyata (atau sijil) mengesahkan pembelian pelabur.
- 4.46 Perunding dan kakitangan Penyedia Skim perlu memainkan peranan dalam memastikan mereka menyediakan kerja dan perkhidmatan yang berkualiti di semua peringkat. Sebagai contoh, kesilapan mudah dalam memasukkan data boleh menyebabkan banyak kesulitan kepada pelabur. Dalam perkara ini, Perunding boleh memainkan peranan dengan memastikan borang permohonan dilengkapkan dengan betul dan jelas.

Pemegang Amanah

- 4.47 Peranan Pemegang Amanah adalah untuk memantau pembelian (dan juga jualan berikutnya) unit. Pemegang Amanah menerima banyak maklumat sepanjang proses pembelian. Ia memantau dan mengawal proses tersebut dengan mengkaji maklumat yang diberikan kepadanya dan dengan melakukan kajian semula dan pertanyaan dalaman.
- 4.48 Di bawah Garis Panduan UTF, Pemegang Amanah perlu memastikan bahawa prosedur dan proses yang dilaksanakan oleh Penyedia Skim untuk membeli, menjual, menilai dan menetapkan harga unit adalah mencukupi dan menurut keperluan surat ikatan dan pengawalseliaan. Jika Pemegang Amanah mendapati bahawa proses Penyedia Skim tersebut tidak mencukupi, ia akan melaporkan perkara ini kepada pelabur - bersama dengan langkah yang diambil olehnya untuk memastikan kelemahan tersebut telah dibetulkan.
- 4.49 Jika semuanya berjalan dengan lancar (dan menurut surat ikatan dan undang-undang), campur tangan Pemegang Amanah dalam proses perniagaan Penyedia Skim adalah minimum. Walau bagaimanapun, jika terdapat ketidakselarasan, kesilapan ataupun penipuan, maka Pemegang Amanah, sebagai pengawas, akan terlibat secara aktif untuk melindungi kepentingan pelabur, dan memastikan proses tersebut dibetulkan.

Bank

- 4.50 Pada asasnya, peranan bank dalam proses pembelian adalah untuk mengekalkan akaun bank Skim, dan atas arahan Pemegang Amanah, untuk menerima dana dan melunaskan cek yang dikeluarkan atau bayaran yang dibuat.

Pengurus Dana

- 4.51 Bagi sesetengah Penyedia Skim, pengurus dana merupakan sebahagian daripada perniagaan tersebut; manakala untuk yang lain, tanggungjawab untuk menguruskan portfolio pelaburan dalam Skim diserahkan kepada pengurus dana luar (walaupun ini biasanya merupakan sebahagian daripada kumpulan korporat yang sama dengan Penyedia Skim).
- 4.52 Dalam mana-mana keadaan, pengurus dana perlu memantau aliran tunai yang masuk dan keluar daripada Skim, dan juga memastikan Skim dilaburkan menurut objektif pelaburan dana dan mematuhi pendedahan yang dilakukan dalam surat ikatan, prospektus/dokumen pendedahan dan garis panduan yang mentadbir Skim. Pada asasnya, pelabur sebenarnya membeli kepakaran pengurus dana untuk mendapat pulangan daripada portfolio pelaburan yang diuruskan oleh mereka.
- 4.53 Sebagai contoh, pertimbangkan keadaan apabila pelabur melabur dalam Skim yang mempunyai tujuan pelaburan untuk memperoleh pertumbuhan modal yang tinggi dan pelaburan tunai yang minimum. Andaikan bahawa pengurus dana tidak melabur menurut polisi pelaburan, tetapi telah menyimpan sebahagian besar aset Skim dalam bentuk tunai. Jika pasaran naik secara mendadak, pelabur akan terdedah kepada tunai (dan bukan, katakanlah, ekuiti pertumbuhan), yang tidak dijangka oleh pelabur. Ini kemudiannya akan menimbulkan pertanyaan dan aduan daripada pelabur.
- 4.54 Dari masa ke masa, prestasi pelaburan Skim boleh diukur dan dijejak bagi menentukan sama ada Skim mematuhi objektif dan mandatnya. Satu langkah yang perlu dipertimbangkan adalah sasaran pulangan pelaburan dan sasaran turun naik dana dan membandingkannya dengan prestasi pelaburan dan kadar turun naik pulangan yang sebenar. Contoh berikut memberi gambaran untuk pengukuran tersebut. Kadar pulangan dan turun naik yang ditunjukkan dalam dua contoh ini mungkin berbeza dengan yang sebenarnya.

Contoh 1:

Dana dalam SUA dianggap sebagai dana pendapatan tetap yang tradisional dan mempunyai objektif pelaburan untuk memperoleh pulangan peratusan sederhana hingga tinggi satu digit setahun dengan turun naik yang sederhana hingga rendah. Pulangan sebenar dana untuk tiga tahun yang lepas diuraikan dalam **Jadual 4.3**:

Jadual 4.3: Pulangan dana yang dalam tempoh tiga (3) tahun

Tahun	Pulangan tahunan (%)	Turun naik tahunan (%)
1	7.3	4.2
2	8.5	5.1
3	6.8	4.8

Ia boleh disimpulkan daripada pulangan sebenar dan corak turun naik dalam tempoh tiga tahun lepas bahawa pada dasarnya, prestasi dana nampaknya telah mengikut objektif dan selaras dengan mandat pelaburannya.

Contoh 2:

Dana XYZ dalam Penyedia PRS CCC adalah dana ekuiti dengan objektif untuk memberi pulangan yang mencerminkan Indeks Komposit FBM Kuala Lumpur (FBMKLCI). Pada dasarnya, Dana XYZ adalah dana penjejak.

Pulangan sebenar KLCI dan Dana XYZ untuk tiga tahun yang lepas adalah seperti yang dinyatakan dalam **Jadual 4.4**:

Jadual 4.4: Pulangan KLCI dan Dana XYZ dalam tempoh tiga (3) tahun

Tahun	Pulangan FBMKLCI (%)	Pulangan Dana XYZ (%)
1	8.9	7.1
2	3.1	-2.2
3	12.3	8.8

Jelas dilihat dari pulangan bahawa Dana XYZ tidak melakukan kerja yang baik untuk menjejak pulangan FBMKLCI. Oleh itu, Dana XYZ telah gagal dalam objektif pelaburannya untuk memberi pulangan yang mencerminkan FBMKLCI. Dana XYZ juga tidak boleh dianggap sebagai relevan, konsisten dan sesuai untuk Penyedia PRS CCC.

Hak Tempoh Bertenang

- 4.55 Untuk melindungi pelabur yang mungkin telah membeli unit tanpa memahami sepenuhnya Skim yang dibeli, atau yang mungkin telah dikelirukan oleh Perunding, SC menetapkan bahawa Penyedia Skim wajib memberi peluang kepada pelabur untuk mempertimbangkan semula pembelian beliau. Ini dikenali sebagai hak 'tempoh bertenang' yang mesti dinyatakan dalam prospektus SUA dan dokumen pendedahan PRS.
- 4.56 Hak tempoh bertenang ini tidak boleh kurang daripada enam hari perniagaan bermula dari tarikh penerimaan permohonan Skim oleh Penyedia Skim. Ia mesti dilaksanakan dalam tempoh enam hari perniagaan. Ia memberi hak kepada pelabur kali pertama untuk mendapatkan semula wang pelaburan beliau tanpa menolak apa-apa bayaran jualan.
- 4.57 Garis Panduan UTF dan Garis Panduan PRS menyatakan bahawa bayaran balik untuk setiap unit yang dipegang oleh pelabur, mengikut pelaksanaan hak tempoh bertenang tersebut, adalah jumlah:
- (a) NAB seunit pada hari unit tersebut mula dibeli; dan
 - (b) bayaran jualan seunit yang dikenakan pada asalnya, iaitu pada hari unit dibeli.
- 4.58 Hak tempoh bertenang hanya diberikan kepada pelabur kali pertama selain daripada yang disenaraikan di bawah:
- (a) Syarikat atau institusi;
 - (b) Seorang kakitangan Penyedia Skim; dan
 - (c) Perunding
 - (d) Majikan yang membuat caruman kepada PRS bagi pihak pekerja
- 4.59 Perunding perlu mengetahui polisi Penyedia Skim dalam menggunakan hak tempoh bertenang.

Ilustrasi polisi tempoh bertenang yang diamalkan oleh Penyedia Skim:

Wang permohonan pelabur yang berkaitan dengan permohonan unit dalam Skim disimpan di dalam bank oleh Penyedia Skim pada hari Isnin (Hari Pertama). Pelabur


ingin melaksanakan hak tempoh bertenang beliau. Andaikan bahawa hari perniagaan adalah Isnin hingga Jumaat (dan tidak ada cuti umum), oleh itu, hari terakhir Penyedia Skim boleh menerima permintaan pelabur untuk melaksanakan hak tempoh bertenang adalah pada hari Isnin yang berikutnya (Hari Ke-6).

- 4.60 Perunding perlu ambil perhatian bahawa prosedur tempoh bertenang yang diguna pakai mungkin berbeza di kalangan Penyedia Skim.

Pembelian Balik Unit

- 4.61 Walaupun pelaburan dalam Skim secara amnya adalah untuk pelabur yang mempunyai jangka masa pelaburan antara jangka sederhana hingga panjang, pelabur berhak untuk menjual unit atau melakukan pengeluaran pada bila-bila masa. Walau bagaimanapun, ahli PRS mesti dimaklumkan bahawa pengeluaran sebelum persaraan pada umumnya adalah tertakluk kepada penalti, namun pengecualian diberikan kepada jenis pengeluaran tertentu seperti untuk perumahan dan penjagaan kesihatan.
- 4.62 Di mana belian balik atau pengeluaran dibenarkan, Penyedia Skim diwajibkan untuk membeli balik unit pelabur pada harga lazim apabila menerima permintaan yang wajar untuk belian balik. Ia adalah penting untuk Perunding mengetahui semua keperluan Penyedia Skim, jika tidak, permintaan dan pembayaran belian balik pelabur mungkin ditangguhkan.
- 4.63 Walau bagaimanapun, proses belian balik tersebut adalah agak mudah dan prosesnya secara umum digambarkan dalam **Rajah 4.3**.

Rajah 4.3: Proses belian balik unit utama



- 4.64 Banyak daripada pemerhatian dan penjelasan yang dilakukan terlebih dahulu dalam bab ini berkaitan dengan pembelian unit dalam Skim juga diguna pakai untuk proses belian balik, oleh itu, ia tidak akan diulang dalam bahagian ini. Walau bagaimanapun,

Perunding perlu ambil perhatian mengenai perkara penting yang dinyatakan dalam perenggan yang berikutnya.

Dokumen pemberitahuan belian balik

- 4.65 Kebanyakan Penyedia Skim mempunyai borang belian balik yang mesti dilengkapkan dengan sewajarnya oleh pelabur sebelum permintaan untuk menjual unit boleh diproses. Pelabur juga mesti melengkapkan arahan pembayaran, iaitu arahan untuk mengkreditkan akaun bank pelabur ataupun menghantar bayaran hasil kepada beliau melalui cek. Sesetengah Penyedia Skim mungkin membenarkan pembayaran dilakukan melalui pemindahan bertelegraf.

Tempoh pembayaran dan kecairan Skim

- 4.66 Garis Panduan UTF dan Garis Panduan PRS memerlukan Penyedia Skim untuk membayar hasil belian balik kepada pemegang unit 'dengan secepat mungkin' dan dalam tempoh 10 hari kalendar daripada penerimaan permintaan belian balik tersebut.
- 4.67 Bagi memenuhi keperluan ini, Penyedia Skim mesti melakukan pengaturan kewangan supaya pembayaran boleh dibuat dalam tempoh ini. Ini termasuk mengekalkan aras tunai atau aset cair yang mencukupi dalam Skim. Penyedia Skim kemudiannya boleh membatalkan unit yang dibeli balik daripada pelabur dan menggunakan tunai yang dipegang dalam Skim (selepas pembayaran oleh Pemegang Amanah untuk unit yang dibatalkan tersebut) untuk memenuhi kewajipannya kepada pelabur.
- 4.68 Tetapi apa akan berlaku jika kecairan dalam Skim tidak mencukupi, dan Pemegang Amanah percaya bahawa menjual pelaburan Skim untuk menambahkan lagi tunai untuk membayar belian balik akan bercanggah dengan kepentingan pelabur? Keadaan ini mungkin berlaku apabila pelaburan tidak boleh dinilai secara saksama - mungkin kerana pasaran di mana pelaburan tersebut disenaraikan ditutup buat sementara waktu. Jelas bahawa ia tidak adil untuk cuba menentukan NAB seunit dalam keadaan sedemikian dan, oleh sebab itu, nilai unit yang dibatalkan oleh Penyedia Skim tidak boleh ditentukan.
- 4.69 Garis Panduan UTF dan Garis Panduan PRS dengan itu membenarkan Pemegang Amanah untuk menggantung (**sehingga tempoh 21 hari**) jualan dan belian balik unit dalam Skim apabila kepentingan pelabur (atau bakal pelabur) akan terjejas dengan ketara. Selepas 21 hari, persetujuan pelabur untuk melanjutkan tarikh penggantungan dan belian balik unit mesti diperoleh dengan mengadakan mesyuarat pemegang unit/ahli PRS.
- 4.70 Dalam semua hal penggantungan jualan dan belian balik unit dalam Skim, Pemegang Amanah mesti memaklumkan SC tentang penggantungan tersebut dan memberikan sebab untuk berbuat demikian. SC juga mesti dimaklumkan apabila penggantungan tersebut berakhir.
- 4.71 Kesan akibat penggantungan ini adalah urusan niaga dalam Skim akan terhenti. Anda perlu ambil perhatian bahawa sebarang penggantungan jualan dan belian balik unit dalam Skim sangat jarang berlaku. Ia biasanya akan dilakukan untuk melindungi pelabur dalam Skim.


Penukaran

- 4.72 Pelabur boleh meminta supaya hasil jualan unit beliau dilaburkan semula dalam Skim lain yang ditawarkan oleh Penyedia Skim yang sama. Urus niaga ini dikenali sebagai 'penukaran', dan boleh dibahagikan kepada belian balik unit dalam satu Skim dan jualan kepada pelabur unit dalam Skim yang lain. Prosesnya hampir sama seperti dalam perenggan yang menghuraikan pembelian dan belian balik unit dalam bab ini, kecuali pembayaran untuk unit yang dibeli balik oleh Penyedia Skim akan diproses secara automatik sebagai jumlah permohonan untuk unit dalam Skim kedua.
- 4.73 Perunding perlu mengetahui prosedur Penyedia Skim berhubung dengan penukaran. Selalunya penukaran adalah untuk kepentingan pelabur kerana Penyedia Skim boleh mengurangkan atau mengecualikan yuran permohonan unit. Penukaran mungkin berguna dalam mengubahkan portfolio pelabur berikutan perubahan dalam keadaan pasaran atau keadaan peribadi. Walau bagaimanapun, Perunding mesti sedar bahawa walaupun yuran penukaran boleh dikecualikan, bayaran jualan mungkin akan dikenakan, contohnya, apabila menukar daripada dana tanpa bayaran kepada dana dengan bayaran. Untuk ini, pelabur mesti dimaklumkan sewajarnya mengenai bayaran yang dikenakan.

Membiayai Pembelian SUA

- 4.74 Bahagian ini menerangkan langkah tambahan yang perlu dilengkapkan oleh Perunding sebelum pelabur membeli unit dalam SUA, di mana unit diperoleh daripada dana yang dipinjam. Perunding mesti ambil perhatian bahawa pembiayaan pinjaman tidak dibenarkan untuk pembelian PRS. Proses yang dihuraikan dalam bahagian ini menunjukkan perlindungan yang diperkenalkan oleh SC untuk meningkatkan kesedaran pelabur tentang risiko tambahan yang dihadapi oleh pelabur yang ingin membiayai pelaburan dalam SUA. Proses ini juga menunjukkan peluang yang mungkin dapat menyalahgunakan kepercayaan pelabur, apabila Perunding SUA didorong oleh komisen tambahan yang mungkin diperoleh daripada pembelian unit dengan menggunakan dana yang dipinjam oleh pelabur.

Rajah 4.4: Proses utama pembelian unit dengan dana yang dipinjam



4.75 Langkah tambahan utama dalam proses pembelian yang perlu diberi perhatian berhubung dengan pembiayaan pembelian unit dalam SUA adalah seperti berikut:

- Sebelum borang permohonan dihantar kepada SPUA untuk pembelian unit dalam SUA, permohonan untuk pembiayaan pinjaman perlu dilakukan. Pemberi pinjaman akan menilai kepercayaan kredit pemohon dengan melihat keupayaan beliau untuk membayar hutang, dan juga kualiti sekuriti (cagaran) yang ditawarkan (iaitu, unit dalam SUA). Pemberi pinjaman juga akan menilai, mengikut polisi kreditnya dan pengawalseliaan yang berkenaan, jumlah yang boleh dipinjamkan terhadap unit dalam SUA.
- Apabila kelulusan telah diberikan, kebanyakan pemberi pinjaman akan meminta supaya pembayaran dilakukan terus kepada SPUA, bukannya kepada pelabur. Ini adalah untuk memastikan bahawa pinjaman tersebut digunakan untuk tujuan yang dinyatakan dalam permohonan pinjaman. Peminjam perlu menandatangani kontrak pinjaman, yang akan menyatakan kadar faedah dan syarat pembayaran balik.
- Apabila permohonan unit telah diproses oleh SPUA, pemberi pinjaman akan menerima sijil unit (atau pengesahan bahawa kepentingan pemberi pinjaman

telah dilindungi). Sijil/penyata pengesahan akan disimpan dalam jagaan yang selamat oleh pemberi pinjaman dan akan membentuk sebahagian daripada jaminan untuk pinjaman. Pelabur juga akan menerima penyata daripada SPUA yang menunjukkan bilangan dan jumlah kos unit yang dibeli dalam SUA.

- (d) Sepanjang tempoh pinjaman, jika nisbah pinjaman kepada penilaian jatuh di bawah tahap yang ditetapkan dalam dokumen pinjaman (contohnya, ketika kejatuhan pasaran pelaburan), pemberi pinjaman secara amnya akan memerlukan panggilan margin dalam bentuk bayaran tunai kepada pemberi pinjaman (atau meminta cagaran tambahan diberikan). Ini memastikan bahawa pemberi pinjaman mempunyai jaminan yang mencukupi dalam urusan niaga pinjaman tersebut.
 - (e) Apabila unit dalam SUA dibeli balik, hasil jualan biasanya dibayar oleh SPUA terus kepada pemberi pinjaman. Selepas pembayaran balik jumlah pinjaman yang tertunggak, hasil jualan bersih diberikan oleh pemberi pinjaman kepada pelabur.
- 4.76 Keperluan penting yang dikenakan oleh SC berhubung dengan pembiayaan perolehan unit dalam SUA diuraikan dalam perenggan berikutnya.
- 4.77 Garis Panduan Pemasaran dan Pengedaran UTF menyatakan bahawa SPUA perlu memastikan bahawa Perunding SUA tidak menggalakkan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, penjualan unit melalui pinjaman. Jualan unit dalam SUA dan pembiayaan bagi perolehan tersebut perlu dilihat sebagai dua urusan niaga yang berasingan sama sekali. Oleh sebab itu, bahan promosi yang mengandungi unjuran pulangan berdasarkan skim pinjaman tidak dibenarkan. Ini adalah untuk memastikan bahawa pelabur tidak diperdayakan dengan pulangan unjuran yang menarik, yang kadang-kadang boleh dibesar-besarkan oleh Perunding SUA yang terlalu bersemangat.
- 4.78 Garis Panduan Pemasaran dan Pengedaran UTF memerlukan SPUA untuk memastikan bahawa Perunding SUA memberikan pendedahan sepenuhnya dan berterus terang serta tidak meninggalkan apa-apa perkara penting semasa menyampaikan maklumat tentang pembiayaan pinjaman untuk unit. Ini adalah supaya pelabur boleh membuat keputusan termaklum sebelum membuat pinjaman. Perunding SUA perlu memberikan maklumat berdasarkan fakta sahaja dan, selepas itu, menerangkan dengan jelas kepada bakal pelabur tentang risiko penambahan. Perunding SUA juga perlu, dengan sedaya-upaya mereka, memastikan bahawa pelabur mengetahui tentang risiko tersebut sebelum melabur.
- 4.79 Perunding SUA perlu menerangkan sepenuhnya kepada pelabur tentang risiko yang terlibat apabila pelabur menambah pelaburannya. Sehubungan ini, Perunding SUA perlu mendapatkan salinan Penyata Pendedahan Risiko Pembiayaan Pinjaman Unit Amanah yang telah ditandatangani daripada pelabur (lihat **Lampiran 4.1**) untuk mengesahkan bahawa risiko yang terlibat dalam pinjaman untuk membiayai perolehan unit dalam SUA telah diterangkan, dan bahawa pelabur tersebut memahami kandungan Penyata tersebut.
- 4.80 Perunding SUA perlu melampirkan salinan asal Penyata Pendedahan Risiko yang

ditandatangani oleh pelabur semasa permohonan unit, yang kemudiannya akan difailkan oleh SPUA untuk tujuan rekod dan pemeriksaan, dan untuk menghantar satu salinan kepada pelabur. Penyata Pendedahan Risiko secara jelas menggariskan risiko utama yang terlibat dalam pembiayaan pinjaman:

- (a) Lebih tinggi margin pembiayaan, lebih besar potensi kerugian dan potensi keuntungan.
- (b) Pembayaran balik pinjaman mungkin lebih membebankan jika kadar faedah meningkat. (Ambil perhatian bahawa ini tidak boleh diguna pakai jika pinjaman adalah pada kadar faedah tetap bagi tempoh yang ditentukan.)
- (c) Panggilan margin (atau permintaan untuk menambah cagaran terhadap pinjaman) mungkin diperlukan sebagai tambahan kepada pembayaran balik yang biasa. Kegagalan untuk melakukan pembayaran balik ini boleh menyebabkan unit dalam SUA yang diperoleh melalui dana yang dipinjam terpaksa dijual untuk membayar balik semua atau sebahagian daripada pinjaman.
- (d) Pulangan daripada SUA tidak dijamin, dan mungkin berubah dari tahun ke tahun. Masa untuk menjual unit dalam SUA (mungkin untuk membayar balik pinjaman) mungkin menyebabkan kerugian, walaupun prestasi pelaburan adalah baik sebelum tarikh tersebut.

- 4.81 Penyata Pendedahan Risiko menggalakkan peminjam meminta maklumat selanjutnya daripada pemberi pinjaman, sekiranya beliau tidak pasti tentang mana-mana aspek risiko yang berkaitan dengan pinjaman.
- 4.82 Penyata Pendedahan Risiko juga berfungsi untuk melindungi kepentingan SPUA dan Perunding SUA sekiranya berlaku sebarang pertikaian, jika pulangan pelabur jatuh lebih rendah daripada yang dijangkakan akibat keadaan di luar kawalan SPUA, atau jika pelabur menghadapi kesukaran untuk membayar pinjaman.
- 4.83 Garis Panduan UTF juga menyatakan bahawa margin pembiayaan untuk pinjaman tidak boleh melebihi 67% daripada jumlah yang dipohon (SPUA bertanggungjawab untuk memastikan margin tersebut tidak diingkari). Ini bermakna pelabur hanya boleh mendapat pinjaman sehingga dua kali ganda nilai deposit atau pelaburan awal beliau dalam SUA. Sebagai contoh, pelaburan awal sebanyak RM10,000 yang dibayar oleh pelabur akan melayakkan beliau meminjam sehingga RM20,000 lagi untuk pelaburan dalam SUA (iaitu pinjaman tersebut merupakan 66.67% daripada jumlah kos unit yang diperoleh).

Syarat Pemindahan dan Pengeluaran KWSP untuk Pelaburan dalam SUA yang Diluluskan

- 4.84 Ahli KWSP boleh mengeluarkan simpanan KWSP mereka dan melabur dalam SUA yang diluluskan di bawah Skim Pelaburan Ahli KWSP (SPA KWSP). Pelaburan tersebut boleh dilakukan secara dalam talian sama ada melalui portal dalam talian yang dikendalikan oleh KWSP, SPUA atau IUTA yang diluluskan oleh KWSP. Ahli KWSP digalakkan untuk berunding dengan Perunding SUA sebelum membuat sebarang keputusan pelaburan.

Bayaran duluan untuk pelaburan dalam SUA yang diluluskan adalah sehingga 3% daripada permohonan pelaburan jika ia dilakukan melalui ejen/kaunter SPUA dan sehingga 0.5% daripada permohonan pelaburan jika ia dilakukan melalui portal dalam talian. Bayaran ini adalah tertakluk kepada perubahan oleh KWSP.

Perunding perlu memastikan bahawa mereka mengetahui sepenuhnya proses pentadbiran yang terlibat sebelum memberi nasihat kepada bakal pelabur mengenai SPA KWSP. Berikut adalah beberapa contoh proses pentadbiran yang perlu diambil perhatian oleh Perunding:

- (a) Hasil belian balik unit yang diperoleh sebelum ini dengan simpanan dalam KWSP akan dimasukkan balik ke dalam KWSP;
- (b) Penukaran antara SPUA tidak dibenarkan, dan mesti diproses sebagai jualan daripada SUA sedia ada, diikuti dengan permohonan kepada SPUA yang baharu menurut prosedur yang diuraikan sebelum ini. Hasil jualan mesti
- (c) Pemegang unit yang ingin melabur dalam SUA tunggal dengan simpanan yang dipindah atau dikeluarkan daripada KWSP dan simpanan daripada sumber lain mesti melakukan dua (2) permohonan pelaburan.

Syarat pemindahan dan pengeluaran daripada KWSP untuk melabur dalam SUA yang diluluskan

- 4.85 Jumlah pemindahan dan pengeluaran yang boleh dilakukan oleh ahli KWSP adalah tertakluk kepada syarat yang dinyatakan dalam **Jadual 4.5**:

Jadual 4.5: Sekatan ke atas pemindahan dan pengeluaran untuk SPA KWSP

Umur di bawah 55 tahun – pemindahan daripada Akaun 1	Umur 55 tahun ke atas – pengeluaran daripada Akaun 55 atau Akaun Emas
Sehingga 30% daripada jumlah simpanan yang melebihi simpanan asas dalam Akaun 1	Sebarang jumlah dalam Akaun 55 atau Akaun Emas tetapi mesti mengekalkan sekurang-kurangnya RM1,000 di dalam akaun

- 4.86 **Lampiran 4.2** Bab ini memberi maklumat lanjut mengenai keperluan simpanan asas yang diguna pakai untuk ahli KWSP yang berumur di bawah 55 tahun.
- 4.87 Sebagai tambahan kepada perkara di atas, ahli KWSP juga diminta untuk memenuhi keperluan lain yang termasuk:
- (a) Jumlah pelaburan minimum ialah RM1,000; dan
 - (b) Ahli KWSP dibenarkan untuk menjalankan pelbagai urusan niaga dalam tempoh tiga (3) bulan selagi urusan niaga tersebut adalah dalam jumlah yang layak.
- 4.88 Perunding mesti sedar bahawa ahli KWSP yang memilih untuk menyertai SPA KWSP juga mesti mematuhi keperluan pentadbiran lain yang ditetapkan oleh KWSP. Perunding digalakkan untuk sentiasa mengikuti perkembangan keperluan ini dan sebarang perubahan atau kemas kini terhadap keperluan ini dengan melayari laman web KWSP.

Pendapatan boleh Agih Skim

- 4.89 Penyedia Skim akan menentukan, dengan persetujuan Pemegang Amanah, keseluruhan jumlah pendapatan Skim yang akan diagihkan kepada pelabur. Pengarah Penyedia Skim tidak mempunyai kewajiban untuk mengisytiharkan pengagihan, walaupun matlamat pelaburan Skim, jangkaan pelabur, kadar pengagihan pesaing Skim, dan kadar deposit bank semuanya mempengaruhi keputusan ini.
- 4.90 Jumlah yang tersedia untuk pengagihan dari Skim boleh merangkumi pendapatan atau keuntungan yang direalisasikan dan dari modal, contohnya:
- (a) Pendapatan dividen diterima;
 - (b) Pendapatan faedah diterima;
 - (c) Pendapatan lain diterima;
 - (d) Keuntungan modal yang direalisasikan dari penjualan pelaburan;
 - (e) dan selepas menolak perbelanjaan dan cukai.
 - (f) Dana harga berubah berdasarkan keadaan tertentu (contohnya, ketelusan kesan terhadap nilai aset bersih dana, dll.)
- 4.91 SC memerlukan bahawa jumlah pendapatan yang telah dibayar kepada pelabur (atau, atas permintaan pelabur SUA dan dalam keadaan pelabur PRS, dilaburkan semula sebagai unit tambahan) mesti sejajar dengan objektif dana. Biasanya Skim dengan tujuan memperoleh pendapatan perlu membuat pengagihan pendapatan pada aras yang lebih tinggi berbanding Skim yang mempunyai objektif pertumbuhan modal. Di samping itu, faktor berikut juga perlu dipertimbangkan:
- (a) jumlah pulangan (iaitu pendapatan dan pertumbuhan modal) yang diperoleh Skim sepanjang tempoh tersebut;
 - (b) pendapatan Skim bagi tempoh atau tahun tersebut;
 - (c) terdapat aliran tunai yang mencukupi untuk membuat pembayaran; dan
 - (d) kestabilan dan kemampuan pengagihan.
- 4.92 Pemegang Amanah perlu memasukkan kenyataan yang mengesahkan bahawa pengagihan pendapatan adalah sejajar dengan objektif pelaburan Skim dalam laporan tahunan Skim.
- 4.93 Penyedia Skim tidak boleh melupakan pelaburan Skim semata-mata untuk mendapat keuntungan modal untuk diagihkan kepada pelabur yang melabur dalam Skim. Sumber pengagihan daripada Skim juga perlu didedahkan dalam penyata kewangan. Matlamat keperluan ini adalah untuk memastikan pelabur tidak terkeliru dengan pengagihan 'pendapatan' yang nampaknya tinggi yang mungkin diperoleh daripada keuntungan modal terealisasi, dan untuk memberikan pendedahan yang lebih baik kepada pelabur dan bakal pelabur tentang tahap pengagihan pendapatan yang berpotensi pada masa hadapan.
- 4.94 Perunding bertanggungjawab untuk memberi nasihat kepada pelabur bahawa Skim yang mempunyai objektif pertumbuhan modal biasanya tidak membayar tahap pengagihan pendapatan yang tinggi. Oleh itu - dengan nasihat Perunding - pelabur boleh menstrukturkan portfolio pelaburan Skim dengan lebih baik yang mungkin

dapat menghasilkan tahap pendapatan yang diinginkan tanpa menjejaskan jumlah keuntungan modal yang dibayar pada masa yang sama. Pelabur yang menggunakan pengagihan keuntungan modal untuk membiayai perbelanjaan kehidupan seharian mungkin tidak menyedari bahawa modal pelaburan beliau semakin berkurangan.

- 4.95 Satu lagi aspek pengagihan pendapatan yang perlu disedari oleh Perunding PRS adalah bahawa dua dana PRS mungkin menyediakan jumlah pulangan purata yang sama tetapi satu dana membayar dividen yang lebih tinggi. Jika ahli PRS mempunyai pilihan kecairan jangka pendek, pendapatan dividen yang lebih tinggi adalah lebih menarik bagi ahli PRS tersebut walaupun pulangan untuk kedua-dua dana adalah sama.
- 4.96 Selanjutnya, bagi pelabur PRS, apa-apa pendapatan dividen mesti dibayar dalam bentuk unit dan pengeluaran dividen tersebut mesti ditangguhkan sehingga ahli PRS mencapai umur persaraan. Ini adalah sama untuk dividen yang diisytiharkan oleh KWSP yang juga tidak boleh diakses oleh ahli KWSP sehingga beliau mencapai umur persaraan.

Kesan pengagihan ke atas NAB

- 4.97 Pengagihan akan mengurangkan NAB seunit kerana sebahagian daripada NAB seunit dipulangkan kepada pelabur dalam bentuk bayaran tunai. Untuk Skim pula, di mana unit diberikan sebagai ganti kepada bayaran tunai, NAB seunit dana masih akan dikurangkan kerana lebih banyak unit akan diwujudkan daripada kumpulan dana yang sama.

Contoh:

Pada 1 Mac 20X2, Ahli QQQ memiliki 800 unit Dana MNO dengan NAB seunit bernilai RM2.00. Pengagihan RM0.40 seunit diisytiharkan dan dibayar pada tarikh yang sama dalam bentuk unit dana. Sejurus selepas pembayaran pengagihan ini, Ahli QQQ akan memegang 1,000 unit Dana MNO dengan NAB seunit yang lebih rendah iaitu RM1.60. Walaupun NAB seunit telah dikurangkan dengan pengagihan ini, Ahli QQQ tidak terjejas kerana beliau masih memiliki jumlah kekayaan yang sama seperti sebelum ini.

Pengiraan untuk pegangan 1,000 unit Dana MNO oleh Ahli QQQ pada NAB RM1.60 seunit selepas pengagihan adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} \text{Nilai pengagihan pendapatan} &= \text{Pengagihan seunit} * \text{bilangan unit dimiliki} \\ &= \text{RM0.40 seunit} * 800 \text{ unit} = \text{RM320} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Bilangan unit diterima daripada pengagihan} &= \frac{\text{Nilai pengagihan pendapatan}}{\text{NAB seunit selepas pengagihan}} \\ &= \frac{\text{RM320}}{\text{RM1.60 seunit}} = 200 \text{ unit} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Bilangan unit yang dimiliki selepas pengagihan pendapatan} &= \text{bilangan awal unit dimiliki} + \text{bilangan unit diterima daripada pengagihan} \\ &= 800 \text{ unit} + 200 \text{ unit} = 1,000 \text{ unit} \end{aligned}$$

Jika Penyedia PRS memilih untuk tidak mengagihkan pendapatan atau mengisytiharkan dividen, harga seunit dana akan meningkat seiring dengan pertumbuhan NAB. Pada setiap masa, NAB dana patut sejajar dengan semua pendapatan sedia ada yang terakru kepadanya.

“Membeli” Pengagihan

- 4.98 Kaedah hari unit (atau kaedah pembahagian masa yang sama) untuk menentukan kelayakan pengagihan pelabur selalunya digunakan apabila harga unit Skim masih ditetapkan pada RM1.00. Oleh itu, tarikh belian atau jualan unit oleh pelabur ditunjukkan dengan tepat dan saksama dalam kelayakan pengagihan beliau.
- 4.99 Walau bagaimanapun, apabila kelayakan pengagihan untuk suatu tempoh perakaunan dilakukan menurut bilangan unit yang dipegang selepas tarikh pengagihan, pelabur mungkin akan layak untuk mendapat jumlah keseluruhan pengagihan (sen seunit) dengan memperoleh unit dengan secepat mungkin sebelum tarikh tersebut. Dalam erti kata lain, tempoh pemilikan sebelum tarikh pengagihan yang lepas adalah tidak penting. Skim yang beroperasi dengan cara ini menentukan kelayakan pengagihan pelabur dengan cara yang sama sebagaimana dividen ditentukan di dalam sebuah syarikat. Oleh itu, ‘membeli’ kelayakan pengagihan bagi tempoh sepenuhnya boleh berlaku dengan memperoleh unit sejurus sebelum tarikh pengagihan.
- 4.100 Perunding boleh cuba menggunakan kelayakan pengagihan seterusnya daripada Skim untuk menggalakkan pelabur membeli unit dengan secepat mungkin. Adakah ini wajar? Pelabur mungkin berpuas hati setelah menerima kelayakan pengagihan bagi tempoh enam bulan atau lebih, walaupun unit dilaburkan dalam Skim mungkin untuk beberapa hari sahaja. Walau bagaimanapun, keputusan untuk membeli unit dengan secepat mungkin sebelum tarikh pengagihan yang lepas telah mengurangkan modal pelabur, kerana harga Skim akan jatuh pada hari berikutnya mengikut jumlah pengagihan. Akibatnya, pelabur telah menukarkan modal beliau kepada pendapatan tetapi ini tidak menguntungkan. (Sesungguhnya, jika liabiliti cukai tambahan dikenakan ke atas pengagihan tersebut, pelabur mungkin terjejas dengan lebih teruk).
- 4.101 Perunding yang menggunakan teknik ini untuk menggalakkan perolehan unit dalam Skim pada tarikh yang hampir dengan tarikh pengagihan yang lepas dianggap tidak bertindak demi kepentingan pelanggan.

Pencukaian Pengagihan

- 4.102 Secara amnya, pemegang unit memasukkan semua sumber pendapatan boleh cukai yang lain, jumlah pendapatan boleh cukai untuk pengagihan yang telah dibayar (atau dilaburkan semula) ke dalam penyata cukai pendapatan beliau, beliau akan menerima kredit cukai yang akan diimbangi dengan jumlah cukai yang perlu dibayar ke atas jumlah pendapatan boleh cukai untuk tahun tersebut.
- 4.103 Jika bayaran balik cukai perlu dibayar, jumlah kredit cukai SUA boleh dituntut semula (keseluruhan atau sebahagian) daripada Jabatan Hasil Dalam Negeri.

- 4.104 Pemegang unit yang menerima pengagihan perlu melengkapkan Borang B (Penyata Pendapatan oleh Individu) dan melampirkan bersama dengan Borang B tersebut Baucar Cukai Malaysia Asal untuk menuntut kredit cukai. **Lampiran 4.3** memberi contoh Baucar Cukai dengan nota penjelasan untuk perkara yang dinyatakan dalam Baucar Cukai.
- 4.105 Perunding perlu ambil perhatian bahawa pengagihan pendapatan dalam bentuk unit dana PRS kepada pelabur yang dilaburkan semula dalam PRS tidak dikenakan cukai.

Melapor kepada Pelabur

- 4.106 Memastikan pelabur sentiasa dimaklumkan tentang perkembangan terkini adalah penting dalam perkhidmatan pelanggan yang berkualiti. Pelabur dalam Skim akan menerima beberapa penyata dan laporan sepanjang tempoh pelaburan beliau. (Ambil perhatian bahawa setiap Penyedia Skim akan mempunyai proses pelaporannya sendiri, oleh itu, pelabur mungkin tidak menerima semua laporan yang diuraikan di bawah atau mungkin menerima laporan yang digabungkan. Khususnya, kekerapan sesetengah laporan yang dikeluarkan oleh Penyedia Skim mungkin berlainan.)

Memperoleh unit dalam Skim

- 4.107 Biasanya pelabur dalam Skim akan menerima yang berikut daripada Penyedia Skim:
- (a) pengesahan bahawa jumlah permohonan pelabur telah diterima;
 - (b) pengesahan untuk bilangan unit yang diperolehi dalam Skim, dan NAB seunit pada tarikh peruntukan unit;
 - (c) pengesahan kadar bayaran perkhidmatan awal yang dikenakan dalam bentuk peratusan dan nilai sebenar serta jumlah bersih yang dilabur selepas bayaran perkhidmatan; dan
 - (d) sijil untuk bilangan unit yang dikeluarkan mungkin disediakan tetapi cara ini semakin kurang diamalkan dan digantikan pula dengan penyata. Dalam sesetengah keadaan - biasanya apabila harga unit ditetapkan pada RM1.00 sebagai pengganti sijil atau penyata, satu kemasukan akan dimasukkan ke dalam buku simpanan yang dikeluarkan atas nama pelabur.

Semasa tempoh pemegangan unit dalam Skim

- 4.108 Penyedia Skim biasanya akan mengeluarkan penyata kepada pelabur yang menunjukkan bukan sahaja bilangan unit yang dipegang tetapi juga penilaian pada tarikh penyata dalam selang masa yang tetap – suku tahunan, setengah tahunan atau tahunan. Cara ini biasanya dilakukan apabila sijil pemegangan unit tidak dikeluarkan kepada pelabur oleh Penyedia Skim. Penyata tersebut biasanya disertakan dengan laporan atau kemas kini tentang prestasi Skim.
- 4.109 Garis Panduan UTF dan Garis Panduan PRS memerlukan setiap Skim untuk menerbitkan sekurang-kurangnya dua laporan bagi setiap tahun kewangan - satu laporan interim dan satu laporan tahunan. Setiap pelabur akan menerima satu salinan bagi setiap laporan dalam tempoh dua bulan selepas tempoh kewangan berakhir. Laporan ini memberi maklumat yang menyeluruh mengenai prestasi Skim. Perunding amat digalakkan untuk mengetahui kandungan kedua-dua laporan tersebut.

- 4.110 Peluang untuk membincangkan laporan tersebut dan menjawab soalan yang berkaitan adalah cara paling baik untuk menyediakan perkhidmatan pelanggan yang terunggul. Laporan ini membantu pelabur memantau perkembangan pelaburan dan mengetahui sama ada pelaburan tersebut masih memenuhi objektif beliau.

Laporan tahunan

- 4.111 Kandungan utama laporan tahunan Skim termasuk:

(a) Maklumat Dana

Bahagian ini memberi huraian mengenai dana termasuk nama, jenis dan kategori dana, objektif pelaburan dana, penanda aras prestasi, dan polisi pengedaran.

(b) Prestasi Dana

- (i) Bahagian ini mesti mengandungi jadual perbandingan yang meliputi tempoh tiga tahun yang lepas atau sejak penubuhan jika tempoh lebih pendek, yang menunjukkan berakhirnya setiap tahun kewangan, antara lain, yang berikut:

- komposisi portfolio dana;
- NAB dana;
- NAB seunit paling tinggi dan paling rendah;
- Jumlah pulangan dana dan pecahan kepada pertumbuhan modal dan pengagihan pendapatan;
- Pengagihan seunit;
- Nisbah perbelanjaan pengurusan; dan
- Nisbah perolehan portfolio.

- (ii) Bahagian ini juga mesti mengandungi purata jumlah pulangan pengukuran dana untuk satu tahun, atau sejak penubuhan jika tempoh lebih pendek, tiga tahun dan lima tahun, dan jumlah pulangan tahunan bagi setiap lima tahun kewangan terakhir, atau sejak penubuhan jika tempoh lebih pendek.

- (iii) SC juga menggalakkan pendedahan indeks penanda aras yang berkenaan bagi membolehkan pelabur melakukan perbandingan dengan prestasi Skim.

(c) Laporan Pengurus

Laporan ini menyatakan, antara lain:

- (i) matlamat dan polisi pelaburan Skim;
- (ii) strategi pelaburan dan peruntukan aset dalam tempoh tersebut dan butiran tentang apa-apa perubahan yang ketara; dan
- (iii) tinjauan ekonomi, termasuk tinjauan pasaran saham, prospek dan strategi pelaburan yang dicadangkan.
- (iv) Penulisan analisis prestasi dana berdasarkan NAV setiap unit yang diselaraskan dengan pengagihan pendapatan (jika ada) sejak tempoh semakan terakhir; dan penjelasan mengenai perbezaan dalam komposisi portfolio antara tahun semasa dan tahun sebelumnya;
- (v) Pernyataan sama ada mana-mana komisen lembut telah diterima atau tidak oleh syarikat pengurusan atau Pengurus Dana bagi tempoh semakan tersebut;
- (vi) Pernyataan sama ada transaksi perdagangan silang telah dijalankan sepanjang tempoh yang dilaporkan dan bahawa individu yang menjalankan fungsi pengawasan telah menyemak bahawa transaksi tersebut adalah untuk kepentingan terbaik dana; dan
- (vii) Ulasan ekonomi, termasuk ulasan pasaran saham, prospek dan strategi

pelaburan yang dicadangkan serta polisi yang diguna pakai sepanjang tempoh yang dilaporkan.

- (d) Laporan Pemegang Amanah
 - (i) Pemegang amanah mesti menyatakan sama ada, pada pendapatnya, Penyedia Skim telah menguruskan Skim menurut:
 - Had-had yang dikenakan ke atas kuasa pelaburan Penyedia Skim di bawah perjanjian; undang-undang sekuriti dan garis panduan yang relevan;
 - Penilaian dan penetapan harga dijalankan mengikut perjanjian dan mana-mana keperluan peraturan yang berkenaan; dan
 - Penerbitan dan pembatalan unit dilaksanakan mengikut perjanjian dan mana-mana keperluan peraturan yang berkenaan.
 - (ii) Pemegang Amanah juga mesti mendedahkan sebarang kekurangan yang ditemuinya dalam kekurangan yang mungkin memberi kesan kepada keputusan Pelabur sedia ada atau bakal pelabur untuk kekal melabur atau melabur dalam Skim; dan mesti mengetengahkan langkah-langkah yang diambil untuk menangani kekurangan dan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan kekurangan itu diperbaiki dan tidak berulang.
- (e) Laporan penasihat Syariah, jika berkenaan (untuk PRS)
- (f) Penyata Kewangan Skim dan Laporan Juruaudit
Penyata kewangan harus memberikan gambaran yang benar dan adil mengenai Skim dan harus disediakan mengikut prinsip perakaunan yang diterima umum, keperluan statutori dan undang-undang, serta perjanjian.

Laporan Interim

- 4.112 Laporan interim Skim sekurang-kurangnya perlu mengandungi:
- (a) Maklumat dana;
 - (b) Laporan mengenai prestasi dana;
 - (c) Laporan Pengurus;
 - (d) Laporan Pemegang Amanah;
 - (e) Laporan semakan interim penasihat Syariah atau panel penasihat, yang mana berkenaan; dan
 - (f) penyata kewangan untuk tempoh kewangan interim.
- 4.113 Untuk laporan interim, ia mesti dinyatakan dengan jelas sama ada penyata kewangan dalam laporan interim telah diaudit atau tidak.

Penebusan Unit

- 4.114 Secara amnya, pelabur dalam Skim akan menerima yang berikut daripada Penyedia Skim:
- (a) pengesahan penerimaan permintaan yang sewajarnya daripada Penyedia Skim (dan jika diguna pakai, sijil unit yang disahkan dengan betul) bahawa ia telah membeli balik bilangan unit yang tertentu, semua unit, atau unit dengan nilai tertentu daripada pelabur;
 - (b) pengesahan bilangan unit yang dijual oleh pelabur, NAB unit pada tarikh belian balik unit, dan jumlah bayaran bersih yang perlu dibayar oleh Penyedia Skim kepada pelabur;
 - (c) pengesahan kadar yuran keluar yang dikenakan dalam bentuk peratusan dan

- nilai sebenar serta keseluruhan jumlah yang dibeli balik;
 - (d) pengesahan baki terkini (jika ada) bagi unit yang dipegang selepas penjualan;
 - (e) jika Penyedia Skim mengeluarkan sijil untuk unit yang dipegang, maka sijil baharu (sijil baki) akan dikeluarkan untuk baki unit; dan
 - (f) dalam sesetengah kes, catatan buku simpanan yang mencerminkan penebusan kepentingan Pelabur dalam Skim.
- 4.115 Walaupun ahli PRS menikmati pelepasan cukai sehingga RM3,000 bagi caruman yang dibuat kepada PRS dari tahun taksiran 2012 hingga 2030⁵, pengeluaran sebelum persaraan (iaitu sebelum mencapai umur 55 tahun) adalah tertakluk kepada penalti cukai sebanyak 8%. Walau bagaimanapun, penalti cukai ini tidak diguna pakai untuk pengeluaran sebelum persaraan:-
- (a) Selepas mencapai usia persaraan;
 - (b) Akibat kematian ahli PRS;
 - (c) Akibat pemergian ahli PRS dari Malaysia buat selama-lamanya;
 - (d) Akibat ketidakupayaan kekal, penyakit serius atau ketidakupayaan mental pelabur;
 - (e) Untuk tujuan penjagaan kesihatan; dan
 - (f) Untuk tujuan perumahan.
- 4.116 Perunding boleh merujuk kepada laman web PPA untuk sebarang kemas kini mengenai pelepasan cukai terkini yang tersedia untuk ahli PRS.

Prinsip Asas Pemasaran Skim

- 4.117 Pertumbuhan pelaburan dalam SUA dan PRS di Malaysia menunjukkan terdapat peluang yang wujud untuk pengurusan pemasaran profesional oleh Pengedar dan Perunding. Ini bermakna Skim bukan sahaja untuk 'dijual'. Pemenang jangka panjang dalam industri SUA dan PRS adalah mereka yang mewujudkan imej, identiti dan kesetiaan untuk Skim tertentu.
- 4.118 Oleh itu, Skim memerlukan pendekatan pemasaran yang berdisiplin dan profesional. Dari masa Skim mula dikonsepkan, dibentuk, diluluskan, dipromosikan, diedarkan, diuruskan dan akhirnya dibeli balik daripada pelabur, keperluan jangka panjang pelabur mesti sentiasa dipertimbangkan.
- 4.119 Disiplin sama yang diperlukan dalam pemasaran barangan berpakej dan perkhidmatan juga mesti diguna pakai dalam pemasaran Skim. Keperluan pelanggan dan saluran pengedaran mesti dipertimbangkan. Walau bagaimanapun, terdapat banyak perbezaan apabila memasarkan Skim berbanding produk kewangan lain. Antara perkara unik dalam pemasaran Skim ialah:
- (a) saluran pengedaran yang pelbagai dan alternatif disediakan - sesetengah Penyedia Skim memasarkan secara terus kepada pelabur, manakala yang lainnya menjual Skim melalui rangkaian Perunding mereka sendiri atau melalui saluran pengedaran yang lain;
 - (b) keperluan kawal selia dan pematuhan mempunyai pengaruh yang ketara

⁵ Sila rujuk laman web Pentadbir Persaraan Swasta (PPA) dari semasa ke semasa untuk maklumat terkini mengenai pelepasan cukai PRS

- terhadap bahan komunikasi - termasuk kandungan prospektus, iklan, maklum balas langsung, kit promosi jualan, dan aktiviti perhubungan awam;
- (c) tahap kecanggihan dan pengetahuan produk dari pelbagai saluran pengedaran, dan pelabur yang membeli Skim;
 - (d) senario penentuan harga dan pampasan (contohnya, bayaran jualan dan yuran pengurusan, serta komisen dan insentif kepada pengedar).

Menyampaikan Perkhidmatan Berkualiti

4.135 Terdapat beberapa sebab mengapa pemasaran Skim ada kalanya gagal menghasilkan volum jualan dan perniagaan, contohnya:

- (a) Kesedaran Produk
Ramai bakal pelabur tidak mengetahui bagaimana Skim boleh membantu mereka meningkatkan nilai bersih mereka. Manakala yang lainnya pula mungkin takut kerana mereka tidak mengetahui tentang produk tersebut. Pengedar dan Perunding mempunyai peranan penting untuk membantu lebih ramai pelabur meraih manfaat dalam pelaburan.
- (b) 'Bukan untuk Saya'
Sesetengah pelabur mungkin tidak menganggap diri mereka sebagai bakal pelabur kerana Perunding tidak dapat mengenal pasti keperluan mereka, oleh itu, bakal pelanggan menganggap Skim tersebut sebagai tidak sesuai dengan matlamat atau gaya pelaburan mereka.
- (c) Prestasi
Sesetengah Skim tidak menunjukkan prestasi yang baik berbanding skim setara yang lain dan/atau tanda arasnya.
- (d) Unsur Risiko
Ada yang bimbang akan kehilangan modal mereka jika melabur dalam Skim, yang mereka mungkin anggap 'sama seperti saham' berbanding kaedah lebih selamat seperti akaun simpanan dan deposit tetap. Bantahan seperti ini dan yang lainnya, seperti pengalaman buruk yang pernah dihadapi oleh bakal pelabur sebelum ini kerana tersilap jual oleh Perunding, merupakan cabaran yang besar bagi Pengedar dan Perunding dalam meningkatkan pemilikan (atau penembusan) Skim di kalangan pelabur Malaysia.

4.121 Dalam industri SUA dan PRS, kebanyakan perniagaan baharu adalah daripada perniagaan berulang dengan pelabur sedia ada yang berpuas hati atau melalui rangkaian mereka atau kenalan yang dicadangkan. Perunding dapat memenuhi keperluan pelabur dan membantu menangani kebimbangan pelabur dengan menyediakan perkhidmatan berkualiti yang termasuk berikut:

- (a) Ketahui produk anda dengan baik
Perunding perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam fungsi Skim dan juga ciri-ciri dana dalam Skim. Perunding yang berpengetahuan berupaya menilai keperluan pelabur dan menasihatkan pelabur dengan sewajarnya dengan memadankan dana yang sesuai dengan keperluan dan sumber pelabur.

(b) Menguruskan jangkaan pelabur

Beberapa kajian telah menunjukkan bahawa memenuhi jangkaan pelabur terhadap keperluan pelaburan mereka, contohnya, dana seperti yang diterangkan dalam prospektus/dokumen pendedahan di mana terdapat kenyataan bahawa Skim tersebut mungkin atau mungkin tidak menghasilkan pulangan pelaburan dalam tempoh masa tertentu, akan meningkatkan keyakinan Pelabur terhadap Skim tersebut.

Oleh itu, adalah penting bahawa Perunding tidak menokok tambah ketika memasarkan dana dan menerangkan risiko pelbagai dana Skim dan juga menjelaskan kenapa dana tertentu dicadangkan kepada pelabur. Perunding juga mesti membuat pelabur sedar bahawa risiko kerugian modal dalam mana-mana pelaburan adalah kejadian yang sering berlaku dan kemungkinan menghadapi kerugian modal yang besar dalam pelaburan mereka sentiasa ada. Pelabur juga harus dinasihatkan mengenai kesan inflasi, pencukaian dan kos pelaburan ke atas pulangan pelaburan. Butiran lebih lanjut mengenai kesan ini disediakan dalam **Lampiran 4.4** bab ini.

(c) Perunding perlu memahami pelabur dan memberi nasihat pelaburan yang sesuai dengan mereka. Perunding juga perlu mempertimbangkan perkara berikut semasa memberi nasihat pelaburan mengenai Skim kepada pelabur:

(i) Matlamat pelaburan pelanggan

Perunding perlu memahami matlamat pelaburan pelabur beliau, iaitu, adakah pelabur tersebut ingin mengekalkan modal atau mendapat pulangan pelaburan yang agak tinggi.

(ii) Jangka masa pelaburan pelanggan

Perunding perlu mengenal pasti jangka masa pelaburan pelanggan kerana ini akan mempengaruhi pembentukan portfolio. Berikut adalah beberapa contoh:

- Individu yang mendekati usia persaraan (40-an dan seterusnya): Pelabur yang hampir dengan persaraan mungkin lebih memilih pelaburan yang stabil dan konservatif, seperti bon dan dana pasaran wang, untuk memelihara modal dan mengurangkan turun naik.
- Individu dalam usia 30-an dan 40-an: Pelabur dalam fasa ini, dengan tempoh yang lebih pendek sebelum persaraan, mungkin memilih portfolio seimbang yang terdiri daripada bon dan dana ekuiti untuk mencapai pertumbuhan sederhana sambil menguruskan turun naik.
- Individu dalam usia 20-an dan 30-an: Pelabur muda, dengan tempoh masa yang lebih panjang dan potensi pendapatan yang stabil, mungkin mempertimbangkan instrumen berisiko tinggi seperti dana ekuiti pasaran baru muncul, yang menawarkan potensi pertumbuhan yang lebih besar dari masa ke masa.

- (iii) **Portfolio pelaburan pelanggan**
Perunding perlu mengetahui komposisi portfolio pelaburan yang dipegang oleh pelabur supaya Perunding boleh mencadangkan dana yang sesuai dan yang dapat melengkapkan portfolio sedia ada. Sebagai contoh, keseluruhan portfolio seorang pelabur mungkin dalam SUA yang melabur dalam ekuiti Malaysia. Perunding boleh menasihatkan pelabur untuk mempertimbangkan Skim yang sebahagian besarnya terdiri daripada pendapatan tetap atau dalam ekuiti antarabangsa supaya dapat mempelbagaikan portfolio.
- (iv) **Umur, keadaan peribadi dan toleransi risiko**
Umur pelabur, keadaan peribadi dan toleransi risiko beliau memainkan peranan besar dalam pembinaan dan nasihat portfolio. Berikut adalah beberapa contoh bagaimana unsur-unsur ini dapat mempengaruhi keperluan pelaburan pelabur:
- Seorang pelabur mungkin masih muda tetapi mempunyai keperluan pendapatan yang tinggi (contohnya, menampung keperluan ibu bapa, membayar pinjaman pelajar, dan lain-lain) manakala pelabur yang lebih tua mungkin tidak begitu memerlukan pendapatan semasa (contohnya, semua hutang telah dibayar sepenuhnya).
 - Pelabur muda mungkin mempunyai toleransi yang sangat rendah untuk menghadapi turun naik pulangan yang tinggi dalam jangka pendek. Sebagai contoh, seorang yang baru sahaja mula bekerja mungkin perlu mengumpulkan aset dengan cepat untuk tujuan tertentu (contohnya, membeli rumah untuk tinggal bersama keluarga atau memulakan perniagaan baharu) dan oleh itu, individu ini tidak dapat menghadapi pulangan ekuiti yang tidak menentu memandangkan bahawa jangka masa pelaburan tertentu beliau adalah agak pendek.
 - Seorang pelabur yang berumur 50-an mungkin mempunyai lebihan tunai untuk pelaburan pelbagai generasi (iaitu, beliau akan menyerahkan hasil pelaburan kepada anaknya). Jangka masa pelaburan untuk beliau adalah panjang dan toleransi risiko adalah amat tinggi.

4.122 Sebagai tambahan kepada perkara di atas, terdapat amalan terbaik yang dapat membantu Perunding menyediakan perkhidmatan berkualiti. Beberapa contoh amalan terbaik ini adalah seperti berikut:

- (a) Memastikan pelabur memahami apa yang mereka laburkan;
- (b) Memaklumkan pelabur mengenai proses yang terlibat dalam pembelian dan belian balik unit dan jangka masa bagi proses ini;
- (c) Memastikan bahawa jumlah masa urus niaga, dari awal hingga akhir, adalah wajar; dan
- (d) Bersikap responsif terhadap permintaan dan pertanyaan pelabur.

Pelaburan Alternatif kepada Skim

- 4.123 Apabila rakyat Malaysia lebih mengetahui dan memahami perkara yang berkaitan dengan urusan kewangan mereka, mereka akan mencari alat pelaburan yang lebih baik dan canggih yang menghasilkan pulangan lebih tinggi daripada kadar deposit bank.
- 4.124 Pada masa ini, sebahagian besar aset kewangan Malaysia terikat kepada sistem perbankan, yang menarik simpanan dan deposit tetap. Di negara lain, sebahagian besar aset kewangan dipegang dalam instrumen yang mempunyai hasil lebih tinggi (seperti SUA dan skim pencen), yang memberi lebih pendedahan kepada aset pertumbuhan, seperti saham dan harta tanah, dan juga bon. Trend ini semakin ketara di sini, apabila pelabur Malaysia mencari pulangan yang lebih tinggi untuk modal mereka dan mengetahui bahawa ini hanya boleh dicapai dengan peningkatan risiko yang berkaitan.
- 4.125 Oleh itu, dalam memasarkan SUA, ia adalah penting untuk mengetahui tentang peluang pelaburan lain yang disediakan untuk pelabur Malaysia. Pelaburan alternatif utama ini diringkaskan di bawah, bersama dengan ulasan bagaimana pelaburan dalam Skim boleh dibandingkan.

Deposit tunai dan deposit tetap

- 4.126 Secara amnya, deposit tunai dan deposit tetap dengan bank dan institusi kewangan lain menawarkan kadar pulangan jangka panjang yang selamat, walaupun tidak begitu menarik. Kebanyakan orang perlu mengakses akaun bank dan ada yang menyimpan sebahagian besar aset mereka dalam deposit bank. Rangkaian produk deposit yang disediakan adalah agak luas, daripada deposit semalaman pada kadar tunai hingga ke deposit jangka panjang, contohnya, deposit tetap selama dua tahun.
- 4.127 Walaupun deposit dengan institusi kewangan boleh dianggap hampir bebas risiko, tetapi mungkin juga terdapat risiko kemungkiran.
- 4.128 Walau bagaimanapun, kelemahan utama simpanan tunai dan deposit tetap adalah pulangan yang lebih rendah berbanding dengan pelaburan lain. Walaupun mereka mungkin memberi pulangan yang baik dalam tempoh pendek, data sejarah dari pasaran global menunjukkan bahawa ekuiti, hartanah dan bon dapat memberikan pulangan pelaburan yang lebih baik dalam jangka panjang.
- 4.129 Namun demikian, Penyedia Skim telah mula membangunkan Skim yang menarik pelabur yang tidak suka risiko dan inginkan keselamatan modal yang tinggi dengan pembayaran pendapatan secara berkala.

Pelaburan saham secara langsung

- 4.130 Memiliki dan memperdagangkan saham secara langsung amat popular di kalangan pelabur Malaysia pada pertengahan 1990-an. Malah, urusan niaga yang dijalankan oleh pelabur kecil hingga sederhana (iaitu pelabur runcit dan bukannya pelabur institusi) telah menjadi penggerak utama Bursa Malaysia semasa pasaran bul, menyumbang

peratusan perolehan yang besar di pasaran.

- 4.131 Memegang portfolio saham boleh disalah anggap oleh pelabur kecil, yang mungkin percaya bahawa mereka boleh memperoleh keuntungan cepat dengan berdagang saham.
- 4.132 Satu cabaran utama bagi pelabur kecil adalah memilih saham yang hendak dibeli dari pelbagai kaunter di Bursa Malaysia. Dana yang terhad membataskan mereka untuk melabur hanya dalam satu atau dua saham, meningkatkan risiko prestasi yang buruk.
- 4.133 Pelaburan secara langsung seperti ini memerlukan pengetahuan kewangan yang baik dan juga masa untuk memperoleh keuntungan. Ia mengambil masa bertahun-tahun untuk menjadi penganalisis pelaburan, dan pelabur kecil mempunyai peluang yang terhad untuk mempelajari dan memahami pasaran pelaburan. Pulangan daripada melabur secara langsung dalam saham biasanya menarik hanya jika pelabur dapat memegang saham untuk tempoh lebih panjang, dan hanya melabur dalam saham syarikat yang mempunyai asas teguh. Cabarannya adalah untuk memilih syarikat seperti ini.
- 4.134 Memegang bilangan saham pelaburan yang kecil tidak memberikan manfaat kepelbagaian yang ditawarkan oleh Skim. Pelabur saham secara langsung mempunyai 'semua telurnya dalam satu bakul' dan terdedah kepada risiko kehilangan semua modal beliau.
- 4.135 Jika pelabur benar-benar ingin meraih manfaat melalui pelaburan saham secara langsung, beliau memerlukan wang yang banyak untuk mempelbagaikan ke dalam 30-40 saham yang berlainan, pengetahuan untuk mengetahui saham yang akan dipilih, dan masa untuk sentiasa memperoleh dan menggunakan pengetahuan tersebut.
- 4.136 Sebaliknya, pengurus SUA dan PRS mempunyai pengetahuan dan kepakaran yang berkenaan untuk memilih saham yang sesuai daripada pelbagai sektor untuk mempelbagaikan risiko. Selain itu, pembantu penyelidikan sepenuh masa dengan SPUA dan Penyedia PRS boleh membantu memudahkan proses ini. Dengan dana yang dikumpul daripada pelabur, maka terdapat ruang yang lebih besar untuk mempelbagaikan dan menggunakan kemahiran pengurus dana tersebut.

Pelaburan secara langsung dalam harta tanah

- 4.137 Sekali lagi, ramai pelabur di Malaysia menikmati manfaat melabur secara langsung dalam harta tanah (contohnya, pangsapuri yang dibeli untuk tujuan pelaburan). Ramai juga mengalami kemerosotan dalam pasaran harta tanah dari masa ke masa, dan memahami keadaan kitaran pasaran.
- 4.138 Walaupun harta tanah boleh dianggap sebagai 'tempat pengumpulan' kekayaan jangka panjang yang baik, pelabur kecil biasanya tidak mempunyai peluang untuk melabur di dalamnya kerana ia memerlukan modal yang banyak atau mesti dipinjam sebelum pelaburan harta tanah boleh dibeli. Selain itu, pasaran harta tanah sungguh tidak cair, oleh itu ia adalah sukar untuk memperoleh keuntungan (atau kerugian).

Tambahan pula, risiko penyewa tidak membayar sewa, kerosakan harta benda, rosak rosot dan sebagainya sentiasa wujud. Harta tanah juga tidak boleh dibahagi-bahagikan untuk dijual - anda tidak boleh menjual hanya sebahagian daripada sebuah rumah.

- 4.139 REIT yang disenaraikan di Bursa Malaysia dengan pendedahan kepada harta tanah boleh menjadi alternatif yang sesuai bagi pelabur kecil. Dengan perbelanjaan kecil, pelabur boleh mendapat pendedahan kepada pasaran harta tanah tanpa kebanyakan daripada masalah dan risiko - hanya perlu bergantung pada kemahiran pengurus dana profesional yang berpengalaman dalam pengurusan dan pembangunan harta tanah.

Pelaburan antarabangsa

- 4.140 Dengan menumpu hanya kepada pasaran saham Malaysia, pelabur tidak dapat menikmati 99% daripada peluang pelaburan dalam pasaran saham dunia.
- 4.141 Walaupun pelaburan antarabangsa boleh menyediakan pelaburan yang selamat apabila pasaran tempatan menghadapi ketaktentuan, terdapat beberapa perkara yang mesti dipertimbangkan:
- (a) Cukai dan pengawalseliaan lain menjejaskan pelaburan dana luar negara dan menjadi sebagai halangan, terutamanya kepada pelabur kecil;
 - (b) Kos pengurusan dan perakaunan untuk pendedahan mata wang dalam pelaburan antarabangsa kemungkinannya boleh menghapuskan pulangan daripada pelaburan luar negara; dan
 - (c) Di manakah anda akan mula membuat kajian tentang 99% daripada peluang pasaran saham yang berpangkalan di luar negara? Keperluan untuk memperoleh maklumat adalah lebih besar dengan pelaburan antarabangsa.
- 4.142 Walaupun peluang untuk melabur di luar negara melalui Skim adalah terhad, Pelan Induk Pasaran Modal Malaysia menjangka peluang ini akan bertambah melalui Skim antarabangsa pakar yang ditawarkan oleh Penyedia Skim.

Produk derivatif kewangan

- 4.143 Satu lagi kaedah pelaburan yang semakin berkembang di Malaysia ialah pasaran derivatif. Pasaran derivatif boleh menyediakan cara untuk memperoleh pulangan (atau kerugian) yang amat tinggi tanpa perbelanjaan modal yang besar.
- 4.144 Masalahnya adalah pelabur kecil tidak mampu untuk menganalisis produk derivatif. Mereka memerlukan pengetahuan dan pemahaman yang kukuh mengenai produk tersebut sebelum melabur.

Anuiti

- 4.145 Anuiti biasanya dibeli daripada syarikat insurans dan merupakan kontrak di mana penerima anuiti (individu yang membeli anuiti) menerima bayaran tetap pada jangka masa berkala (biasanya secara bulanan) daripada syarikat insurans sehingga kematian penerima anuiti. Setiap bayaran anuiti mewakili pembayaran balik sebahagian daripada harga belian tambah faedah yang diperolehi. Harga

pembelian boleh dilakukan sekali gus (bayaran sekali gus) atau dibayar secara bulanan/tahunan sepanjang hayat bekerja seseorang, iaitu sama seperti menyimpan wang untuk persaraan. Pembayaran anuiti akan bermula apabila individu tersebut bersara atau telah membayar harga belian dengan sepenuhnya.

- 4.146 Sementara anuiti berfungsi sebagai aliran pendapatan selepas persaraan, PRS lebih fokus kepada mengumpul simpanan untuk persaraan. Setelah mencapai umur persaraan, seorang pelabur boleh menggunakan dana PRS untuk membeli anuiti yang akan memberikan pendapatan tetap untuk tempoh tertentu atau sehingga kematiannya, bergantung kepada syarat-syarat anuiti tersebut. Pulangan adalah ditentukan terlebih dahulu dan bersifat kontrak, memastikan kepastian.
- 4.147 Salah satu kelemahan anuiti adalah pemegang anuiti perlu menanggung risiko syarikat insurans kerana merekalah yang menjamin pulangan anuiti. Prestasi pasaran tidak dikaitkan secara langsung kepada pulangan produk dan pulangan akan bergantung kepada kedudukan kewangan syarikat insurans. Satu lagi kelemahan lain adalah penyerahan anuiti. Jika pemegang anuiti tidak boleh membuat pembayaran dan terpaksa menyerahkan polisi, pemegang anuiti akan kehilangan sebahagian besar daripada caruman yang dibayar. Kadar komisen juga mungkin tinggi bagi produk ini.

Produk insurans berkaitan pelaburan

- 4.148 Produk insurans berkaitan pelaburan menggabungkan unsur pelaburan dan insurans hayat ke dalam produk kewangan. Premium bukan sahaja menyediakan perlindungan insurans hayat tetapi sebahagian daripada premium tersebut juga akan digunakan untuk melabur dalam dana pelaburan khusus pilihan anda. Individu yang diinsuranskan boleh memilih cara memperuntukkan premium insurans untuk tujuan perlindungan dan pelaburan.
- 4.149 Ini terutamanya adalah produk insurans dan nilai tunai produk ini boleh didapati selepas menolak jumlah premium yang belum diperuntukkan, iaitu komisen kepada ejen (mungkin sehingga 160% daripada premium perlu dibayar untuk sekurang-kurangnya enam tahun), bayaran insurans, yuran polisi dan bayaran pengurusan dana. Ia adalah jelas bahawa tiada sebarang penyerahan balik atau nilai tunai untuk jenis produk ini dalam tahun-tahun pertama polisi sehingga premium yang belum diperuntukkan dan bayaran lain telah dibayar dan juga premium yang mencukupi telah diperuntukkan kepada dana pelaburan dan pulangan pelaburan mula meningkat.

Pendanaan ramai berasaskan ekuiti (ECF) dan pembiayaan antara rakan setara (P2P)

- 4.150 Rangka kerja pembiayaan ECF dan P2P diperkenalkan untuk membenarkan kaedah pembiayaan berasaskan pasaran alternatif untuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). ECF disasarkan kepada PMKS yang ingin mendapat pembiayaan peringkat awal manakala pembiayaan P2P disasarkan untuk membantu PMKS meningkatkan modal kerja atau modal untuk

pertumbuhan. Kedua-dua platform pembiayaan ini menyediakan medium elektronik mudah untuk perniagaan yang kurang mendapat perkhidmatan mendapatkan modal, dan pada masa yang sama, menarik generasi pelabur celik digital yang baharu melalui saluran penyampaian yang lebih murah, lebih pantas dan lebih mudah.

Ringkasan pelaburan alternatif kepada Skim

- 4.151 **Jadual 4.6** memberikan ringkasan pelaburan alternatif seperti yang dibincangkan di atas, dan membandingkannya dengan pelaburan dalam Skim. (Ambil perhatian bahawa analisis tersebut hanya untuk tujuan perbandingan am saja. Lihat juga **Lampiran 4.5**).

Jadual 4.6: Ringkasan perbandingan antara pelaburan alternatif

Jenis Pelaburan	Pulangan Berpotensi	Tempoh Pelaburan	Modal Diperlukan	Kecairan	Risiko Pelaburan
SUA/PRS	sederhana	sederhana hingga panjang	kecil	tinggi (biasanya dalam tempoh 10 hari)	lebih rendah (faedah kepelbagaian diguna pakai)
Pelaburan saham secara langsung	sederhana hingga tinggi	sederhana hingga panjang*	sederhana hingga besar	tinggi (bergantung kepada keadaan pasaran)	sederhana hingga tinggi
Pelaburan secara langsung dalam harta tanah	sederhana hingga tinggi	panjang	besar	rendah	sederhana hingga tinggi
Produk derivatif kewangan	tinggi	pendek	sederhana hingga besar	sederhana	amat tinggi
Deposit tunai dan deposit tetap	rendah	berbeza	besar	rendah (mungkin tertakluk kepada penalti)	amat rendah
Pelaburan antarabangsa	sederhana hingga tinggi	sederhana hingga panjang*	besar	tinggi	tinggi (juga tertakluk kepada turun naik mata wang)**
Anuiti	sederhana	sederhana hingga panjang	kecil	tinggi	sederhana hingga tinggi
Insurans berkaitan pelaburan	sederhana	sederhana hingga panjang	kecil	rendah	rendah hingga sederhana

Jenis Pelaburan	Pulangan Berpotensi	Tempoh Pelaburan	Modal Diperlukan	Kecairan	Risiko Pelaburan
ECF dan P2P	sederhana hingga tinggi	sederhana hingga panjang	kecil	tinggi	sederhana hingga tinggi

**tidak termasuk pelaburan spekulatif*

***risiko mungkin berbeza bergantung pada negara dan mata wang*

Pertanyaan dan Aduan Pelabur

- 4.152 Penyedia Skim mesti mewujudkan, mengekalkan dan melaksanakan polisi dan prosedur bertulis untuk memastikan aduan daripada pelabur dikendalikan tepat pada masanya dan dengan cara yang sesuai, dan juga memastikan aduan ini diselesaikan dengan cara yang memuaskan. Daftar aduan yang diterima dan apa-apa tindakan yang diambil mesti dikekalkan oleh Penyedia Skim.
- 4.153 Kejayaan mana-mana industri atau perniagaan diukur dengan maklum balas yang diterima daripada pelabur. Pengedar dan Perunding perlu berhubung dengan pelabur mereka untuk memastikan mereka menyediakan nilai dalam produk yang mereka jual.
- 4.154 Jenis aduan utama dalam industri SUA dan PRS adalah seperti berikut:
- (a) kelewatan mengeluarkan sijil unit atau penyata mengesahkan pelaburan dalam Skim;
 - (b) kelewatan menerima pembayaran pengagihan;
 - (c) rasa tidak puas hati dengan prestasi pelaburan beberapa Skim;
 - (d) rasa tidak puas hati secara amnya dengan 'perkhidmatan selepas jualan' yang disediakan oleh sesetengah Perunding; dan
 - (e) Perunding yang tidak jujur atau Perunding yang menggunakan angka prestasi yang tidak berasas untuk membuat 'jualan keras' bagi Skim.
- 4.155 Aduan seperti ini perlu diberi perhatian apabila memberikan perkhidmatan kepada pelabur. Jika Perunding dan Pengedar dapat meningkatkan tahap perkhidmatan pelanggan, keseluruhan industri SUA dan PRS akan menerima manfaat.
- 4.156 Semua jurujual menghadapi pertanyaan daripada pelabur mereka - ada di antaranya yang jelas di luar kawalan jurujual. Walau bagaimanapun, adalah penting bahawa semua pertanyaan dikendalikan dengan segera. Perunding mesti mengetahui secara menyeluruh tentang Skim yang dijual supaya dapat memberi jawapan dengan penuh keyakinan dan positif kepada semua soalan, komen atau aduan yang mungkin dikemukakan oleh pelabur. Perunding perlu mengikuti perkembangan terkini tentang Skim dan prosedur baharu yang diperkenalkan oleh Penyedia Skim. Perunding juga mesti mengetahui pengawalseliaan dan arahan yang baharu dan disemak yang dikeluarkan oleh SC dan FIMM.
- 4.157 Ada kalanya ia sukar untuk menilai bila pertanyaan daripada pelabur bertukar kepada 'aduan'. Pengedar biasanya berupaya memberikan panduan kepada Perunding.

- 4.158 Walau bagaimanapun, orang yang terbaik untuk mengendalikan aduan adalah Perunding. Namun demikian, ada kalanya pelanggan mungkin tidak berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan kepada mereka. Jika ini berlaku, Perunding mesti tahu apa yang perlu dilakukan seterusnya. Pengedar mempunyai polisi mengenai pengendalian aduan, yang mengenal pasti pihak yang boleh dirujuk berkenaan dengan aduan tersebut.
- 4.159 Jika pelabur masih tidak berpuas hati selepas melalui proses ini, aduan boleh ditujukan kepada FIMM dan SC. Bagi aduan yang melibatkan tuntutan wang, pelabur mesti dimaklumkan bahawa kes beliau boleh dirujuk ke SIDREC.
- 4.160 Perunding perlu mengetahui bahawa FIMM memandang serius terhadap semua aduan pelabur. Satu jawatankuasa tata tertib telah ditubuhkan untuk menyiasat sebarang aduan sedemikian dan tindakan tata tertib akan diambil terhadap mana-mana Perunding yang melanggar Kod Etika FIMM.
- 4.161 Perunding mesti mengakui bahawa aduan adalah sebahagian daripada kehidupan dan untuk ini, mereka perlu bersedia mengendalikan aduan dengan cara yang memaklumkan pelabur bahawa mereka mengambil berat dan bahawa pelabur tersebut adalah penting.

Lampiran 4.1 Penyata Pendedahan Risiko Pembiayaan Pinjaman Unit Amanah SC

Melabur dalam dana unit amanah dengan wang pinjaman adalah lebih berisiko daripada melabur dengan wang anda sendiri.

Anda perlu menilai jika pembiayaan pinjaman adalah sesuai dengan matlamat, sikap terhadap risiko dan keadaan kewangan anda. Anda perlu mengetahui tentang risiko, yang mungkin termasuk yang berikut:

1. Lebih tinggi margin kewangan (iaitu jumlah wang yang anda pinjam untuk setiap Ringgit daripada wang anda sendiri yang diletakkan sebagai deposit untuk bayaran pendahuluan), lebih besar kemungkinan anda mengalami kerugian dan juga keuntungan.
2. Anda perlu menilai jika ada anda berupaya untuk membayar balik pinjaman yang dicadangkan. Jika kadar faedah naik, jumlah pembayaran balik anda juga akan meningkat.
3. Jika harga unit jatuh melepasi aras tertentu, anda mungkin diminta memberikan cagaran tambahan yang boleh diterima atau membayar jumlah tambahan di atas ansuran biasa anda. Jika anda gagal menepati tempoh masa yang ditetapkan, unit anda mungkin dijual untuk menjelaskan pinjaman anda.
4. Pulangan bagi unit amanah tidak dijamin dan mungkin tidak diperoleh secara sama rata sepanjang masa. Ini bermakna kemungkinan ada beberapa tahun di mana pulangannya adalah tinggi manakala ada juga beberapa tahun di mana kerugian dialami. Memandangkan ini, sama ada anda memperoleh keuntungan atau kerugian mungkin dipengaruhi oleh masa anda menjual unit anda. Nilai unit mungkin jatuh bila anda ingin mendapatkan wang anda semula, walaupun pelaburan mungkin mempunyai prestasi yang baik pada masa lepas.

Penyata ringkas ini tidak boleh mendedahkan semua risiko dan aspek pembiayaan pinjaman yang lain. Oleh itu, anda perlu mengkaji dengan teliti terma dan syarat sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil pinjaman. Jika anda mempunyai keraguan berkenaan dengan mana-mana aspek Penyata Pendedahan Risiko ini, atau terma pembiayaan pinjaman, anda perlu menghubungi institusi yang menawarkan pinjaman tersebut.

Pengakuan Penerimaan Penyata Pendedahan Risiko

Saya mengaku telah menerima satu salinan Penyata Pendedahan Risiko Pembiayaan Pinjaman Unit Amanah ini dan memahami kandungannya.

Tandatangan:

Nama Penuh: _____

Tarikh: _____

Lampiran 4.2 Simpanan Asas dan Jumlah yang Dibenarkan untuk Dipindahkan ke dalam Skim Pelaburan Ahli (MIS) oleh Ahli KWSP yang berumur di bawah 55 Tahun

- (1) Simpanan asas adalah jumlah ditentukan terlebih dahulu yang ditetapkan mengikut umur dalam Akaun 1 bagi membolehkan ahli KWSP memperoleh simpanan sekurang-kurangnya RM240,000 apabila mereka mencapai umur 55 tahun. Pelaksanaan simpanan asas adalah untuk memastikan bahawa ahli mempunyai simpanan yang mencukupi, iaitu sekurang-kurangnya RM1,000 sebulan, apabila mereka bersara untuk menampung keperluan persaraan asas mereka selama 20 tahun dari umur 55 hingga 75 tahun, sejajar dengan jangka hayat rakyat Malaysia. Semakan terbaru dalam kuantum ini telah dilaksanakan bermula 1 Januari 2019.
- (2) Jumlah simpanan asas yang diperlukan untuk Akaun 1 mengikut umur ahli KWSP dinyatakan dalam jadual berikut:

Umur	Simpanan Asas	Umur	Simpanan Asas
18	2,000	37	68,000
19	4,000	38	74,000
20	6,000	39	80,000
21	8,000	40	86,000
22	10,000	41	93,000
23	13,000	42	101,000
24	15,000	43	108,000
25	18,000	44	116,000
26	21,000	45	125,000
27	24,000	46	134,000
28	27,000	47	144,000
29	31,000	48	154,000
30	35,000	49	164,000
31	39,000	50	175,000
32	43,000	51	187,000
33	47,000	52	199,000
34	52,000	53	212,000
35	57,000	54	226,000
36	62,000	55	240,000

Sumber: "Panduan kepada Ahli: Kelayakan Pelaburan di bawah Skim Pengeluaran Pelaburan Ahli", Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Mac 2020)

- (3) Jumlah yang melebihi simpanan asas boleh dilaburkan di Institusi Pengurusan Dana yang dilantik oleh KWSP dengan syarat jumlah yang dipindahkan tidak melebihi 30% daripada simpanan lebihan dalam Akaun 1 selepas ditolak jumlah Simpanan Asas yang ditetapkan oleh KWSP (tertakluk kepada minimum RM1,000). Jadual berikut memberikan tiga (3) senario untuk menunjukkan kelayakan dan ketidaklayakan ahli KWSP untuk melabur dalam MIS.

Contoh:

Ahli KWSP	Umur	Simpanan dalam Akaun 1 (RM)	Simpanan Asas (RM)	Pengiraan: (Simpanan dalam Akaun 1 – Simpanan Asas) x 30%	Kelayakan Ahli KWSP
A	22	4,000	10,000	-	Ahli adalah tidak layak , simpanan dalam Akaun 1 kurang daripada Simpanan Asas yang baharu
B	22	11,000	10,000	$11,000 - 10,000 \times 30\% = \text{RM}300$	Ahli adalah tidak layak , jumlah kelayakan minimum ialah RM1,000
C	25	24,000	18,000	$24,000 - 18,000 \times 30\% = \text{RM}1,800$	Ahli adalah layak , jumlah kelayakan minimum ialah RM1,000 dan jumlah maksimum ialah RM1,800

Nota Penting: Sila ambil maklum untuk menyemak laman web KWSP bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai **Simpanan Asas** dan **Jumlah Yang Dibenarkan untuk Dipindahkan ke dalam Skim Pelaburan Ahli (SPA)** oleh ahli KWSP di bawah umur 55 tahun.

Lampiran 4.3 Contoh Baucar Cukai Malaysia

ABC Trustee Bhd
Pemegang Amanah Dana Pertumbuhan XYZ
Baucar Cukai

[Nama & alamat pemegang unit]

					No. Akaun	12345678	
No. waran	Bil. unit	Jenis pengagihan	Tahun berakhir	Tarikh kelayakan	No. pengagihan	Pengagihan kasar	Tarikh bayaran
00001	8,000	Interim 1	30/7/20XX	14/8/20XX	55	0.000560	16/8/20XX

Pendapatan boleh cukai (RM) (1)	Cukai (RM)		Perbelanjaan tidak dibenarkan (RM) -(4)	Pendapatan tidak dikenakan cukai (RM) +(5)	Penyamaan pengagihan (RM) +(6)	Pengagihan bersih perlu dibayar (RM) =(7)
	Malaysia -(2)	Asing -(3)				
40.00	11.20	0.00	25.00	302.50	22.54	328.84

Kami dengan ini mengesahkan bahawa Cukai Pendapatan Malaysia ditolak seperti di atas (di mana berkenaan) telah atau akan diambil kira oleh kami kepada Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Sila simpan baucar ini untuk diserahkan kepada Pihak Berkuasa Cukai.

Yang benar
ABC Trustee Bhd
Pemegang Amanah Dana Pertumbuhan XYZ

Nota Penjelasan:

- (1) Pendapatan boleh cukai
Jumlah pendapatan yang diterima yang dikenakan cukai
- (2) Cukai – Malaysia
Jumlah cukai Malaysia yang perlu dibayar ke atas pendapatan boleh cukai
- (3) Cukai – Asing
Jumlah cukai Asing yang telah dipotong di negara asal
- (4) Perbelanjaan tidak dibenarkan
Ini adalah perbelanjaan cukai ditolak perbelanjaan dibenarkan cukai, di mana:
Jumlah perbelanjaan termasuk yuran pengurusan, yuran pemegang amanah, yuran audit, yuran penasihat cukai, bayaran bank, kos percetakan, bayaran penjagaan, yuran sampingan dan pelbagai, dan lain-lain seperti yang ditetapkan dalam prospektus Perbelanjaan dibenarkan cukai termasuk perbelanjaan yang ditanggung sepenuhnya dan secara eksklusif dalam pengeluaran pendapatan kasar yang dibenarkan sebagai potongan di bawah seksyen 33(1) Akta Cukai Pendapatan (ACP). Selain itu, seksyen 63B ACP juga memperuntukkan potongan cukai berhubung dengan imbuhan pengurus, perbelanjaan untuk mengekalkan senarai daftar pemegang unit, kesetiausahaan,

bayaran audit dan perakaunan, bayaran telefon, kos percetakan dan alat tulis serta bayaran pos berdasarkan formula yang tertakluk kepada minimum 10% dan maksimum 25% daripada perbelanjaan tersebut.

- (5) Pendapatan tidak dikenakan cukai
Jumlah pendapatan yang tidak dikenakan cukai
- (6) Penyamaan pengagihan
Sebahagian daripada wang yang diketepikan daripada pelaburan untuk menyamakan dengan pendapatan pengagihan pemegang unit. Apabila terdapat ramai pelabur baharu, jumlah pengagihan mungkin menjadi kurang dan ini tidak adil kepada pelabur awal. Oleh itu, untuk memastikan pengagihan pendapatan yang lebih adil, sebahagian daripada pelaburan diketepikan untuk memastikan terdapat kadar sama rata bagi pendapatan pengagihan tanpa mengira bila pemegang unit menjadi pelabur.

Contoh:

$$\begin{aligned} \text{Pendapatan tak diagih} &= \text{RM}100,000 \\ \text{Nilai Aset Bersih dana} &= \text{RM}15,000,000 \\ \text{Penyamaan Pengagihan} &= \frac{\text{Pendapatan tak diagih}}{\text{Nilai Aset Bersih dana}} \\ &= \frac{\text{RM}100,000}{\text{RM}15,000,000} = 0.67 \text{ sen/seunit} \end{aligned}$$

- (7) Pengagihan bersih perlu dibayar
Jumlah bersih yang diterima oleh pemegang unit sebagai pengagihan

Lampiran 4.4: Kesan Inflasi, Pencukaian Dan Kos Pelaburan Ke Atas Pulangan Pelaburan

- (1) Kesan inflasi, pencukaian dan kos pelaburan ke atas pulangan pelaburan perlu dipertimbangkan dengan teliti apabila membuat keputusan pelaburan. Ramai pelabur mengabaikan kesan inflasi, pencukaian dan kos pelaburan, dan mendapati pada akhirnya, pulangan pelaburan dan kekayaan mereka adalah jauh lebih rendah daripada apa yang mereka bayangkan.
- (2) Ramai yang percaya mereka memahami inflasi. Namun demikian, masih ramai pelabur membiarkan diri mereka menjadi mangsa kepada kesan inflasi yang tersembunyi dan berbahaya ke atas pulangan pelaburan dan kekayaan. Bagi kebanyakan orang, inflasi hanya bermakna kenaikan harga. Tetapi bagi pelabur, ia mempunyai kesan yang lebih luas.
- (3) Pelabur perlu mengekalkan kuasa beli pelaburan asal mereka dan memperoleh kadar pulangan yang mengatasi kadar inflasi daripada pelaburan tersebut. Dalam tempoh inflasi tinggi, kuasa beli aset kewangan akan turun. Jumlah wang RM100,000 hari ini tidak lagi boleh membeli apa yang dibeli sepuluh tahun dahulu. Sebabnya adalah inflasi. Begitu juga, seorang pelabur yang ingin menyimpan sejumlah wang tertentu bagi masa depan, perlu berfikir dengan jelas sama ada jumlah tersebut akan mencukupi dari segi harga dan kos dalam 15 tahun akan datang.
- (4) Faktor kedua yang mengurangkan pulangan kepada pelabur adalah pencukaian. Sekali lagi, bukannya rahsia bahawa semua pendapatan akan ditaksir bagi tujuan cukai, namun ramai yang mengabaikan implikasi pencukaian untuk pelaburan yang dipilih. Di Malaysia, cukai yang berbeza perlu diuruskan untuk pelbagai jenis pelaburan. Walau bagaimanapun, apabila merancang untuk mengumpul jumlah modal yang tertentu pada masa depan, implikasi cukai semasa dan masa depan mesti dipertimbangkan.
- (5) Cukai bertindak sebagai penghakis pulangan yang diperoleh daripada pelaburan dan kesannya perlu dikenal pasti dengan jelas.

Mengukur Kesan Pencukain dan Inflasi ke atas Pulangan Pendapatan

- (6) Jadual di bawah menunjukkan kesan gabungan cukai dan inflasi ke atas pendapatan pelaburan.
- (7) Andaikan bahawa pelbagai kadar cukai yang ditunjukkan di lajur 1 dikenakan ke atas pendapatan pelaburan yang diterima oleh pelabur, dan kadar inflasi purata adalah 5% setahun. Bagi julat pulangan pelaburan sebenar yang ditunjukkan di lajur 2, pulangan selepas mengambil kira cukai dan inflasi adalah seperti yang ditunjukkan dalam lajur 5.

Jadual 1: Kesan pencukaian dan inflasi ke atas pendapatan pelaburan

(1) Kadar cukai* (% setahun)	(2) Pulangan pelaburan (% setahun)	(3) Pulangan selepas cukai (% setahun)	(4) Kadar inflasi* (% setahun)	(5) Pulangan selepas cukai dan inflasi (% setahun)
10	5	4.5	5	-0.5
	10	9.0		+4.0
	15	13.5		+8.5
20	5	4.0	5	-1.0
	10	8.0		+3.0
	15	12.0		+7.0
30	5	3.5	5	-1.5
	10	7.0		+2.0
	15	10.5		+5.5

**Nota: Kadar ini diandaikan bagi tujuan ilustrasi. Sila rujuk kadar cukai pendapatan sebenar bagi tahun taksiran tertentu dan unjuran inflasi semasa. Jadual ini tidak mengambil kira kesan inflasi ke atas modal pelabur di mana pulangan pendapatan diperoleh.*

- (8) Kesan cukai dan inflasi ke atas pulangan pendapatan adalah ketara, khususnya pada kadar cukai yang lebih tinggi. Pulangan pelaburan sebanyak 10% setahun dengan kadar cukai 10% dan kadar inflasi 5% mengurangkan pulangan selepas cukai dan inflasi kepada 4% setahun. Pada kadar cukai 30%, pulangan selepas cukai dan inflasi jatuh kepada 2% setahun. Jelas, inflasi dan cukai mempunyai implikasi yang amat besar bagi pelabur, Perunding dan perancang kewangan.
- (9) Julat pulangan selepas cukai dan inflasi yang ditunjukkan dalam jadual di atas menekankan kelebihan mewujudkan portfolio pelaburan yang mengandungi pelaburan yang dijangka menghasilkan pertumbuhan modal yang mengatasi kadar inflasi. Jika portfolio pelabur boleh di struktur untuk meminimumkan kesan pencukaian dan inflasi, maka pelabur tersebut akan berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk melindungi modal sedia ada dan untuk membina kekayaan sebenar.

Kesan Inflasi ke atas Objektif Pelaburan

- (10) Semua portfolio pelaburan jangka panjang perlu, setakat yang mungkin, dibina dengan objektif berkembang seiring dengan inflasi dan menyediakan pertumbuhan modal untuk meningkatkan nilai sebenar portfolio. Tetapi berapa banyak yang akan diperlukan untuk memenuhi objektif kewangan tertentu dalam, katakan, masa 15 tahun?
- (11) **Jadual 2** di bawah menekankan bagaimana inflasi perlu diambil kira dalam membuat keputusan pelaburan. Ia menunjukkan jumlah yang perlu dikumpulkan pada akhir sesuatu tempoh untuk mengekalkan nilai sebenar RM100,000 di bawah jangkaan inflasi yang berbeza.

Jadual 2: Kesan inflasi ke atas jumlah terkumpul yang disasarkan

Akhir Tahun	Jumlah yang perlu dikumpulkan pada akhir tahun (dalam RM) dengan kadar inflasi tahunan masing-masing		
	2.0% setahun	3.5% setahun	5.0% setahun
5	110,408	118,768	127,628
10	121,899	141,059	162,889
15	134,586	167,534	207,892
20	148,594	198,978	265,329
25	164,060	236,324	338,635

- (12) Sebagai contoh, andaikan kadar inflasi sebanyak 5% setahun selama 20 tahun. Kos belian sebuah pangsapuri yang kini dinilai pada RM100,000 akan menjadi RM265,329 (dengan andaian bahawa harga pangsapuri berubah pada kadar yang sama seperti inflasi am). Untuk membolehkan pelabur dengan portfolio pelaburan yang kini dinilai pada RM100,000 untuk membeli pangsapuri tersebut dalam masa 20 tahun, kuasa beli portfolio tersebut perlu tumbuh pada kadar sekurang-kurangnya 5% setahun (tidak mengambil kira cukai). Walaupun jika portfolio ini memberi pulangan 5% setahun sepanjang tempoh tersebut, kedudukan pelabur masih tidak berubah. Untuk menambah kekayaan, pelabur memerlukan pulangan pelaburan yang mengatasi kadar inflasi.

Peraturan 72

- (13) Terdapat peraturan mudah yang boleh digunakan untuk menentukan dan mengukur kesan inflasi dan hasil pengkompaunan pulangan pelaburan, iaitu peraturan 72. Formula untuk peraturan 72 adalah seperti berikut:

$$\text{Peraturan 72} = \frac{72}{\text{Kadar Inflasi atau Kadar Pulangan}}$$

- (14) 'Peraturan 72' membantu kami memberikan anggaran kepada pelabur, contohnya:
- (i) kerugian dalam nilai sebenar sejumlah dana dengan kadar inflasi tertentu
 - (ii) berapa lama ia diperlukan untuk menggandakan sejumlah wang yang dilaburkan pada kadar pulangan tertentu.

- (15) Contoh berikut memberi gambaran tentang penggunaan peraturan 72.

Contoh 1:

Seorang pelabur mempunyai RM150,000 dan ingin mengetahui apakah masa yang akan diambil untuk mengurangkan hingga separuh nilai sebenarnya dengan andaian kadar inflasi sebanyak 3.5% setahun.

$$\text{Peraturan 72} = \frac{72}{\text{Kadar inflasi}} = \frac{72}{3.5} = 20.6 \text{ tahun } (\approx 20 \text{ tahun } 7 \text{ bulan})$$

Contoh 2:

Seorang pelabur mempunyai RM100,000 dan ingin mengetahui apakah masa yang akan diambil untuk menggandakan wang beliau dengan andaian pulangan pelaburan sebanyak 7.5% setahun.

$$\text{Peraturan 72} = \frac{72}{\text{Kadar pulangan pelaburan}} = \frac{72}{7.5} = 9.6 \text{ tahun } (\approx 9 \text{ tahun } 7 \text{ bulan})$$

- (16) Jadual 3 dan Jadual 4 (disusun dengan menggunakan Peraturan 72) menunjukkan kesan inflasi ke atas nilai sebenar wang dan masa yang akan diambil untuk menggandakan nilai sesuatu pelaburan.

Jadual 3: Apakah masa yang akan diambil untuk mengurangkan sehingga separuh nilai sebenar wang?

Andaian kadar inflasi (% setahun)	Bil. tahun untuk mengurangkan kepada separuh nilai sebenar
2.0	36.0
2.5	28.8
3.0	24.0
3.5	20.6
4.0	18.0
4.5	16.0
5.0	14.4

Jadual 4: Apakah masa yang akan diambil untuk menggandakan nilai sesuatu pelaburan?

Andaian kadar pulangan (% setahun)	Bil. tahun untuk menggandakan jumlah tertentu
5.0	14.4
6.0	12.0
7.0	10.3
8.0	9.0
9.0	8.0
10.0	7.2

- (17) Jadual 3 dengan jelas menunjukkan bahawa semakin tinggi kadar inflasi, semakin cepat nilai sebenar wang menjadi separuh manakala Jadual 4 menunjukkan semakin tinggi kadar pulangan, bilangan tahun untuk menggandakan jumlah pelaburan akan dikurangkan.

Kesan Bayaran ke atas Pulangan Pelaburan

- (18) Andaikan bahawa seorang pelabur mempunyai RM100,000 untuk dilaburkan dalam SUA dan bahawa pelabur tersebut boleh melabur selama 20 tahun. Pelabur ditawarkan tiga pilihan SUA yang akan memenuhi keperluan beliau dari segi risiko dan pulangan. Setiap SUA mempunyai struktur yuran yang berbeza:
- (i) SUA 1 mempunyai kos kemasukan awal RM8,000 dengan yuran pengurusan tahunan sebanyak 1% setahun;
 - (ii) SUA 2 mempunyai kos kemasukan awal RM5,000 dengan yuran pengurusan tahunan sebanyak 1.5% setahun; dan
 - (iii) SUA 3 tidak mempunyai kos kemasukan awal dan yuran pengurusan tahunan sebanyak 2% setahun.

Dengan mengandaikan bahawa pulangan pelaburan adalah sama, SUA manakah yang patut dipilih?

- (19) Kesan ke atas pulangan pelaburan bagi tempoh tertentu yang disebabkan oleh perbezaan dari segi bayaran adalah agak besar:

	SUA 1	SUA 2	SUA 3
Pelaburan	100,000	100,000	100,000
Tolak: Kos kemasukan awal	8,000	5,000	0
'Wang kerja'	92,000	95,000	100,000

Akhir Tahun	Nilai pada akhir tahun		
	SUA 1	SUA 2	SUA 3
1	100,374	103,123	108,000
5	142,217	143,184	146,933
10	219,845	215,806	215,892
15	339,845	325,261	317,217
20	525,346	490,232	466,096

- (20) Antara SUA 1 dan SUA 3, terdapat perbezaan sebanyak RM59,250 dalam jumlah akhir modal yang terkumpul sepanjang tempoh 20 tahun. Walaupun kos awal untuk SUA 1 lebih tinggi daripada SUA 3, jumlah modal akhir yang terkumpul oleh SUA1 dalam tempoh 20 tahun lebih tinggi daripada SUA 3 kerana yuran pengurusan tahunan untuk SUA 1 adalah lebih rendah.
- (21) Dalam contoh di atas, adalah mudah untuk melihat SUA mana yang mungkin dipilih oleh pelabur. Dari segi amalan, keputusan tersebut bukan selalunya semudah itu. Sebagai contoh, jadual tersebut mengandaikan ketiga-tiga SUA akan menghasilkan pulangan yang sama.
- (22) Penyedia Skim yang melabur dalam pasaran saham yang sama sering kali menghasilkan pulangan yang berbeza disebabkan oleh beberapa faktor, termasuk gaya pelaburan. Kajian luar negara juga menunjukkan bahawa yuran yang lebih tinggi tidak semestinya menghasilkan prestasi yang lebih baik, malah yang sebaliknya mungkin berlaku.

- (23) Selepas beberapa lama, dan selepas mengambil kira kesan pengkompaunan bayaran ke atas pulangan, kesan yang ketara ke atas prestasi pelaburan mungkin berlaku. Oleh itu, adalah penting untuk Perunding dan perancang kewangan memastikan bahawa peruntukan dilakukan untuk kos pelaburan apabila menganggarkan pulangan pelaburan. Selain kesan inflasi dan cukai, kos pelaburan juga mampu mengurangkan pulangan pelaburan yang dicari oleh pelabur untuk mencapai matlamat kewangan mereka.

Lampiran 4.5 Enam Cara untuk Menukar Simpanan menjadi Pelaburan

Jenis Pelaburan	Kelebihan	Kelemahan
Akaun Simpanan	1. Mudah dibuka dan diselenggara 2. Keperluan minimum dan sangat munasabah 3. Akses yang fleksibel kepada tunai	1. Kemudahan pengeluaran wang tunai boleh mengganggu program simpanan anda 2. Kadar faedah yang agak rendah
Deposit Tetap	1. Kadar faedah yang lebih tinggi daripada simpanan 2. Wang tidak boleh dibelanjakan untuk belian gerak hati	1. Kadar faedah mungkin kurang daripada kadar inflasi 2. Pengeluaran yang kurang fleksibel
Hartanah	1. Rancangan 'simpanan paksa' yang baik 2. Lindung nilai yang baik terhadap inflasi 3. Boleh memberikan pulangan yang tinggi dalam keadaan ekonomi yang baik	1. Untuk memulakan simpanan adalah sukar; bayaran pendahuluan "permulaan" adalah tinggi, dan mesti layak untuk mendapat pinjaman bank. 2. Skim pembayaran balik gadai janji jangka panjang dan tidak fleksibel 3. Tidak mudah ditukar kepada tunai
Insurans Hayat	1. Kaedah simpanan dan perlindungan yang bermanfaat 2. Banyak polisi mengenakan penalti untuk pengeluaran awal, oleh itu, ini bertindak sebagai mekanisme untuk menggalakkan simpanan 3. Terbukti sebagai rancangan "simpanan paksa" yang berkesan	1. Pulangan yang lebih rendah berbanding kaedah pelaburan jangka panjang yang lain 2. Kurang kefleksibelan
Unit Amanah	1. Kaedah pelaburan yang paling sesuai untuk menyimpan yang melakukan simpanan berkala 2. Jumlah permulaan yang munasabah 3. Pelaburan mudah dibina secara berkala	1. Terjejas oleh turun naik pasaran saham atau pasaran lain yang dana tersebut dilaburkan

Jenis Pelaburan	Kelebihan	Kelemahan
	4. Faedah yang diperolehi daripada purata kos dolar 5. Unit amanah memberikan portfolio pelaburan yang seimbang yang tidak perlu diuruskan oleh pelabur 6. Unit boleh dijual pada bila-bila masa apabila harganya sesuai	
Pasaran saham	1. Lebih menarik daripada mengendalikan akaun semasa 2. Boleh menghasilkan pulangan yang lumayan apabila kena pada masanya	1. Memerlukan pelaburan modal awal yang besar 2. Tidak sesuai untuk pelaburan kecil yang berkala 3. Memerlukan maklumat pasaran yang luas dan masa yang banyak untuk mengurus pelaburan dengan berjaya

**Dari Wise Moves to Retirement, SBB Mutual Bhd*

SOALAN LATIHAN

Soalan 1

Apakah faktor yang mesti dipertimbangkan oleh Perunding semasa memberikan nasihat pelaburan kepada pelabur?

- (i) Keadaan peribadi pelabur
- (ii) Toleransi risiko pelabur
- (iii) Tinjauan pasaran
- (iv) Cadangan pelaburan Penyedia Skim

- (A) (i) dan (ii) sahaja
- (B) (i), (ii) dan (iii) sahaja
- (C) (i), (ii) dan (iv) sahaja
- (D) (iii) dan (iv) sahaja

Jawapan: (B)

Soalan 2

Apakah tujuan utama mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan objektif pelaburan pelabur semasa proses penilaian kesesuaian?

- (A) Untuk memastikan pemahaman pelabur terhadap pulangan berpotensi Skim
- (B) Untuk mengetahui profil risiko dan keperluan pelabur
- (C) Untuk menentukan Penyedia Skim yang sesuai bagi pelabur
- (D) Untuk mengetahui pengetahuan kewangan pelabur

Jawapan: (B)

Soalan 3

Berikut boleh diguna pakai untuk kedua-dua SUA dan PRS:

- (i) Pembelian unit
- (ii) Penjualan unit
- (iii) Membiayai pembelian unit
- (iv) Pemindahan unit

- (A) (i) dan (ii) sahaja
- (B) (i), (ii) dan (iii) sahaja
- (C) (i), (ii) dan (iv) sahaja
- (D) Semua di atas

Jawapan: (C)

BAB 5 KOD ETIKA

Objektif Pembelajaran

Bab ini memberi tumpuan kepada betapa pentingnya untuk mengekalkan piawaian profesionalisme yang tinggi ketika menjalankan peranan anda sebagai Perunding, dan juga untuk memperkenalkan anda kepada Kod Etika FIMM.

Di akhir bab ini, anda seharusnya dapat memahami dan menerangkan:

- Prinsip mengekalkan piawaian tingkah laku etika yang tinggi dan kepentingan pematuhan;
- Bagaimana pematuhan kepada Kod Etika memudahkan perlindungan pelabur;
- Prinsip teras Kod Etika FIMM; dan
- Kewajipan Perunding di bawah Kod Etika.



Tahap Kecekapan

1. Tahap Kecekapan – CC02 Etika dan Integriti (Tahap 3)

Prinsip Asas

- 5.01 Industri SUA dan PRS adalah penting kepada ekonomi Malaysia. Industri ini menggerakkan simpanan pelabur runcit dengan menyalurkan simpanan ke dalam bidang yang memerlukan modal. Pada masa yang sama, pelabur ini disediakan dengan kaedah untuk mengedar dan memperoleh keuntungan modal daripada pelaburan mereka dan menyimpan untuk persaraan.
- 5.02 Pelabur melabur dalam Skim untuk memenuhi matlamat kewangan dan keperluan persaraan mereka. Oleh itu, adalah penting bahawa semua pihak yang terlibat dalam aktiviti pemasaran dan pengedaran Skim berkelakuan dalam cara yang beretika dan profesional.

Rajah 5.1: Prinsip etika



Apakah itu “Pematuhan”?

- 5.03 Pematuhan adalah penting bagi memastikan Pengedar dan Perunding mempunyai pengurusan dan tingkah laku yang betul. Ia merupakan tatatertib dan tindakan mematuhi undang-undang yang diguna pakai, peraturan dan pengawalseliaan, tatalaku, polisi dan prosedur dalaman.
- 5.04 SC, badan kawal selia yang diamanahkan dengan tanggungjawab untuk mengawal selia dan membangunkan pasaran modal Malaysia, telah menjalankan peranannya dengan objektif untuk melindungi pelabur. Bagi tujuan ini, SC telah memasukkan beberapa keperluan yang menekankan betapa pentingnya pematuhan, antara lain, dengan mewajibkan Pengedar melaksanakan fungsi pematuhan. Peranan utama fungsi ini adalah untuk memastikan pematuhan kepada undang-undang, pengawalseliaan, dan lain-lain.
- 5.05 Perunding harus sedar bahawa kewajipan untuk mematuhi undang-undang, peraturan, keperluan yang diguna pakai dan lain-lain bukanlah tanggungjawab kakitangan pematuhan semata-matanya. Pematuhan adalah budaya yang perlu dipatuhi oleh semua orang termasuk Perunding, terutamanya dalam memastikan pelabur dilindungi dan dilayan dengan adil.
- 5.06 Perunding mesti bekerja rapat dengan kakitangan pematuhan yang bertanggungjawab ke atas fungsi pematuhan Pengedar mereka dan memberi

kerjasama penuh terutamanya apabila memenuhi kewajipan mereka dalam mematuhi keperluan yang berkenaan. Ini akan memastikan bahawa Perunding dilengkapi dengan alat yang diperlukan, seperti senarai semak, kursus latihan yang berkesan dan berkenaan yang akan membantu memenuhi kewajipan mereka kepada setiap pelabur sambil memastikan pematuhan kepada keperluan yang diguna pakai.

Pematuhan sebagai Alat Pengurusan Risiko

- 5.07 Pengedar dan Perunding perlu sedar akan kepentingan pematuhan dan bagaimana ia dikaitkan dengan pengurusan risiko dalam perniagaan. Kebanyakan perniagaan dan individu akan mempunyai perlindungan insurans yang diperlukan untuk melindungi mereka daripada kejadian tertentu seperti kebakaran dan keadaan lain yang boleh mengakibatkan kerugian kewangan. Keputusan untuk mempunyai perlindungan insurans sedemikian biasanya dibuat berdasarkan penilaian yang dilakukan ke atas risiko yang mungkin dialami oleh perniagaan atau individu.
- 5.08 Memastikan pematuhan adalah satu bentuk kawalan atau sama dengan yang mempunyai 'perlindungan insurans' terhadap risiko dan akibat melanggar keperluan atau peraturan pengawalseliaan. Analogi yang boleh dibuat ialah dengan membandingkannya dengan pengeluar kereta yang bertujuan untuk mencapai pengeluaran kereta yang stabil (iaitu, dari segi keluaran) dengan kos yang berpatutan tanpa mempunyai sebarang kerosakan dengan memperkenalkan tata tertib kawalan kualiti. Begitu juga, 'keluaran' dalam industri SUA dan PRS memastikan bahawa semua kewajipan perniagaan dipenuhi, termasuk pematuhan, yang membantu meminimumkan atau menyingkirkan pelanggaran keperluan undang-undang dan kewajipan yang berpotensi membawa kesan yang teruk.
- 5.09 Budaya pematuhan yang kukuh dapat membantu Perunding SUA menjalankan fungsi mereka, sebagai contohnya, dalam:
- (a) mengurangkan aduan pelanggan dan kos pemulihan (nota: 'kos' termasuk masa untuk menyelesaikan aduan dan membetulkan keadaan);
 - (b) mengurangkan risiko tindakan undang-undang oleh pelanggan (berserta semua penalti dan kos berkaitan);
 - (c) menarik dan mengekalkan pelanggan dengan mewujudkan kepercayaan dan keyakinan apabila berurusan dengan pelanggan; dan
 - (d) memastikan Perunding sentiasa mengikuti perkembangan terkini pasaran dan meningkatkan piawaian profesional Perunding dengan menghadiri latihan pematuhan.

- 5.10 **Rajah 5.2** meringkaskan manfaat yang diperoleh oleh Perunding dalam mematuhi keperluan yang berkenaan.

Rajah 5.2: Manfaat pematuhan



Apa yang Dimaksudkan dengan “Etika”?

- 5.11 Seperti kepatuhan, istilah ‘etika’ telah menjadi semakin penting dalam industri perkhidmatan kewangan sejak beberapa tahun ini.
- 5.12 ‘Etika’ merupakan sistem prinsip moral di mana tindakan Penedar dan Perunding boleh dinilai sebagai baik atau buruk, betul atau salah. Etika biasanya adalah berkaitan dengan tanggungjawab peribadi, integriti dan suara hati seseorang. Disebabkan tidak ada pemantauan berterusan seperti daripada pengawal selia ke atas setiap tindakan mereka, Penedar dan Perunding perlu berhati-hati dengan tingkah laku dan tindakan mereka sendiri. Pemantauan berterusan akan meningkatkan kos pematuhan dan mungkin mempengaruhi proses perniagaan akibat sistem yang mempunyai terlalu banyak birokrasi. Keperluan untuk tingkah laku etika yang ditetapkan melalui instrumen pengawalseliaan yang dikeluarkan oleh FIMM dan SC memberikan panduan kepada Penedar dan Perunding untuk beroperasi tanpa melanggar undang-undang dan pengawalseliaan.

Kod Etika FIMM untuk Industri SUA dan PRS

- 5.13 Kod Etika FIMM (“Kod FIMM”) memperuntukkan piawaian etika dan tingkah laku profesional Pengedar dan Perunding:
- (a) dalam pemasaran dan pengedaran SUA dan PRS; dan
 - (b) berkaitan dengan sebarang aktiviti yang boleh menjejaskan industri SUA dan PRS dengan buruk.
- 5.14 Kod FIMM menetapkan lima (5) prinsip teras seperti yang digambarkan dalam **Rajah 5.3** di bawah:

Rajah 5.3: Prinsip teras Tatalaku FIMM



- 5.15 Setiap prinsip teras menetapkan tingkah laku yang diperlukan dan dilarang oleh Pengedar dan Perunding. Pengedar dan Perunding mesti mematuhi lima (5) prinsip teras Kod FIMM untuk:
- (a) Mengekalkan piawaian etika dan tingkah laku profesional dalam pemasaran dan pengedaran SUA dan PRS; dan
 - (b) Memupuk keyakinan orang ramai dalam industri.
- 5.16 Kod FIMM meningkatkan lagi keperluan etika dan tingkah laku yang ditetapkan dalam beberapa garis panduan yang dikeluarkan oleh SC, seperti yang disenaraikan di bawah Bab 3 (Garis Panduan SC), dalam mengawal selia industri SUA dan PRS. Walaupun terdapat keperluan bertindih antara Kod FIMM dan Garis Panduan SC, Pengedar dan Perunding dijangka akan mengetahui dan mematuhi keperluan yang diguna pakai.
- 5.17 Kod FIMM boleh didapati di laman web FIMM di pautan berikut:
<https://www.fimm.com.my/home/circulars-guidelines/code-of-ethics/>

Prinsip Teras Kod FIMM

- 5.18 Perenggan berikut menghuraikan beberapa unsur utama Kod FIMM yang berkenaan dengan Perunding dan Pengedar.

Prinsip Teras 1: Kejujuran dan Integriti

- 5.19 Pengedar dan Perunding diperlukan untuk:
- (a) bersikap jujur dan bertindak dengan penuh integriti;
 - (b) bertindak demi kepentingan pelabur;
 - (c) berurusan dengan pelabur dengan niat baik dan melayan pelabur dengan adil; dan
 - (d) menegakkan dan melindungi reputasi industri.
- 5.20 Pada dasarnya, prinsip ini memerlukan Pengedar dan Perunding untuk mendahulukan kepentingan pelanggan sebelum kepentingan mereka sendiri.

Tingkah laku yang dilarang

- 5.21 Pengedar dan Perunding dilarang melakukan tingkah laku yang tidak jujur dan apa-apa tindakan yang menjejaskan integriti mereka, termasuk tetapi tidak terhad kepada, perkara berikut:
- (a) menyalahgunakan dana pelabur,
 - (b) melakukan pemalsuan termasuk pemalsuan tandatangan pelabur atau orang lain;
 - (c) memalsukan dokumen;
 - (d) membuat kenyataan palsu;
 - (e) menggunakan jawatan, gelaran atau kelayakan yang tidak dibenarkan; dan
 - (f) berurusan dengan mana-mana Skim atau produk pelaburan yang, antara lain, tidak dibenarkan, dilesenkan atau diiktiraf oleh undang-undang sekuriti.

Prinsip Teras 2: Profesionalisme

- 5.22 Pengedar dan Perunding dijangka mempunyai sikap profesionalisme yang tinggi dan perlu bersikap teliti, mahir dan tekun apabila berurusan dengan pelabur.
- 5.23 Pengedar dan Perunding perlu memberikan perkhidmatan yang cepat, cekap dan berterusan kepada pelabur, termasuk melayan pelabur dengan penuh hormat.
- 5.24 Selain berpengetahuan dan cekap dalam semua aspek peranan beliau, Perunding juga perlu mematuhi keperluan tambahan iaitu mewakili hanya satu Prinsipal/Pengedar untuk SUA dan/atau PRS masing-masing pada satu-satu masa, memasarkan dan mengedarkan hanya SUA dan PRS. Pengedar beliau dan menunjukkan kad kuasa yang dikeluarkan oleh FIMM apabila bertemu bakal pelabur.

Tingkah laku yang dilarang

- 5.25 Pengedar dan Perunding dilarang untuk, antara lain, melakukan proses merekrut Perunding dengan cara yang tidak beretika pada setiap masa. Mereka tidak boleh:
- (a) terlibat dalam amalan penjualan yang agresif dan menyinggung perasaan;
 - (b) menerima wang tunai daripada pelabur;
 - (c) membenarkan mana-mana pelabur memindahkan wang atau mengeluarkan cek ke sebarang akaun perbankan selain akaun Pengedar;
 - (d) melaksanakan urusan niaga menggunakan borang yang sudah mempunyai tandatangan atau cap ibu jari;
 - (e) putaran dengan melaksanakan penebusan dan pembelian Skim yang berlebihan menggunakan hasil pelaburan yang sama ke dalam satu atau lebih dana
 - (f) membuat kenyataan negatif atau tidak beralasan yang mungkin atau benar-benar menjejaskan reputasi industri dan pemegang berkepentingan termasuk FIMM dan SC;
 - (g) menggalakkan pelabur untuk melabur dalam SUA dan PRS melalui pembiayaan pinjaman, dan lain-lain; dan
 - (h) menggunakan bahan iklan dan promosi yang tidak mematuhi keperluan Garis Panduan SC.
- 5.26 Perunding juga dilarang untuk, antara lain, menggunakan identiti Perunding lain atau mana-mana orang lain ketika berurusan dengan pelabur, memperuntukkan jualan kepada Perunding lain, membuat keputusan pelaburan bagi pihak pelabur, dan lain-lain.

Prinsip Teras 3: Mengelakkan konflik kepentingan

- 5.27 Pengedar dan Perunding mesti mengelakkan konflik kepentingan dalam urusan mereka dengan pelabur. Sekiranya konflik kepentingan tidak dapat dielakkan, Pengedar dan Perunding mesti mendedahkan konflik tersebut, sama ada yang sebenarnya atau berpotensi, kepada pelabur dengan cara bertulis dengan segera. Pengedar dan Perunding juga perlu memastikan bahawa keutamaan sentiasa diberikan kepada kepentingan pelabur.
- 5.28 Sebagai tambahan kepada perkara di atas, Pengedar perlu mewujudkan sistem, polisi dan prosedur untuk menangani keadaan konflik kepentingan secara berkesan.

Tingkah laku yang dilarang

- 5.29 Pengedar dan Perunding dilarang melakukan urusan niaga penukaran bagi pelabur untuk menjana komisen jualan atau memperoleh manfaat lain yang bukan dalam kepentingan pelabur.

Prinsip Teras 4: Pendedahan maklumat

- 5.30 Pengedar dan Perunding perlu memberi maklumat yang tepat dan mencukupi mengenai Skim kepada pelabur tepat pada masanya bagi membantu pelabur membuat keputusan pelaburan yang termaklum. Mereka juga mesti menerangkan ciri-ciri Skim dengan jelas untuk membantu pelabur memahami produk tersebut.

Tingkah laku yang dilarang

- 5.31 Pengedar dan Perunding dilarang untuk:
- (a) memberi sebarang unjuran prestasi bagi mana-mana Skim;
 - (b) membuat kenyataan mengenai hasil atau pulangan tanpa sebarang asas yang objektif dan munasabah;
 - (c) menyembunyikan sebarang maklumat tentang Skim apabila membandingkannya dengan Skim lain; dan
 - (d) memberi maklumat tentang perkara yang mereka tidak mempunyai kemahiran atau pengetahuan untuk mengendalikannya.

Prinsip Teras 5: Pematuhan kerahsiaan

- 5.32 Pengedar dan Perunding mesti melindungi maklumat peribadi dan kewangan pelabur melainkan jika kebenaran bertulis bagi pendedahan maklumat tersebut telah diperoleh daripada pelabur atau di mana pendedahan tersebut perlu dilakukan menurut sebarang undang-undang dan proses undang-undang yang berkenaan.

Tingkah laku yang dilarang

- 5.33 Pengedar dan Perunding dilarang, antara lain, daripada menyebarkan atau bertukar-tukar maklumat peribadi dan kewangan pelabur dengan Pengedar lain, Perunding atau mana-mana pihak lain atau meminta atau mendapatkan maklumat daripada mereka sebagaimana yang ditetapkan oleh Akta Perlindungan Data Peribadi (APDP).

Ketidakpatuhan dengan Kod FIMM

- 5.34 FIMM boleh mengambil tindakan tatatertib atau tindakan lain yang sesuai terhadap Pengedar dan Perunding yang tidak mematuhi mana-mana peruntukan Kod FIMM. Mereka juga dianggap telah melakukan kesalahan jika mereka:
- (a) cuba melakukan salah laku di bawah Kod FIMM;
 - (b) melakukan tindakan persediaan kepada atau bagi melanjutkan pelanggaran salah laku di bawah Kod ini;
 - (c) bersubahat melakukan salah laku di bawah Kod FIMM, di mana mereka:
 - menghasut atau mengarahkan sesiapa sahaja untuk melakukan salah laku;
 - melibatkan diri dengan sesiapa sahaja dalam sebarang konspirasi untuk melakukan salah laku; atau
 - membantu pelanggaran salah laku dengan sengaja.

- 5.35 Mana-mana kakitangan atau Perunding atau Pengedar perlu melaporkan kepada FIMM dengan serta-merta jika mereka mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa Pengedar telah gagal mematuhi sebarang peraturan, undang-undang, atau keperluan. Identiti kakitangan atau Perunding ini akan dirahsiakan, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang.
- 5.36 Pengedar atau Perunding yang didapati melakukan salah laku akan tertakluk kepada sebarang sekatan yang diperuntukkan di bawah Bab 6 Peraturan Disatukan FIMM (FCR). Bab 6 FCR juga menetapkan siasatan dan prosiding tatatertib FIMM yang diguna pakai ke atas Pengedar dan Perunding.

SOALAN LATIHAN

Soalan 1

Perunding yang melanggar peruntukan di dalam Kod Etika FIMM akan menghadapi tindakan, termasuk

- (i) penjara
 - (ii) teguran awam
 - (iii) pembatalan pendaftaran dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
 - (iv) penggantungan pendaftaran dengan Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia
- (A) (i) dan (iii) sahaja
(B) (ii) dan (iv) sahaja
(C) (i), (ii) dan (iv) sahaja
(D) (ii), (iii) dan (iv) sahaja

Jawapan: (B)

Soalan 2

Setiap prinsip teras Kod Etika FIMM bertujuan untuk _____

- (i) memupuk keyakinan masyarakat dalam industri ini
 - (ii) meningkatkan keperluan etika dan tingkah laku seperti yang dinyatakan dalam garis panduan SC
 - (iii) menegakkan piawaian etika serta tingkah laku profesional Perunding dan Pendedar dalam pemasaran dan pendedaran Skim
 - (iv) mengingatkan Perunding dan Pendedar bahawa FIMM boleh mengambil tindakan terhadap mereka atas apa-apa salah laku
- (A) (i) dan (ii) sahaja
(B) (i), (ii) dan (iii) sahaja
(C) (i), (iii) dan (iv) sahaja
(D) (iii) dan (iv) sahaja

Jawapan: (B)

Soalan 3

Peninggalaan fakta penting apabila berurusan dengan pemegang unit atau ahli PRS dilindungi di bawah prinsip _____

- (A) pematuhan kerahsiaan
(B) profesionalisme
(C) kejujuran dan integriti pendedahan maklumat

Jawapan: (D)

BAB 6 PERANCANGAN KEWANGAN PERIBADI

Objektif Pembelajaran

Bab ini bertujuan untuk memperkenalkan anda kepada konsep luas perancangan kewangan peribadi dan bagaimana ini dapat diamalkan apabila memberi nasihat kepada pelabur.

Di akhir bab ini, anda seharusnya dapat memahami dan menerangkan:

- maksud perancangan kewangan peribadi
- bidang dan langkah dalam perancangan kewangan peribadi
- kelayakan dan kemahiran yang diperlukan oleh perancang kewangan
- perbezaan di antara perancangan kewangan peribadi dan jualan pelaburan
- peranan perunding dalam perancangan pelaburan
- perbezaan antara Perancang Kewangan dan Perunding
- inisiatif untuk meningkatkan peranan perancang kewangan di Malaysia



Tahap Kecekapan

1. Kecekapan Teras – CC01 Tumpuan Pelanggan (Tahap 3)
2. Kecekapan Asas (Produk) – FOP03 Produk Pasaran Modal (Tahap 2)
3. Kecekapan Asas (Teknikal) – FUT02 Nasihat Pelanggan (Pelaburan) (Tahap 3)
4. Kecekapan Fungsian (Proses) –
 - i. FUP15 Penjualan dan Pemasaran (Tahap 3)
 - ii. FUP14 Kenali Pelanggan Anda (Tahap 1)
 - iii. FUP07 Membangunkan Rancangan Kewangan (Tahap 2)


Gambaran Keseluruhan

- 6.01 Di sesetengah tempat di dunia, peranan perancang kewangan telah menjadi sangat penting. Ramai orang melantik perancang kewangan dengan cara yang sama seperti mereka melantik akauntan, penasihat cukai, broker saham atau peguam. Perancangan kewangan peribadi telah menjadi bidang latihan dengan amalan tersendiri.
- 6.02 Di bawah Bahagian 2 Jadual 2 CMSA, perancangan kewangan ditakrifkan sebagai menganalisis keadaan kewangan seorang lain dan menyediakan rancangan untuk memenuhi keperluan dan objektif kewangan orang tersebut, termasuk sebarang rancangan pelaburan dalam sekuriti, sama ada bayaran dikenakan atau tidak.
- 6.03 Perancangan kewangan adalah proses memenuhi matlamat hidup seseorang dalam jangka masa tertentu melalui pengurusan kewangan yang sesuai pada masa kini dan masa depan. Matlamat ini mungkin termasuk pembelian rumah, simpanan untuk pendidikan anak, simpanan untuk gaya hidup persaraan yang selesa, dan sebagainya. Perancang kewangan akan melihat kedudukan kewangan seseorang “secara menyeluruh” dan mencadangkan tindakan yang perlu diambil untuk mencapai matlamat hidup beliau. Nasihat sedemikian mungkin termasuk pembelanjawanan, kadar simpanan yang lebih tinggi, perancangan cukai, penjanaan dan pengendalian kekayaan, penyusunan semula pelaburan, pengurusan risiko dan perancangan persaraan.
- 6.04 Industri SUA dan PRS di Malaysia adalah pada tahap di mana Perunding berusaha untuk memahami kedudukan kewangan dan objektif pelaburan pelanggan serta menganalisis pelaburan SUA dan PRS yang terbaik untuk pelanggan. Analisis pelaburan ini mengukuhkan lagi pembangunan industri perancangan kewangan. Di negara lain juga, industri SUA dan PRS memainkan peranan utama dalam pembangunan industri perancangan kewangan.
- 6.05 Bab ini memperkenalkan konsep perancangan kewangan, bidang perancangan kewangan, proses yang terlibat dalam perancangan kewangan, peranan perancang kewangan serta kelayakan dan kemahiran yang diperlukan oleh perancang kewangan. Perbincangan ini bukannya bertujuan untuk memberi penerangan yang terperinci, tetapi untuk memberi gambaran menyeluruh tentang apa yang dimaksudkan dengan istilah ‘perancangan kewangan peribadi’.

Apakah 'Perancangan Kewangan Peribadi'?

- 6.06 Perancangan kewangan peribadi merupakan konsep luas yang berteraskan keperluan dan objektif kewangan pelanggan. Ia meliputi aspek utama kehidupan kewangan seorang individu seperti yang digambarkan dalam **Rajah 6.1**:

Rajah 6.1: Aspek perancangan kewangan



- 6.07 Kebanyakan individu perlu merancang. Rancangan kewangan yang berkesan akan membantu:
- (a) menyediakan pelan tindakan objektif pelanggan untuk jangka masa sederhana dan panjang;
 - (b) menambah baik atau mengekalkan gaya hidup masa kini dan juga masa depan;
 - (c) melindungi/meminimumkan kesan ke atas aset pelanggan akibat daripada ketidakpastian seperti kesan turun naik pasaran dan inflasi; dan
 - (d) memastikan pendapatan yang mencukupi, apabila diperlukan, contohnya, selepas persaraan.
- 6.08 Adalah perlu untuk memahami beberapa ciri perancangan kewangan peribadi supaya mendapat pemahaman sepenuhnya mengenai konsep ini. Perancangan kewangan peribadi:
- (a) adalah satu proses. Ia bukan produk. Ia adalah perkhidmatan yang dihasilkan daripada mendengar, berunding dan menilai kewangan secara interaktif;
 - (b) adalah menyeluruh. Semua aspek keinginan dan keperluan pelanggan perlu diterokai dan dijelaskan sepenuhnya;
 - (c) mencari kegunaan yang maksimum. Kegunaan dalam konteks ini adalah sama dengan makna kegunaan dalam istilah ekonomi. Ini bermakna bahawa

- rancangan kewangan peribadi bertujuan untuk untuk menghasilkan keputusan mantap dan nyata yang memberi kepuasan kepada pelanggan;
- (d) mengiktiraf individu. Setiap daripada kita mempunyai keadaan peribadi yang berlainan, objektif pelaburan, selera risiko yang berbeza, dan sebagainya. Untuk ini, rancangan kewangan disesuaikan berdasarkan keadaan individu. Perancang kewangan tidak mungkin membangunkan rancangan kewangan yang sama untuk individu yang berlainan; dan
 - (e) mengiktiraf kitaran kehidupan. Rancangan kewangan peribadi bukanlah satu dokumen yang statik, ia perlu dikemas kini secara berkala. Keperluan, objektif dan pandangan pelanggan berubah mengikut masa, oleh itu, sesuatu rancangan perlu dikemas kini manakala portfolio pelaburan (dibangunkan sebagai sebahagian daripada rancangan ini) dinilai untuk memastikan ia terus memenuhi keinginan dan keperluan pelanggan.

Bidang dalam Perancangan Kewangan

- 6.09 Perancangan kewangan peribadi adalah proses bersepadu di mana pelanggan diberi bantuan dalam bidang utama yang digambarkan dalam **Rajah 6.1**. Perenggan berikut memberikan butiran lanjut tentang perkara yang berkenaan dengan semua bidang berkaitan ini yang perlu dipertimbangkan apabila membangunkan rancangan kewangan.

Pengurusan tunai

- 6.10 Pengurusan tunai atau pembelanjawanan adalah amat penting kerana ia membolehkan seorang individu untuk mengetahui jumlah pendapatan beliau berbanding perbelanjaan, mengenal pasti perbelanjaan yang penting dan yang tidak penting serta jumlah yang boleh diketepikannya untuk simpanan. Jika ingin melakukan lebih simpanan, beliau boleh mengurangkan perbelanjaan yang tidak penting atau menangguhkan perbelanjaan yang kurang penting.

Pengurusan risiko dan perancangan insurans

- 6.11 Pengurusan Risiko dan Perancangan Insurans merupakan proses mengenal pasti punca dan takat risiko kerugian kewangan, fizikal dan peribadi seorang individu, dan membangunkan strategi untuk menguruskan pendedahan kepada risiko dan meminimumkan kemungkinan dan jumlah kerugian.

Perancangan pelaburan

- 6.12 Perancangan pelaburan merupakan proses menentukan cara untuk melaburkan aset semasa dan simpanan masa depan berdasarkan matlamat kewangan jangka pendek dan panjang, kedudukan kewangan semasa dan toleransi risiko seorang individu. Rancangan pelaburan yang baik mampu mengenal pasti matlamat kewangan dan memberikan nilai wang dan jangka masa bagi mencapai matlamat tersebut. Selepas matlamat, nilai wang dan jangka masa telah ditentukan, instrumen kewangan yang sesuai akan dibeli bagi memenuhi matlamat tersebut. Kebanyakan rancangan pelaburan di Malaysia biasanya mempunyai matlamat seperti rancangan persaraan, pendidikan anak dan juga untuk mengumpul kekayaan.

Perancangan cukai

- 6.13 Perancangan cukai pendapatan boleh ditakrif sebagai pembangunan dan pelaksanaan strategi yang sesuai untuk mengurangkan, merancang pengaturan masa, atau mengalihkan sama ada liabiliti cukai pendapatan semasa atau masa depan. Strategi yang dicadangkan adalah berdasarkan bukan sahaja akibat daripada cukai tersebut, tetapi juga berdasarkan matlamat kewangan keseluruhan individu tersebut.


Perancangan persaraan dan estet

- 6.14 Pada dasarnya, perancangan persaraan adalah suatu rancangan yang menguruskan simpanan, pelaburan dan pendapatan pasif seorang individu.
- 6.15 Sama pentingnya ialah perancangan estet yang menentukan cara untuk mengekalkan, mengurus dan mengagihkan aset seorang individu apabila beliau masih hidup dan setelah meninggal dunia. Ia menggabungkan pembangunan dan pelaksanaan pelan induk untuk memudahkan pembahagian aset individu mengikut kehendak pelanggan. Ia juga mempertimbangkan pengurusan aset dan liabiliti individu sekiranya individu tersebut tidak berupaya.

Langkah-langkah dalam Perancangan Kewangan

- 6.16 Pendekatan yang biasa diambil dalam perancangan kewangan melibatkan enam langkah utama seperti yang digambarkan dalam **Rajah 6.2** yang dijelaskan dalam perenggan yang berikut:

Rajah 6.2: Langkah utama dalam perancangan kewangan



Langkah 1: Menjalin dan menentukan hubungan antara perancang dan pelanggan

- 6.17 Untuk mencapai objektif ini, ia melibatkan:
- (a) perancang kewangan menerangkan dengan jelas kepada pelanggan beliau mengenai perkhidmatan yang akan diberikan kepada pelanggan;
 - (b) perancang kewangan dan pelanggan menentukan tanggungjawab masing-masing sepanjang proses perancangan kewangan;
 - (c) perancang kewangan menjelaskan sepenuhnya kepada pelanggan mengenai

- yuran perkhidmatan dan pihak yang akan membayar yuran; dan
- (d) kedua-dua perancang kewangan dan pelanggan bersetuju dengan tempoh dan jangka masa hubungan profesional antara pelanggan dan perancang dan bagaimana keputusan akan dilakukan.

Langkah 2: Memahami pelanggan dan mengumpul data pelanggan termasuk matlamat

- 6.18 Perancang kewangan mesti mengumpul maklumat yang diperlukan mengenai pelanggan sebelum beliau memberi nasihat kepada pelanggan. Untuk ini, perancang kewangan perlu:
- (a) bekerjasama dengan individu tersebut untuk menentukan matlamat peribadi dan kewangan serta jangka masa untuk mencapai matlamat; dan
 - (b) memperoleh maklumat dan dokumen yang berkenaan, yang mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada:
 - (i) sumber pendapatan, perbelanjaan, aliran tunai, aset, liabiliti, kewajipan;
 - (ii) profil risiko, selera risiko dan toleransi risiko; dan
 - (iii) perlindungan insurans dan pelaburan sedia ada, dan rancangan estetik sedia ada.

Langkah 3: Menganalisis dan menilai status kewangan pelanggan

- 6.19 Pada peringkat ini, perancang kewangan akan meneliti maklumat yang diberikan kepada beliau untuk menilai keadaan semasa dan kedudukan kewangan pelanggan bagi menentukan sama ada pelanggan dapat memenuhi matlamat kewangannya atau tidak. Lebihan atau kekurangan yang dikenal pasti daripada analisis ini akan ditangani dengan sewajarnya. Seseengah pelanggan membelanjakan lebih banyak daripada pendapatan mereka. Melakukan analisis aliran tunai dapat membantu mengurangkan beban pelanggan dan mengurangkan perbelanjaan untuk produk yang tidak penting.

Langkah 4: Membangun dan menyampaikan cadangan perancangan kewangan dan/atau cadangan alternatif

- a. Berdasarkan maklumat yang dikumpul daripada pelanggan dan analisis yang dilakukan, perancang kewangan perlu merangka strategi perancangan kewangan dan cadangan untuk memenuhi matlamat kewangan pelanggan.
- b.
- c. Perancang kewangan perlu menerangkan strategi dan cadangan untuk membantu pelanggan memahaminya dan membuat keputusan yang termaklum. Perancang kewangan harus mendengar kebimbangan pelanggan dan menyemak semula atau menangani kebimbangan ini dengan sewajarnya.

Langkah 5: Melaksanakan cadangan perancangan kewangan

- 6.22 Kedua-dua perancang kewangan dan pelanggan mesti bersetuju mengenai cara cadangan tersebut akan dilaksanakan. Perancang kewangan boleh melaksanakan cadangan atau menyediakan bantuan yang diperlukan kepada pelanggan untuk melaksanakan cadangan seperti menyelaraskan seluruh proses dengan pelanggan

dan penyedia perkhidmatan lain pelanggan seperti, sebagai contoh, peguam dan broker saham.

Langkah 6: Memantau cadangan perancangan kewangan

- 6.23 Perancang kewangan dan pelanggan mesti bersetuju akan siapa yang akan memantau kemajuan pelanggan dalam mencapai matlamat beliau. Jika ini merupakan tanggungjawab perancang kewangan, beliau perlu melaporkan secara berkala kepada pelanggan berdasarkan masa dan selang masa yang dipersetujui bersama. Kajian semula ini perlu mengambil kira kedudukan pelanggan pada masa kajian semula tersebut dan untuk menyelaraskan cadangan mengikut perubahan dalam kehidupan pelanggan, jika ada.

Tauliah dan Kelayakan yang Diperlukan daripada Perancang Kewangan

- 6.24 Perancangan kewangan adalah salah satu daripada lapan jenis aktiviti yang dikawal selia di bawah CMSA. Atas sebab ini, sesiapa yang ingin menjalankan aktiviti perancangan kewangan mesti mematuhi keperluan pelesenan seperti yang dinyatakan dalam Buku Panduan Pelesenan SC.
- 6.25 CMSL untuk perancangan kewangan boleh dikeluarkan kepada syarikat atau individu yang memenuhi keperluan sesuai dan wajar yang ditetapkan dalam CMSA. Di samping itu, Bab 5 Buku Panduan Pelesenan SC menetapkan keperluan pelesenan lebih lanjut bagi individu yang ingin memohon CMSL untuk menjalankan aktiviti perancangan kewangan.
- 6.26 Pemegang CMSRL boleh menjalankan aktiviti perancangan kewangan yang dikawal selia jika prinsipalnya dilesenkan untuk menjalankan aktiviti tersebut. Walau bagaimanapun, pemilikan tunggal atau perkongsian yang diberikan CMSL tidak dibenarkan untuk mempunyai mana-mana wakil berlesen untuk bertindak bagi pihaknya.
- 6.27 Bagi syarikat yang ingin memohon CMSL, pemohon mesti memenuhi keperluan SC seperti yang ditetapkan dalam Bab 4 Buku Panduan Pelesenan. Keperluan ini termasuk memenuhi:
- (a) keperluan organisasi yang termasuk kecekapan organisasi, keperluan sesuai dan wajar untuk pengarah, ketua pegawai eksekutif dan kakitangan utama;
 - (b) komposisi pegangan saham; dan
 - (c) kecukupan sumber kewangan
- 6.28 Seperti yang dinyatakan dalam perenggan 6.25, CMSL untuk perancangan kewangan juga boleh dikeluarkan kepada individu. Individu yang ingin memohon CMSL mesti memenuhi keperluan yang ditetapkan dalam Buku Panduan Pelesenan SC seperti yang diuraikan di bawah.
- (a) Keperluan am
 - (i) Mesti berumur sekurang-kurangnya 21 tahun;
 - (ii) Kecuali diluluskan sebaliknya, mesti mendaftarkan perniagaan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
 - (iii) Mesti mempunyai jumlah aset peribadi bersih (nilai bersih) sekurang-

kurangnya RM50,000 atau jumlah yang bersamaan dalam mata wang asing;

- (iv) Mesti seorang pemastautin Malaysia; dan
- (v) Mesti melengkapkan dan menyerahkan senarai semak kesediaan yang termasuk manual operasi, teknologi maklumat, polisi dan prosedur, kawalan dalaman dan sistem dan prosedur untuk mematuhi undang-undang dan peraturan yang diguna pakai. SC berhak untuk menjalankan pemeriksaan kesediaan bagi memastikan kesediaan individu sebelum memulakan perniagaan.

- (b) Individu tersebut boleh memperoleh kelayakan yang diperlukan daripada mana-mana satu daripada tiga (3) penyedia kelayakan yang disenaraikan dalam Buku Panduan Pelesenan SC, iaitu Financial Planning Association of Malaysia (FPAM), Malaysian Financial Planning Council (MFPC), dan Malaysia Financial Planners and Advisers Association (MFPAA), yang sebelum ini dikenali sebagai Malaysian Association of Chartered Financial Consultant (MACHFC).

- 6.29 Seorang individu yang ingin memohon CMSL untuk perancangan kewangan perlu ambil perhatian tentang yang berikut:
- (a) Kecuali dinyatakan secara khusus, keperluan yang ditetapkan di bawah Bab 4 (kriteria pelesenan CMSL untuk syarikat) Buku Panduan Pelesenan SC tidak diguna pakai ke atas individu
 - (b) Sebagai pemegang CMSL individu, individu tersebut tidak boleh mempunyai wakil berlesen untuk bertindak bagi pihak beliau;
 - (c) Jika perniagaan individu dijalankan melalui perkongsian, hanya rakan kongsi berlesen boleh menjalankan aktiviti perancangan kewangan; dan
 - (d) Mematuhi keperluan Pendidikan Profesional Berterusan mengikut format yang ditetapkan oleh SC

Kemahiran yang Diperlukan sebagai Perancang Kewangan

- 6.30 Ia adalah jelas bahawa seorang perancang kewangan memerlukan beberapa kemahiran yang berbeza.
- 6.31 Satu lagi kemahiran yang tidak kurang pentingnya ialah kemahiran insani. Tahap kemahiran antara perorangan yang tinggi amat penting bagi memastikan pelanggan berasa selesa apabila memberi data peribadi dan maklumat kewangan yang terperinci kepada perancang kewangan. Sesetengah pelanggan tidak akan berasa selesa memberikan butiran seperti ini, malah, ada sebilangan yang langsung enggan berbuat demikian. Namun demikian, ia tidak munasabah untuk meminta perancang kewangan menyediakan rancangan yang sesuai dengan keadaan dan objektif pelanggan tanpa mendedahkan secara menyeluruh semua maklumat yang diperlukan dalam penyediaan rancangan tersebut.
- 6.32 Pelanggan sepatutnya berasa selesa apabila memberi maklumat dan salah satu kemahiran yang diperlukan daripada perancang kewangan adalah kemahiran mendengar. Ketika mengumpulkan data dan menerima maklum balas daripada pelanggan atau semasa kajian semula tahunan rancangan tersebut, perancang

kewangan mesti dapat menangkap apa di sebalik fikiran dan kebimbangan pelanggan. Perancang mesti memahami keperluan untuk berasa empati terhadap pelanggan di mana prestasi portfolionya kurang daripada dijangka akibat pergerakan pasaran yang tidak diduga.

- 6.33 Selain kemahiran mendengar, keupayaan memahami bahasa gerak-geri pelanggan juga dapat membantu kerana ramai pelanggan mungkin mengatakan sesuatu tetapi gerak-gerinya memberikan makna sebaliknya.
- 6.34 Perancang kewangan juga dijangka mengamalkan piawaian etika dan profesionalisme yang tinggi. Secara ringkasnya, kepentingan pelanggan mesti mendahului kepentingan perancang itu sendiri. Ini membantu pelanggan mewujudkan 'kepercayaan' dengan perancang yang akan menjadi "ramuan" paling penting dalam perhubungan jangka panjang antara perancang kewangan dan pelanggan.

SIDC telah membangunkan panduan untuk kemampuan kecekapan golongan profesional pasaran modal Malaysia yang termasuk kemampuan kecekapan untuk perancang kewangan. Kotak berikut memberikan gambaran keseluruhan inisiatif SIDC dalam perkara ini.

Rangka Kerja Kecekapan Industri dan Kecekapan untuk Perancang Kewangan SIDC

Securities Industry Development Corporation (SIDC), bahagian pembelajaran dan pembangunan SC, telah memperkenalkan Rangka Kerja Kecekapan Industri (ICF) pada tahun 2017 untuk memberi panduan sejagat bagi keupayaan kecekapan kepada profesional pasaran modal yang terlibat dalam aktiviti yang dikawal selia oleh SC termasuk Perancangan Kewangan. ICF ini bertujuan untuk meningkatkan lagi daya saing industri susulan perubahan dalam landskap global.

Ciri-ciri utama ICF termasuk, Kamus Kecekapan, alat yang menghuraikan kecekapan teras yang berkaitan dengan peranan tertentu bersama dengan tahap kecekapan yang diperlukan. Ia meliputi 58 tajuk kecekapan yang merangkumi 105 peranan kerja, justeru menjadikannya rangka kerja kecekapan yang menyeluruh bagi pasaran modal Malaysia.

Pada tahun 2019, SIDC melancarkan platform dalam talian yang memusatkan aktiviti ICF, penilaian dan pembangunan dalam satu hub bersama. Platform ini, yang dikenali sebagai Sistem Pengurusan Kecekapan Pasaran Modal (CMS), memudahkan pembangunan berterusan profesional industri pasaran modal dengan menawarkan penilaian kecekapan seperti yang ditentukan oleh ICF di samping mengenal pasti campur tangan pembelajaran dan pembangunan. Melalui CMS, individu dan syarikat dapat menilai dan mengenal pasti tahap kecekapan dan bahagian pembangunan bagi mereka sendiri atau kakitangan mereka.

Peranan Perunding dalam Perancangan Pelaburan

- 6.35 Dari lima bidang dalam Perancangan Kewangan, bidang yang paling penting bagi Perunding SUA dan PRS adalah Perancangan Pelaburan.
- 6.36 Perunding mesti memperoleh kemahiran dan pengalaman untuk memberi nasihat pelaburan yang baik. Perunding membantu pelanggan mereka membuat keputusan pelaburan dengan melaksanakan fungsi berikut:
- (a) meletakkan perancangan pelaburan mengikut perspektif mendidik pelanggan bahawa keputusan pelaburan mesti didahulukan dan adalah berdasarkan strategi pelaburan yang dirangka untuk mencapai matlamat kewangan dalam jangka masa tertentu;
 - (b) mendidik pelanggan tentang ciri-ciri risiko, kecairan, cukai dan pengurusan pelaburan bagi membantu mereka menguruskan risiko pelaburan dan mengambil langkah sesuai yang diperlukan bagi mencapai matlamat kewangan mereka;
 - (c) menasihatkan pelanggan tentang penggunaan risiko kredit dan kos yang terlibat, keputusan pelaburan berhubung dengan rancangan manfaat korporat, dan strategi pelaburan seperti purata kos dolar; dan
 - (d) membincang dan mencadangkan produk SUA dan PRS yang sesuai.

Aktiviti khusus Perunding dalam perancangan pelaburan

- 6.37 Aktiviti khusus yang dijalankan oleh Perunding dalam perancangan pelaburan bergantung pada beberapa faktor, termasuk kelayakan profesional Perunding, matlamat pelanggan serta jenis dan kerumitan kedudukan kewangan pelanggan. Dalam perancangan pelaburan yang menyeluruh, Perunding perlu:
- (a) menentukan objektif kewangan pelanggan dan kepentingan beliau mengikut urutan;
 - (b) menganalisis kedudukan kewangan dan aliran tunai pelanggan. Mencadangkan perubahan untuk menambah baik kedudukan tunai pelanggan dan meneliti keutamaan, jika perlu;
 - (c) menentukan keutamaan pelanggan untuk peruntukan sumber kewangan di antara objektif bukan pelaburan yang dinyatakan, seperti jumlah dana kecemasan dan pemerolehan insurans tambahan;
 - (d) mengira baki aset yang masih ada bagi memenuhi matlamat pelaburan;
 - (e) mengumpul dan menganalisis data yang diperlukan untuk membangunkan profil pelaburan pelanggan, termasuk petunjuk tentang kecenderungan umum pelanggan terhadap risiko;
 - (f) menentukan ciri risiko dan pulangan pelaburan semasa pelanggan;
 - (g) menyatakan andaian kewangan;
 - (h) menentukan kecukupan sumber pelanggan untuk mencapai matlamat pelaburan yang ditetapkan dan menganalisis kesesuaian strategi pelaburan semasa pelanggan. Jika sumber tidak mencukupi, beri pertimbangan untuk menyemak semula peruntukan sumber, mengubah matlamat, atau menggunakan pelaburan dengan risiko dan kadar hasil lebih tinggi yang boleh diterima oleh pelanggan;
 - (i) menyediakan tahap perkhidmatan perancangan pelaburan yang dipersetujui;
 - (j) menyediakan tahap perkhidmatan pelaksanaan yang dipersetujui;

- (k) menyediakan perkhidmatan pemantauan pelaburan yang dipersetujui;
- (l) menyediakan perkhidmatan berterusan yang dipersetujui dan mengemaskini rancangan apabila diperlukan; dan
- (m) mendokumentasikan prosedur perancangan pelaburan, keputusan pelanggan dan tanggungjawab berterusan anda.

Perancangan Kewangan Peribadi Bukannya ‘Penjualan’ Pelaburan

- 6.38 Ia adalah penting untuk mengetahui bahawa perancangan kewangan peribadi adalah berbeza daripada ‘penjualan’ pelaburan. Manakala ‘penjualan’ sering kali dikaitkan dengan tindakan ‘satu kali’ atau secara tunggal, perancangan kewangan peribadi merangkumi pendekatan menyeluruh terhadap nasihat yang diberikan secara berterusan kepada pelanggan. ‘Penjualan’ produk kewangan sering kali merupakan hasil rancangan kewangan peribadi yang dirangka dan dipertimbangkan dengan teliti. Walau bagaimanapun, ini bukanlah alasan untuk merangka sesuatu rancangan kewangan peribadi.
- 6.39 Perancangan kewangan peribadi melibatkan pemahaman tentang kedudukan kewangan, matlamat dan objektif peribadi pelanggan. Ia memerlukan penggunaan kemahiran teknikal, komunikasi dan kemahiran antara perorangan yang lain. Kemahiran ini kemudiannya digunakan untuk merangka rancangan kewangan peribadi kepada pelanggan dan untuk melaksanakan rancangan yang dipersetujui, mungkin sebahagiannya melalui pembelian SUA, PRS dan produk kewangan yang lain yang sesuai.
- 6.40 Ia amat penting untuk memahami bahawa perancangan kewangan peribadi pada umumnya melibatkan perhubungan dengan profesional lain yang dilantik oleh pelanggan. Seorang perancang kewangan bukanlah pakar dalam semua aspek teknikal yang diperlukan untuk menghasilkan rancangan kewangan peribadi yang sesuai. Perancang kewangan mesti berinteraksi dengan penasihat profesional lain yang sentiasa berhubung dengan pelanggan. Contohnya, pelanggan mungkin telah melantik seorang akauntan, penasihat cukai, broker saham dan peguam. Perhubungan dengan semua profesional ini merupakan faktor penting dalam memastikan rancangan kewangan peribadi pelanggan boleh dicapai.

Jenis Pelanggan

- 6.41 Pelanggan mempunyai objektif kewangan dan kemampuan yang berbeza untuk menyimpan wang. Namun demikian, terdapat beberapa persamaan tertentu di kalangan pelanggan dan ini biasanya berkait rapat dengan peringkat pelanggan tersebut dalam kitaran hidup beliau. Secara amnya, terdapat empat peringkat utama dalam kitaran hidup pelanggan.

Peringkat 1: berumur lebih kurang 21 – 30 tahun

- 6.42 Pada peringkat awal hidup ini, pelanggan mungkin masih bujang atau baharu berkahwin. Tahap pendapatan beliau mungkin mencukupi untuk menampung perbelanjaan hidup, dan oleh itu, tidak banyak peluang untuk menyimpan wang. Pemikiran tentang rancangan persaraan sudah tentu masih jauh di depan. Kemungkinan tiada tanggungjawab kewangan yang penting (contohnya, menyara ahli keluarga).

- 6.43 Dari perspektif pelaburan, jika pelanggan telah membeli rumah, beliau mungkin boleh mula mengumpul sedikit wang simpanan dengan melabur dalam SUA dan PRS yang **berorientasikan pertumbuhan**. Mungkin beberapa risiko tambahan boleh diambil dengan melabur dalam SUA dan PRS yang lebih khusus dan **agresif**. Pelanggan mungkin mempunyai toleransi lebih tinggi terhadap kadar turun naik dalam pulangan pelaburan bagi jangka masa pendek kerana tumpuan beliau adalah pada pulangan bagi jangka masa panjang.

Peringkat 2: berumur lebih kurang 31 – 44 tahun

- 6.44 Biasanya, pelanggan pada peringkat ini sudah berkahwin dan mempunyai anak kecil dan juga sudah membeli rumah. Perbelanjaan pengajian tinggi mungkin hanya dalam beberapa tahun lagi manakala persaraan masih jauh lagi. Tanggungjawab kewangan semasa pelanggan dapat dilindungi melalui tahap perlindungan insurans hayat yang sesuai dan simpanan yang boleh diakses dengan mudah.
- 6.45 Bergantung pada tahap komitmen kewangan, mungkin terdapat lebih banyak peluang untuk menyimpan wang dan melabur pada masa ini. Pelanggan boleh mempertimbangkan untuk melabur dalam pertumbuhan modal jangka panjang melalui SUA atau PRS **pertumbuhan atau seimbang**. Jika pelanggan mempunyai lebih banyak simpanan, beliau boleh melabur dalam SUA dan PRS yang lebih berisiko tinggi untuk memaksimumkan pulangan dalam jangka masa panjang.
- 6.46 Pada masa ini, baki KWSP mungkin mencukupi untuk dipindahkan ke SUA di bawah SPA KWSP yang dapat memenuhi objektif ini.

Peringkat 3: berumur lebih kurang 45 – 60 tahun

- 6.47 Seorang pelanggan yang berumur pada pertengahan 40 tahun mungkin lebih terjamin dari segi kewangan dan telah mencapai kemuncak kerjaya. Beliau mungkin mempunyai kemampuan simpanan yang tinggi untuk melabur bagi persaraan. Perbelanjaan pengajian tinggi untuk anak mungkin menyusul tidak lama lagi.
- 6.48 Apabila pelanggan mencapai umur 55 tahun ke atas, dan walaupun perlindungan insurans yang mencukupi masih amat penting, campuran aset pelaburan mungkin perlu diubah. Mungkin SUA dan PRS yang lebih konservatif perlu dipertimbangkan, seperti **dana pendapatan dan dana seimbang**. SUA dan PRS seperti ini mungkin menghasilkan pertumbuhan yang lebih rendah tetapi dengan risiko yang kurang. Namun, keseluruhan portfolio boleh memberikan kebebasan kewangan kepada pelanggan apabila bersara.

Peringkat 4: berumur 61 tahun dan ke atas

- 6.49 Anak pelanggan sudah dewasa dan telah menamatkan pendidikan mereka manakala gadai janji rumah dibayar sepenuhnya. Pada masa ini, pelanggan mungkin telah bersara, oleh itu pendapatan beliau mungkin telah banyak berkurang. Keutamaan beliau adalah untuk mengekalkan pendapatan yang boleh dijanakan daripada modal. Jika tidak, dengan tanggungjawab kewangan yang berkurangan, ini mungkin peluang yang sesuai untuk meningkatkan asas modal secara berhemat

sebelum persaraan, dan pada masa yang sama mengurangkan risiko kerugian. Pelanggan mesti mempertimbangkan perbelanjaan luar jangkaan, seperti keperluan perubatan, apabila menentukan portfolio pelaburan. Mungkin gabungan pendapatan dan SUA dan PRS yang seimbang adalah paling sesuai untuk beliau. SUA dan PRS yang agresif mungkin menghasilkan pulangan yang tinggi tetapi dengan kadar turun naik yang besar dan mungkin juga kerugian yang ketara adalah tidak sesuai dengan pesara.

- 6.50 Sudah tentu, empat peringkat di atas adalah anggapan umum dan seperti yang dinyatakan, setiap pelanggan adalah berbeza. Walau bagaimanapun, ia masih berguna bagi bakal Perunding memahami bagaimana kitaran hidup pelanggan 'biasa' boleh dikaitkan kepada portfolio pelaburan yang melibatkan SUA/PRS mencapai objektif pelanggan.

Perbezaan antara Perancang Kewangan dan Perunding SUA/PRS

- 6.51 Perbezaan antara Perancang Kewangan dan Perunding dapat diuraikan dengan baik dengan dua contoh berikut.

Contoh 1

'A' memperkenalkan diri beliau sebagai seorang Perunding SUA atau PRS kepada pelanggan dan menjalankan analisis keperluan. Selepas bertanya pelanggan tentang kemampuan kewangan, matlamat pelaburan dan selera risiko, 'A' kemudian mencadangkan satu produk SUA atau PRS. Sepanjang pertemuan tersebut, beliau tetap bertindak sebagai Perunding SUA atau PRS kepada pelanggan. Oleh itu, beliau hanya perlu menjadi Perunding SUA atau yang diberi kuasa yang telah berdaftar dengan FIMM.

Contoh 2

'A', seorang Perunding SUA atau PRS memperkenalkan diri beliau sebagai perancang kewangan dan menjalankan analisis keperluan dengan pelanggan. Selepas bertanya pelanggan tentang kemampuan kewangan, matlamat pelaburan dan selera risiko, beliau mencadangkan kepada pelanggan untuk, antara lain, melabur dalam produk SUA atau PRS. 'A' adalah seorang perancang kewangan dan memerlukan lesen CMSL atau CMRSL kerana dia memperkenalkan diri sebagai perancang kewangan. Sudah tentu, beliau juga perlu menjadi Perunding SUA atau PRS yang diberi kuasa yang telah berdaftar dengan FIMM.

Oleh sebab Perunding dalam Contoh 1 di atas menggunakan set kemahiran perancangan kewangan dalam perbincangan tentang pelaburan, maka beliau melakukan perancangan kewangan dengan tujuan tunggal berbanding perancangan kewangan yang menyeluruh. Perancangan kewangan yang menyeluruh akan meliputi pengurusan tunai, perancangan insurans, pewujudan kekayaan, peningkatan dan pengendalian kekayaan, perancangan cukai, penggantian perniagaan, amanah dan wasiat.

Ganjaran Seorang Perancang Kewangan

- 6.52 Di pasaran luar negara, pelanggan dikenakan yuran penasihat oleh perancang kewangan. Di pasaran seperti United Kingdom dan Australia, sebahagian besar daripada jualan SUA adalah melalui saluran pengedaran 'penasihat kewangan bebas' (perancang). Penasihat kewangan bebas merupakan individu profesional atau pemegang francais yang mengkhusus dalam memberikan nasihat kepada pelanggan di mana untuk melaburkan dana mereka bagi mencapai hasil pelaburan yang diinginkan, biasanya selepas selesainya rancangan kewangan.
- 6.53 Yuran penasihat biasanya dikenakan berdasarkan masa yang diluahkan untuk membangunkan rancangan, atau saiz portfolio pelanggan. Jika ia berkaitan dengan masa, maka lebih banyak masa yang diluahkan untuk menasihati pelanggan, maka lebih tinggi yurannya. Begitu juga, portfolio yang lebih besar akan dikenakan yuran yang lebih tinggi berbanding portfolio yang lebih kecil di mana yuran yang dikenakan adalah berdasarkan jumlah dana yang terlibat. Di Amerika Syarikat, sesetengah penasihat pelaburan mengenakan yuran mereka berdasarkan prestasi produk pelaburan yang digunakan dalam sesuatu rancangan.
- 6.54 Perancangan kewangan peribadi boleh menjadi perniagaan yang menguntungkan, terutamanya jika perancang kewangan tersebut dapat memperoleh pendapatan yuran daripada pelanggan, di samping ganjaran berasaskan komisen yang diterima daripada Penyedia Skim dan pengeluar produk lain.
- 6.55 Pada tahun-tahun permulaannya, melakukan bayaran untuk rancangan kewangan bukanlah perkara biasa di Malaysia. Rancangan kewangan ketika itu dianggap untuk mereka yang kaya sahaja. Walaupun begitu, adalah lebih biasa bagi perancang kewangan di Malaysia untuk menerima bayaran melalui bayaran komisen daripada pengeluar produk dengan cara yang sama seperti Perunding SUA dan PRS.
- 6.56 Kelemahan kaedah ini adalah ganjaran kepada perancang kewangan didorong oleh urusan niaga kerana bayaran hanya diterima selepas sesuatu urusan niaga pelaburan diselesaikan. Oleh itu, bayaran komisen sebahagian besarnya adalah berdasarkan jualan pelaburan atau produk kewangan lain. Ini dipertikaikan oleh sesetengah pihak yang mengatakan bahawa cara ini tidak sesuai terutamanya apabila menasihati pelanggan tentang penetapan dan pencapaian matlamat kewangan.
- 6.57 Pelanggan mungkin mempersoalkan sama ada pembelian pelaburan tertentu didorong oleh bayaran komisen yang mungkin terakru kepada perancang kewangan, dan bukannya berasaskan penilaian objektif dan bebas bagi memastikan pelaburan tersebut memenuhi matlamat pelanggan.
- 6.58 Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, pelabur runcit menyedari betapa pentingnya merancang dan mendapatkan pertolongan profesional untuk merancang kewangan peribadi mereka. Untuk ini, mereka lebih terbuka menerima idea untuk membayar perkhidmatan perancang kewangan.
- 6.59 Ganjaran berasaskan perkhidmatan kepada perancang kewangan mengurangkan keperluan untuk 'menjual' produk kewangan dan sebaliknya lebih menekankan

perkhidmatan berterusan dan bentuk nasihat yang disediakan. Sesetengah pihak menganggap ganjaran berasaskan perkhidmatan sebagai lebih 'bebas' dan 'profesional'.

- 6.60 Membantu pelanggan mencapai matlamat pelaburan mereka adalah antara pencapaian paling memuaskan bagi Perancang Kewangan atau Perunding. Perancang Kewangan atau Perunding tersebut tentu sekali akan meraih manfaat daripada pertumbuhan aset yang diuruskan selain menikmati jualan ulangan, saiz perniagaan yang lebih besar serta memperoleh rujukan yang baik daripada pelanggan yang berpuas hati. Perlu diambil perhatian bahawa kekayaan pelanggan, masa depan anak dan persaraan mereka bergantung pada Perancang Kewangan atau Perunding yang cekap dan profesional.

Inisiatif yang Dilaksanakan untuk Meningkatkan Peranan Perancang Kewangan di Malaysia

- 6.61 Perancangan kewangan peribadi adalah satu proses rumit yang melibatkan beberapa langkah utama, dan di mana mencadangkan SUA dan PRS boleh membentuk satu komponen.
- 6.62 Apa yang penting adalah perancangan kewangan peribadi bertumpu pada pelanggan, dan perancang kewangan yang berjaya mesti mendapat kepercayaan pelanggan beliau supaya dapat menghasilkan dan melaksanakan rancangan kewangan peribadi yang bertujuan untuk mencapai tujuan dan objektif pelanggan.
- 6.63 Menyampaikan nasihat yang menyeluruh secara proaktif adalah kelebihan yang mungkin dimiliki oleh perancang kewangan berbanding penasihat robo atau keupayaan kecerdasan buatan lain kerana perkembangan teknologi ini tidak sama dengan selok-belok hubungan manusia. Namun demikian, perancang kewangan perlu sentiasa memanfaatkan inovasi teknologi ini terutamanya dari segi menjangkau lebih ramai orang untuk menyebarkan kesedaran tentang perancangan kewangan dan kepentingannya.
- 6.64 Perubahan yang berlaku di Malaysia menunjukkan masa depan yang menarik untuk industri perancangan kewangan di mana Pengedar dan Perunding berada di kedudukan yang baik untuk meraih manfaat.
- 6.65 Pada tahun 2019, SC membenarkan kefleksibelan dalam struktur yuran CUTA dan CPRA. Ini membolehkan CUTA dan CPRA mewujudkan satu model mentor dalam syarikat mereka dan berkongsi komisen antara mentor dan mentee dalam syarikat. Struktur ini membolehkan perancang kewangan berpangkat rendah ditugaskan kepada perancang kewangan kanan, dengan itu, perancang kewangan berpangkat rendah tersebut berpeluang memperoleh pemahaman praktikal, membina pengetahuan teknikal dan kemahiran insaniah yang diperlukan.
- 6.66 Walau bagaimanapun, syarikat perancangan kewangan perlu memastikan liberalisasi struktur ini memanfaatkan semua perancang kewangan dan bukan hanya sekumpulan kecil perancang kewangan yang seakan-akan seperti struktur piramid. Liberalisasi struktur ini sepatutnya membolehkan syarikat perancang

kewangan meningkatkan daya tarikan dan kesinambungan profesion dalam jangka masa panjang.

- 6.67 SC juga telah memperkenalkan rangka kerja Wakil Pemasaran di mana perancang kewangan dibenarkan untuk memberi rujukan kepada pemegang lesen pasaran modal yang lain tanpa mendaftar sebagai wakil pemasaran jika rujukan tersebut adalah untuk menyediakan perkhidmatan perancangan kewangan. Di bawah rangka kerja ini, perancang kewangan perlu mendaftar hanya jika rujukan yang dilakukan oleh mereka bukan dalam urusan penyediaan perkhidmatan perancangan kewangan.

SOALAN LATIHAN

Soalan 1

Berikut adalah beberapa langkah dalam perancangan kewangan

- (i) Menjalin hubungan antara pelanggan dan perancang
- (ii) Memahami pelanggan dan mengumpul data
- (iii) Menganalisis dan menilai status kewangan pelanggan
- (iv) Menguruskan tunai

- (A) (i) dan (iii) sahaja
- (B) (ii), (iii) dan (iv) sahaja
- (C) (i), (ii) dan (iii) sahaja
- (D) Semua di atas

Jawapan: (C)

Soalan 2

Kenyataan manakah antara berikut adalah betul?

- (A) Kedua-dua Perancang Kewangan dan Perunding individu mesti mendaftar dengan FIMM
- (B) Kedua-dua Perancang Kewangan dan Perunding mesti dilesenkan oleh SC
- (C) Perancangan pelaburan hanya boleh dilakukan oleh Perancang Kewangan
- (D) Perunding mesti memahami matlamat pelaburan dan selera risiko pelanggan mereka

Jawapan: (D)

Soalan 3

Perunding tidak boleh memperkenalkan diri sebagai Perancang Kewangan melainkan

- (A) mereka dilesenkan oleh SC untuk menjalankan aktiviti perancangan kewangan
- (B) mereka lulus peperiksaan yang diperlukan
- (C) mereka bekerja dengan CUTA atau CPRA
- (D) mereka berdaftar dengan FIMM

Jawapan: (A)

BAB 7A CIRI-CIRI DAN PENGENDALIAN SUA

Objektif Pembelajaran

Bab ini memberi tumpuan kepada struktur SUA, keperluan operasinya dan kesannya terhadap keseluruhan fungsi SUA.

Di akhir bab ini, anda seharusnya dapat memahami dan menerangkan yang berikut:

- Struktur SUA;
- Mod operasi yang ditadbir oleh surat ikatan amanah SUA;
- Aspek operasi penting SUA, yang termasuk:
 - Yuran dan bayaran;
 - Berurusan dalam unit;
 - Penentuan Harga Unit;
 - Pengiraan NAB;
 - Pewujudan dan Pembatalan Harga;
 - Harga Jualan dan Belian Balik;
 - Penentuan Harga Hadapan dan Lampau;
 - Pecahan Unit dan NAB;
 - Pengagihan dan NAB;
 - Mengukur Prestasi;
 - SUA patuh Syariah; dan
 - Meminjam untuk melabur dalam SUA.




Tahap Kecekapan

1. Kecekapan Fungsian (Teknikal) – FUT09 Penilaian (Tahap 2)
2. Kecekapan Fungsian (Proses)
 - i. FUP11 Pengurusan Produk Pelaburan (Tahap 2)
 - ii. FUP09 Pengurusan Dana (Tahap 2)

Struktur SUA

- 7A.01 SUA adalah skim pelaburan kolektif tidak diperbadankan yang dibentuk bagi tujuan mengumpulkan simpanan pelabur di mana simpanan tersebut akan dilabur dan diuruskan untuk manfaat bersama. Seperti yang dijelaskan dalam bab-bab awal panduan pembelajaran ini, golongan profesional pelaburan dilantik untuk menguruskan pelaburan dan kawalan seperti pelantikan Pemegang Amanah. Selain itu, fungsi pengawasan lain juga dilaksanakan untuk melindungi kepentingan pemegang unit.
- 7A.02 Terdapat beberapa kelainan dalam jenis dan ciri SUA untuk memenuhi keperluan pemegang unit, namun struktur SUA adalah sama. **Rajah 7A.1** di bawah memberikan ilustrasi struktur SUA yang lazim.

Rajah 7A.1: Struktur SUA



Surat Ikatan sebagai Titik Rujukan Pengendalian SUA

- 7A.03 Pengendalian setiap SUA ditadbir oleh surat ikatan. Surat ikatan ini menetapkan hak dan tanggungjawab SPUA, pemegang amanah dan pemegang unit. Pada dasarnya, SPUA, yang biasanya merupakan penerbit dan penaja SUA, bertanggungjawab untuk memastikan pengendalian SUA adalah selaras dengan surat ikatan dan prospektus SUA. Pada masa yang sama, tugas utama pemegang amanah adalah memantau pengendalian SUA dan melindungi kepentingan pemegang unit. Pelbagai kaedah pemulihan disediakan kepada pemegang unit sekiranya berlaku sebarang pelanggaran.
- 7A.04 Sebagai tambahan kepada hak dan kewajipan UTMC, Pemegang Amanah dan pemegang unit, surat ikatan juga menetapkan aspek operasi penting SUA termasuk yang berikut:
- (a) Yuran dan bayaran
 - (b) Berurusan dalam unit
 - (c) Penentuan Harga Unit
 - (d) Pengiraan NAB

- (e) Pewujudan dan Pembatalan Harga
- (f) Harga Jualan dan Belian Balik
- (g) Penentuan Harga Hadapan dan Lampau
- (h) Pecahan Unit dan NAB
- (i) Pengagihan dan NAB
- (j) Mengukur Prestasi
- (k) Mata wang asas
- (l) Tempoh Kewangan
- (m) Pembubaran Dana

7A.05 Antara lain, surat ikatan:

- (a) menggariskan yuran maksimum yang perlu dibayar;
- (b) mesyuarat pemegang unit
- (c) menerangkan tentang pelaburan di mana SUA boleh dilaburkan;
- (d) menetapkan bagaimana nilai unit ditentukan; dan
- (e) menentukan bagaimana harga untuk unit yang akan dijual kepada pelabur, dan yang dibeli daripada mereka, oleh UTMC akan dikira. Aspek operasi SUA akan dihuraikan dengan lebih terperinci dalam bab ini.

7A.06 Sebagai tambahan kepada aspek operasi SUA, surat ikatan juga menetapkan objektif pelaburan dana dengan jelasnya. Jika strategi yang diamalkan melibatkan pelaburan dalam cara, kelas aset, sektor ekonomi, pasaran atau kawasan geografi tertentu, UTMC perlu memastikan bahawa bahagian dana yang sesuai dilaburkan menurut hasrat tersebut.

7A.07 Kandungan surat ikatan tidak boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit atau pemegang unit mana-mana kelas unit, yang mana berkenaan.

7A.08 SUA ditadbir oleh struktur amanah, oleh itu, garis panduan SC mengenakan keperluan untuk mendaftarkan surat ikatan dengan SC bagi memastikan bahawa amanah yang mentadbir penubuhan dan pengendalian SUA diwujudkan dan dilaksanakan antara UTMC dan Pemegang Amanah. Untuk ini, peruntukan dan perjanjian surat ikatan mesti memenuhi keperluan minimum yang dinyatakan dalam GUTF/UTF.

Pihak-pihak dalam Surat Ikatan

7A.09 Pihak kepada surat ikatan SUA ialah UTMC, pemegang amanah dan pemegang unit. Peranan utama setiap pihak dalam struktur SUA dan interaksi antara pihak ini dihuraikan dalam perenggan berikut.

UTMC

7A.10 UTMC dalam SUA melapor kepada Pemegang Amanah tentang pembelian, penjualan dan pengurusan pelaburan SUA. UTMC juga mempromosi dan mengedar atau menjual unit dalam SUA sama ada secara langsung atau melalui IUTA, CUTA dan Perunding SUA, memberi khidmat kepada pemegang unit dan membeli balik unit daripada pemegang unit yang ingin menjual unit mereka. UTMC menyimpan rekod perakaunan SUA kerana rekod ini diperlukan untuk mengira

harga unit NAB, dan untuk menentukan jumlah pengagihan yang perlu dibayar kepada pemegang unit. UTMC juga menyimpan daftar pemegang unit dalam setiap SUA untuk menunjukkan unit yang dipegang oleh setiap pemegang unit.

Pemegang Amanah

- 7A.11 Pemegang amanah bertanggungjawab kepada pemegang unit untuk melindungi aset SUA dan memastikan ia dilaburkan menurut syarat surat ikatan. Pemegang amanah mengawasi operasi SUA bagi memastikan bahawa objektifnya dipatuhi oleh UTMC dan kepentingan pemegang unit dilindungi. Pemegang amanah adalah bebas daripada UTMC dan boleh mengeluarkan UTMC yang gagal mengurus SUA dengan berkesan menurut surat ikatan. Pemegang amanah juga bertanggungjawab untuk meluluskan dan memantau semua urusan niaga kewangan, memegang dokumen hak milik bagi semua aset SUA, dan mengumpulkan semua kelayakan pendapatan ke atas pelaburan yang dipegang.

Pemegang unit

- 7A.12 Antara ketiga-tiga pihak dalam surat ikatan, pemegang unit adalah paling penting kerana mereka membekalkan modal untuk dilaburkan oleh UTMC bagi pihak mereka. Oleh itu, mereka merupakan sumber yuran yang diperoleh UTMC (dan juga bayaran gaji dan komisen Perunding SUA) dan Pemegang Amanah.
- 7A.13 Pemegang unit memegang unit di mana setiap unit mempunyai kedudukan yang sama dengan semua unit SUA yang lain. Nilai unit ditentukan dengan menggunakan formula yang dinyatakan dalam surat ikatan, seperti berikut:

$$\text{Nilai Unit} = \frac{\text{Nilai Pasaran Aset Bersih}}{\text{Jumlah Unit dalam Pengedaran}}$$

Pemegang unit membeli unit dalam SUA dengan melengkapkan borang permohonan yang terkandung dalam prospektus SUA.

Perubahan dalam Surat Ikatan

- 7A.14 Perubahan boleh dilakukan kepada kandungan surat ikatan. Walau bagaimanapun, dalam memastikan kepentingan pemegang unit dilindungi, sebarang perubahan yang dilakukan kepada surat ikatan mesti mengikut keperluan yang ditetapkan dalam GUTF/UTF.
- 7A.15 UTMC untuk dana mesti memaklumkan pemegang unit mengenai sebarang perubahan yang dilakukan kepada dana. Oleh itu, UTMC atau Pemegang Amanah perlu mengadakan mesyuarat pemegang unit untuk mendapat kelulusan pemegang unit apabila kepentingan pemegang unit mungkin terjejas dengan ketara oleh sebarang perubahan kepada surat ikatan.
- 7A.16 Contoh perubahan yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit secara ketara termasuk:

- (a) perubahan kepada sifat atau objektif dana;
- (b) perubahan kepada profil risiko dana;
- (c) perubahan dalam polisi pengedaran;
- (d) pengenalan kategori baharu untuk yuran atau bayaran; atau
- (e) kenaikan yuran atau bayaran.

7A.17 Jika sebarang perubahan kepada dana boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit, mesyuarat pemegang unit mesti diadakan dan persetujuan tidak kurang dua pertiga daripada semua pemegang unit mesti diperolehi.

7A.18 Selanjutnya, jika perubahan dalam dana juga memerlukan pindaan lanjut kepada surat ikatan, maka sebarang perubahan kepada surat ikatan tersebut hanya boleh dilakukan melalui surat ikatan tambahan yang juga perlu didaftarkan dengan SC.

Aspek Operasi SUA

7A.19 Ia adalah penting untuk Perunding SUA memahami aspek operasi SUA terutamanya dalam peranan beliau sebagai perantara antara UTMC dan pemegang unit. Pemahaman yang baik mengenai aspek operasi SUA akan membolehkan Perunding SUA menangani segala kebimbangan pemegang unit atau memberi maklumat yang berkenaan secara tepat dan juga tepat pada masanya kepada pemegang unit.

Yuran dan bayaran

7A.20 Pelabur mesti memahami sepenuhnya tentang yuran, bayaran dan kos lain yang berkaitan dengan pelaburan dalam SUA. Sama seperti semua perkhidmatan kewangan, perkhidmatan yang disediakan kepada pelabur juga dikenakan bayaran. Walaupun melabur dalam SUA merupakan kaedah yang menguntungkan untuk melabur dalam pelbagai pelaburan, namun ia agak mahal dan pelabur mesti dimaklumkan sepenuhnya tentang kos ini bagi membolehkan mereka membuat keputusan pelaburan yang termaklum.

7A.21 Terdapat dua kelas yuran dan bayaran dalam SUA - pertama, yang ditanggung secara langsung oleh pelanggan individu; dan kedua, yang ditolak daripada aset SUA, oleh itu, ditanggung secara tidak langsung oleh pemegang unit secara berkadar dengan bilangan unit yang dipegang oleh setiap daripada mereka.

Yuran dan bayaran langsung

7A.22 Yuran dan bayaran yang dikenakan secara langsung kepada pelabur adalah bayaran perkhidmatan awal, yuran untuk perkhidmatan tertentu dan yuran keluar.

Bayaran perkhidmatan awal

7A.23 Kos pertama yang ditanggung oleh pelabur berhubung dengan SUA ialah bayaran perkhidmatan awal (kadangkala dikenali sebagai bayaran perkhidmatan, jualan, kemasukan atau pendahuluan). Ini adalah kos kepada pelabur untuk melabur dalam SUA dan ia dikenakan terutamanya untuk menampung kos yang ditanggung oleh UTMC dalam memasarkan SUA serta kos membuka akaun untuk pemegang unit.

- 7A.24 Kos melabur dalam SUA adalah berdasarkan NAB bagi SUA.
- 7A.25 Bayaran perkhidmatan awal tidak boleh melebihi jumlah maksimum seperti yang dinyatakan dalam prospektus SUA dan yang dibenarkan di bawah surat ikatan setiap SUA.
- 7A.26 Di bawah regim penentuan satu harga yang dikuatkuasakan pada 1 Julai 2007, ketelusan bayaran perkhidmatan telah dipertingkatkan lagi. Kadar maksimum bayaran perkhidmatan yang dikenakan oleh setiap saluran pengedaran perlu didedahkan dalam prospektus supaya pelabur dapat membandingkan kos pelaburan dalam SUA yang berhubung dengan saluran pengedaran yang berlainan.
- 7A.27 Pengedar dan Perunding SUA perlu memaklumkan kepada pelabur dengan jelasnya mengenai kadar bayaran yang perlu dibayar apabila mereka membuat pelaburan. Semua bayaran yang telah dibayar akan didedahkan kepada pelabur secara berasingan dalam penyata yang mengesahkan belian atau jualan unit.
- 7A.28 Selain itu, amalan memberi diskaun dan rebat dengan menyebut kadar bayaran yang lebih tinggi tetapi sebenarnya mengenakan bayaran yang rendah adalah dilarang.
- 7A.29 Andaikan bayaran lazim SUA adalah dalam lingkungan 5% hingga 7%. Ini bermakna bagi setiap pelaburan RM1,000 yang dilakukan oleh pelabur, sejumlah RM50 hingga RM70 akan diambil oleh UTMC. Ini adalah seperti komisen broker saham yang ditambah kepada kos saham yang dibeli bagi pihak pelabur. Oleh itu, pelaburan dalam kebanyakan SUA bukanlah hanya untuk jangka pendek kerana kos melabur adalah agak tinggi. Apabila disebarkan dalam jangka masa yang lebih panjang, kos ini kelihatan tidak begitu ketara. Belian dan jualan unit yang cepat dalam SUA boleh mengurangkan modal pelabur disebabkan oleh kos melabur.
- 7A.30 Dalam sesetengah keadaan, UTMC boleh mengurangkan kos melabur dalam SUA, sebagai contoh, ketika tempoh pelancaran awal SUA (contohnya, apabila satu peratus unit percuma diberikan dalam tempoh tawaran 21 hari), atau apabila pelabur melakukan penukaran (iaitu menjual unit dan melabur semula hasil jualan ke dalam SUA lain yang diuruskan oleh UTMC tersebut). Ini merupakan satu cara UTMC dapat menarik atau mengekalkan minat pelabur dalam pelbagai SUAny, sambil menjimatkan kos pemasaran.

Yuran untuk perkhidmatan khusus termasuk penukaran dan pemindahan

- 7A.31 Sebilangan UTMC mengenakan yuran berasingan untuk pemegang unit yang meminta perkhidmatan tertentu, dan bayaran ini yang mesti dibayar terus kepada UTMC oleh pemegang unit tersebut. Sebagai contoh, UTMC yang biasanya tidak mengeluarkan sijil unit kepada pemegang unit mungkin bersedia berbuat demikian dengan mengenakan bayaran yuran yang berpatutan kepada pelabur. Yuran juga boleh dikenakan untuk memindahkan unit kepada pemegang unit lain. Yuran penukaran juga boleh dikenakan sebagai jumlah tetap dan bukannya atas dasar setiap unit. Bayaran/yuran sedemikian juga boleh ditolak daripada hasil urus niaga pemegang unit.

Yuran keluar

- 7A.32 Yuran keluar juga dikenali sebagai bayaran belian balik. Yuran ini akan ditolak oleh UTMIC daripada hasil jualan pegangan unit pemegang unit. Yuran keluar boleh dikenakan sebagai alternatif kepada bayaran perkhidmatan awal tetapi ini jarang berlaku di Malaysia.

Yuran dan bayaran tidak langsung

- 7A.33 Yuran dan bayaran tidak langsung atau bukan budi bicara yang ditanggung oleh pemegang unit adalah yuran pengurusan tahunan, yuran pemegang amanah dan perbelanjaan SUA.

Yuran pengurusan tahunan

- 7A.34 GUTF SC/UTF SC menetapkan bahawa UTMIC hanya boleh dibayar melalui bayaran tahunan yang dikenakan kepada dana. Yuran pengurusan akan termasuk yuran prestasi. Dalam mengenakan yuran prestasi, UTMIC mesti mematuhi prinsip berikut:
- (a) pengiraan yuran prestasi mesti saksama bagi semua pemegang unit;
 - (b) kekerapan untuk menetapkan yuran prestasi tidak boleh lebih daripada sekali setahun;
 - (c) kaedah pengiraan sepatutnya:
 - (i) boleh disahkan secara bebas;
 - (ii) boleh diukur berdasarkan penanda aras yang sesuai selaras dengan objektif pelaburan dan strategi dana. Jika tidak, yuran prestasi hanya boleh dibayar jika NAB seunit melebihi NAB seunit di mana yuran prestasi terakhir dikira dan dibayar;
 - (iii) memastikan yuran prestasi hanya boleh dibayar atas prestasi berlebihan dan meningkat atau menurun secara berkadar dengan prestasi pelaburan; dan
 - (iv) memastikan kerugian terkumpul diimbangi oleh keuntungan terkumpul sebelum yuran prestasi boleh dibayar; jika pengiraan bukanlah berdasarkan model yuran fulkrum;
 - (d) penggunaan yuran prestasi mesti didedahkan dengan jelas kepada pemegang unit, termasuk kaedah pengiraan yuran prestasi bersama dengan ilustrasi serta kesannya ke atas dana.
- 7A.35 Yuran pengurusan hanya boleh dikenakan kepada dana jika dibenarkan oleh surat ikatan dan didedahkan dengan jelas dalam prospektus. Yuran ini harus terakru setiap hari dan dikira berdasarkan NAB kasar dana. Ia dikenakan kepada SUA secara harian pada kadar yang dipersetujui. Oleh sebab yuran ini dibayar daripada aset SUA, ia ditanggung oleh pemegang unit berdasarkan bilangan unit yang dipegang oleh setiap pemegang unit.
- 7A.36 Yuran pengurusan tahunan dengan purata lebih kurang 1.5% setahun dikenakan oleh UTMIC untuk menampung kos mengurus SUA. Sesetengah SUA mengenakan bayaran yang lebih rendah, terutamanya SUA pendapatan tetap dan SUA pasaran wang disebabkan oleh kos yang lebih rendah untuk mengurus SUA ini. Kos tersebut

akan termasuk gaji, sewa pejabat, sistem komputer, susut nilai, pematuhan, latihan, kos pemasaran dan pengedaran, pengurusan dana serta kos operasi dan perbelanjaan am UTMC.

- 7A.37 Yuran pengurusan tahunan diluluskan oleh Pemegang Amanah sebelum dibayar daripada aset SUA. Ia dilihat sebagai pengurangan dalam NAB dan, dengan itu, harga unit yang lebih rendah. Dalam sesetengah SUA (yang mempunyai harga unit tetap), yuran pengurusan tahunan ditolak daripada pengagihan yang perlu dibayar kepada pemegang unit. Dalam kedua-dua keadaan, yuran pengurusan tahunan mengurangkan pulangan kepada pelabur dan juga prestasi SUA.
- 7A.38 Sebagai tambahan kepada pendedahan sewajarnya mengenai yuran pengurusan tahunan dalam prospektus SUA, SC juga mengenakan kewajipan lain ke atas UTMC. Yuran pengurusan tahunan adalah satu-satunya ganjaran yang diterima oleh UTMC untuk mengurus SUA. Jumlah maksimum yuran mesti dinyatakan dalam surat ikatan, walaupun UTMC boleh mengenakan yuran yang lebih rendah dengan persetujuan Pemegang Amanah. Yuran yang lebih tinggi (tertakluk kepada jumlah maksimum dalam surat ikatan) daripada apa yang diuraikan dalam prospektus terakhir boleh dikenakan kepada pelabur (dengan kelulusan Pemegang Amanah), tetapi hanya selepas pemegang unit dimaklumkan mengenai perubahan tersebut. Prospektus (atau prospektus tambahan) mesti dikeluarkan bagi memaklumkan kadar baharu yang akan diguna pakai tidak kurang 90 hari dari tarikh terbitan.
- 7A.39 Pemegang amanah perlu memastikan yuran pengurusan tahunan adalah berpatutan pada setiap masa, dengan mengambil kira perkhidmatan yang disediakan oleh UTMC, saiz dana, jenis pelaburan SUA dan kejayaan UTMC dalam memenuhi objektif SUA dan prestasinya.
- 7A.40 Jika pemegang amanah berpendapat yuran pengurusan tahunan adalah tidak berpatutan, tindakan yang sewajarnya perlu diambil, yang mungkin termasuk mengadakan mesyuarat pemegang unit, bagi memastikan yuran yang sesuai dengan perkhidmatan disediakan oleh UTMC.

Yuran Pemegang Amanah

- 7A.41 Cara pemegang amanah SUA dibayar untuk perkhidmatannya adalah sama seperti UTMC. GUTF/UTF memerlukan Pemegang Amanah dibayar dengan wajar dan mengambil kira perkara berikut:
- (a) peranan, tugas dan tanggungjawab pemegang amanah;
 - (b) kepentingan pemegang unit;
 - (c) kadar maksimum yang ditetapkan dalam surat ikatan; dan
 - (d) saiz dan komposisi aset dana.
- 7A.42 Yuran lain tidak boleh dikenakan oleh pemegang amanah untuk menampung perbelanjaan operasi, walaupun perbelanjaan yang dilakukan dalam melaksanakan kewajipan dan tanggungjawab boleh dibayar balik kepadanya (sebagai contoh, nasihat guaman luar). Jumlah maksimum yuran mesti dinyatakan dalam surat ikatan dan yuran sebenar yang dikenakan mesti dipersetujui bersama dengan UTMC dan mengambil kira peranan, tugas dan tanggungjawab pemegang amanah serta

kepentingan pemegang unit.

7A.43 Yuran mesti didedahkan dalam prospektus SUA.

Perbelanjaan SUA

7A.44 Di samping yuran pengurusan dan yuran pemegang amanah tahunan, perbelanjaan lain yang berkaitan secara langsung dan diperlukan dalam pengendalian SUA mungkin akan ditolak daripada aset SUA. Ini termasuk:

- (a) kos urus niaga untuk membeli dan menjual aset SUA;
- (b) cukai pendapatan dan duti kerajaan lain;
- (c) yuran dan perbelanjaan juruaudit;
- (d) yuran penilaian pelaburan;
- (e) kos perundangan yang ditanggung akibat meminda surat ikatan (kecuali yang berhubung dengan perubahan bagi manfaat UTMIC);
- (f) kos mengadakan mesyuarat pemegang unit (kecuali yang diadakan untuk manfaat UTMIC); dan
- (g) kos mengeluarkan prospektus (tetapi hanya apabila harga jualan unit tidak termasuk bayaran perkhidmatan awal.)

7A.45 Perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran SUA yang perlu dibayar oleh UTMIC daripada yuran pengurusan tahunan tidak boleh dibayar balik daripada aset SUA. Pemegang Amanah perlu memastikan bahawa semua kos yang dibayar balik adalah sah dan berpatutan.

Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP)

7A.46 NPP merupakan ukuran (atau ringkasan) tunggal untuk pelbagai kos operasi SUA yang ditanggung secara tahunan oleh pemegang unit ke atas setiap unit yang dipegang. Ia mesti didedahkan kepada pelabur dalam laporan dana SUA.

7A.47 Pengiraan NPP untuk tahun tertentu adalah seperti berikut:

$$NPP = \frac{\text{Yuran SUA} + \text{Perbelanjaan SUA yang Dituntut Balik}}{\text{Nilai Purata SUA dikira pada Dasar Harian}} * 100$$

Di mana:

- (a) *Yuran = semua yuran berterusan yang ditolak/boleh ditolak terus daripada dana unit amanah berkenaan dengan tempoh yang diliputi oleh NPP dinyatakan sebagai jumlah tetap, dikira pada dasar harian. Ini termasuk yuran pengurusan tahunan, yuran pemegang amanah tahunan dan sebarang yuran yang ditolak/boleh ditolak terus daripada SUA tersebut.*
- (b) *Perbelanjaan yang dituntut balik = semua perbelanjaan yang dituntut balik daripada/dikenakan kepada SUA, akibat daripada perbelanjaan yang ditanggung oleh operasi SUA, dinyatakan sebagai jumlah tetap. Ini tidak termasuk perbelanjaan yang sebaliknya akan ditanggung oleh pelabur individu (seperti pembrokeran, cukai dan levi).*

- (c) *Nilai purata SUA = NAB UTFS/SUA termasuk nilai pendapatan bersih unit amanah dana, ditolak perbelanjaan pada asas terakru, berkenaan dengan tempoh yang diliputi oleh NPP/MER, dikira pada dasar harian.*

7A.48 Jumlah yang diwakili oleh 'yuran + perbelanjaan yang dituntut balik' mestilah sama dengan jumlah perbelanjaan yang ditanggung oleh SUA seperti yang dinyatakan dalam penyata kewangan SUA untuk tahun tersebut.

Contoh:

Bagi tahun berakhir 30 November 20XX, penyata kewangan Dana Pertumbuhan ABC menunjukkan perbelanjaan yang ditanggung adalah seperti berikut:

Jadual 7A.1: Ekstrak penyata kewangan Dana Pertumbuhan ABC untuk tahun berakhir 30 November 20XX

Perbelanjaan	Jumlah (dalam RM)
Yuran pengurusan	31,764
Yuran pemegang amanah	6,078
Yuran juruaudit	1,200
Bayaran bank & perbelanjaan lain	2,482
JUMLAH	41,524

- (a) Saiz purata dana bagi Dana Pertumbuhan ABC pada tahun tersebut ialah RM3,122,250.
- (b) Dengan ini, NPP Dana untuk tahun berakhir 30 November 20XX ialah:

$$NPP = \frac{RM41,524}{RM3,122,250} * 100 = 1.33\%$$

7A.49 NPP membolehkan pelabur dan Perunding SUA menilai kos untuk memegang unit dalam SUA pada tahun sebelumnya dan membandingkannya dengan pulangan masa lepas dan masa depan dengan NPP pesaing SUA dan dengan kos peluang pelaburan yang lain. Ia merupakan ukuran mudah yang menggantikan berbagai yuran, bayaran dan kos yang disenaraikan di atas.

MER membolehkan pelabur dan Perunding SUA menilai:

- kos pegangan unit dalam SUA pada tahun sebelumnya dan membandingkannya dengan pulangan yang lalu dan prospektif;
- MER SUA pesaing; dan
- kos peluang pelaburan lain

7A.50 NPP yang semakin menurun sepanjang tempoh beberapa tahun menunjukkan UTMCI mungkin mengurus kos operasi dengan cekap untuk saiz dananya. Perunding SUA perlu ambil perhatian bahawa SUA yang mempunyai saiz dana yang

lebih besar secara amnya mempunyai NPP yang lebih rendah berbanding SUA yang lebih kecil. Ini mungkin disebabkan terdapat ekonomi ikut bidang yang boleh dikongsi dengan pemegang unit. Walau bagaimanapun, ini tidak semestinya benar.

Berurusan dalam Unit

- 7A.51 UTMC mesti bersetuju untuk mengeluarkan dan membeli balik unit atas permintaan yang sewajarnya daripada pemegang unit. Pemegang Amanah akan mewujudkan dan membatalkan unit dalam SUA (iaitu mengubah bilangan unit dalam pengedaran) atas permintaan UTMC, dan menurut GUTF/UTF. Sebagai contoh, GUTF/UTF menetapkan bahawa UTMC mesti mewujudkan unit untuk bayaran tunai sahaja (yang mesti dibayar kepada Pemegang Amanah dalam tempoh 10 hari), dan pada harga yang ditentukan menurut surat ikatan dan Garis Panduan tersebut. Pemegang Amanah juga mesti memastikan bahawa proses penilaian pelaburan dan pengiraan harga unit dijalankan oleh UTMC menurut surat ikatan dan GUTF/UTF.
- 7A.52 Semua orang yang terlibat dalam pemasaran dan pengedaran unit dianggap sebagai 'berurusan dalam unit amanah', oleh itu mesti didaftarkan sebagai Perunding SUA. Mereka mesti mematuhi semua keperluan dan kewajipan Perunding SUA.
- 7A.53 “‘Berurusan dalam unit amanah’ bermakna, sama ada sebagai prinsipal atau ejen, membuat atau menawarkan untuk membuat dengan mana-mana individu, atau mendorong atau percubaan untuk mendorong mana-mana individu memasuki atau menawarkan untuk memasuki
- (a) sebarang perjanjian untuk atau dengan tujuan memperoleh, melupuskan, melanggan, atau menaja jamin apa-apa kepentingan dalam dana unit amanah; atau
 - (b) sebarang perjanjian bagi tujuan atau tujuan diakui untuk memperoleh keuntungan bagi mana-mana pihak daripada hasil apa-apa kepentingan dalam dana unit amanah atau dengan merujuk kepada turun naik nilai dalam apa-apa kepentingan dalam dana unit amanah.”
- 7A.54 UTMC, IUTA dan CUTA bertanggungjawab untuk memastikan bahawa semua pihak yang terlibat dalam pemasaran dan pengedaran unit (iaitu orang yang ‘berurusan dalam unit amanah’) berdaftar dengan dan diberi kuasa oleh FIMM untuk memasarkan dan/atau mengedarkan unit .
- 7A.55 Dalam usaha menyeragamkan Takat Masa Berurusan (DCT) untuk menerima permohonan pembelian dan penebusan unit, FIMM telah mengeluarkan Piawaian Pengurusan Pelaburan (IMS), iaitu IMS 1 - Takat Masa Berurusan untuk Pembelian dan Penebusan Unit. Ini bermakna DCT untuk menerima permohonan pembelian dan penebusan yang menggunakan harga penghujung hari yang sama tidak boleh lewat dari jam 4.00 petang setiap hari perniagaan. Sebarang permohonan yang diterima selepas DCT akan diproses berdasarkan harga penghujung hari pada hari berikutnya.

Penilaian

- 7A.56 Nilai pasaran atau taksiran pelaburan yang dipegang oleh SUA digunakan untuk menentukan NAB bagi SUA tersebut. Nilai pasaran pelaburan biasanya diperoleh daripada perkhidmatan penentuan harga luar yang mendapat harga sebenar dagangan yang diurusniagakan di pasaran seperti Bursa Malaysia. Nilai taksiran pelaburan ialah nilai 'saksama' yang ditentukan oleh pakar penilaian yang mahir seperti penilai harta tanah, peniaga faedah tetap atau sekurang-kurangnya juruaudit SUA.
- 7A.57 Penilaian yang adil dan tepat bagi semua aset dan liabiliti dana mesti dilakukan pada setiap masa penilaian supaya NAB seunit dana dapat ditentukan. Proses penilaian mesti digunakan secara tekal dan juga mesti dapat ditentusahkan dan adalah objektif. Setelah penilaian ditentukan, Pemegang Amanah perlu dimaklumkan dengan segera.

Masa penilaian

- 7A.58 Titik masa di mana NAB bagi SUA ditentukan adalah dengan merujuk kepada harga pasaran dan dari mana NAB seunit bagi SUA dikira.
- 7A.59 Masa penilaian mestilah sekurang-kurangnya sekali setiap hari perniagaan walaupun dalam beberapa keadaan tertentu seperti pengaturan belian balik yang terhad atau pelaburan dalam aset tidak cair (seperti harta tanah), keperluan penilaian harian tidak terpakai. Dalam keadaan sedemikian, masa penilaian mesti dinyatakan dengan jelas dalam dokumen pendedahan dan harga dana (atau NAB) mesti dikira sekurang-kurangnya sekali sebulan.

Penentuan Harga Unit

- 7A.60 Dalam SUA tersenarai, unit dibeli dan dijual dengan cara yang sama seperti saham tersenarai di Bursa Malaysia. Pemegang unit yang menjual unit dalam SUA tersenarai melalui pasaran akan berunding harga dengan bakal pembeli unit tersebut. Pindahan pemilikan berlaku apabila daftar pemegang unit berubah untuk menunjukkan pemilik unit yang baharu. Begitu juga apabila SUA adalah SUA tertutup, iaitu SUA tersebut tidak tersenarai dan mempunyai bilangan unit yang terhad, ia hanya boleh dibeli daripada pemegang unit yang lain selepas ia dijual.
- 7A.61 Dalam SUA terbuka (iaitu SUA tidak tersenarai di mana unit dikeluarkan secara berterusan), unit dijual kepada pelabur oleh UTMC dan kemudiannya dibeli balik oleh UTMC apabila pelabur menjual unit tersebut. UTMC bertindak sebagai prinsipal dalam kedua-dua urusan niaga. UTMC bertindak seperti mana-mana pembekal produk lain dan memegang stok unit dalam setiap SUA, yang melaluinya unit dijual kepada pelabur atau dibeli balik daripada mereka. Apabila harga saham turun naik dari hari ke hari, UTMC mungkin perlu menambah saham dengan memperoleh lebih banyak unit melalui pemegang amanah SUA ('pewujudan' unit); atau jika UTMC memegang terlalu banyak saham, stok unit boleh dikurangkan dengan meminta pemegang amanah melupuskan unit dalam SUA ('pembatalan' unit).

- 7A.62 Oleh itu, terdapat dua jenis harga unit:
- (a) NAB seunit yang digunakan oleh UTMIC untuk mengurus niaga dengan pelabur, dan
 - (b) harga pewujudan dan pembatalan yang digunakan oleh UTMIC untuk mengurus niaga dengan Pemegang Amanah.
- 7A.63 Mulai 1 Julai 2007, industri ini telah mengubah regim penentuan harga SUA dari regim dua harga ke regim satu harga. Di bawah kaedah regim dua harga yang lama, harga belian dan belian balik digabungkan dengan bayaran perkhidmatan awal dan yuran keluar masing-masing. Ia juga disebut dan digunakan secara berasingan dalam urus niaga yang melibatkan belian dan jualan unit.
- 7A.64 Walau bagaimanapun, di bawah regim satu harga, semua belian dan jualan unit akan diurusniagakan berdasarkan satu harga, iaitu NAB seunit.
- 7A.65 Bahagian ini menghuraikan bagaimana setiap harga ini ditentukan. Unsur yang sama dalam pengiraan setiap harga ini ialah penentuan NAB bagi SUA. Di bawah regim satu harga, kedua-dua harga unit tersebut mestilah NAB bagi SUA tersebut, menjadikan pengiraan NAB amat penting. Jika NAB silap dikira, ia akan menjejaskan integriti SUA tersebut. Sebagai contoh, kepentingan (iaitu bahagian berkadar daripada aset bersih SUA) pelabur sedia ada mungkin dikurangkan atau dicairkan oleh pelabur baharu yang membayar harga lebih rendah dari NAB sebenar.
- 7A.66 Sesetengah SUA mempunyai harga unit tetap yang boleh dijual kepada, dan dibeli balik daripada, pelabur oleh UTMIC. Dalam SUA seperti ini, NAB ditetapkan pada RM1.00 dan semua urus niaga unit dengan pelabur dan pemegang amanah diselesaikan pada harga yang sama, iaitu RM1.00.

Pengiraan NAB

- 7A.67 NAB bagi SUA terdiri daripada jumlah pelaburan pada nilai pasaran dan kecairan (tunai yang tersedia untuk pelaburan) seperti yang dihuraikan di bawah:

Pelaburan pada nilai pasaran

- 7A.68 GUTF/UTF memerlukan penilaian yang adil dan tepat untuk semua aset dan liabiliti dana selaras dengan keperluan yang dinyatakan dalam garis panduan, surat ikatan dan prospektus. Jadual C dalam GUTF/UTF menyediakan panduan asas penilaian untuk beberapa instrumen pelaburan. Penilaian mesti berdasarkan pada proses yang digunakan secara tekal dan membawa kepada penilaian yang objektif dan dapat ditentukan secara bebas.

Kecairan (Tunai yang tersedia untuk pelaburan)

- 7A.69 Instrumen pasaran wang (seperti penerimaan jurubank dan deposit panggilan) membekalkan kecairan kepada pelaburan. Sumber aliran tunai bersih dalam SUA adalah daripada:
- (a) pewujudan unit tolak pembatalan unit dalam SUA. Apabila SUA mengatur pewujudan unit melalui Pemegang Amanah, tunai untuk unit yang diwujudkan mesti dibayar oleh UTMC kepada Pemegang Amanah untuk dipegang bagi pihak pemegang unit dalam SUA tersebut. Begitu juga apabila unit dibatalkan, Pemegang Amanah akan membayar tunai daripada SUA tersebut kepada UTMC. Kedua-dua bayaran mesti dilakukan dalam tempoh 7 hari selepas arahan UTMC kepada Pemegang Amanah untuk mewujudkan atau membatalkan unit.
 - (b) hasil daripada jualan pelaburan SUA, tolak bayaran untuk belian pelaburan.
 - (c) pendapatan pelaburan (contohnya, dividen, faedah, sewa, dan lain-lain) daripada portfolio SUA, tolak yuran dan bayaran SUA. Tolak cukai pendapatan Malaysia yang dibayar untuk pendapatan boleh cukai SUA dan cukai pegangan yang ditanggung bagi pendapatan pelaburan luar negara yang diterima oleh pemegang amanah bagi pihak SUA.
 - (d) aset lain tolak liabiliti, contohnya, pendapatan belum terima tolak perbelanjaan terakru; jumlah belum terima daripada jualan pelaburan (tetapi belum diterima) tolak jumlah perlu dibayar untuk pelaburan yang dibeli (tetapi belum dibayar); cukai pendapatan yang tertunggak ke atas pendapatan boleh cukai SUA untuk tahun sebelumnya dan peruntukan untuk cukai pendapatan ke atas pendapatan boleh cukai bagi tahun semasa.

Yuran pencairan atau faktor kos urus niaga

- 7A.70 Faktor kos urus niaga (atau elaun perbelanjaan) adalah tambahan kecil (dari segi peratusan) kepada NAB bagi SUA. Ia mungkin dikenakan oleh UTMC menurut keperluan SC apabila unit diwujudkan (atau ditolak daripada NAB apabila unit dibatalkan) bagi melindungi kepentingan pemegang unit dalam SUA. Setiap kali pelaburan SUA dibeli dan dijual, kos urus niaga (seperti komisen broker ke atas sekuriti yang didagangkan di Bursa Malaysia) akan ditanggung. Jika peruntukan tidak dilakukan untuk kos sedemikian dalam menentukan harga unit SUA, kepentingan pemegang unit yang tidak terlibat dalam SUA menanggung perbelanjaan tersebut (sebab mereka tidak membeli atau menjual unit) akan dcairkan. Oleh itu, sebagai melindungi pelabur dalam SUA, peruntukan untuk kos urus niaga mungkin ditambah kepada NAB bagi menentukan harga unit SUA.
- 7A.71 Jika kos urus niaga tidak ketara, maka pelarasan tidak perlu dilakukan. Di Malaysia, faktor kos urus niaga biasanya hanya diguna pakai dalam penentuan harga pewujudan unit dalam SUA. Dengan kos urus niaga yang menurun berkaitan dengan sekuriti tersenarai di Bursa Malaysia berikutan perlonggaran peraturan kawal selia untuk kadar komisen broker saham (selaras dengan pasaran

antarabangsa yang lain), pelarasan yang perlu kepada NAB untuk menunjukkan kos urus niaga mungkin akan dikurangkan.

- 7A.72 UTMC mesti memaklumkan pemegang amanah dengan secepat mungkin selepas masa penilaian mengenai jumlah atau kadar sebarang pelarasan pencairan yang dibuat kepada NAB seunit dana atau sebarang yuran pencairan yang dikenakan. UTMC tidak boleh mengenakan yuran pencairan atau melakukan pelarasan pencairan bagi tujuan keuntungan atau mengelakkan kerugian bagi akaun pemegang unit yang terlibat.

Pewujudan dan Pembatalan Harga

- 7A.73 Harga pewujudan ditentukan menurut formula:

$$\text{Harga Pewujudan} = NAB + TCF$$

- 7A.74 Harga pembatalan ditentukan seperti berikut:

$$\text{Harga Pewujudan} = NAB - TCF$$

- 7A.75 Semasa tempoh pelancaran SUA yang baharu (tempoh yang biasanya tidak melebihi 21 hari), harga pewujudan adalah sama dengan unit NAB. Sekiranya unit dibatalkan semasa tempoh pelancaran, harga pembatalan yang digunakan adalah sama dengan harga pewujudan.

Harga Jualan dan Belian Balik

- 7A.76 Harga ini adalah paling penting daripada perspektif Perunding SUA dan pelabur kerana ia merupakan harga yang disebut oleh UTMC, iaitu harga yang diiklankan dalam akhbar dan yang sering digunakan dalam jadual prestasi SUA.
- 7A.77 Harga jualan dan belian balik unit mesti adalah NAB bagi SUA. Harga jualan dan belian balik SUA dikira seperti berikut:

Contoh:

- 7A.78 Andaikan NAB bagi Amanah Pertumbuhan ABC ditentukan pada RM45,626,788 dan terdapat 65,500,000 unit dalam pengedaran. Andaikan juga bahawa faktor kos urus niaga tidak dikenakan kerana kos urus niaga adalah tidak ketara.

Kira harga jualan dan belian balik seunit dengan membundarkan harga unit kepada empat titik perpuluhan.

$$NAB \text{ seunit} = \frac{NAB \text{ bagi SUA}}{\text{Unit dalam Pengedaran}} = \frac{RM45,626,788}{65,500,000} = RM0.6966$$

RM0.6966 ialah harga jualan untuk setiap unit yang dijual oleh UTMC kepada pelabur. Unit NAB yang sama ini juga adalah harga belian balik yang disebut oleh UTMC untuk pelabur yang ingin menjual unit pada hari yang sama.

- 7A.79 Bagi membolehkan pelabur mengakses harga unit, Garis Panduan UTF menyatakan bahawa UTMC mesti menerbitkan harga unit dana, dan jika berkenaan, harga unit bagi mana-mana kelas unit, sekurang-kurangnya sekali pada setiap hari urus niaga.
- 7A.80 Garis Panduan UTF seterusnya memerlukan UTMC untuk mengambil tindakan pembetulan bagi memperbetulkan sebarang penilaian atau harga yang tidak betul. Sekiranya penilaian atau harga yang tidak betul mencapai atau melebihi ambang 0.5% daripada NAV setiap unit, pembetulan mesti merangkumi pengembalian wang:
- a) oleh syarikat pengurusan kepada dana;
 - b) daripada dana kepada syarikat pengurusan; atau
 - c) oleh syarikat pengurusan kepada Pemegang Unit dan bekas Pemegang Unit.

Penentuan Harga Hadapan dan Lampau

- 7A.81 Harga jualan dan belian balik SUA mestilah sama dengan NAB seunit pada masa penilaian. Lazimnya, SUA di Malaysia menjalankan urus niaga unit dengan pelabur dengan menggunakan dasar penentuan harga lampau. Pelabur yang membeli dan menjual unit dalam SUA akan diberikan sebut harga unit oleh UTMC berdasarkan NAB yang ditentukan pada penutup perniagaan pada hari perniagaan sebelumnya. Dengan menghubungi UTMC pada hari tersebut, pelabur akan dimaklumkan mengenai harga unit sebelum melakukan permohonan atau meminta untuk membeli balik unit.
- 7A.82 Walaupun ini mudah bagi pelabur, dan Perunding SUA boleh memaklumkan dengan tepatnya tentang bilangan unit dalam SUA yang boleh didapati oleh pelabur (dengan mengandaikan permohonan diterima oleh UTMC pada hari yang sama), namun ini dianggap tidak adil.
- 7A.83 Andaikan Bursa Malaysia meningkat dengan kukuh pada hari ini. Sekiranya UTMC beroperasi atas dasar penentuan harga lampau, pelabur boleh menyerahkan borang permohonan berserta wang permohonan, di mana jumlahnya akan dibahagikan dengan harga jualan unit. Ini sama dengan cara NAB ditentukan pada penutupan perniagaan hari sebelumnya, iaitu sebelum pasaran meningkat hari ini. Pelabur boleh pasti bahawa harga jualan pada keesokan harinya adalah lebih tinggi. Oleh itu, dengan membuat permohonan hari ini, pelabur telah memperoleh lebih banyak unit daripada apa beliau sepatutnya layak. Keuntungan ini merugikan pemegang unit sedia ada yang lain dalam SUA.
- 7A.84 Kaedah yang lebih adil bagi menentukan bilangan unit yang akan diperuntukkan sebagai hasil daripada permohonan (dan juga jumlah hasil daripada penjualan unit) adalah untuk UTMC menggunakan penentuan harga hadapan. Di bawah harga hadapan, pelabur yang dinyatakan sebelum ini akan layak mendapat bilangan unit yang dihasilkan daripada membahagikan wang permohonan beliau dengan harga jualan, iaitu NAB pada penutup perniagaan pada hari UTMC menerima permohonan. Pelabur membayar (atau menerima jika dalam keadaan belian balik) harga unit yang adil dan UTMC boleh mewujudkan (atau membatalkan) unit dengan

pemegang amanah SUA berdasarkan pengiraan NAB yang sama.

- 7A.85 GUTF/UTF menyatakan bahawa penentuan harga SUA mestilah pada penentuan harga hadapan atau lampau. Jika penentuan harga lampau digunakan, UTMIC perlu mempunyai masa penilaian tambahan pada pertengahan hari perniagaan dan menentukan semula harga unit jika terdapat perbezaan sebanyak 5% atau lebih dari masa penilaian terakhir.
- 7A.86 Lebih baik untuk menjelaskan penentuan harga hadapan dengan satu contoh. Katakanlah NAB seunit yang diumumkan untuk Dana A (sebuah dana ekuiti) pada 20 Mac 20X4 ialah RM1.00. Andaikan bahawa dalam tempoh semalaman, terdapat pergolakan dalam pasaran ekuiti dan pasaran utama luar negara telah menjunam. Pemegang unit X ingin menukar ke dana yang lain, oleh itu, beliau menebus satu unit dalam Dana A dan mengemukakan permintaan pada 21 Mac.
- 7A.87 Penentuan harga hadapan bermakna pemegang unit X hanya akan menerima penebusan pada harga NAB setiap unit pada 21 Mac (masa penilaian yang berikutnya) iaitu RM0.98. Membenarkan Pemegang Unit X menebus pada RM1.00 setiap unit akan merugikan pemegang unit yang lain kerana Pemegang Unit X akan memperoleh RM0.02 setiap unit yang akan merugikan pemegang unit yang lain.
- 7A.88 Sebaliknya, katakan pasaran luar negara mengalami lonjakan besar dan Pemegang Unit Q ingin membeli dana serta mengemukakan permintaan untuk membeli satu unit pada 21 Mac. NAV pada 21 Mac adalah RM1.03. Pemegang Unit Q hanya boleh membeli dana pada harga RM1.03 setiap unit (harga hadapan). Membenarkan Pemegang Unit Q membeli dana pada NAV sejarah RM1.00 setiap unit (pada 20 Mac 20X4) akan membenarkan Pemegang Unit Q memperoleh keuntungan dengan mengorbankan Pemegang Unit yang lain
- 7A.89 **Jadual 7A.2** di bawah memberikan data untuk contoh lain:

Jadual 7A.2: Harga dana AAA seunit bagi SUA pada 23 dan 24 Januari 20X4

AAA SUA – Penentuan Harga Dana	
Tarikh	NAB
23 Januari 20X4	RM1.00
24 Januari 20X4	RM1.20

- 7A.90 Masa penilaian AAA bagi UTMIC adalah pada jam 4.00 petang setiap hari perniagaan. Jika Encik A mengemukakan permintaan untuk melabur dalam dana pada jam 12.00 tengah hari pada 23 Januari 20x4, masa penilaian untuk pelaburan beliau ialah NAB pada 23 Januari 20x4 yang hanya akan diumumkan pada hari berikutnya.
- 7A.91 Jika Encik X mengemukakan permintaan untuk melabur dalam dana SUA pada jam 5.00 petang pada 23 Januari 20x4, NAB seunit untuk pelaburan beliau ialah RM1.20.

- 7A.92 Daripada contoh di atas, adalah jelas bahawa penentuan harga hadapan akan bergantung pada masa bagi masa penilaian berikutnya.
- 7A.93 Untuk permintaan pelaburan yang dikemukakan selepas titik atau masa penilaian, ia akan berdasarkan pada NAB hari perniagaan berikutnya. Adalah penting untuk mengetahui bahawa UTMIC mempunyai masa penilaian yang berbeza.
- 7A.94 Walaupun penentuan harga lampau membolehkan pelabur untuk mengetahui harga belian atau jualan ketika melakukan permintaan, ia juga boleh mendedahkan SUA kepada risiko potensi aktiviti arbitraj ke atas pergerakan pasaran. Ini akan merugikan pemegang unit sedia ada SUA yang lain kerana nilai aset pendasar dalam SUA mungkin mengalami pencairan.
- 7A.95 Sehubungan dengan itu, Perenggan 8.39 Garis Panduan UTF membenarkan penetapan harga hadapan atau harga berasaskan sejarah, namun, ia dinyatakan dalam Panduan kepada Bab 8: Urus Niaga, Penilaian dan Penetapan Harga bahawa dana-dana hendaklah mengamalkan penetapan harga hadapan selaras dengan amalan antarabangsa dan untuk meminimumkan peluang arbitraj yang timbul daripada perbezaan masa. Walaupun penetapan harga hadapan umumnya lebih diutamakan, penggunaan penetapan harga berasaskan sejarah masih boleh dipertimbangkan untuk dana pasaran wang tertentu, memandangkan volatiliti rendah dan pulangan yang stabil.

Pegangan Unit oleh UTMIC

- 7A.96 UTMIC boleh memegang unit dalam SUA untuk memudahkan jualan dan belian balik unit serta mengurangkan bilangan unit yang diwujudkan dan dibatalkan dengan pemegang amanah. Nilai stok unit boleh naik dan turun selaras dengan NAB bagi SUA. Seperti pemegang unit yang lain, UTMIC boleh mendapat keuntungan atau kerugian dengan memegang unit dalam SUA dan ini boleh menjadi sumber keuntungan (atau kerugian) bagi UTMIC. SC telah menetapkan had pegangan unit maksimum UTMIC dalam SUA bagi mengehadkan pendedahan kewangan UTMIC dalam aspek ini.
- 7A.97 Sekiranya syarikat pengurusan atau syarikat berkaitannya memegang unit dalam dana yang diuruskan olehnya, ia mesti memastikan bahawa dasar, prosedur dan kawalan yang mencukupi telah diwujudkan untuk mengurus sebarang potensi konflik kepentingan.

Pecahan Unit dan NAB

- 7A.98 Pecahan adalah pembahagian satu unit dalam SUA ke dalam lebih banyak unit. Kadang kala, pecahan disalah sebut oleh UTMIC sebagai terbitan unit 'bonus'. Takrif kamus 'bonus' ialah 'sesuatu yang lebih'. Seperti yang ditunjukkan oleh contoh berikut, tidak ada nilai tambahan terakru kepada pemegang unit yang layak ke atas terbitan bonus unit dalam SUA.

Contoh:

Pengarah UTMIC bagi Dana Pertumbuhan ABC mengisytiharkan pecahan 1:2 (iaitu satu unit tambahan untuk setiap dua unit yang dipegang). Pelabur yang memegang 1,000 unit dalam Dana Pertumbuhan ABC sebelum pecahan berlaku akan layak menerima 1,500 unit selepas pecahan berlaku.

Adakah pelabur dalam kedudukan lebih baik?

Jadual 7A.3: NAB seunit sebelum dan selepas pecahan unit

NAB sebelum pecahan	RM180,000,000
Unit dalam pengedaran sebelum pecahan	100,000,000 unit
NAB seunit	RM1.80

NAB selepas pecahan	RM180,000,000
Unit dalam pengedaran selepas pecahan (100,000,000 + 50,000,000)	150,000,000 unit
NAB seunit	RM1.20

Pelabur yang memegang 1,000 unit sebelum pecahan 1:2 mempunyai pelaburan dengan NAB bernilai RM1,800 (1,000 x RM1.80). Selepas pecahan, beliau akan memegang 1,500 unit bernilai RM1,800 (1,500 x RM1.20). Pecahan tidak menambah nilai kepada pemegangan unit.

7A.99 Kesan pecahan unit dalam SUA tidak menjejaskan NAB bagi SUA tersebut; dan ia juga tidak menjejaskan nilai pelaburan pemegang unit.

7A.100 Jadi mengapa UTMIC mengisytiharkan pecahan? Terdapat beberapa sebab mudah.

- (a) Kesan pecahan adalah untuk merendahkan harga jualan dan belian balik unit yang dinyatakan selepas pecahan berlaku. Walaupun ia tidak membawa apa-apa perbezaan kepada NAB bagi SUA untuk berbuat demikian, namun bagi tujuan psikologi, pelabur kelihatan lebih gemar memegang sebilangan besar unit berharga rendah berbanding sebilangan kecil unit berharga tinggi.

Oleh itu, **UTMIC** lebih gemar mengekalkan harga unit yang lebih rendah kerana pelabur boleh memegang bilangan unit yang lebih besar dalam SUA dengan jumlah wang permohonan yang sama berbanding jika harga unit adalah lebih tinggi. Dengan memecah unit, unit berharga tinggi akan menjadi unit berharga rendah dan pelabur baharu mungkin lebih cenderung untuk membeli unit, terutamanya jika dibandingkan dengan SUA pesaing yang mungkin mempunyai unit berharga tinggi.

- (b) Dengan mengurangkan harga jualan dan harga belian balik unit dan NAB bagi SUA, margin keuntungan UTMIC ke atas unit jualan menjadi kurang ketara dari segi sen seunit.

- 7A.101 Dengan mengekalkan jumlah yang mungkin boleh diagihkan secara tunai dalam SUA, NAB bagi SUA (dan nilai pemegangan unit) tidak akan terjejas dan pemegang unit tidak menerima pendapatan yang perlu diisytiharkan bagi tujuan cukai pendapatan. Dengan mengekalkan NAB bagi SUA (dan nilai pemegangan unit), pemegang unit akan memaksimumkan nilai pelaburan dalam SUA. Selain itu, memandangkan bahawa laba modal dalam merealisasikan unit pada amnya tidak tertakluk kepada cukai pendapatan, pelabur akan memaksimumkan pulangan selepas cukai daripada pelaburan dalam SUA tersebut.
- 7A.102 Pada masa lalu, sebilangan besar UTMIC mengisytiharkan terbitan 'bonus' bagi unit dalam SUA, malah ada kalanya beberapa kali dalam setiap tahun perakaunan SUA. Dalam sesetengah keadaan, boleh dipertikaikan bahawa pemegang unit dalam SUA mungkin telah diperdaya dengan pulangan pelaburan sebenar yang dilakukan oleh SUA. Berikutan ini, beberapa Garis Panduan menetapkan bahawa UTMIC boleh mengisytiharkan pecahan unit sekali dalam mana-mana tahun kewangan dana dan apabila purata bulanan NAB seunit dana telah menunjukkan peningkatan berterusan selama tempoh enam bulan sebelum pelaksanaan pecahan unit. Peningkatan berterusan bermakna purata bulanan NAB seunit dana meningkat dari satu (1) bulan ke bulan yang lain dalam tempoh enam bulan.
- 7A.103 Pecahan unit diproses oleh UTMIC dengan menutup daftar pemegang unit SUA apabila bilangan unit setiap pemegang diubah untuk menunjukkan pecahan tersebut. Penyata pemegangan baharu atau sijil unit akan dikemukakan kemudiannya kepada pelabur.

Pengagihan dan NAB

- 7A.104 Kebanyakan SUA yang mempunyai harga unit yang turun naik selaras dengan NAB (iaitu apabila SUA tidak mempunyai harga unit tetap RM1.00), kesan mengisytiharkan dan membayar pengagihan kepada pemegang unit dalam SUA adalah untuk mengurangkan NAB bagi SUA dengan jumlah yang sama dengan pengagihan. Dengan erti kata lain, pembayaran pengagihan bukanlah 'bonus'.

Contoh:

Andaikan pengarah UTMIC bagi Dana Pertumbuhan ABC mengisytiharkan pengagihan 10 sen seunit. NAB Dana ialah RM180 juta dan terdapat 100 juta unit dalam pengedaran.

Adakah pemegang unit lebih kaya berikutan pembayaran pengagihan?

Jadual 7A.4: NAB seunit sebelum dan selepas pengagihan

NAB sebelum pengagihan	RM180,000,000
Unit dalam pengedaran	100,000,000 unit
NAB seunit sebelum pengagihan	RM1.80

NAB selepas pengagihan (RM180,000,000 – RM10,000,000)	RM170,000,000
Unit dalam pengedaran	100,000,000 unit
NAB seunit selepas pengagihan	RM1.70

- 7A.105 Selepas menerima pengagihan, pemegang unit dalam SUA akan mendapati bahawa NAB pelaburan beliau jatuh bersamaan dengan jumlah pengagihan tersebut. Jadual berikut menunjukkan kedudukan pemegang unit sebelum dan selepas pembayaran pengagihan dengan andaian bahawa pemegang unit memiliki 1,000 unit dalam SUA:

Jadual 7A.5: Kedudukan pemegang unit sebelum dan selepas pengagihan

Sebelum pembayaran pengagihan	Selepas pembayaran pengagihan
$ \begin{aligned} &NAB \text{ untuk } 1,000 \text{ unit} \\ &= 1,000 \text{ unit} * RM1.80 \text{ seunit} \\ &= RM1,800 \end{aligned} $	$ \begin{aligned} &NAB \text{ untuk } 1,000 \text{ unit} \\ &= 1,000 \text{ unit} * RM1.70 \text{ seunit} \\ &= RM1,700 \end{aligned} $ $ \begin{aligned} &Pengagihan diterima \\ &= 1,000 \text{ unit} * 10 \text{ sen seunit} \\ &= RM100 \end{aligned} $

- 7A.106 Dalam SUA tersenarai juga, NAB bagi SUA sepatutnya jatuh apabila pengagihan diisytiharkan dan secara teori, harga pasaran unit sepatutnya jatuh mengikut jumlah yang sama. Walau bagaimanapun, dan sama juga seperti semua sekuriti yang tersenarai di pasaran saham, harga pasaran unit menunjukkan tindakan pembeli dan penjual dan harga pasaran mungkin jatuh atau naik lebih daripada jumlah ini.
- 7A.107 Untuk SUA harga tetap, pendapatan bersih yang diperoleh SUA akan diambil kira oleh UTMC secara berasingan daripada NAB (atau nilai modal unit). Oleh itu, apabila pendapatan SUA dibayar kepada pemegang unit sebagai pengagihan, NAB seunit tidak akan terjejas.

Mengukur Prestasi

- 7A.108 Pelanggan menjangka bahawa pelaburan dalam SUA akan memberi mereka pulangan lebih baik daripada penanda aras yang berkenaan, contohnya, faedah deposit bank, pergerakan Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI), pulangan SUA pesaing, dan lain-lain. Oleh itu, ukuran yang tepat bagi prestasi pelaburan adalah

sangat penting.

- 7A.109 Analisis prestasi SUA boleh menjadi rumit kerana cara mengukur prestasi pelaburan adalah berbeza. Apabila melakukan perbandingan prestasi, ia adalah penting untuk memastikan bahawa kaedah pelaburan telah digunakan secara tekal.
- 7A.110 Terdapat banyak cara yang berbeza untuk menyatakan pulangan pelaburan dan ini mungkin agak mengelirukan, terutamanya apabila pulangan dikira bagi beberapa tempoh masa. Pulangan boleh dikira secara sah dalam beberapa cara dan ini boleh menimbulkan kekeliruan.
- 7A.111 Untuk menilai prestasi pelaburan SUA dengan betul, ia adalah penting untuk menyeragamkan ukuran prestasi pelaburan. Kaedah umum untuk menyatakan pulangan berhubung dengan SUA termasuk:

Pulangan mentah

- 7A.112 Pulangan mentah ialah pulangan pelaburan yang mengukur jumlah pulangan yang dicapai dengan memegang pelaburan dalam tempoh masa yang tertentu.

Contoh:

Pelaburan yang dibeli pada tahun 1994 untuk RM1.00 dan dijual pada tahun 2004 untuk RM2.00 dikatakan telah menghasilkan pulangan mentah 100%. Sebaliknya, jika pelaburan ini dijual dalam tahun 1999 pada harga yang sama, pulangannya masih 100%.

- 7A.113 Kelemahan pulangan mentah ialah kesukaran untuk membandingkan pulangan bagi tempoh yang berbeza. SUA yang memperoleh pulangan 100% bagi tempoh lima tahun jelasnya adalah lebih baik daripada pulangan 100% bagi tempoh 10 tahun - tetapi setakat mana baiknya? Dan bagaimana pula pulangan ini berbanding SUA yang menghasilkan pulangan 55% bagi tempoh enam tahun?

Pulangan tahunan terkompoun

- 7A.114 Pulangan tahunan terkompoun menunjukkan kadar pulangan kompoun tahunan yang dicapai oleh pelaburan bagi tempoh pegangannya. Dalam contoh sebelum ini, kadar pulangan kompoun tahunan ke atas pelaburan ialah 14.9% setahun (iaitu setiap tahun) bagi tempoh lima tahun, dan 7.2% setahun (iaitu kadar yang sangat rendah) bagi tempoh 10 tahun. SUA yang menghasilkan jumlah pulangan 55% bagi tempoh enam tahun menghasilkan pulangan tahunan 7.6% setahun.
- 7A.115 Pulangan tahunan terkompoun adalah lebih tinggi daripada pulangan mentah kerana ia memasukkan dimensi masa yang lebih bermakna dan seragam dalam pengukuran prestasi pelaburan. Kebanyakan pelabur juga lebih mengetahui dan selesa dengan istilah 'peratus setahun' dan perbezaan antara faedah 'mudah' dengan 'kompoun'. Kebanyakan kadar faedah untuk deposit tetap dan peminjaman melebihi satu tahun dinyatakan sebagai kadar setahun dan dikira berdasarkan faedah kompoun.

- 7A.116 Oleh kerana penanda aras seperti FBMKLCI dan kadar deposit tetap satu tahun selalunya dinyatakan sebagai kadar pulangan tahunan, perbandingan dengan prestasi SUA yang diukur dengan cara yang sama adalah sah, umpama membandingkan 'epal dengan epal'.
- 7A.117 Oleh itu, pulangan tahunan terkompoun merupakan alat yang lebih berguna dalam mengukur dan membandingkan prestasi pelaburan.

Bagaimana prestasi SUA diukur di Malaysia?

- 7A.118 Prestasi pelaburan diukur dari segi jumlah pulangan yang diterima daripada pelaburan bagi tempoh pegangan. Jumlah pulangan ialah perbezaan antara jumlah pelabur melabur dengan jumlah yang diterima apabila beliau menjual pelaburan, ditambah sebarang pendapatan (atau kelayakan lain) yang diterima semasa tempoh pemilikan pelaburan.
- 7A.119 Dalam mengukur prestasi SUA, beberapa isu akan timbul. Jumlah pulangan daripada melabur dalam SUA akan dipengaruhi oleh yuran, iaitu bayaran perkhidmatan awal (yuran sekali bayar) dan perbelanjaan pengurusan serta perbelanjaan lain (dibayar secara berterusan). Kesannya ke atas prestasi, terutamanya daripada bayaran perkhidmatan awal, boleh menjadi ketara.
- 7A.120 Bayaran perkhidmatan awal hanya memberi kesan kepada pelabur yang membayarnya, dan ia bukanlah jumlah yang tersedia untuk dilabur oleh UTMC menurut objektif pelaburan SUA. Jika kita cuba menilai keupayaan UTMC untuk melabur, adakah patut kita mengabaikan bayaran perkhidmatan awal? Daripada perspektif pelabur, jumlah pulangan sepatutnya dikira selepas semua bayaran dan perbelanjaan, terutamanya jika semua ini akan dibandingkan dengan peluang pelaburan lain yang tidak memasukkan sebarang yuran, contohnya, kadar deposit tetap. Walau bagaimanapun, bayaran perkhidmatan awal adalah lebih ketara kepada jumlah pulangan bagi tempoh lebih pendek, berbanding tempoh yang lebih panjang apabila ia menjadi kurang ketara.
- 7A.121 Secara amnya, jadual prestasi SUA tidak memasukkan kos melabur dalam SUA kepada pelabur tetapi memasukkan perbelanjaan pengurusan dan perbelanjaan lain.
- 7A.122 Refinitiv Lipper dan Morningstar menghasilkan jadual prestasi SUA untuk industri amanah unit. Kedua-duanya merupakan firma penyelidikan antarabangsa yang sangat dihormati, yang menyediakan jadual prestasi dan data lain serta menjalankan penyelidikan berkaitan pelaburan kolektif di seluruh dunia.
- 7A.123 Jadual prestasi membahagikan SUA mengikut kategori supaya perbandingan yang lebih bermakna dapat diberikan. Kategori ini diuraikan secara luas dalam Bab 2 panduan pembelajaran ini dan ia termasuk dana Ekuiti, dana Pasaran Wang, dana Pendapatan Tetap, dan lain-lain.
- 7A.124 Lipper mengukur prestasi SUA dengan mengambil NAB bagi SUA pada permulaan dan akhir sesuatu tempoh dan melaraskannya untuk sebarang pengagihan (dan

pecahan unit) yang layak diterima oleh pelabur dalam tempoh tersebut. Standard & Poor's mengira prestasi bagi sesuatu tempoh dengan membandingkan harga belian unit dalam SUA pada permulaan dan akhir sesuatu tempoh. Pelarasan juga dilakukan untuk pengagihan (dan pecahan unit) semasa tempoh tersebut. Kedua-dua NAB dan harga belian tidak termasuk kesan bayaran perkhidmatan awal. Perbezaan kecil dalam pendekatan ini menjadi tidak penting bagi tempoh berpatutan.

- 7A.125 Pengagihan yang diterima oleh pelabur semasa tempoh pengukuran diandaikan akan dilaburkan semula dalam unit tambahan SUA oleh kedua-dua organisasi tersebut. Oleh itu, pulangan pelaburan seorang pelabur, yang menerima pengagihan yang tidak dilaburkan semula, tidak akan sama dengan yang ditunjukkan dalam jadual prestasi SUA. Walau bagaimanapun, cara pengagihan ini adalah sejajar dengan amalan yang diterima untuk pengiraan pulangan dalam pasaran saham dan juga kebanyakan indeks pasaran saham.
- 7A.126 Kedua-dua jadual prestasi SUA Refinitiv Lipper dan Morningstar mengira jumlah pulangan dalam jangka masa yang ditentukan dan bukannya menukar jumlah pulangan kepada kadar pulangan kompaun tahunan. Ini mungkin membuatkan pulangan lebih susah untuk dibandingkan dengan pulangan daripada pelaburan lain, terutamanya sekuriti pendapatan tetap dan kadar pulangan KWSP.

Jadual prestasi SUA

- 7A.127 Prestasi pelaburan SUA ditunjukkan dalam bentuk jadual prestasi. Jadual prestasi amat berguna kerana ia meringkaskan prestasi seluruh industri unit amanah dalam satu jadual yang meliputi tempoh piawaian dan juga mengikut dasar pengukuran yang konsisten dan objektif. Jadual prestasi mungkin memasukkan prestasi penanda aras yang berkenaan untuk tujuan perbandingan.
- 7A.128 Di kebanyakan negara, jadual prestasi sahaja dapat menyediakan asas bagi pemilihan SUA. Begitulah pentingnya maklumat yang terkandung dalam jadual tersebut.
- 7A.129 Jadual prestasi SUA biasanya termasuk beberapa ciri yang berkenaan dengan pengukuran prestasi SUA:

Jumlah pulangan bagi pelbagai tempoh masa

- 7A.130 Biasanya, prestasi SUA dalam jadual prestasi diseragamkan untuk tempoh satu, tiga dan enam bulan, dan bagi tempoh satu, tiga dan lima tahun (dan ada kalanya lebih lama). Satu kelemahan jadual prestasi SUA ialah ia boleh menyebabkan pelabur dan Perunding SUA untuk memberi tumpuan kepada prestasi jangka pendek SUA. Prestasi jangka pendek adalah ukuran bagaimana UTMCI menghadapi keadaan pasaran dalam tempoh yang baru dihadapi, tetapi ini mungkin tidak berkenaan bagi tempoh masa apabila SUA dibeli. Jika SUA dipegang untuk lima tahun atau lebih, adakah prestasinya bagi tempoh satu, tiga ataupun 12 bulan relevan? Prestasi jangka panjang menunjukkan bagaimana UTMCI melabur SUA dalam pelbagai keadaan pasaran dan kitaran ekonomi. Ini mungkin lebih berkenaan kepada pelabur jangka panjang berbanding prestasi jangka pendek.

Kedudukan dan kuartil

- 7A.131 Setelah mengukur prestasi setiap SUA sepanjang beberapa tempoh masa, jelas ia adalah langkah yang logik dan berguna untuk menyenaraikannya mengikut turutan (kedudukan), biasanya daripada SUA paling tinggi atau dengan prestasi terbaik kepada paling rendah atau prestasi paling lemah. SUA dengan prestasi terbaik sepanjang tempoh akan diletakkan di kedudukan 1 (iaitu pertama) bagi tempoh tersebut; yang kedua terbaik di kedudukan 2 (iaitu kedua) dan seterusnya. Kedudukan kesemua SUA biasanya disediakan supaya pembaca jadual prestasi dapat melihat kedudukan SUA tertentu dengan mudah berbanding jumlah bilangan SUA yang diukur dalam jadual.
- 7A.132 Bagi membantu pengguna, sesetengah jadual prestasi SUA dibahagikan kepada kuartil. Kuartil merupakan satu perempat daripada SUA yang diukur, dan SUA 'kuartil teratas' adalah SUA yang berada dalam kedudukan 25% teratas daripada SUA yang diukur bagi tempoh tersebut. SUA kuartil kedua berada dalam kedudukan 25% yang kedua dan seterusnya. UTMCI akan cuba mengelak daripada meletakkan SUA ke dalam kuartil 'bawah' atau 'terakhir' tetapi sudah tentu beberapa SUA mesti berada dalam kedudukan 25% terakhir daripada SUA yang diukur, walaupun memberi jumlah pulangan yang baik.
- 7A.133 Kami telah melihat betapa pentingnya untuk membandingkan 'epal dengan epal' dan biasanya jadual prestasi SUA mengumpulkan SUA yang mempunyai objektif pelaburan yang sama. Ini bermakna kedudukan dan kuartil kini lebih relevan dan berguna.

Dana di bawah pengurusan

- 7A.134 Dana di bawah pengurusan (biasanya dirujuk sebagai 'saiz dana' dalam jadual prestasi SUA) selalunya disediakan untuk setiap SUA. Ini mungkin berguna dalam menilai prestasi UTMCI kerana kadang kala SUA dengan saiz dana yang lebih besar menunjukkan prestasi yang berbeza daripada SUA yang mempunyai jumlah dana di bawah pengurusan yang lebih kecil. Perkara yang sama mungkin dicadangkan oleh UTMCI yang mempunyai jumlah dana di bawah pengurusan yang berbeza.

Penanda aras

- 7A.135 Walaupun berguna untuk mengelaskan SUA yang sama dan membahagikan mereka kepada kuartil, ia juga mungkin berguna untuk menggabungkan jumlah pulangan atau 'prestasi' bagi penanda aras yang berkenaan seperti FBMKLCI, kadar faedah dan kadang kala kadar inflasi ke dalam jadual prestasi. Prestasi SUA yang berasingan atau SUA 'purata' (iaitu SUA di kedudukan pertengahan atau pulangan purata semua SUA) kemudian boleh dibandingkan dengan SUA atau penanda aras lain bagi tujuan pemasaran dan tujuan lain.
- 7A.136 Ada kalanya sukar untuk memilih penanda aras yang paling sesuai untuk membandingkan dan menganalisis prestasi SUA, terutamanya SUA yang mempunyai objektif pelaburan yang lebih kompleks.

- 7A.137 Sebagai contoh, SUA ekuiti lebih cenderung menggunakan salah satu indeks Bursa Malaysia sebagai penanda aras. Walau bagaimanapun, SUA seimbang yang berunsurkan wang tunai, pendapatan tetap, ekuiti dan harta tanah akan menjadikan pemilihan penanda aras yang berkenaan lebih sukar.

Ukuran risiko

- 7A.138 Dua SUA yang melabur dengan objektif pelaburan yang sama mungkin menghasilkan prestasi pelaburan yang sama bagi tempoh yang sama. Walau bagaimanapun, UTMCI bagi salah satu SUA mungkin mengambil kurang risiko berbanding yang satu lagi dalam mencapai pulangan yang sama. Jelasnya, SUA yang mencapai pulangan dengan risiko yang kurang adalah lebih unggul. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, jadual prestasi SUA semakin mempertimbangkan aspek pengukuran kuantitatif bagi prestasi.
- 7A.139 Walaupun pemahaman terperinci mengenai risiko adalah di luar skop buku ini, ia masih berguna untuk melihat bagaimana beberapa jadual prestasi SUA di Malaysia menilai aspek prestasi SUA.
- 7A.140 Sebagai penunjuk risiko, Refinitiv Lipper dan Morningstar menilai potensi kerugian SUA dengan mengira sisihan piawai prestasi SUA dalam tempoh tiga tahun yang lalu.
- 7A.141 Sisihan piawai adalah salah satu ukuran statistik bagi ketaktentuan (atau variasi) prestasi SUA berbanding prestasi purata sepanjang tempoh tersebut. SUA dengan sisihan piawai yang lebih rendah adalah kurang berisiko berbanding dengan yang mempunyai sisihan piawai yang lebih tinggi.
- 7A.142 FIMM telah mengeluarkan IMS 9 - Mengukur dan Mendedahkan Turun Naik Pulangan untuk Skim dan Dana yang Diiktiraf, dengan tujuan menetapkan format yang seragam dalam pengukuran dan pendedahan turun naik pulangan. Ini bertujuan menyediakan pelabur dengan maklumat pendahuluan mengenai ciri turun naik SUA dan dana yang diiktiraf.

Kelemahan jadual prestasi SUA

- 7A.143 Perunding SUA dan pihak berkenaan perlu berhati-hati apabila menggunakan jadual prestasi SUA.
- 7A.144 Walaupun jadual prestasi mempunyai fakta tepat, perlu diingati bahawa ia adalah berdasarkan maklumat kuantitatif yang lampau. Beberapa kajian pulangan pelaburan SUA menunjukkan 'prestasi lampau bukanlah petunjuk bagi prestasi masa depan'. Oleh itu, perhatian yang sewajarnya diperlukan apabila menggunakan jadual prestasi SUA dalam memilih SUA untuk pelaburan atau membuat keputusan untuk menjual SUA.
- 7A.145 Sebagai tambahan, walaupun keputusan lampau yang ditunjukkan mungkin tepat, ia mungkin tertakluk kepada beberapa kelemahan. Sebagai contoh, disebabkan pulangan bagi tempoh satu, tiga dan lima tahun diukur berdasarkan tempoh akhir

yang sama, pulangan tersebut lebih dipengaruhi oleh pulangan yang baru dicapai. Pulangan baik dalam satu tahun juga akan meningkatkan pulangan bagi tempoh tiga dan lima tahun, malah mungkin menghasilkan prestasi jangka panjang yang lebih tekal. SUA dalam kedudukan atas bagi tempoh tiga tahun, sebagai contoh, mungkin menunjukkan prestasi luar biasa hanya bagi tempoh tiga bulan yang lepas, iaitu mengimbangi prestasi sangat buruk bagi tempoh 33 bulan sebelumnya.

- 7A.146 Pulangan yang ditunjukkan dalam jadual prestasi SUA bagi tempoh tertentu tidak akan menunjukkan bahawa pulangan yang dicapai oleh SUA kemungkinannya datang daripada pelaburan dalam hanya satu atau dua syarikat berjaya sahaja, iaitu risiko sangat tinggi yang diambil oleh UTMC. Dalam pasaran bul, keupayaan UTMC memperoleh peruntukan besar bagi tawaran awam awal dapat meningkatkan lagi prestasi SUA, terutama sekali jika dibandingkan dengan indeks yang mungkin tidak termasuk syarikat tersebut pada mulanya. Adakah ini gambaran yang adil tentang kemahiran pelaburan UTMC?
- 7A.147 Bagi tempoh yang lebih panjang, kemungkinan besar pengurus dana yang bertanggungjawab bagi rekod prestasi SUA telah bertukar. Adakah wajar untuk mengambil kira prestasi pelaburan SUA yang lampau sedangkan mereka yang bertanggungjawab mencapainya tidak lagi berkhidmat dengan UTMC tersebut?
- 7A.148 Berikutan ini dan juga atas kebimbangan lain, syarikat penyelidikan mula mengkaji faktor lain yang mungkin berkenaan kepada penilaian prestasi pelaburan SUA.

Ketekalan

- 7A.149 Kami telah melihat bahawa prestasi SUA amat dipengaruhi oleh tempoh yang dipilih untuk pengukuran. UTMC mungkin memilih tempoh pelaburan yang paling berjaya untuk melaporkan prestasi SUA dalam iklan dan bahan promosi, oleh itu, maklumat tersebut perlu dipertimbangkan dengan teliti.
- 7A.150 Apa yang lebih signifikan bagi pelabur jangka panjang ialah konsistensi prestasi SUA dalam pelbagai tempoh masa. Jika UTMC telah menunjukkan prestasi SUA yang secara konsisten melebihi purata dalam tempoh tiga, enam dan dua belas bulan yang lalu, serta dalam tempoh tiga dan lima tahun sejak tarikh pelancaran, maka rekod pencapaian ini mungkin menunjukkan potensi untuk menghasilkan keputusan cemerlang yang sama pada masa hadapan. Sebaliknya, UTMC yang menunjukkan variasi pulangan yang lebih tinggi secara sejarah mungkin kurang boleh dipercayai untuk memberikan prestasi yang stabil pada masa hadapan berbanding UTMC yang mencatatkan prestasi yang konsisten.
- 7A.151 Sekali lagi, kami ingin menekankan bahawa prestasi masa lampau tidak semestinya menunjukkan prestasi masa depan. Namun, ia menunjukkan prestasi SUA berbanding SUA pesaing dalam masa baik dan buruk. Pelabur jangka panjang ingin melabur dalam SUA yang menunjukkan prestasi baik sepanjang kitaran pasaran. Lagipun, kebanyakan SUA ekuiti lebih cenderung menunjukkan prestasi baik apabila pasaran saham menaik. SUA yang mengatasi prestasi pesaing apabila pasaran tidak menunjukkan prestasi baik patut diberi pertimbangan. Oleh itu, pelabur sepatutnya melabur dalam SUA yang secara tekalnya telah mengatasi prestasi

penanda aras yang berkenaan dan SUA pesaing bagi tempoh yang sewajarnya.

- 7A.152 'Morningstar Rating (Star Rating)' (yang merupakan sebahagian daripada jadual prestasi SUA) merupakan satu kaedah untuk menilai ketekalan prestasi SUA. Berdasarkan prestasi SUA tunggal berbanding SUA pesaingnya (setara), Star Rating dianugerahkan kepada SUA pada dasar ketekalan dalam mengatasi prestasi SUA pesaing.

Faktor kualitatif

- 7A.153 Analisis kualitatif prestasi SUA adalah pelengkap kepada analisis kuantitatif. Ia melibatkan pemahaman tentang bagaimana UTMC beroperasi, proses pelaburan, struktur organisasi, dan tenaga insannya. Objektif analisis kualitatif adalah untuk menyemak semula prestasi SUA berdasarkan pemahaman tentang faktor yang mungkin menyumbang kepada pulangan lampau yang boleh diukur.

- 7A.154 Analisis kualitatif UTMC akan termasuk unsur berikut:

- (a) Kewibawaan UTMC. Apakah UTMC? Apakah syarikat induknya? Adakah kedua-duanya organisasi yang berwibawa? Apakah kaitan antara kedua-duanya? Adakah pengurusan kanan, terutamanya pengurus dana, layak untuk memenuhi tanggungjawab dan kewajipan mereka?
- (b) Gaya pengurusan pelaburan. Apakah gaya pengurusan pelaburan pengurus dana? Adakah mereka sentiasa inginkan keuntungan cepat, sehingga mengakibatkan perolehan portfolio yang tinggi? Atau adakah mereka pelabur 'pertumbuhan' atau pelabur 'nilai'? Adakah mereka bersikap spekulatif dalam pemilihan pelaburan mereka atau adakah proses pelaburan dilakukan secara berstruktur dan tertakluk kepada penelitian ketat dan pembangunan berterusan? Adakah mereka bergantung pada penyelidikan mereka sendiri atau nasihat daripada broker?
- (c) Aspek perkhidmatan. Adakah UTMC membalas tuntutan dan permintaan pelabur dengan cepat? Adakah proses perniagaan UTMC sesuai untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik daripada biasa? Adakah UTMC komited terhadap industri unit amanah dan melabur dalam sistem pentadbiran dan khidmat pelanggan?

- 7A.155 Selepas menyemak faktor kualitatif sedemikian, beberapa syarikat penyelidikan mengiktiraf (selalunya melalui pemberian bintang, katakan pada skala satu hingga lima) SUA yang dijangka akan mencapai objektif pelaburan yang ditetapkan oleh UTMC. Pelabur kemudiannya boleh menilai SUA yang bersaing dengan lebih baik sebelum melabur.

- 7A.156 Jadual prestasi SUA yang dikeluarkan oleh syarikat penyelidikan yang disahkan oleh FIMM boleh menjadi alat berguna untuk memantau prestasi pelaburan. Walau bagaimanapun, Perunding SUA perlu ambil perhatian bahawa maklumat yang mereka berikan hanyalah satu daripada faktor yang perlu dipertimbangkan apabila membuat keputusan untuk melabur dalam SUA.

Aspek Operasi SUA Berasaskan Shariah

- 7A.157 Seperti yang dinyatakan dalam Bab 2 panduan pembelajaran ini, SUA berpatuhkan Shariah adalah agak sama dengan SUA konvensional. Namun, perlu ambil perhatian bahawa perbezaan utama adalah aktiviti berkaitan dengan SUA berpatuhkan Shariah perlu mematuhi keperluan Shariah. Surat ikatan dan prospektus dana berasaskan Shariah mesti digubal mengikut keperluan Shariah. Istilah yang digunakan dalam surat ikatan dan prospektus konvensional yang tidak selaras dengan Shariah, seperti instrumen berasaskan faedah dan pendapatan faedah, mesti dielakkan.
- 7A.158 Objektif SUA berpatuhkan Shariah adalah untuk mencapai pertumbuhan modal dan pendapatan dalam lingkungan Shariah. Oleh itu, strategi pelaburan juga perlu sejajar dengan objektif dana berpatuhkan Shariah. Selanjutnya, UTMIC yang mengendalikan dan menguruskan SUA berasaskan Shariah perlu memastikan bahawa lebih dana, seperti aset cair dan tunai, ditempatkan/dilaburkan dalam instrumen berasaskan Shariah.
- 7A.159 Pengurus/pegawai pematuhan perlu memastikan semua operasi harian mematuhi semua keperluan SC dan juga keperluan Shariah. Dalam membantu pengurus/pegawai pematuhan memastikan dana diuruskan dan ditadbir mengikut keperluan Shariah, Garis Panduan Unit Amanah SC memerlukan UTMIC yang menawarkan SUA berasaskan Shariah melantik Jawatankuasa Shariah/Penasihat Shariah untuk mengawasi dan memberi nasihat yang diperlukan. Ini bertujuan memastikan SUA berasaskan Shariah yang ditawarkan kepada orang ramai diuruskan dan ditadbir mengikut keperluan Shariah.
- 7A.160 Sama dengan dana konvensional, UTMIC juga perlu menerbitkan dan mengedarkan laporan interim dan tahunan bagi SUA berpatuhkan Shariah kepada pemegang unit. Laporan ini menyediakan pendapat penasihat Shariah sama ada dana telah dikendalikan dan diuruskan menurut garis panduan, peraturan atau keputusan berkenaan yang dikeluarkan oleh SC berkaitan dengan hal Shariah dan pernyataan bahawa portfolio pelaburan dana terdiri daripada instrumen yang telah dikelaskan sebagai patuh Shariah oleh SAC SC atau SAC BNM.
- 7A.161 Bagi instrumen yang tidak dikelaskan sebagai patuh Shariah oleh SAC SC atau SAC BNM, suatu pernyataan yang menyatakan bahawa status instrumen telah ditentukan mengikut ketetapan yang dikeluarkan oleh penasihat Shariah. Butiran terperinci dalam kajian semula pematuhan Shariah dan prosedur untuk pelupusan sekuriti tidak patuh Shariah dibincangkan dalam Bab 2 panduan pembelajaran ini.

Hubungan antara semua pihak dalam SUA berpatuhkan Shariah

- 7A.162 Sebagai tambahan kepada struktur umum SUA yang diuraikan di bahagian awal bab ini, Perunding SUA juga perlu mengetahui hubungan antara semua pihak dalam SUA berpatuhkan Shariah. Hubungan ini dijalin berdasarkan kontrak Shariah tertentu. Kontrak Shariah ini menunjukkan jenis kewajipan dan tanggungjawab semua pihak. Empat kontrak Shariah diguna pakai dalam SUA berasaskan Shariah, yang dijelaskan dalam jadual berikut:

Jadual 7A.6: Hubungan antara pihak dalam kontrak Shariah

Pihak	Kontrak Shariah
Di kalangan Pemegang unit	Kontrak Musharakah wujud di kalangan pelabur (Pemegang unit) untuk berurusan dalam instrumen yang ditetapkan, dengan niat bahawa keuntungan yang diperolehi akan dikongsi di kalangan mereka mengikut sumbangan modal masing-masing atau nisbah perkongsian keuntungan lain yang dipersetujui.
UTMC dan Pemegang Amanah	Oleh kerana tidak ada hubungan langsung (dan tanggungjawab sewajarnya) antara kedua-dua pihak, oleh itu tidak ada kontrak yang wujud antara mereka. Walau bagaimanapun, kedua-duanya adalah ejen pemegang unit.
Pemegang unit dan UTMC	Wakalah (agensi) UTMC bertindak untuk dan bagi pihak Pemegang unit untuk melabur dan menguruskan SUA. Bai Kontrak jual beli yang dilaksanakan antara pemegang unit dan UTMC, yang biasanya berdasarkan bayaran tunai. Wadiah Yad-Dhamanah (penjagaan terjamin) - Sebelum pewujudan unit - Pemilik unit adalah Pemegang unit; penjaga adalah UTMC. - Kontrak akan dilaksanakan apabila UTMC menerima bayaran bagi pelaburan.
Pemegang unit dan Pemegang Amanah	Wakalah (agensi) - Apabila pemegang amanah bertindak untuk dan bagi pihak Pemegang unit untuk menjaga dana amanah dan melindungi kepentingan pemegang unit. Wadiah Yad-Dhamanah (Selepas pewujudan unit) - Pemilik unit adalah Pemegang unit, penjaga adalah pemegang amanah dan unit adalah aset dana dalam bentuk wang dan pelaburan lain. - Kontrak wujud sebaik sahaja Pemegang unit membeli unit dan UTMC mendepositkan pelaburan dengan pemegang amanah.

Meminjam untuk Melabur dalam SUA dan Risiko yang Berkaitan dengan Pembiayaan Pinjaman

- 7A.163 Bab 2 panduan pembelajaran ini meliputi kaedah pelaburan yang termasuk pembelian sekaligus, pelaburan semula unit dan simpanan secara berkala. Satu lagi kaedah pelaburan adalah peminjaman atau pembiayaan pinjaman yang dibenarkan untuk pelaburan SUA tetapi bukan untuk pelaburan dalam PRS. Walau bagaimanapun, disebabkan risiko yang berkaitan dengan pembiayaan pinjaman, kaedah pelaburan ini tidak digalakkan.
- 7A.164 Untuk memaksimumkan pulangan pelaburan yang berpotensi, sesetengah pelabur yang melabur dalam SUA meminjam wang permohonan untuk melabur, dengan jangkaan bahawa kadar pulangan daripada pelaburan dalam SUA akan melebihi kos peminjaman, dengan itu menghasilkan keuntungan tambahan. Ini dikenali sebagai peningkatan (atau penggearan) pelaburan dalam SUA.
- 7A.165 Pemberi pinjaman biasanya memerlukan pelabur menggunakan sejumlah wang mereka sendiri untuk melabur bersama dengan wang permohonan yang dipinjam. Teknik ini membolehkan pelabur melaburkan sejumlah kecil wang simpanan yang ditambah dengan jumlah pinjaman untuk dilaburkan dalam SUA. Pada hakikatnya, pelabur menggunakan dana pemberi pinjaman dan juga wang sendiri untuk mendapat pendedahan kepada pelaburan yang diinginkan. Menggunakan dana orang lain sememangnya akan dikenakan bayaran - pemberi pinjaman mengenakan faedah, serta bayaran dan yuran lain mungkin dikenakan.
- 7A.166 Kesan peningkatan merujuk kepada potensi pelabur memperoleh pulangan yang lebih baik daripada apa yang boleh dicapai jika mereka mengehendkan pelaburan dalam SUA dengan menggunakan wang simpanan sendiri sahaja.
- 7A.167 Walau bagaimanapun, kaedah ini mempunyai keburukan yang ketara. Sebagai contoh, nilai pelaburan dalam SUA mungkin jatuh sejajar dengan kejatuhan pasaran saham. Walaupun nilai pelaburan dalam SUA mungkin menurun, jumlah pinjaman yang diambil untuk membiayai belian unit tetap sama (dan mungkin meningkat dengan pengumpulan faedah yang perlu dibayar). Jika nilai pelaburan dalam SUA menurun dan jumlah pinjaman meningkat, simpanan pelabur mungkin berkurangan dan pelabur perlu menjual unit walaupun mengalami kerugian, atau menambah jaminan yang ditawarkan kepada pemberi pinjaman. Jika unit dijual dengan kerugian, pelabur perlu membayar balik perbezaan antara hasil jualan SUA dengan jumlah pinjaman daripada simpanan lain.
- 7A.168 Kebanyakan bank dan syarikat kewangan di Malaysia menawarkan kemudahan peminjaman kepada pelabur yang ingin meningkatkan pulangan pelaburan mereka dalam SUA. Tempoh pinjaman biasanya adalah sehingga 10 tahun pada kadar faedah yang lebih tinggi daripada pinjaman peribadi dan perumahan (bergantung pada pemberi pinjaman). Biasanya, jumlah pinjaman adalah antara minimum RM10,000 hingga maksimum RM250,000. Kadar faedah selalunya berubah bergantung pada Kadar Asas, Kadar Pinjaman Asas (untuk pinjaman konvensional) atau Kadar Pinjaman Asas (untuk pinjaman Islam) ditambah margin pemberi pinjaman.

- 7A.169 Nisbah atau margin pinjaman kepada penilaian maksimum (iaitu jumlah pembiayaan yang ditawarkan berbanding kos atau nilai pelaburan dalam SUA) ialah 67%. Ini bermakna pelabur yang ingin melabur RM100,000 dalam SUA boleh meminjam sehingga RM67,000.
- 7A.170 Peminjam mesti berumur 18 tahun ke atas dan tidak melebihi 55 tahun pada akhir tempoh pinjaman. Ini untuk memastikan peminjam masih dalam kumpulan umur yang berpendapatan. Bayaran balik pinjaman bulanan biasanya tidak melebihi satu pertiga daripada pendapatan bulanan kasar peminjam untuk memastikan peminjam berupaya memenuhi kewajipan kewangannya yang lain.
- 7A.171 SC memerlukan SPUA untuk memastikan bahawa Perunding tidak menggalakkan penjualan unit melalui pinjaman, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Oleh itu, pembiayaan pinjaman untuk SUA biasanya diperuntukkan oleh panel pemberi pinjaman yang diluluskan SUA. SC mengenakan beberapa keperluan yang berkaitan dengan pinjaman dan SUA, termasuk keperluan bagi pelabur menandatangani Penyata Pendedahan Risiko Pembiayaan Pinjaman Unit Amanah yang menyatakan risiko melabur dalam SUA menggunakan dana yang dipinjam.

Risiko meminjam untuk melabur dalam SUA

- 7A.172 Patutkah pelabur meminjam untuk melabur dalam SUA? Setiap pelabur mempunyai kedudukan yang unik, oleh itu sukar untuk membuat anggapan umum. Bakal pelabur mesti mempertimbangkan dengan teliti implikasi melabur menggunakan dana yang dipinjam sebelum membuat keputusan untuk mengambil pinjaman. Jika pelabur tidak memahami SUA dan pengaturan pembiayaan, beliau tidak sepatutnya meminjam.
- 7A.173 Perenggan berikut memberi penjelasan lebih lanjut mengenai risiko yang berkaitan dengan peninjaman untuk melabur.

Turun naik kadar faedah

- 7A.174 Kadar faedah untuk pinjaman biasanya adalah kadar yang berubah, iaitu peminjam tertakluk kepada perubahan dalam Kadar Asas, Kadar Pinjaman Asas (untuk pinjaman konvensional) atau Kadar Pinjaman Asas (untuk pinjaman Islam). Jumlah kos pembiayaan pelaburan dalam SUA tidak dapat dijangka. Ini meningkatkan ketidakpastian keuntungan yang dijangkakan akan diperoleh daripada SUA memandangkan faedah yang perlu dibayar untuk pinjaman.

Gagal membayar balik pinjaman

- 7A.175 Jika berlaku kegagalan untuk membayar balik pinjaman (yang mungkin dilakukan pada dasar bayaran bulanan secara berkala), pemberi pinjaman berhak untuk mencairkan pelaburan dalam SUA. Tindakan boleh diambil dengan atau tanpa keizinan peminjam. Unit boleh dijual oleh pemberi pinjaman pada masa yang ditentukan oleh pemberi pinjaman (yang mungkin pada paras paling rendah dalam kitaran pasaran), iaitu peminjam tidak mempunyai kawalan atas keputusan untuk menjual unit. Sebarang kekurangan antara hasil penjualan unit dan jumlah pinjaman

mesti dibayar oleh pelabur.

Pembayaran balik pinjaman pramatang

- 7A.176 Peminjaman untuk melabur dalam SUA adalah satu komitmen jangka panjang, di mana tempoh pinjaman mungkin sehingga 10 tahun. Disebabkan keadaan luar jangka, contohnya, kehilangan pekerjaan, peminjam mungkin ingin membayar balik pinjaman sebelum tarikh pembayaran balik yang dipersetujui.
- 7A.177 Pembayaran balik pinjaman pramatang mungkin membawa kesan buruk kepada pulangan yang dijangka daripada pelaburan dalam SUA. Penyelidikan menunjukkan bahawa kebanyakan pinjaman dibayar balik dalam lima tahun pertama tempoh pinjaman seperti yang dipersetujui, iaitu sebelum pelaburan dalam SUA berpeluang menjana prestasi baik. Kajian menunjukkan bahawa secara purata, kebarangkalian kerugian wang melalui pelaburan dalam pasaran saham (iaitu Bursa Malaysia) adalah sehingga 35% dalam masa satu tahun, 28% bagi tempoh dua tahun, dan 21% bagi tempoh lima tahun. Oleh itu, pelabur mungkin mengalami risiko tinggi akan kehilangan modal yang jika mereka membayar balik pinjaman lebih awal daripada dijangka, dan menjual unit dalam SUA.

Panggilan margin

- 7A.178 Nilai SUA mungkin berubah dari semasa ke semasa. Akibatnya, pemberi pinjaman mungkin mendapati nilai unit dalam SUA yang dipegang sebagai jaminan (cagaran) untuk pinjaman tidak memberikan margin yang mencukupi ke atas jumlah pinjaman tertunggak. Pemberi pinjaman kemudian akan meminta peminjam untuk menambahkan tahap sekuriti, iaitu panggilan margin akan dibuat ke atas peminjam. Kegagalan untuk membayar jumlah tambahan di atas ansuran biasa anda boleh menyebabkan pemberi pinjaman menjual unit dalam SUA yang dipegang sebagai jaminan, mungkin pada masa yang tidak sesuai, untuk mengurangkan jumlah yang terhutang.
- 7A.179 Ia mungkin lebih berhemat bagi Perunding mencadangkan kepada pelanggan bahawa kaedah simpanan secara berkala adalah cara yang lebih sesuai untuk melabur dalam SUA daripada meminjam wang.

SOALAN LATIHAN

Soalan 1

Apakah peranan utama Pemegang Amanah?

- (A) Mentadbir operasi sesuatu SUA
- (B) Melabur wang dalam pelaburan yang dibenarkan
- (C) Melindungi aset SUA dan kepentingan pelabur
- (D) Mengawalselia operasi UTMC

Jawapan: (C)

Soalan 2

Andaikan NAB Dana Ekuiti XYZ ditentukan sebagai RM78,896,540 dan terdapat 96,500,000 unit dalam pengedaran. Andaikan juga bahawa tidak ada faktor kos urus niaga yang berkenaan kerana kos urus niaga adalah tidak ketara.

Apakah harga jualan dan belian balik unit dengan membundarkan harga unit kepada empat tempat perpuluhan?

- (A) RM 1.2231
- (B) RM 0.8176
- (C) RM 0.6112
- (D) RM 2.3154

Jawapan: (B)

Soalan 3

Dana Ekuiti XYZ – Penentuan Harga	
Tarikh	NAB
17 Ogos 202X	RM 0.9132
18 Ogos 202X	RM 0.9218
19 Ogos 202X	RM 0.9311
20 Ogos 202X	RM 0.9391

Masa penilaian bagi Dana Ekuiti XYZ ialah pada jam 4 petang setiap hari perniagaan. Ali ingin melabur dalam dana dan mengemukakan permintaan pada 18 Ogos 202X pada jam 2 petang. Apakah penilaian yang tepat untuk pelaburan Ali?

- (A) RM 0.9132
- (B) RM 0.9218
- (C) RM 0.9311
- (D) RM 0.9391

Jawapan: (B)

BAB 7B CIRI-CIRI DAN PENGENDALIAN PRS

Objektif Pembelajaran

Bab ini memberi tumpuan kepada asas sistem pencen dan persaraan Malaysia, rangka kerja pencen pelbagai teras Bank Dunia dan keperluan bagi Malaysia untuk membangunkan industri pencen swasta.

Di akhir bab ini, anda seharusnya dapat memahami dan menerangkan yang berikut:

- Keadaan semasa landskap pencen dan persaraan Malaysia dan pemain utamanya
- Rangka kerja pencen lima tunggak Bank Dunia dan bagaimana ia digunakan dalam konteks Malaysia
- Objektif dan faedah PRS
- Rangka kerja PRS
- Peranan dan fungsi PPA
- Komponen PRS
- Kelebihan PRS berbanding produk persaraan yang lain
- Struktur PRS
- Aspek operasi penting PRS, yang merangkumi:
 - Letak hak
 - Pengeluaran sebelum dan selepas persaraan
 - Penukaran antara dana
 - Pemindahan antara Penyedia PRS
 - Bayaran dan caj
 - Berurusan dalam unit
 - Penentuan Harga Unit
 - Pengiraan NAB
 - Pewujudan dan Pembatalan Harga
 - Penentuan Harga Hadapan dan Lampau
 - Pecahan Unit dan NAB
 - Pengagihan dan NAB
 - Mengukur Prestasi
 - PRS berasaskan Syariah



Tahap Kecekapan

1. Kecekapan Fungsian (Teknikal) – FUT09 Penilaian (Tahap 2)
2. Kecekapan Fungsian (Proses) –
 - i. FUP11 Pengurusan Produk Pelaburan (Tahap 2)
 - ii. FUP09 Pengurusan Dana (Tahap 2)

Landskap Pencen dan Persaraan di Malaysia

7B.01 Landskap pencen dan persaraan di Malaysia boleh dikategorikan kepada dua bidang yang berlainan:

- a) skim pencen sektor awam berbanding sektor swasta; dan
- b) skim pencen wajib berbanding sukarela.

Skim Sektor Awam dan Sektor Swasta

7B.02 Skim sektor awam merupakan pelan manfaat ditentukan di mana penerima tidak menyumbang kepada persaraan mereka.

7B.03 Dua contoh skim sektor awam ialah Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT). KWAP menyediakan pencen dan manfaat lain kepada pesara kakitangan kerajaan manakala LTAT menyediakan yang sama kepada pesara kakitangan angkatan tentera.

7B.04 Sebaliknya, skim sektor swasta merupakan skim caruman ditentukan yang mempunyai kaitan langsung antara jumlah caruman, pulangan caruman dan wang simpanan pencen yang dihasilkan.

7B.05 Dua contoh skim sektor swasta ialah KWSP dan skim persaraan tajaan majikan. KWSP ditadbir oleh Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 (Akta KWSP) dan menunjukkan kedua-dua caruman kakitangan dan majikan. Skim persaraan tajaan majikan merujuk kepada skim persaraan yang ditubuhkan oleh syarikat bagi menyediakan manfaat kepada kakitangan syarikat tersebut atau syarikat berkaitannya. Ia terletak di bawah bidang kuasa seksyen 150 Akta Cukai Pendapatan 1967 (Disemak - 1971) yang menyediakan insentif cukai kepada majikan yang mencarum kepada simpanan persaraan kakitangan mereka.

Skim Pencen Wajib dan Sukarela

7B.06 **Skim pencen wajib** adalah skim persaraan yang dimandatkan oleh undang-undang. Di Malaysia, semua kakitangan sektor swasta mesti menyertai skim KWSP dengan mencarum sebahagian daripada pendapatan (pada tahun 2025, caruman yang dimandatkan ialah 11%) ke arah simpanan persaraan mereka. Simpanan ini hanya boleh dikeluarkan pada umur persaraan manakala sebahagian daripadanya hanya boleh dikeluarkan di bawah keadaan tertentu.

7B.07 **Skim pencen sukarela**, seperti namanya, adalah skim persaraan secara sukarela dan bukan seperti KWSP di mana caruman minimum kepada skim sukarela tidak dimandatkan oleh undang-undang. Buat masa ini, skim persaraan tajaan majikan adalah satu contoh. Pembelian anuiti layak dianggap sebagai skim sukarela. Inisiatif PRS juga termasuk di bawah kategori ini.

Kecukupan Simpanan Persaraan Individu

7B.08 Pesara di Malaysia biasanya menghadapi masalah kecukupan simpanan persaraan dan sama ada simpanan ini mampu bertahan memandangkan ketidakpastian jangka hayat dan penyusutan modal akibat inflasi. Jadual di bawah menunjukkan jumlah yang diperlukan bagi mengekalkan gaya hidup yang sesuai selepas persaraan.

7B.09 Jumlah sekaligus yang diperlukan pada permulaan persaraan, dengan andaian jangka hayat 20 tahun selepas persaraan dan keupayaan untuk melabur jumlah sekaligus tersebut pada kadar 2% setahun:

Jadual 7B.1: Jumlah sekaligus yang diperlukan pada permulaan persaraan

Jumlah yang diperlukan setiap bulan semasa persaraan	Jumlah yang diperlukan pada permulaan persaraan
RM2,000	RM392,434.40
RM3,000	RM588,651.60
RM4,000	RM784,868.05

7B.10 Jadual di bawah menunjukkan jumlah simpanan setahun yang diperlukan untuk mencapai jumlah sekaligus di atas, berdasarkan tahun yang masih ada untuk menyimpan wang (sehingga persaraan) dan dengan andaian bahawa individu tersebut boleh melabur dan memperoleh kadar kompaun 4% setahun ke atas simpanan tersebut:

Jadual 7B.2: Jumlah simpanan setahun yang diperlukan untuk mencapai jumlah sekaligus dalam Jadual 7B.1

Keperluan simpanan bulanan	Tahun yang masih ada untuk menyimpan wang			
	30 tahun	20 tahun	15 tahun	10 tahun
RM2,000	RM6,997	RM13,179	RM19,599	RM32,686
RM3,000	RM10,495	RM19,768	RM29,398	RM49,029
RM4,000	RM13,994	RM26,357	RM39,197	RM65,372

7B.11 Sebagai contoh, seorang individu berumur 40 tahun yang ingin bersara dalam tempoh 15 tahun dengan pendapatan persaraan sebanyak RM3,000 sebulan akan perlu menyimpan wang sebanyak RM29,398 setahun, dengan andaian bahawa beliau akan melaburkan jumlah ini pada kadar 4% setahun sepanjang 15 tahun yang akan datang sambil menyimpan wang untuk persaraan. Menukar pemboleh ubah seperti tempoh mengumpul wang simpanan, kadar faedah pelaburan dan pendapatan persaraan yang diperlukan sudah tentu akan mengubah pengiraan ini, namun apa yang penting ialah individu tersebut perlu menetapkan sejumlah besar simpanan untuk mencapai gaya hidup yang sesuai selepas persaraan.

7B.12 Oleh itu, terdapat keperluan untuk menyediakan pelan simpanan persaraan yang sewajarnya supaya individu tersebut akan mempunyai wang simpanan yang mencukupi selepas persaraan. Wang simpanan ini sepatutnya terdiri daripada

simpanan wajib KWSP dan dilengkapi oleh skim sukarela seperti PRS. Kedua-dua skim ini adalah perlu bagi memastikan simpanan persaraan yang mencukupi. KWSP akan menyediakan simpanan yang minimum manakala PRS akan membantu mengekalkan gaya hidup yang diinginkan oleh pesara.

- 7B.13 Bagi menentukan pendapatan yang diperlukan untuk pesara, “nisbah penggantian pendapatan” perlu difahami. Ini merupakan peratusan daripada pendapatan bekerja yang diperlukan oleh seorang individu untuk mengekalkan taraf hidup yang sama ketika dalam persaraan. Nisbah ini biasanya di antara 60% dan 90% daripada pendapatan bekerja sebelum persaraan. Pesara yang mencapai nisbah penggantian ini melalui gabungan pengeluaran KWSP dan pendapatan semasa daripada pelaburan dalam PRS dan deposit tetap akan menikmati kehidupan yang selesa selepas bersara.

Rangka Kerja Konsep Pencen Bank Dunia dan Landskap Pencen Malaysia

Rajah 7B.1: Rangka Kerja Konsep Pencen Bank Dunia

RANGKA KERJA KONSEP PENCEN BANK DUNIA				
Pencen Asas atau Sosial	Pelan pencen awam yang diuruskan secara umum	Pelan pencen pekerjaan/ peribadi	Skim pencen peribadi secara sukarela	Pengaturan bukan kewangan/ sokongan tidak rasmi
				
Negara	Wajib	Wajib	Sukarela	Sukarela
LANDSKAP PENCEN MALAYSIA				
Jabatan Kebajikan Sosial- Bantuan Kewangan Warga Emas		• LTAT • KWSP • Skim Pencen Kakitangan Awam	• PRS • Anuiti • Skim Persaraan Tajaan Majikan	

Rangka kerja lima teras Bank Dunia

- 7B.14 Rangka kerja polisi Bank Dunia menggunakan model lima teras apabila menilai usaha pembaharuan pencen dan keselamatan sosial sebuah negara. Bank Dunia berpendapat bahawa pendekatan pelbagai teras memberi lebih kefleksibelan, dengan itu, lebih sesuai menangani keperluan segmen penduduk sasaran. Ia juga menyediakan perlindungan yang lebih baik terhadap sebarang risiko ekonomi, politik dan demografi yang dihadapi oleh sistem pencen tertentu.

Lima teras dalam konteks Malaysia

- 7B.15 Bahagian berikut memberi konsep rangka kerja pelbagai teras Bank Dunia dalam konteks Malaysia.

“Teras sifar” tanpa caruman

- 7B.16 Bank Dunia menganggap ini sebagai bantuan sosial umum yang dibiayai dan disediakan oleh kerajaan tempatan atau persekutuan untuk memastikan golongan berpendapatan rendah sepanjang hayat pada asasnya akan dijaga dalam umur tua mereka.
- 7B.17 Di Malaysia, Jabatan Kebajikan Sosial menyediakan bantuan kewangan kepada rakyat berpendapatan rendah dan ini termasuk bantuan kewangan warga emas pada dasar uji upaya.

“Teras pertama” yang wajib

- 7B.18 Teras ini bertujuan mengaitkan caruman kepada pelbagai peringkat pendapatan dengan objektif menggantikan beberapa bahagian pendapatan sepanjang hayat sebelum persaraan. Pelan manfaat ditentukan ini biasanya dibiayai mengikut dasar ‘bayar waktu keluar’ dan tertakluk kepada risiko demografi dan politik.
- 7B.19 Teras rangka kerja pencen ini tidak didapati di Malaysia. Salah satu contoh negara yang menggunakan “teras pertama” ini ialah Jepun di mana kakitangan akan membayar sebahagian daripada pendapatan mereka kepada sistem pencen nasional yang bertujuan menyediakan “pencen asas” kepada semua penduduk negara tersebut. Pencen asas bagi warga emas akan dibayar kepada pesara pada umur 65 tahun jika individu tersebut telah membayar premium untuk tempoh 25 tahun atau lebih lama.
- 7B.20 Teras ini tertakluk kepada risiko demografi kerana, seperti yang ditunjukkan dalam contoh di Jepun, bilangan penduduk yang semakin berusia memberi tekanan yang besar terhadap pembiayaan. Dengan jumlah kakitangan muda yang semakin kurang untuk menampung bilangan pesara yang semakin meningkat, terdapat kekurangan dalam caruman bagi memenuhi bayaran pencen. Selain itu, kerajaan juga menghadapi tekanan yang amat besar untuk membantu membiayai sistem pencen.

“Teras kedua” yang wajib

- 7B.21 Ini biasanya merupakan pelan simpanan seorang individu, iaitu pelan caruman ditentukan di mana terdapat pilihan luas dalam instrumen pelaburan, pengurus pelaburan dan pemilihan fasa pengeluaran. Pelan caruman ditentukan menyediakan individu dengan hubungan yang jelas antara caruman, prestasi pelaburan simpanan dan manfaat akhir.
- 7B.22 Di Malaysia, teras ini termasuk KWSP, KWAP dan LTAT.

“Teras ketiga” yang sukarela

- 7B.23 Teras ini boleh mengambil pelbagai bentuk (pelan manfaat atau caruman ditentukan, pelan simpanan individu) tetapi pada asasnya, ia disediakan mengikut budi bicara dan bersifat fleksibel. Kefleksibelan teras ketiga ini mengimbangi ketegaran teras lain dan membenarkan individu melengkapkan apa sahaja yang dianggap masih kurang dalam pelan persaraan individu tersebut.
- 7B.24 Bagi Malaysia, inilah di mana PRS memainkan peranan. Skim lain di bawah teras ini termasuk skim pelaburan/simpanan swasta untuk individu (unit amanah, deposit tetap dan produk insurans), skim persaraan tajaan majikan yang diluluskan di bawah seksyen 150 Akta Cukai Pendapatan 1967 (Disemak - 1971), caruman tambahan kepada KWSP, anuiti dan skim ganjaran pekerjaan yang tidak dibiayai.
- 7B.25 PRS diperkenalkan untuk menambah kepada simpanan KWSP (bagi yang berpekerjaan) dan skim teras kedua yang lain. Walaupun KWSP boleh dianggap telah berjaya menyediakan perlindungan komprehensif kepada sektor berpekerjaan dan memberi pulangan yang baik selama ini walaupun menghadapi krisis kewangan global, ia tidak wajib bagi mereka yang bekerja sendiri. Antara tujuan PRS ialah menggalakkan segmen penduduk ini untuk lebih gigih menyimpan wang bagi persaraan mereka.
- 7B.26 Sebagai tambahan, beberapa kajian menunjukkan bahawa kebanyakan pesara membelanjakan wang simpanan KWSP mereka secara sekaligus dalam tempoh tiga (3) hingga lima (5) tahun. Kebergantungan tinggi pada simpanan KWSP untuk keperluan persaraan diburukkan lagi dengan pengeluaran sebelum persaraan untuk pembelian rumah, penjagaan kesihatan dan pendidikan. PRS menggalakkan pesara untuk menambahkan simpanan mereka dalam skim sumber alternatif bagi menyediakan kepelbagaian aliran pendapatan.
- 7B.27 PRS juga dapat mengurangkan risiko penumpuan bagi kebanyakan pesara yang bergantung hanya pada satu sumber utama untuk simpanan persaraan mereka. PRS menyediakan sumber alternatif kepada kepakaran pengurusan dana di mana ahli Skim bebas memilih antara penyedia perkhidmatan yang bersaing.

“Teras keempat” bukan kewangan

- 7B.28 Bank Dunia mentakrifkan ini sebagai akses kepada sokongan tidak rasmi seperti bantuan kewangan keluarga oleh generasi muda, inisiatif atau program lain seperti penjagaan kesihatan sejagat, perumahan/rumah persaraan warga emas yang disubsidikan, pemilikan rumah dan ketersediaan gadai janji berbalik.
- 7B.29 Bagi Malaysia, teras ini bergantung terutamanya pada nilai tradisi Asia di mana generasi muda dijangka akan menjaga ibu bapa dan golongan yang lebih tua.

Pemain Utama dan Komponen

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

- 7B.30 KWSP ditubuhkan untuk membantu pekerja menyimpan wang bagi tujuan persaraan dengan memperuntukkan peratusan tertentu dari gaji bulanan setiap ahli dan menyimpannya dalam akaun simpanan. Majikan juga mencarum peratusan tertentu kepada dana bagi memenuhi tanggungjawab undang-undang dan moral mereka untuk melindungi dan meningkatkan simpanan persaraan ahli⁶.

Jadual 7B.3: Pengeluaran yang dibenarkan daripada KWSP

Umur ahli	Pengeluaran dibenarkan daripada simpanan terkumpul
50	Sehingga 30% daripada jumlah simpanan (keseluruhan atau sebahagian daripada simpanan Akaun 2)
55	Keseluruhan atau sebahagian daripada simpanan Akaun 55
60	Keseluruhan atau sebahagian daripada simpanan Akaun 55 dan Akaun Emas

- 7B.31 Dari segi undang-undang, KWSP wajib memberi dividen tahunan sebanyak 2.5% ke atas baki simpanan akaun ahli. Kewajipan ini hanyalah untuk ahli akaun KWSP konvensional tetapi bukan ahli akaun KWSP Syariah, dimana pengiraan dividen berdasarkan prestasi sebenar pelaburan patuh Syariah.
- 7B.32 Bukan seperti nilai aset bersih (NAB) untuk PRS yang akan berubah setiap hari perniagaan bagi menunjukkan perubahan terkini dalam aset dana pendasar, jumlah simpanan dalam KWSP tidak memperoleh dividen sehingga dividen diumumkan oleh KWSP. Sebahagian besar simpanan KWSP dilaburkan dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia dan instrumen pendapatan tetap lain (termasuk pinjaman peribadi), namun pelaburan dalam ekuiti adalah dibenarkan. Sebahagian daripada aset KWSP juga dilaburkan di luar negara.
- 7B.33 Ahli KWSP mempunyai pilihan untuk mempelbagaikan simpanan jika mereka menyertai Skim Pelaburan Ahli KWSP (EPF-MIS). Skim ini membenarkan ahli KWSP melabur 30% daripada jumlah yang melebihi simpanan asas yang diperlukan dalam Akaun 1 dengan syarikat pengurusan unit amanah yang dilantik oleh Kementerian Kewangan.
- 7B.34 KWSP adalah skim pekerjaan dan dikaitkan dengan pekerjaan di bawah KWSP. Oleh itu, golongan yang bekerja sendiri tidak menyumbang kepada KWSP dan tidak menerima manfaat daripada simpanan wajib untuk persaraan. Pada tahun 2025, dengan kadar caruman semasa kepada KWSP sebanyak 11% untuk pekerja dan 12% untuk majikan, individu yang berpekerjaan menyimpan sekurang-kurangnya 23% daripada gaji mereka setiap bulan di bawah skim ini.
- 7B.35 Pada tahun 2025, kadar caruman bahagian majikan bagi gaji bulanan RM5,000 dan kurang adalah 13%, manakala bagi pekerja yang berpendapatan melebihi RM5,000,

⁶ Untuk maklumat lanjut mengenai data statistik sumbangan ahli KWSP, sila rujuk laman web KWSP.

kadarnya adalah 12%. Selain itu, individu yang selesa dengan pulangan yang diberi oleh KWSP boleh memilih untuk menambahkan caruman bulanan mereka melebihi kadar wajib 11% dengan mengisi borang di KWSP. Caruman "tambahan" ini mungkin dikecualikan cukai jika jumlah caruman keseluruhan telah melebihi had pelepasan cukai.

- 7B.36 Lama-kelamaan, dengan ketiadaan alternatif lain kepada KWSP, individu yang tidak termasuk di bawah KWSP akan mengalami perbezaan ketara dalam simpanan persaraan mereka. PRS diperkenalkan bagi menggalakkan semua kumpulan sasaran termasuk yang bekerja sendiri untuk menambahkan simpanan supaya tidak mengalami kekurangan berbanding mereka di bawah KWSP.
- 7B.37 Ahli KWSP juga digalakkan untuk mendaftar dengan PRS bagi menambahkan simpanan KWSP mereka jika simpanan dalam KWSP tidak mencukupi untuk persaraan. Satu perkara untuk diambil perhatian ialah caruman PRS dan KWSP tidak boleh bertukar ganti. Setelah membuat caruman, jumlah tersebut akan disimpan dalam Skim masing-masing dan tertakluk kepada peraturan Skim. PRS juga sesuai untuk mana-mana majikan yang ingin menggunakannya. PRS melengkapi peruntukan wajib yang sedia ada. Majikan boleh menggunakan PRS sebagai peluang untuk meningkatkan daya tarikan pengambilan kakitangan atau saranan nilai kakitangan untuk menarik kakitangan.
- 7B.38 i-Saraan KWSP (dahulunya dikenali sebagai Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia) adalah sama seperti PRS di mana ia menggalakkan mereka yang bekerja sendiri untuk mencarum kepada pelan persaraan, tetapi melalui KWSP. Apabila caruman tersebut masuk ke dalam KWSP, mereka yang bekerja sendiri tidak mempunyai pengaruh ke atas caruman mereka seperti ahli KWSP yang lain.
- 7B.39 KWSP menguruskan kedua-dua dana dalaman dan luaran melalui pengurus dana. Bukan seperti PRS, ahli KWSP tidak boleh memilih kelas aset, pengurus dana atau campuran dana bagi caruman mereka. Pengiraan NAB harian juga tidak dipaparkan pada laman web KWSP kerana semua caruman telah digabungkan manakala dividen akan diumumkan pada akhir tahun fiskal. Ahli KWSP boleh menilai prestasi dana dan pengurus hanya pada masa tersebut.

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)

- 7B.40 Skim pencen bagi kakitangan awam ditubuhkan di bawah *Ordinan Pencen Kerajaan 1951* dan digunakan untuk kakitangan kerajaan yang layak mulai 12 April 1991. Skim pencen ini bertujuan menyediakan jaminan kewangan kepada kakitangan awam yang telah bersara dengan membayar pencen bulanan yang mewakili peratusan daripada gaji kelayakan terakhir mereka.
- 7B.41 Manfaat pencen bulanan tidak lagi disediakan kepada mana-mana kakitangan awam selepas tarikh tersebut tetapi liabiliti pencen dikekalkan untuk mereka yang menyertai perkhidmatan awam sebelum tarikh di atas dan perlu dibiayai. Dana Amanah Pencen ditubuhkan dengan tujuan membiayai liabiliti pencen tahun 1991 ini melalui pemberian geran sebanyak RM500 juta daripada

Kerajaan.

- 7B.42 KWAP ditubuhkan pada 1 Mac 2007 untuk menggantikan Dana Amanah Pencen yang lama. Ia menerima sekurang-kurangnya 17.5% daripada gaji setiap kakitangan awam pada setiap bulan sebagai caruman daripada Kerajaan untuk membiayai liabiliti pencennya. Kakitangan awam individu tidak membuat apa-apa caruman kerana ia adalah pelan manfaat ditentukan.
- 7B.43 Objektif KWAP adalah mengurus dana untuk mencapai pulangan optimum ke atas pelaburannya dan digunakan bagi membantu pembiayaan liabiliti pencen Kerajaan.

Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)

- 7B.44 LTAT ditubuhkan pada Ogos 1972 melalui Akta Parlimen. Matlamat utama LTAT adalah menyediakan persaraan dan manfaat lain kepada ahli angkatan tentera (yang merupakan pencarum wajib) serta membolehkan pegawai dan ahli dari angkatan sukarela kerajaan dalam perkhidmatan untuk menyertai skim simpanan.
- 7B.45 Objektif tambahan adalah menggalakkan pembangunan sosioekonomi selain menyediakan kebajikan dan manfaat lain kepada kakitangan angkatan tentera Malaysia yang akan bersara atau telah bersara.
- 7B.46 Di bawah skim persaraan, ahli angkatan tentera yang berkhidmat perlu mencarum 10% daripada gaji bulanan kepada LTAT, manakala Kerajaan sebagai majikan akan mencarum 15%.

Skim persaraan tajaan majikan

- 7B.47 Sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat yang lebih luas dan juga untuk menggalakkan kesetiaan kakitangan, sesetengah majikan memilih untuk menyediakan pencen kepada kakitangan mereka. Pencen ini biasanya dibiayai oleh caruman majikan yang lebih tinggi daripada peratusan KWSP yang diperlukan. Pelan ini perlu diluluskan dan terletak di bawah seksyen 150 *Akta Cukai Pendapatan 1967* (Disemak 1971).
- 7B.48 Caruman oleh majikan ini (biasanya dikecualikan oleh cukai sehingga ke peratusan tertentu – pada masa kini hingga kadar maksimum 19%) diletak hak dengan serta-merta tetapi hanya boleh dinikmati ketika bersara, sejajar dengan simpanan KWSP. Skim ini biasanya diuruskan secara dalaman, mempunyai lembaga pemegang amanah dengan peraturan pelaburan dan pengeluaran yang khusus, dan pembiayaannya adalah atas budi bicara majikan sepenuhnya.
- 7B.49 Skim ini hanya dibuka kepada kakitangan syarikat atau kumpulan syarikat. Seperti yang dinyatakan lebih awal dalam bab ini, ia merupakan pelan manfaat ditentukan yang disediakan kepada kakitangan dan bukan pelan caruman ditentukan seperti PRS.
- 7B.50 Skim persaraan tajaan majikan ini mesti diwujudkan melalui surat ikatan amanah

dan peraturan dana, yang perlu dinyatakan dengan jelas dan mesti memenuhi keperluan yang ketat, sebahagian daripadanya seperti yang ditetapkan di bawah:

- (a) mesti terdapat pengasingan dana, iaitu caruman yang dibuat mesti diasingkan daripada pencarum dan dipegang oleh pihak ketiga yang merupakan lembaga pemegang amanah;
- (b) bayaran untuk manfaat persaraan hanya boleh dilakukan apabila kakitangan mencapai umur persaraan 55 tahun, bersara awal disebabkan oleh penyakit, meninggal dunia atau meninggalkan Malaysia selamanya; dan
- (c) skim perlu mengikut polisi pelaburan yang telah ditetapkan oleh LHDN.

7B.51 Kerugian yang mungkin dialami oleh skim ini semasa krisis ekonomi baru-baru ini serta kos yang tinggi untuk mentadbir skim sedemikian telah menyebabkan sebahagian besar majikan memilih untuk memindahkan skim mereka ke KWSP.

Anuiti

7B.52 Dalam usaha menggalakkan lebih banyak pendapatan persaraan, orang ramai boleh mengambil kesempatan daripada insentif cukai di bawah undang-undang pencukaian untuk membeli anuiti yang disediakan oleh syarikat insurans. Anuiti adalah kontrak di mana penerima anuiti (individu yang membeli anuiti) menerima satu siri bayaran tetap pada tempoh berkala (biasanya setiap bulan) daripada syarikat insurans sehingga kematian penerima anuiti. Setiap bayaran anuiti mewakili pembayaran balik sebahagian daripada harga pembelian dan faedah yang diperoleh.

7B.53 Harga pembelian boleh dibuat secara sekaligus (pembayaran sekaligus) atau mungkin dalam konteks simpanan untuk persaraan, iaitu dibayar secara bulanan/tahunan sepanjang tempoh bekerja seorang individu. Caruman mesti diteruskan sehingga harga anuiti dibayar. Jika tidak, anuiti mungkin tidak memberi penerima anuiti bayaran yang diingini (lagi pun, anuiti adalah berdasarkan jumlah caruman dan penamatan caruman akan menjejaskan fungsinya) pada persaraan.

7B.54 Jika anuiti dibatalkan, penerima anuiti mungkin akan menerima caruman selepas ditolak bayaran pentadbiran dan bayaran lain, dan individu tersebut perlu bermula sekali lagi jika ingin membeli anuiti lain kemudian.

PRS sebagai Kaedah Memenuhi Keperluan Pesara Malaysia

7B.55 Landskap persaraan di Malaysia pada masa ini tidak mampu memenuhi sepenuhnya keperluan rakyat Malaysia yang akan bersara. Walaupun teras kedua simpanan wajib telah menyediakan asas untuk perancangan persaraan, bergantung semata-mata padanya tidak mencukupi untuk mengekalkan gaya hidup yang selesa selepas persaraan.

- 7B.56 Teras keempat, iaitu amalan tradisional yang bergantung pada generasi muda untuk menjaga warga emas, hanya akan berjaya jika terdapat bilangan yang ramai untuk menjaga golongan yang kecil dalam sesuatu masyarakat. Dengan populasi yang semakin berusia/meningkat tua seperti Malaysia, bilangan warga emas akan bertambah secara mendadak dengan peredaran masa dan beban ke atas generasi muda yang semakin kurang adalah amat berat. Memandangkan ini, dorongan untuk mencari penyelesaian mampu diri amat diperlukan.
- 7B.57 Oleh itu, terdapat keperluan untuk membangunkan teras ketiga iaitu simpanan secara sukarela. Inisiatif kerajaan untuk menggalakkan PRS melalui insentif cukai menunjukkan betapa pentingnya mendapatkan pertimbangan orang ramai mengenai keperluan persaraan mereka. Tumpuan negara yang menekankan simpanan secara sukarela bermakna PRS merupakan platform untuk memulakan inisiatif ini dengan menyediakan penyelesaian yang menyeluruh, fleksibel dan khusus kepada individu.

Keperluan untuk Perlindungan Persaraan

- 7B.58 Seperti negara lain di dunia, Malaysia juga mengalami penduduk yang semakin meningkat tua pada tahun-tahun akan datang.

Jadual 7B.4: Penduduk yang semakin meningkat tua dan jangka hayat di Malaysia⁷

Tahun	Di bawah 15 tahun	15-64 tahun	65 tahun dan ke atas
2010	27.4%	67.6%	5.0%
2020 (anggaran)	23.3%	69.7%	7.0%
2040 (jangkaan)	18.6%	66.9%	14.5%

Tahun	Jangka hayat (dalam tahun)	
	Lelaki	Perempuan
1950-an	56	58
2010	72	77
2020 (anggaran)	73	77
2040 (jangkaan)	78	83

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, *Unjuran Penduduk (Disemak), Malaysia 2010-2040 (November 2016), Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia 2020 (Julai 2020)*

- 7B.59 Risiko kelanjutan umur telah memberi cabaran yang besar kepada kecukupan simpanan untuk persaraan. Ini diburukkan lagi dengan simpanan persaraan yang habis dibelanjakan pada awal tempoh persaraan, disebabkan oleh amalan lazim mengeluarkan wang secara sekaligus daripada caruman KWSP pada umur 55 tahun serta cabaran untuk meneruskan gaya hidup sedia ada selepas persaraan. Ini sudah tentu memerlukan jumlah simpanan keseluruhan yang lebih tinggi bagi menangani pembiayaan gaya hidup dalam fasa persaraan.

⁷ Untuk kemas kini terkini, sila rujuk laman web Jabatan Perangkaan Malaysia dari semasa ke semasa.

- 7B.60 Selain itu, terdapat bukti statistik yang mencadangkan bahawa jumlah simpanan semasa di bawah KWSP dan skim lain di bawah “teras kedua” yang wajib tidak mencukupi untuk menampung pesara sepanjang persaraan mereka (beberapa kajian menunjukkan ramai kehabisan wang dalam tempoh 10 tahun persaraan mereka).
- 7B.61 Ini lebih-lebih lagi apabila pencarum bergantung sepenuhnya pada simpanan KWSP sebagai pendapatan persaraan tunggal dan tidak terdapat sumber simpanan alternatif untuk menambahkan pendapatan. Namun, terdapat empat kaedah penyelesaian untuk mengatasi masalah ini.
- (a) Pertama, Malaysia sedang mengkaji sama ada akan menaikkan umur persaraan wajib yang akan memberi tempoh lebih panjang bagi yang berpekerjaan untuk mengumpul simpanan. Selain itu, dengan kemajuan perubatan, lebih ramai rakyat kini lebih sihat dan boleh bekerja secara produktif sehingga umur yang lebih tua.
 - (b) Kedua, ia boleh meningkatkan kadar caruman wajib di bawah “teras kedua”. Ini bukan penyelesaian yang terbaik kerana ia meletakkan beban yang tidak diperlukan ke atas majikan, meningkatkan kos melakukan perniagaan dan boleh menjadikan Malaysia tidak kompetitif dalam usaha menarik dan mengekalkan bakat. Selain itu, penyelesaian ini tidak menyeluruh kerana ia hanya memanfaatkan kakitangan yang dilindungi di bawah KWSP atau skim “teras kedua” lain.
 - (c) Ketiga, ia boleh mempertimbangkan kenaikan gaji minimum di masa hadapan jika produktiviti membenarkan pekerja meraih manfaat daripada tahap gaji yang lebih tinggi, dan dengan itu juga simpanan, kedua-duanya melalui KWSP yang wajib dan skim sukarela yang lain.
 - (d) Akhir sekali, ia boleh membangunkan skim persaraan sukarela di bawah “teras ketiga” untuk mengembangkan pelbagai skim persaraan, memperluas liputan secara sukarela kepada semua segmen penduduk dan meningkatkan kecukupan simpanan persaraan secara keseluruhan. Sistem pencen berbilang teras akan memenuhi pelbagai keperluan persaraan masyarakat Malaysia dan berupaya menangani risiko ekonomi, demografi dan politik yang dihadapi oleh sistem pencen. Pelaksanaan PRS terletak di bawah penyelesaian ini.

Manfaat PRS

- 7B.62 PRS dapat menangani masalah liputan dengan membantu mereka yang masih belum menyimpan wang di bawah KWSP, seperti mereka yang bekerja sendiri. Kecukupan simpanan persaraan juga ditangani melalui simpanan tambahan melalui Skim PRS. Caruman tambahan atau sukarela oleh majikan membantu dalam penyelesaian kecukupan.

PRS adalah kaedah pelaburan yang telus

- 7B.63 Secara amnya, Skim ini merupakan kaedah pelaburan yang telus di mana maklumat berikut didedahkan terlebih dahulu:
- (a) semua yuran dan bayaran (langsung dan tidak langsung);
 - (b) mandat pelaburan termasuk objektif dan strategi pelaburan, had pelaburan dan peruntukan aset;
 - (c) prestasi dana; dan
 - (d) pengeluaran laporan tahunan serta pilihan Penyedia PRS dan dana PRS dalam setiap skim.
- 7B.64 Sebarang perubahan dalam objektif pelaburan atau yuran memerlukan kelulusan ahli PRS manakala perubahan lain yang kurang penting memerlukan dokumen pendedahan tambahan untuk dikemukakan. Ciri kebolehalihan PRS menyokong ketelusan kerana ahli memerlukan maklumat sebelum membuat keputusan termaklum untuk menukar Penyedia PRS.

Menyediakan kumpulan dana untuk membiayai pesara semasa fasa persaraan

- 7B.65 Usaha menyeluruh dan terangkum ini akan menggalakkan rakyat Malaysia untuk menyimpan lebih wang bagi persaraan mereka dengan menjadi pesara yang berupaya membiayai diri sendiri.
- 7B.66 Tambahan pula, rangka kerja PRS akan memberikan keflexibelan kepada individu untuk memilih daripada pelbagai penyedia dan dana yang disediakan. PRS mempunyai ciri kebolehalihan di mana caruman yang dibuat dan terakru kepada ahli PRS boleh dipindah kepada penyedia lain. Ciri kebolehalihan ini menggalakkan prestasi baik yang akan memanfaatkan peserta PRS. Dalam jangka panjang, ia dapat menghasilkan pulangan jangka panjang yang lebih baik dan jumlah simpanan tersedia yang lebih tinggi semasa persaraan, dengan syarat pelaburan dalam dana mencapai prestasi yang dijangka.
- 7B.67 Jika pesara berjaya mengumpul simpanan yang mencukupi (kedua-dua melalui caruman dan prestasi pelaburan) dalam PRS ketika fasa pekerjaan/simpanan, pulangan tahunan PRS ketika fasa persaraan akan membolehkan pesara tersebut menambahkan sebahagian daripada perbelanjaan sara hidup ketika persaraan. Ditambahkan dengan pengeluaran daripada kekayaan terkumpul (simpanan KWSP) dan pendapatan lain (contohnya, elaun daripada anak, faedah daripada simpanan), pesara akan mampu menikmati gaya hidup yang selesa.

Sumber tambahan modal jangka panjang untuk pertumbuhan ekonomi

- 7B.68 Di samping mengekalkan matlamat utama iaitu meningkatkan simpanan persaraan bagi individu untuk membiayai keperluan persaraan pada masa tua, PRS mempunyai manfaat tambahan yang dapat membuka potensi simpanan kerana rakyat Malaysia mempunyai kadar simpanan yang tinggi menurut

piawaian antarabangsa. Simpanan ini boleh disalurkan kepada aliran dana yang baharu dan mampan bagi merangsangkan pertumbuhan ekonomi dan khususnya pertumbuhan dalam pasaran modal. Ini membantu ahli secara langsung kerana pertumbuhan kukuh dalam pasaran modal mungkin menarik pengurus dana berbakat yang akan menguruskan PRS dengan berkesan selain membantu ahli mencapai matlamat pulangan jangka panjang. Pertumbuhan mantap dalam sektor kewangan juga tidak akan diasingkan dan akan melimpah ke sektor lain, seterusnya meningkatkan tahap gaji serta kualiti hidup. Apabila ahli membantu pasaran modal, mereka sebenarnya membantu diri sendiri dalam kitaran yang saling membantu.

Manfaat kepada pasaran modal Malaysia

- 7B.69 Aliran dana yang dikekalkan daripada PRS akan meningkatkan kerancakan pasaran modal dan menghasilkan manfaat, termasuk:
- (a) meningkatkan inovasi produk dan persaingan;
 - (b) menambahkan aktiviti dan set kemahiran perantara;
 - (c) membina industri pengurusan dana secara berskala.

Mengurangkan beban kewangan Kerajaan

- 7B.70 PRS yang rancak dan skim “teras ketiga” lain yang berpandukan pendekatan pelbagai teras Bank Dunia akan mengurangkan keperluan Kerajaan menyediakan jaringan keselamatan sosial untuk penduduk dalam fasa persaraan.

Pengalaman “Teras ketiga” di Negara Lain

- 7B.71 PRS adalah contoh “teras ketiga” di bawah rangka kerja Bank Dunia. Skim teras ketiga ini membantu ahli menyimpan wang dengan lebih banyak secara sukarela untuk keperluan persaraan sendiri mereka.
- 7B.72 Secara amnya, pelaksanaan skim “teras ketiga” adalah berbeza tetapi isu penduduk yang meningkat tua dan persaraan mampan perlu ditangani dengan secepat mungkin. Kebanyakan kerajaan di seluruh dunia sedang berbuat demikian. Beberapa contoh skim yang dilaksanakan adalah:

KiwiSaver di New Zealand

- 7B.73 Skim ini bermula sebagai skim simpanan jangka panjang sukarela yang dilancarkan pada Julai 2007. Ia bertujuan meningkatkan purata kadar simpanan yang rendah. Peserta kakitangan boleh memilih untuk mencarum sebanyak 2%, 4% atau 8% daripada gaji kasar mereka dengan keflexibelan untuk menukar kadar caruman atau penyedia skim. Mereka yang bekerja sendiri boleh memilih seberapa banyak yang mereka ingin mencarum. Pelbagai manfaat cukai disediakan untuk skim bagi menggalakkan penyertaan⁸.

⁸ Untuk maklumat lanjut mengenai KiwiSaver, sila rujuk laman web Lembaga Hasil Dalam Negeri New Zealand.


Skim persaraan tambahan di Singapura

- 7B.74 Skim Persaraan Tambahan (*Supplementary Retirement Scheme* atau SRS) adalah sebahagian daripada strategi pelbagai pendekatan kerajaan Singapura untuk menangani keperluan kewangan penduduk yang semakin berusia. Caruman kepada SRS adalah secara sukarela dan layak untuk pelepasan cukai. Pulangan pelaburan adalah bebas daripada cukai terkumpul dan hanya 50% daripada pengeluaran SRS akan dikenakan cukai semasa persaraan. Had caruman SRS tahunan (sejak 2016, ini adalah 15% daripada Asas Pendapatan Mutlak untuk rakyat Singapura dan pemastautin tetap manakala 35% daripada Asas Pendapatan Mutlak untuk warga asing). Asas Pendapatan Mutlak dikira berdasarkan 17 bulan gaji bumbung bulanan Kumpulan Wang Simpanan Pusat (CPF). Had caruman tahunan ini adalah tertakluk kepada semakan.

Rangka Kerja PRS

- 7B.75 Rangka kerja PRS yang diperkenalkan adalah hasil cadangan yang dibuat oleh SC kepada Kerajaan bagi mempercepatkan pembangunan industri PRS di Malaysia.
- 7B.76 Ini menunjukkan bahawa industri PRS yang mantap perlu disokong oleh struktur pengawalseliaan yang kukuh. Objektif pengawalseliaan adalah untuk memastikan industri PRS berjalan lancar dengan menggalakkan kestabilan sistem dan melindungi ahli serta waris melalui keperluan perlindungan pelaburan yang berhemat. Untuk mencapai matlamat ini, SC telah melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan kuasa serta sumber yang mencukupi untuk mengawalselia, mengawasi dan menguatkuasakan pengawalseliaan ke atas industri PRS. **Rajah 7B.2** memberi gambaran keseluruhan mengenai pihak dalam ekosistem PRS:

Rajah 7B.2: Pihak dalam ekosistem PRS



- 7B.77 PRS ditakrifkan sebagai produk pasaran modal dan merupakan skim pelaburan jangka panjang sukarela yang dibentuk untuk membantu individu mengumpulkan simpanan untuk persaraan. SC akan meluluskan Penyedia PRS, Pemegang Amanah Skim dan PRS dan juga memberi lesen kepada Pegedat PRS, jika berkenaan, bagi memastikan piawaian tingkah laku minimum dan penyampaian nasihat pelaburan yang wajar disediakan kepada setiap ahli Skim.

- 7B.78 Peranan dan fungsi Penyedia PRS, Pengedar PRS dan Pemegang Amanah dijelaskan dalam bab awal panduan pembelajaran ini. Perenggan berikut memberikan peranan, fungsi dan tanggungjawab Pentadbir Pencen Swasta dan penjelasan terperinci mengenai PRS serta aspek operasi PRS.

Pentadbir Pencen Swasta (PPA)

- 7B.79 Penubuhan PPA merupakan komponen penting dalam landskap pencen swasta untuk meningkatkan kecekapan dan kemudahan kepada ahli serta pentadbiran keseluruhan industri PRS yang berkesan. PPA bertanggungjawab untuk memastikan penubuhan dan pengoperasian sistem pentadbiran yang cekap bagi keseluruhan industri pencen swasta di Malaysia.
- 7B.80 Secara keseluruhan, ia bertanggungjawab untuk memudahkan dan mengekalkan semua urusan niaga berkaitan PRS yang dilakukan oleh pencarum dan ahli. PPA juga berfungsi sebagai pusat sumber data dan penyelidikan berhubung dengan industri PRS di Malaysia.

Tugas dan tanggungjawab PPA

- 7B.81 PPA adalah entiti diluluskan SC yang bertujuan melaksanakan fungsi pengkalan rekod, pentadbiran dan perkhidmatan pelanggan untuk ahli dan pencarum berhubung dengan caruman yang dibuat berkaitan dengan PRS. Beberapa tugas khusus adalah seperti berikut–
- (a) menerima dan menghantar arahan mengikut cara yang ditentukan oleh SC;
 - (b) menyimpan rekod semua urusan niaga atau wang yang dibayar atau diterima;
 - (c) menyediakan maklumat kepada Penyedia PRS dan ahli; dan
 - (d) apa-apa tugas sedemikian yang mungkin ditetapkan oleh SC.
- 7B.82 PPA mesti bertindak demi kepentingan orang ramai pada setiap masa terutamanya mempertimbangkan keperluan perlindungan ahli. PPA mesti memaklumkan SC dengan serta-merta jika terdapat keadaan buruk yang mungkin menjejaskan ahli. PPA juga tidak boleh mengenakan yuran atau mengubah bayaran Penyedia PRS atau ahli tanpa kelulusan SC terlebih dahulu. Terma rujukan atau peraturan operasinya juga memerlukan kelulusan SC terlebih dahulu.
- 7B.83 Tugas lain PPA termasuk menjalankan aktiviti promosi dan kesedaran am mengenai PRS dan bertindak sebagai pusat sumber data dan penyelidikan untuk industri PRS. PPA juga perlu memantau yuran yang dikenakan dan prestasi yang disediakan oleh Penyedia PRS yang berlainan.
- 7B.84 Tugas dan tanggungjawab PPA tidak boleh diserahkan atau disumberluarkan tanpa kelulusan SC.

Kelulusan terlebih dahulu untuk pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif serta komposisi lembaga

- 7B.85 Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif PPA mesti diluluskan oleh SC. Lembaga pengarah mesti terdiri daripada sekurang-kurangnya satu pertiga pengarah berkepentingan awam.

Keperluan untuk mengekalkan keselamatan dan kesulitan maklumat

- 7B.86 Tugas untuk mengambil langkah keselamatan yang wajar - PPA mesti mengambil semua langkah keselamatan yang wajar untuk melindungi maklumat dan dokumen yang berhubung dengan ahli daripada sebarang akses, pengubahan, pendedahan dan penyebaran yang tidak dibenarkan. PPA mesti menyediakan infrastruktur pentadbiran dan langkah keselamatan yang diperlukan bagi melaksanakan tanggungjawab ini.
- 7B.87 Tugas untuk mengekalkan kerahsiaan - PPA mempunyai akses kepada maklumat sulit dan peribadi serta dokumen yang berhubung dengan ahli PRS. Oleh itu, PPA mempunyai kewajiban untuk tidak mendedahkan maklumat tersebut kepada mana-mana individu kecuali di bawah keadaan tertentu yang dinyatakan di bawah seksyen 139N dan 139O CMSA.
- 7B.88 Tugas ini amat penting dan individu yang gagal dalam menjalankan tugas ini boleh dikenakan denda tidak melebihi tiga juta ringgit atau dipenjarakan untuk tempoh sehingga lima tahun atau kedua-duanya sekali. Ini adalah untuk meyakinkan orang ramai bahawa privasi data mereka paling diutamakan.

Fungsi PPA

- 7B.89 Dalam melaksanakan fungsinya, PPA akan menjalankan yang berikut:
- (a) Menerima maklumat pendaftaran daripada Penyedia PRS dan mengeluarkan nombor akaun PRS sepanjang hayat kepada ahli;
 - (b) Mengekalkan pangkalan data untuk semua nombor akaun pencen swasta yang dikeluarkan serta urus niaga berhubung dengan akaun setiap ahli;
 - (c) Menghantar arahan kepada ahli untuk kemas kini butiran akaun, pemindahan antara Penyedia PRS dan pengeluaran wang;
 - (d) Mengeluarkan penyata akaun yang disatukan kepada semua ahli;
 - (e) Mengekalkan laman web yang memberi ahli akses dalam talian kepada akaun mereka, menghuraikan Skim yang disediakan oleh setiap Penyedia PRS serta menyediakan pendidikan/kesedaran am;
 - (f) Mengendalikan pusat panggilan dan menguruskan aduan; dan
 - (g) Menjana laporan, termasuk laporan statistik dan pematuhan, mengenai

pembangunan dalam industri PRS.

Akaun PRS

- 7B.90 Akaun pencen swasta sepanjang hayat akan dibuka untuk bakal ahli oleh PPA dengan melengkapkan borang pembukaan yang diperlukan, membayar yuran dan menyediakan bukti pengenalan. Prosedur pembukaan akaun mungkin berlainan untuk transaksi dalam talian.
- 7B.91 Selepas akaun dibuka, PPA akan menghantar surat atau e-mel yang mengandungi nama pengguna dan kata laluan yang unik kepada ahli supaya ahli dapat mengakses akaun secara dalam talian di www.ppa.my.
- 7B.92 Akaun PRS akan menunjukkan caruman yang dibuat oleh ahli atau majikan sebagai pencarum kepada semua Penyedia PRS. Di samping itu, setiap Penyedia PRS juga akan mengekalkan akaun bagi setiap ahli Skim.
- 7B.93 PPA akan menghantar penyata yang disatukan kepada ahli mengenai semua pegangan mereka, manakala Penyedia PRS akan menghantar penyata akaun kepada ahli yang melanggan Skim mereka.

Yuran dan bayaran yang terlibat

- 7B.94 Semua Penyedia PRS akan mengenakan yuran pengurusan pelaburan serta kos pemegang amanah dan pentadbiran kepada ahli. Dokumen pendedahan akan menetapkan yuran yang dikenakan oleh mereka. Setiap ahli perlu merujuk kepada Penyedia PRS masing-masing untuk senarai lengkap yuran/bayaran yang terlibat.
- 7B.95 PPA juga akan mengenakan yuran untuk membuka, memudahkan urusan niaga dan mengekalkan akaun PPA bagi setiap ahli. Laman web PPA akan menghuraikan yuran dan bayaran utama oleh setiap Penyedia PRS untuk perbandingan mudah. Sebarang yuran yang dikenakan oleh PPA kepada ahli atau pencarum boleh dikumpulkan oleh Penyedia PRS yang bertindak bagi pihak PPA.

Menyemak pelaburan PRS mereka

- 7B.96 Ahli boleh menyemak pelaburan PRS mereka dengan PPA secara dalam talian atau menghubungi Penyedia PRS masing-masing. Ahli akan menerima penyata pada dasar berkala dari Penyedia PRS, serta penyata yang disatukan untuk pelaburan, termasuk caruman yang dipegang oleh setiap Penyedia PRS dari PPA.

Skim Persaraan Swasta (PRS)

Dana teras

- 7B.97 Setiap PRS menawarkan tiga jenis dana teras – dana konservatif, dana sederhana dan dana pertumbuhan. Penyedia unit amanah dan syarikat insurans pula boleh menawarkan apa-apa jenis dana kepada pelabur. Pilihan yang ditawarkan selalunya adalah berdasarkan permintaan yang ditetapkan oleh orang ramai. Pilihan dana tidak disediakan dalam anuiti.

Pilihan automatik

- 7B.98 Setiap PRS mempunyai dana teras yang merupakan pilihan automatik untuk ahli yang tidak melakukan pemilihan dana. Dana teras berusaha menempatkan ahli dalam kategori dana yang bersesuaian dengan umur ahli (iaitu jangka masa pelaburan ahli).
- 7B.99 Setiap pemegang unit amanah dan pembeli produk insurans mesti menentukan dana yang mereka ingin beli sebelum urus niaga boleh dilaksanakan. Tidak ada pilihan automatik untuk produk persaraan lain.

Jualan unit dan pengeluaran wang

- 7B.100 PRS bertujuan menggalakkan ahli menyimpan wang untuk jangka panjang dan juga persaraan mereka. Oleh itu, caruman ke dalam sub-akaun A PRS tidak boleh dikeluarkan sehingga ahli mencapai umur persaraan, kematian ahli, pemergian ahli dari Malaysia untuk selama-lamanya dan akibat hilang upaya kekal dan menyeluruh, penyakit serius atau ketidakupayaan mental ahli. Hanya caruman ke dalam sub-akaun B boleh dikeluarkan. Namun demikian, pengeluaran hanya boleh dilakukan setahun sekali dan tertakluk kepada penalti cukai.
- 7B.101 Unit amanah pula tidak mempunyai apa-apa sekatan sedemikian. Pelabur biasanya boleh membeli dan menjual unit amanah secara bebas tertakluk kepada sekatan tertentu untuk setiap unit amanah. Bagi produk insurans berkaitan pelaburan, nilai tunai dalam beberapa tahun pertama polisi adalah rendah dan ia mungkin tidak berbaloi untuk pelabur membatalkan polisi.


Kelebihan PRS berbanding Produk Persaraan Lain

- 7B.102 Ahli boleh memindahkan manfaat terakru daripada satu PRS kepada yang lain yang diuruskan oleh Penyedia PRS yang berlainan melalui PPA. Bagi unit amanah dan produk insurans berkaitan pelaburan, pelabur mungkin tertakluk kepada bayaran urusan yang tinggi sekali lagi apabila melakukan pembelian seterusnya. Memandangkan sifat produk insurans berkaitan pelaburan ini, pemegang polisi mungkin menerima kurang daripada apa yang telah dibayar sebelumnya.

Struktur PRS

7B.103 Walaupun terdapat banyak kelainan dalam jenis dan ciri PRS untuk memenuhi keperluan ahli, struktur PRS adalah sama. Rajah 7B.3 di bawah memberikan gambaran struktur biasa PRS.

Rajah 7B.3: Struktur PRS



Konsep Amanah

7B.104 PRS di bawah rangka kerja CMSA merupakan skim persaraan yang ditadbir oleh amanah. Dalam sistem perundangan *common law*, amanah adalah hubungan di mana harta dipegang oleh satu pihak bagi manfaat pihak lain. Berhubung dengan PRS, Pemegang Amanah Skim memegang aset (aset dana seperti tunai, saham dan bon) bagi pihak ahli dan aset ini dipegang secara berasingan daripada aset Penyedia PRS. Ia juga diasingkan oleh setiap dana di bawah PRS dan dikenal pasti dengan jelas sebagai harta dana.

7B.105 Komposisi aset dana ini mungkin berubah dalam tempoh sepanjang tahun (contohnya, daripada langganan awal dalam tunai kepada ekuiti dan balik semula kepada tunai untuk pengagihan), tetapi aset sentiasa kekal di bawah kawalan Pemegang Amanah Skim. Sekiranya Penyedia PRS menghadapi masalah kewangan dan mempunyai masalah kemampuan bayar, aset PRS ahli masih akan selamat kerana ia diasingkan daripada aset Penyedia PRS.

Kelebihan pengaturan amanah

7B.106 Pemegang Amanah Skim mempunyai kewajipan fidusiari dan tanggungjawab undang-undang untuk bertindak secara saksama demi kepentingan ahli. Walaupun Penyedia PRS, melalui pengurus dana, mempunyai kuasa pengendalian harian (contohnya, boleh bertindak bagi pihak dana dengan membeli dan menjual saham, bon dan harta lain), aset dan wang berada dalam tangan Pemegang Amanah Skim.

- 7B.107 Pemegang Amanah Skim memegang aset dalam amanah untuk ahli dan mengasingkannya daripada aset Penyedia PRS. Aset ini akan kekal selamat walaupun jika Penyedia PRS mengalami ketidakcairan atau menghadapi tindakan ketidakmampuan bayar apabila pengasingan tersebut menghalang mereka daripada dituntut oleh mana-mana pemiutang Penyedia PRS.

Surat Ikat

- 7B.108 PRS ditadbir oleh struktur amanah, oleh itu Pengawalseliaan PRS mempunyai keperluan di mana surat ikatan mesti didaftarkan dengan SC bagi memastikan bahawa sesuatu amanah yang mentadbir penubuhan dan pengendalian PRS diwujudkan dan dipersetujui oleh Penyedia PRS dan Skim Pemegang Amanah. Dalam hal ini, peruntukan dan perjanjian bagi surat ikatan tersebut mesti memenuhi keperluan minimum yang dinyatakan dalam Garis Panduan PRS.
- 7B.109 Perjanjian bagi surat ikatan akan mengandungi tugas dan tanggungjawab pelbagai pihak yang terlibat (termasuk Penyedia PRS dan Pemegang Amanah Skim), serta butiran penuh PRS dan dana dalam Skim. Surat ikatan mesti didaftar, diserahkan dan disimpan dengan SC. Sebarang pengubahsuaian dalam surat ikatan hanya boleh dilakukan melalui surat ikatan tambahan yang juga perlu didaftarkan dengan SC.

Perjanjian Penyedia PRS dan Pemegang Amanah Skim

- 7B.110 Perjanjian Penyedia PRS dan Pemegang Amanah Skim, perjanjian bersama Penyedia PRS dan Pemegang Amanah Skim, serta perjanjian lain boleh didapati dalam Jadual D Garis Panduan PRS.

Pengubahsuaian dalam surat ikatan

- 7B.111 Suatu surat ikatan boleh diubah suai oleh surat ikatan yang lain (dikenali sebagai surat ikatan tambahan) jika surat ikatan tambahan tersebut-
- (a) didaftarkan dengan SC;
 - (b) disertakan dengan resolusi khas yang diluluskan oleh ahli PRS (majoriti dua pertiga kecuali bagi tujuan penamatan atau penggulangan Skim atau dana di mana sekurang-kurangnya 3/4 daripada nilai unit yang dipegang oleh ahli yang mengundi diperlukan dalam mesyuarat) jika pengubahsuaian tersebut menjejaskan kepentingan ahli dengan ketara (contohnya, perubahan kepada objektif pelaburan, perubahan dalam profil risiko, perubahan dalam yuran dan bayaran); dan
 - (c) disertakan dengan kenyataan dari Pemegang Amanah Skim dan Penyedia PRS yang menyatakan bahawa pengubahsuaian tersebut tidak menjejaskan ahli dengan ketara dan notis telah diberikan terlebih dahulu (sekurang-kurangnya notis bertulis 7 hari) kepada ahli PRS.

Kelayakan untuk Mencarum kepada PRS

- 7B.112 PRS dibuka kepada rakyat Malaysia dan juga warga asing. Ahli mesti merupakan individu yang berumur 18 tahun ke atas. Majikan juga boleh mencarum kepada Skim sebagai manfaat kepada kakitangan mereka bagi menggalakkan kesetiaan

pekerjaan dengan mempunyai jadual letak hak yang melanjutkan tempoh letak hak bagi caruman mereka.

Caruman daripada Ahli

- 7B.113 PRS adalah skim sukarela, oleh itu tidak ada jumlah tetap atau tempoh berkala yang tetap diperlukan untuk melakukan caruman (walaupun Penyedia PRS individu mungkin menetapkan caruman minimum dan maksimum untuk setiap dana yang disediakan). Akaun PRS sepanjang hayat boleh dibuka oleh PPA setelah ahli melengkapkan borang pembukaan akaun yang berkenaan dan/atau memenuhi syarat lain. Pada pembukaan akaun PRS, bakal ahli tidak perlu melakukan caruman kepada Skim.
- 7B.114 PPA tidak menerima wang/caruman daripada ahli. Untuk melakukan caruman, ahli perlu menyatakan arah pelaburan mereka kepada Penyedia PRS. Ini boleh dilakukan serentak dengan membuka akaun PRS atau pada peringkat kemudiannya.
- 7B.115 Jika ahli mendaftar untuk membuka akaun PRS dan melakukan caruman pada masa yang sama, Penyedia PRS tidak perlu menunggu sehingga akaun PRS dibuka sebelum melanggan unit untuk dana di bawah Skim yang dipilih oleh ahli.
- 7B.116 Sumbangan boleh dihentikan dan juga dimulakan semula selepas tempoh tertentu. Ahli juga boleh mencarum dengan lebih daripada satu Skim walaupun sekali lagi, Penyedia PRS boleh menghadkan bilangan dana yang boleh disertai oleh ahli dalam Skim. Penyedia PRS menetapkan jumlah caruman minimum dan maksimum yang boleh dilakukan oleh ahli.

Pilihan Automatik PRS

- 7B.117 Pilihan automatik disediakan kepada ahli yang memilih Penyedia PRS mereka tetapi tidak menetapkan pilihan dana. Sebagai contoh, apabila majikan melakukan caruman kepada akaun ahli tetapi kakitangan tersebut tidak menentukan dana untuk dilaburkan. Dengan itu, jumlah tersebut akan diperuntukkan dengan menggunakan pilihan automatik yang berdasarkan umur ahli.
- 7B.118 Penyedia PRS perlu dikehendaki menjalankan usaha wajar mengenai identiti ahli untuk semua borang dan dokumen yang diperlukan bagi pihak PPA, dan mempunyai prosedur yang berkesan untuk mengesahkan ahli, dan ini termasuk-
- (a) menentukan identiti penuh dan sebenar ahli;
 - (b) mengesahkan pengenalan yang diberi, di mana perlu; dan
 - (c) menentukan, kedudukan kewangan, pengalaman pelaburan, dan objektif pelaburan pelanggan.
- 7B.119 Terdapat tiga dana teras dalam pilihan automatik yang mesti ditawarkan di bawah mana-mana PRS. Jadual di bawah menyediakan butiran lanjut termasuk peruntukan aset untuk dana teras di bawah pilihan automatik:

Jadual 7B.5: Peruntukan aset teras dana di bawah pilihan automatik

Kumpulan umur	45 tahun dan ke bawah	45 hingga 54 tahun	55 tahun dan ke atas
Pendekatan pelaburan	Dana Pertumbuhan	Dana Sederhana	Dana Konservatif
Parameter untuk peruntukan aset	Memberi tumpuan kepada mengembangkan portfolio	Memberi tumpuan kepada mengembangkan portfolio sambil mencari pendapatan	Memberi tumpuan kepada menjana pendapatan selaras dengan penyediaan portfolio untuk digunakan

- 7B.120 Lingkungan umur dipilih berdasarkan pendekatan kitaran hayat untuk pelaburan. Mereka di bawah umur 45 tahun mempunyai tempoh yang lama untuk mengumpulkan simpanan bagi persaraan dan mampu melabur lebih banyak dalam aset yang bertumpu pada pertumbuhan. Pelabur dalam kumpulan umur ini dapat menerima ketaktentuan pelaburan yang tinggi.
- 7B.121 Pelabur dalam kumpulan umur 45 hingga 54 tahun perlu mula mempertimbangkan bahawa persaraan adalah dalam satu atau dua kitaran pasaran. Kumpulan pelabur ini mengambil pendekatan pelaburan yang seimbang antara risiko dan pulangan. Mereka dapat menerima ketaktentuan pelaburan yang sederhana.
- 7B.122 Apabila pelabur mencapai umur 55 tahun, persaraan bakal berlaku tidak lama lagi dan pelabur tidak mampu mengabaikan kitaran pasaran kerana beliau akan beralih daripada fasa pengumpulan ke fasa pengurangan (*decumulation*). Portfolio mesti mempunyai lebih aset yang menjana pendapatan kerana pelabur hanya dapat menerima turun naik yang minimum.
- 7B.123 Adalah penting untuk ambil perhatian bahawa seorang ahli boleh memilih untuk mencarum secara aktif kepada tiga dana teras di atas, yang merupakan pilihan automatik, jika mereka memilih untuk berbuat demikian.
- 7B.124 Penyedia PRS perlu memaklumkan ahli secara bertulis satu bulan terlebih dahulu bahawa pelaburan ahli dalam dana teras akan ditukar menurut undang-undang pilihan automatik, iaitu apabila ahli mencapai umur 45 tahun atau 55 tahun (Tarikh Penukaran) kecuali ahli memberi arahan sebaliknya. Pada ketika ini, ahli juga perlu menerima nasihat pelaburan am dan tinjauan pasaran. Ini akan memudahkan keputusan dibuat oleh ahli sama ada beliau ingin kekal di bawah pilihan automatik yang akan berubah secara automatik mengikut umur beliau atau apabila beliau memilih dana tertentu.
- 7B.125 Untuk penukaran yang dilakukan pada Tarikh Penukaran, penukaran mesti dilaksanakan dalam perkadaran yang sama dalam tempoh lima tahun berdasarkan baki bilangan unit dalam dana berkenaan. Penukaran pertama mesti dilakukan pada Tarikh Penukaran manakala empat (4) penukaran

berikutnya mesti dilakukan selewat-lewatnya 10 hari perniagaan dari setiap ulang tahun Tarikh Penukaran.

- 7B.126 Apabila seorang individu menjadi ahli dan membuat caruman pertama kepada Skim sebulan sebelum beliau mencapai umur 45 atau 55 tahun, mengikut mana yang berkenaan, Penyedia PRS mesti memperuntukkan caruman tersebut kepada dana sederhana atau dana konservatif, mengikut mana yang berkenaan.

Insentif cukai untuk PRS

- 7B.127 Pelepasan cukai sebanyak RM3,000 setahun diberi kepada individu jika mereka memilih untuk mencarum dalam PRS. Pelepasan ini disediakan sejak tahun 2012 dan boleh digunakan untuk caruman kepada lebih daripada satu PRS.
- 7B.128 Majikan yang menyumbang untuk kakitangan boleh menikmati potongan cukai tambahan melebihi caruman wajib KWSP dan sehingga 19% daripada saraan kakitangan. Semua PRS juga dikecualikan cukai daripada pendapatan faedah yang diterima. Ini berkesan dalam meningkatkan pulangan Skim berbanding dana yang tidak dikecualikan, justeru merupakan satu lagi kelebihan PRS.


Struktur Akaun PRS

- 7B.129 Semua caruman yang dilakukan kepada PRS akan diperuntukkan dan dikekalkan dalam dua sub-akaun:
- (a) 70% daripada semua caruman yang dibuat kepada mana-mana dana dalam Skim akan dikekalkan dalam sub-akaun A dan tidak boleh dikeluarkan kecuali dalam keadaan yang dibenarkan seperti yang dinyatakan dalam perenggan 11.37A Garis Panduan PRS.
 - (b) 30% daripada semua caruman yang dibuat kepada mana-mana dana dalam Skim akan dikekalkan dalam sub-akaun B dan boleh dikeluarkan setahun sekali selepas pembayaran penalti cukai. Penalti cukai ini tidak boleh digunakan untuk pengeluaran yang dibenarkan seperti dinyatakan dalam perenggan 11.39A Garis Panduan PRS.
- 7B.130 Umur persaraan ditakrifkan di bawah Garis Panduan PRS sebagai 55 tahun atau apa-apa umur lain seperti yang mungkin ditetapkan oleh SC.

Contoh peruntukan caruman

- 7B.131 Untuk gambaran pecahan kepada dua akaun tersebut, sila rujuk kepada contoh peruntukan caruman dalam rajah di bawah.

Rajah 7B.4: Peruntukan caruman



7B.132 Andai kata Pencarum 1 pada mulanya mencarum RM1,000 ke dalam Penyedia XY pada 1 Mei 20X3. Caruman RM1,000 ini dibahagikan secara lazim mengikut nisbah 70/30 ke dalam sub-akaun A dan sub-akaun B masing-masing di mana sub-akaun A menerima RM700 dan sub-akaun B menerima RM300. Ini akan digunakan untuk membeli Dana Bon XY dengan NAB bernilai RM1 pada hari tersebut.

7B.133 Pada 1 Januari 20X4, Pencarum 1 membuat satu lagi caruman sebanyak RM1,000 ke dalam Penyedia XY dan terus memilih Dana Bon XY. Seperti biasa, caruman sebanyak RM1,000 dibahagikan mengikut nisbah 70/30 ke dalam sub-akaun A dan sub-akaun B masing-masing. Pada 1 Januari 20X4, NAB Dana Bon XY meningkat ke RM2.00.

7B.134 Oleh itu, caruman pada 1 Januari 20X4 hanya membenarkan Pencarum 1 membeli 350 unit Dana Bon XY (RM700/NAB bernilai RM2) bagi sub-akaun A dan 150 unit Dana Bon XY untuk sub-akaun B. Secara keseluruhan, Pencarum 1 akan mempunyai 1,050 unit dalam sub-akaun A bernilai RM2,100 dan 450 unit dalam sub-akaun B bernilai RM900 pada 1 Januari 20X4.

Jadual 7B.6A: Pelaburan dalam Dana Bon XY

Tarikh	Jumlah Caruman (dalam RM)	Peruntukan (dalam RM)		NAB seunit (dalam RM)	Bil. unit yang dibeli	
		Sub-akaun A	Sub-akaun B		Sub-akaun A	Sub-akaun B
1 Mei 20X3	1,000	700	300	1.00	700	300
1 Jan 20X4	1,000	700	300	2.00	350	150

Jadual 7B.6B: Nilai pelaburan dalam Dana Bon XY

Tarikh	Unit dibeli		Pegangan kumulatif (bilangan unit)		NAB seunit (dalam RM)	Nilai (dalam RM)	
	Sub-akaun A	Sub-akaun B	Sub-akaun A	Sub-akaun B		Sub-akaun A	Sub-akaun B
1 Mei 20X3	700	300	700	300	1.00	700	300
1 Jan 20X4	350	150	1050	450	2.00	2100	900

7B.135 Pada 1 Mei 20X3, Pencarum 1 juga mengambil keputusan untuk menyertai Penyedia YZ dengan membeli Dana Ekuiti YZ. Beliau mencarum RM1,000 yang sekali lagi dibahagikan mengikut nisbah 70/30 ke dalam sub-akaun A dan sub-akaun B masing-masing. Dengan NAB Dana Ekuiti YZ bernilai RM1 pada hari tersebut, Pencarum 1 boleh membeli 700 unit untuk sub-akaun A dan 300 unit untuk sub-akaun B.

7B.136 Pada 1 Januari 20X4, Pencarum 1 membuat satu lagi caruman RM1,000 ke dalam Penyedia YZ dan terus memilih Dana Ekuiti YZ. Seperti biasa, caruman RM1,000 tersebut dibahagikan mengikut nisbah 70/30 ke dalam sub-akaun A dan sub-akaun B masing-masing. Pada 1 Januari 20X4, NAB Dana Ekuiti YZ turun kepada RM0.50. Oleh itu, caruman pada 1 Januari 20X4 akan membenarkan Pencarum 1 membeli 1,400 unit Dana Ekuiti YZ (RM700/NAB bernilai RM0.50) untuk sub-akaun A dan 600 unit untuk sub-akaun B. Secara keseluruhan, pada 1 Januari 20X4, Pencarum 1 akan mempunyai 2,100 unit dalam sub-akaun A bernilai RM1,050 dan 900 unit dalam sub-akaun B bernilai RM450.

Jadual 7B.7A: Pelaburan dalam Dana Ekuiti YZ

Tarikh	Jumlah Caruman (dalam RM)	Peruntukan (dalam RM)		NAB seunit (dalam RM)	Bil. unit yang dibeli	
		Sub-akaun A	Sub-akaun B		Sub-akaun A	Sub-akaun B
1 Mei 20X3	1,000	700	300	1.00	700	300
1 Jan 20X4	1,000	700	300	0.50	1,400	600

Jadual 7B.7B: Nilai Pelaburan dalam Dana Ekuiti YZ

Tarikh	Unit dibeli		Pegangan kumulatif (bilangan unit)		NAB seunit (dalam RM)	Nilai (dalam RM)	
	Sub-akaun A	Sub-akaun B	Sub-akaun A	Sub-akaun B		Sub- akaun A	Sub- akaun B
1 Mei 20X3	700	300	700	300	1.00	700	300
1 Jan 20X4	1,400	600	2,100	900	0.50	1,050	450

7B.137 Ambil perhatian perkara berikut:

- (a) Semua caruman baharu kepada mana-mana Penyedia PRS dan dana dalam skim mesti dibahagikan mengikut nisbah 70/30 ke dalam sub-akaun A dan sub-akaun B masing-masing.
- (b) Semua pengeluaran daripada sub-akaun B kecuali yang berlaku semasa persaraan dikelaskan sebagai pengeluaran sebelum persaraan dan tertakluk kepada penalti cukai yang dikumpul oleh Penyedia PRS ke atas jumlah pengeluaran.

Letak Hak

Manfaat terakru

7B.138 “Manfaat terakru” dimaksudkan sebagai jumlah kepentingan bermanfaat ahli dalam PRS. Dalam konteks PRS, manfaat terakru adalah jumlah terkumpul dalam kedua-dua sub-akaun A dan B. Caruman yang tertakluk kepada jadual letak hak mungkin menyebabkan pengeluaran unit letak hak dan unit letak hak bersyarat. Ahli yang memegang unit letak hak dan unit letak hak bersyarat akan mempunyai hak yang sama dengan ahli sesuatu dana. Walau bagaimanapun, ahli yang memegang unit letak hak bersyarat tidak dibenarkan meminta pemindahan unit sedemikian kepada Penyedia PRS yang lain atau mengeluarkan mana-mana unit sedemikian. Penyedia PRS hanya perlu mengekalkan sub-akaun A dan B untuk unit letak hak.

7B.139 Manfaat terakru ahli dilindungi daripada hutang penghakiman dan tidak tertakluk kepada bayaran, lien, sandaran atau penyerahan hak di bawah seksyen 139ZA CMSA. Seksyen 139Y(2) CMSA juga menambah bahawa pendapatan atau keuntungan daripada pelaburan manfaat terakru ahli PRS yang diluluskan, selepas mengambil kira sebarang kerugian yang timbul daripada apa-apa pelaburan sedemikian, juga akan meletak hak dalam ahli sebagai manfaat terakru sebaik sahaja mereka diterima oleh Penyedia PRS atau Pemegang Amanah Skim, yang mana lebih awal.

Jadual Letak Hak

- 7B.140 Majikan boleh membuat caruman kepada PRS, tertakluk kepada jadual letak hak, untuk menggalakkan kesetiaan kakitangan. Penyedia PRS perlu memastikan bahawa manfaat tersebut tidak dipindahkan kepada Penyedia PRS yang lain atau dikeluarkan oleh kakitangan sehingga ia diletak hak tanpa syarat.
- 7B.141 Jadual letak hak adalah ciri pilihan PRS dan tertakluk kepada jadual yang menentukan kelayakan manfaat terakru kakitangan berdasarkan pada syarat perkhidmatan.
- 7B.142 Bagi tujuan majikan yang membuat caruman ke dalam PRS bagi pihak kakitangan mereka, cara di mana manfaat terakru diambil kira dan diletak hak pada ahli mungkin adalah mengikut jadual letak hak yang dikeluarkan oleh majikan masing-masing.

Contoh:

- 7B.143 Majikan XYZ mempunyai jadual letak hak berperingkat di mana caruman kakitangan diletak hak pada ulang tahun pekerjaan kakitangan seperti berikut:

Jadual 7B.8: Jadual letak hak berperingkat

Bilangan tahun dalam perkhidmatan	% diletak hak
Selepas 1 tahun	0%
Selepas 2 tahun	25%
Selepas 3 tahun	50%
Selepas 4 tahun	75%
Selepas 5 tahun atau lebih	100%

- 7B.144 Jika seorang kakitangan meninggalkan pekerjaan selepas berkhidmat selama tiga tahun, hanya 50% daripada jumlah yang diketepikan oleh majikan akan diletak hak pada PRS. Kakitangan tersebut telah hilang sebahagian daripada simpanan beliau kerana pembatalan caruman yang oleh majikan. Oleh itu, idea di sebalik skim kesetiaan adalah menggalakkan kakitangan untuk terus berkhidmat dengan majikan sedia ada sehingga jadual letak hak diselesaikan supaya manfaat terakru dapat dinikmati sepenuhnya.

Tugas Penyedia PRS Berkenaan dengan Letak Hak

- 7B.145 Ia adalah tanggungjawab Penyedia PRS untuk memastikan bahawa keadaan atau syarat utama bagi ahli yang mempunyai caruman berdasarkan jadual letak hak diliputi oleh jadual letak hak masing-masing. Terma dan syarat jadual letak hak mesti mengandungi tetapi tidak terhad kepada yang berikut:
- (a) terma dan syarat caruman majikan dan unit letak hak yang dikeluarkan;
 - (b) hak yang berkaitan dengan unit letak hak dan unit letak hak bersyarat, termasuk sebarang had ke atas hak yang berkaitan dengan unit letak hak bersyarat;

- (c) sama ada unit letak hak bersyarat akan diletak hak tanpa bersyarat di bawah keadaan yang termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut-
- (i) pemberhentian pekerjaan kakitangan (di bawah pelbagai keadaan);
 - (ii) di mana majikan dalam proses penggulungan atau sebaliknya dibubarkan;
 - (iii) di mana penerima, penerima dan pengurus atau individu yang setara telah dilantik berhubung dengan sebarang harta majikan;
 - (iv) di mana majikan telah mengambil langkah tolak ansur atau skim pengaturan dengan pemiutang sama ada di dalam atau di luar Malaysia, di mana tolak ansur atau skim pengaturan tersebut masih dijalankan;
 - (v) penggabungan majikan dengan, atau pengambilalihan majikan oleh, entiti lain;
 - (vi) penamatan jadual letak hak;
 - (vii) kematian kakitangan; dan
 - (viii) apa-apa keadaan lain yang mungkin ditentukan oleh SC.

7B.146 Selepas dimaklumkan mengenai apa-apa keadaan yang ditentukan dalam jadual letak hak seperti yang dinyatakan dalam perenggan sebelum ini, Penyedia PRS perlu-

- (a) membeli balik unit letak hak bersyarat dan membayar hasil kepada majikan masing-masing tidak lewat dari 10 hari selepas dimaklumkan;
- (b) meletak hak untuk unit letak hak bersyarat dalam ahli atau estet ahli tersebut sebaik sahaja ia boleh dilaksanakan.

Pengeluaran Sebelum Persaraan

7B.147 Ahli dibenarkan untuk membuat pengeluaran daripada sub-akaun B (30% daripada caruman mereka) untuk keperluan sebelum persaraan mereka atas apa-apa sebab sekalipun. Pengeluaran sebelum persaraan ini dikenakan penalti cukai kecuali yang dijelaskan di perenggan seterusnya dalam bahagian ini. Ahli boleh mengeluarkan jumlah sekaligus atau apa-apa jumlah daripada satu atau beberapa dana setiap Penyedia PRS sekali setahun. Pengeluaran pertama hanya boleh dilakukan setahun selepas caruman pertama (sama ada melalui caruman ahli atau caruman majikan).

7B.148 Ahli perlu menghubungi Penyedia PRS dan mengisi borang yang disediakan oleh Penyedia PRS masing-masing. Apabila permohonan diserahkan kepada Penyedia PRS, Penyedia PRS akan melakukan pengesahan yang diperlukan dan memastikan ahli membuat pengeluaran mengikut peraturan yang diluluskan, seperti pengeluaran buat pertama kali pada tahun tersebut.

- 7B.149 Penyedia PRS tidak perlu mendapat kebenaran PPA sebelum memproses pengeluaran. Penyedia PRS mesti mengesahkan borang pengeluaran sebelum persaraan dan mengarahkan Pemegang Amanah Skim untuk memudahkan pengeluaran sebelum persaraan dengan membatalkan unit. Namun demikian, untuk pengeluaran berikutan kematian ahli, Penyedia PRS mesti mendapat kebenaran daripada PPA terlebih dahulu sebelum mengeluarkan arahan kepada Pemegang Amanah Skim untuk membatalkan unit.
- 7B.150 Penyedia PRS ditugaskan untuk mengumpul penalti cukai bagi pihak LHDN dan mesti menolak jumlah penalti sebelum mengkredit akaun ahli. Penalti cukai pengeluaran sebelum persaraan ialah pada kadar rata 8%. Jumlah tersebut akan ditolak oleh Penyedia PRS dari jumlah yang dikeluarkan daripada sub-akaun B sebagai pengeluaran sebelum persaraan oleh ahli.
- 7B.151 Walau bagaimanapun, penalti cukai 8% ini tidak digunakan untuk pengeluaran sebelum persaraan yang disebabkan oleh:
- (a) kematian;
 - (b) pemergian selama-lamanya ahli dari Malaysia;
 - (c) hilang upaya kekal dan menyeluruh, penyakit serius atau ketidakupayaan mental ahli;
 - (d) untuk tujuan penjagaan kesihatan ahli sendiri atau ahli keluarga terdekat berkaitan dengan penyakit yang disenaraikan dalam Jadual J Garis Panduan PRS; dan
 - (e) untuk tujuan perumahan.

Contoh:

- 7B.152 Jon mula mencarum dengan PRS Alpha pada 1 Januari 20X3 dan pada 31 Disember 20X4 (selepas 2 tahun), beliau telah mengumpul RM7,000 dalam sub-akaun A dan RM3,000 dalam sub-akaun B. Beliau tidak melakukan sebarang pengeluaran sejak memulakan caruman.
- 7B.153 Pada 1 Januari 20X5, Jon boleh memohon pengeluaran sebelum persaraan untuk mengeluarkan jumlah penuh (RM3,000) atau apa-apa jumlah separa daripada sub-akaun B beliau. Kadar cukai adalah 8% ke atas apa sahaja jumlah pengeluaran.
- 7B.154 Sebaliknya, jika pada 1 Januari 20X5, Jon membuat keputusan untuk berhijrah ke Australia dan meninggalkan Malaysia selama-lamanya, beliau boleh menarik diri dari PRS. Dalam keadaan seperti ini, beliau mesti mengeluarkan jumlah keseluruhan RM10,000 daripada kedua-dua sub- akaun A dan sub-akaun B kerana pengeluaran separa TIDAK dibenarkan. Jon TIDAK dikenakan penalti cukai 8% untuk pengeluaran ini.
- 7B.155 Ahli hanya boleh mendapat maklumat mengenai pegangan yang disatukan atau jumlah keseluruhan dalam sub-akaun B daripada PPA manakala maklumat khusus mengenai jumlah pengeluaran sebelum persaraan bagi Penyedia PRS tertentu boleh didapati daripada Penyedia PRS yang berkenaan.

Pengeluaran Selepas Persaraan

- 7B.156 Setelah mencapai umur persaraan, seorang ahli boleh membuat pengeluaran daripada akaun PRS (kedua-dua sub-akaun A dan B) tanpa menanggung sebarang penalti cukai. Pengeluaran boleh dilakukan dalam bentuk jumlah sekaligus atau secara berkala atas permintaan ahli. Secara alternatif, ahli boleh memilih untuk mengekalkan simpanan dalam PRS untuk pelaburan berterusan di bawah skim semasa mereka.
- 7B.157 Permintaan pengeluaran ketika bersara boleh dilakukan terus kepada Penyedia PRS dengan melengkapkan borang yang berkenaan. Kebenaran terlebih dahulu daripada PPA tidak diperlukan. Walau bagaimanapun, Penyedia PRS perlu memaklumkan PPA bahawa pengeluaran telah dilakukan.

Penghijrahan kekal dari Malaysia

- 7B.158 Ahli rakyat Malaysia juga boleh melakukan pengeluaran daripada PRS jika mereka meninggalkan Malaysia selama-lamanya disebabkan oleh penghijrahan. Untuk warga asing, ini boleh dilakukan selepas pembatalan pendokumenan yang berkenaan seperti permit kerja atau pemastautin tetap. Butiran lanjut mengenai pendokumenan yang diperlukan boleh didapati di laman web PPA.

Penukaran antara Dana dalam Skim

- 7B.159 Penukaran antara dana dalam Skim adalah dibenarkan. Dana dalam PRS disediakan semata-matanya untuk ahli yang boleh membuat penukaran bagi memenuhi keputusan peruntukan aset atau disebabkan oleh perubahan dalam tinjauan pasaran. Sebagai contoh, seorang ahli boleh menukar daripada dana bon kepada dana pasaran wang apabila beliau mendapati bahawa kadar faedah mempunyai peluang yang baik untuk meningkat, atau keluar dari dana ekuiti pasaran baru muncul jika terdapat pergolakan politik dalam negara tersebut.
- 7B.160 Penyedia PRS digalakkan untuk mengenakan bayaran rendah atau tidak mengenakan yuran penukaran untuk penukaran dana dalam PRS yang sama. Penyedia PRS berhak menentukan keadaan dan mengehadkan bilangan penukaran pilihan dana PRS yang boleh dilakukan oleh ahli dalam setahun.
- 7B.161 Ia adalah penting untuk ambil perhatian bahawa ahli boleh membuat penukaran antara dana teras dan juga dana bukan teras. Dana dalam PRS adalah untuk ahli dan jika beliau mendapati sesuatu dana adalah sesuai pada waktu tersebut, beliau mempunyai keflexibelan untuk menukar kepada dana tersebut. Jika majikan melakukan caruman bagi pihak kakitangan, sama ada ia tertakluk kepada jadual letak hak atau sebaliknya, pilihan dana di bawah Skim (termasuk hak untuk menukar ke dana lain di bawah Skim) perlu dilakukan oleh kakitangan.

Pemindahan antara Penyedia PRS (Kebolehalihan)

- 7B.162 Salah satu kelebihan tersendiri PRS ialah keupayaan ahli untuk berpindah antara Penyedia PRS yang berlainan sebelum ahli mencapai umur persaraan. Ciri

kebolehalihan ini membenarkan ahli memilih Penyedia PRS yang sesuai dengan keadaan dan permintaan unik ahli.

- 7B.163 Pemindahan manfaat terakru boleh dilakukan dengan melengkapkan borang pindahan (TF) PPA, salinannya boleh didapati daripada Penyedia PRS. Ahli perlu menghubungi Penyedia PRS Penerima Pindahan untuk mengisi borang. Pada TF tersebut, ahli perlu menyatakan jumlah bilangan unit untuk dipindahkan daripada dana Penyedia PRS Pemindah dan menyatakan nama dana yang akan dipindahkan serta bilangan unit yang akan dipindahkan.
- 7B.164 Ahli boleh melakukan pemindahan penuh atau sebahagian daripada satu atau beberapa dana yang diuruskan oleh Penyedia PRS Pemindah.
- 7B.165 Ahli tidak perlu menunjukkan perincian bilangan unit yang akan dipindahkan daripada sub-akaun A dan sub-akaun B masing-masing. Penyedia PRS Pemindah akan mengisi butiran yang diperlukan dengan mengisi bahagian berkenaan dalam TF. Peruntukan unit antara sub-akaun A dan sub-akaun B adalah berdasarkan nisbah 70-30. Ini bermakna 70% daripada unit akan ditebus dan dipindahkan dari sub-akaun A dana pemindah ke sub-akaun A dana penerima pindahan, manakala 30% daripada unit akan ditebus dari sub-akaun B dana pemindah dan dipindahkan ke sub-akaun B dana penerima pindahan.
- 7B.166 Walau bagaimanapun, disebabkan oleh pengeluaran sebelum persaraan dari sub-akaun B selama bertahun-tahun, baki dalam sub-akaun B mungkin tidak mencukupi untuk melaksanakan pemindahan mengikut nisbah 70-30. Dalam keadaan ini, Penyedia PRS Penerima Pindahan akan dibenarkan untuk menebus baki unit daripada sub-akaun A dana pemindah untuk membeli unit dalam sub-akaun A dana penerima pindahan bagi memenuhi permintaan pemindahan.

Contoh:

Leo mencarum kepada PRS yang diuruskan oleh Penyedia PRS A dan Penyedia PRS B yang menguruskan Dana Bon Alpha dan Dana Ekuiti Beta masing-masing. Untuk caruman awal, beliau memperoleh 1,000 unit dalam Bon Alpha dan Ekuiti Beta pada harga RM1.00 seunit masing-masing. Selepas caruman ini, Leo melakukan urus niaga berikut:

- (a) mengeluarkan 250 unit Bon Alpha pada harga RM2.00 seunit; dan
- (b) memindahkan 450 unit Bon Alpha ke dalam Ekuiti Beta pada harga RM2.00 seunit.

Jadual 7B.9 menunjukkan pergerakan dalam sub-akaun A dan sub-akaun B Leo berdasarkan urus niaga yang telah dilakukan oleh Leo.

Jadual 7B.9: Pemindahan dari sub-akaun B dengan baki kurang daripada 30%

Urus Niaga	Nama Dana	Unit	Harga (RM)	Jumlah (RM)		Jumlah pelaburan (RM)	Nota penjelasan
				Sub-akaun A	Sub-akaun B		
	Bon Alpha	1,000	1.00	700	300	1,000	

Urus Niaga	Nama Dana	Unit	Harga (RM)	Jumlah (RM)		Jumlah pelaburan (RM)	Nota penjelasan
				Sub-akaun A	Sub-akaun B		
Pelaburan awal	Ekuiti Beta	1,000	1.00	700	300	1,000	Sub-akaun A dan B mengekalkan 70% dan 30% daripada jumlah pelaburan masing-masing
Sebelum pengeluaran	Bon Alpha	1,000	2.00	1,400	600	2,000	
	Ekuiti Beta	1,000	1.50	1,050	450	1,500	
Pengeluaran	Bon Alpha	(250)	2.00	-	(500)	(500)	-
Selepas pengeluaran	Bon Alpha	750	2.00	1,400	100	1,500	Selepas pengeluaran, sub-akaun A dan B mempunyai kira-kira 93% dan 7% daripada jumlah pelaburan masing-masing (rujuk kepada pengiraan dalam Nota 1 di bawah)
	Ekuiti Beta	1,000	1.50	1,050	450	1,500	-
Sebelum pemindahan	Bon Alpha	750	2.00	1,400	100	1,500	Harga unit Ekuiti Beta meningkat sebanyak RM0.50 seunit
	Ekuiti Beta	1,000	2.00	1,400	600	2,000	
Pemindahan	Bon Alpha	(450)	2.00	(800)	(100)	(900)	Jumlah dipindahkan dari sub-akaun B adalah kurang daripada 30% jumlah pemindahan (rujuk kepada pengiraan dalam Nota 2 di bawah)
Selepas Pemindahan	Bon Alpha	300	2.00	600	0	600	

Urus Niaga	Nama Dana	Unit	Harga (RM)	Jumlah (RM)		Jumlah pelaburan (RM)	Nota penjelasan
				Sub-akaun A	Sub-akaun B		
	Ekuiti Beta	1,450	2.00	2,030	870	2,900	Sebahagian daripada jumlah yang dipindahkan dari sub-akaun A Bon Alpha telah dipindahkan ke sub-akaun B dari Ekuiti Beta untuk mengekalkan nisbah 70:30 (rujuk kepada pengiraan dalam Nota 3 di bawah)

Nota 1:

$$\frac{\text{Jumlah dalam sub – akaun A Bon Alpha}}{\text{Keseluruhan jumlah pelaburan dalam Bon Alpha}} = \frac{RM1,400}{RM1,500} \approx 93\%$$

$$\frac{\text{Jumlah dalam sub – akaun B Bon Alpha}}{\text{Keseluruhan jumlah pelaburan dalam Bon Alpha}} = \frac{RM100}{RM1,500} \approx 7\%$$

Nota 2:

$$\frac{\text{Jumlah dipindah dari sub – akaun A Bon Alpha}}{\text{Keseluruhan jumlah dipindah dari pelaburan dalam Bon Alpha}} = \frac{RM800}{RM900} \approx 89\%$$

$$\frac{\text{Jumlah dipindah dari sub – akaun B Bon Alpha}}{\text{Keseluruhan jumlah dipindah dari pelaburan dalam Bon Alpha}} = \frac{RM100}{RM900} \approx 11\%$$

Nota 3:

Bilangan unit yang diperoleh dalam Ekuiti Beta dengan jumlah yang dipindahkan dari Bon Alpha

$$= \frac{\text{Jumlah yang dipindahkan dari Bon Alpha}}{\text{Harga seunit Ekuiti Beta}} = \frac{\text{RM900}}{\text{RM2}} = 450 \text{ unit} = A$$

Keseluruhan jumlah pelaburan dalam Ekuiti Beta Equity selepas pemindahan
= (bilangan unit dalam Ekuiti Beta Equity sebelum pemindahan + A) × Harga seunit Ekuiti Beta

$$= (1,000 \text{ unit} + 450 \text{ unit}) \times \text{RM2 seunit} = \text{RM2,900} = B$$

$$\begin{aligned} &\text{Jumlah dalam sub – akaun A Ekuiti Beta E selepas pemindahan} \\ &= 70\% \times B = 70\% \times \text{RM2,900} = \text{RM2,030} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} &\text{Jumlah dalam sub – akaun B Ekuiti Beta selepas pemindahan} \\ &= 30\% \times B = 30\% \times \text{RM2,900} = \text{RM870} \end{aligned}$$

Oleh itu, jumlah yang dipindahkan dari sub-akaun A Bon Alpha untuk mengimbangi kekurangan dalam sub-akaun B Bon Alpha

= Jumlah yang perlu dipindahkan dari sub-akaun B Bon Alpha – Jumlah sedia ada dalam sub-akaun B Bon Alpha

= (30% × Jumlah yang dipindahkan dari Bon Alpha) – Jumlah dalam sub-akaun B Bon Alpha

$$= (30\% \times \text{RM900}) - \text{RM100} = \text{RM270} - \text{RM100} = \text{RM170}$$

7B.167 Sekiranya TF dilengkapkan dengan betul dan tidak ditolak, Penyedia PRS Pemindah mempunyai 5 hari perniagaan untuk melakukan pengesahan yang diperlukan, menebus unit yang berkenaan dan membayar Penyedia PRS Penerima Pindahan.

7B.168 Selepas bayaran dilakukan, Penyedia PRS Pemindah perlu memaklumkan PPA dan memuat naik TF ke portal PPA dengan memasukkan butiran tambahan, seperti potongan yuran pemindahan dan penebusan (jika ada) dan juga harga unit yang ditebus untuk sub-akaun A dan B bagi setiap dana. Jika berlaku penolakan, Penyedia PRS Pemindah akan menyatakan sebab penolakan tersebut di portal PPA dan TF akan dikembalikan kepada Penyedia PRS Penerima Pindahan dan ahli untuk tindakan selanjutnya.

7B.169 Syarat untuk pemindahan antara Penyedia PRS adalah seperti berikut:

- (a) Hasil daripada pembatalan unit dalam sub-akaun A (sama ada dari satu atau beberapa dana) mesti digunakan untuk mewujudkan unit dalam sub-akaun A untuk satu atau beberapa dana yang diuruskan oleh Penyedia Penerima Pindahan. Begitu juga, hasil daripada pembatalan untuk sub-akaun B (sama ada dari satu atau beberapa dana) mesti digunakan untuk mewujudkan unit dalam sub-akaun B untuk satu atau beberapa dana oleh Penyedia Penerima Pindahan.

- (b) Pemindahan pertama dilakukan selepas satu tahun penuh dari tarikh caruman pertama ke mana-mana dana di bawah mana-mana Skim yang diuruskan oleh Penyedia PRS Pemindah;
- (c) Tidak terdapat pemindahan terlebih dahulu dengan Penyedia PRS Pemindah dalam tahun kalendar tersebut;
- (d) Terdapat unit yang mencukupi dalam dana yang dipilih oleh ahli untuk pemindahan;
- (e) Setiap permintaan pemindahan hanyalah antara dua Penyedia PRS yang mesti melibatkan pemindahan satu atau lebih daripada satu dana dari Penyedia PRS Pemindah ke satu atau lebih daripada satu dana Penyedia PRS Penerima Pindahan; dan
- (f) Jumlah dari satu dana tertentu yang dipilih untuk pemindahan mesti dipindah ke satu (1) dana lain.

Contoh 1:

Pada 1 Jan 20X3, Ishak melabur RM1,000 dalam PRS Alpha dan membeli 1,000 unit Dana Bon Alpha dengan NAB RM1.00. Pada tarikh yang sama, beliau juga melabur RM1,000 dalam PRS Beta dan membeli 1,000 unit Dana Ekuiti Beta dengan NAB RM1.00.

Pada 1 Mac 20X4, Ishak mengambil keputusan untuk memindahkan pegangan beliau daripada PRS Beta kepada PRS Alpha. NAB untuk dana masing-masing ialah RM2.00 bagi Dana Bon Alpha dan RM0.80 untuk Dana Ekuiti Beta. PRS Beta akan menjual 1,000 unit pegangan Ishak dalam Dana Ekuiti Beta untuk RM800 (1,000 x RM0.80) manakala PRS Alpha akan membeli unit Dana Bon Alpha.

Untuk tujuan ilustrasi, kami mengandaikan di bawah bahawa yuran pemindahan ke Penyedia PRS yang lain ialah RM25, yang dikenakan kepada PRS Beta. Pegangan Ishak dari pelaburan awal sehingga selesai proses pemindahan adalah seperti berikut:

Jadual 7B.10A: Pegangan Ishak

Tarikh	Nama Dana	Unit	Harga (RM)	Jumlah kasar		Yuran pemindahan (RM)	Jumlah bersih		JUMLAH (RM)
				Sub-akaun A	Sub-akaun B		Sub-akaun A	Sub-akaun B	
Pelaburan awal									
1 Jan 20X3	Bon Alpha	1,000	1.00	700	300	Tidak berkenaan			1,000
	Equiti Beta	1,000	1.00	700	300	Tidak berkenaan			1,000
Sebelum pemindahan									
1 Mac 20X4	Bon Alpha	1,000	2.00	1,400	600	Tidak berkenaan			2,000
	Equiti Beta	1,000	0.80	560	240	Tidak berkenaan			800
Proses pemindahan keluar									
1 Mac 20X4	Equiti Beta	1,000	0.80	560	240	25	535	240	775
Selepas pemindahan									
6 Mac 20X4	Bon Alpha	1,387.5	2.00	1,942.5	832.5	Tidak berkenaan			2,775
	Equiti Beta	0	0.80	0	0	Tidak berkenaan			0

Ambil perhatian perkara berikut:

- Penyedia PRS hanya boleh mengenakan bayaran perbelanjaan sebenar dan sewajarnya yang ditanggung berhubung dengan pemindahan kepada Penyedia PRS yang lain atau penukaran antara dana dalam Skim seperti yang dinyatakan dalam dokumen pendedahan.
- Yuran Penyedia, iaitu Bayaran Penebusan dan Yuran Pemindahan, di mana berkenaan, akan ditolak daripada sub-akaun A.
- Jika permintaan pemindahan adalah lebih daripada satu dana dari Penyedia yang sama, Yuran Pemindahan akan dibahagikan mengikut bilangan dana. Sebagai contoh, jika Yuran Pemindahan ialah RM25 dan melibatkan dua dana dari penyedia yang sama, Yuran Pemindahan untuk setiap dana ialah RM12.50.
- Seperti mana pewujudan dan penebusan unit, Penyedia PRS mesti mendapatkan harga seunit pada masa penilaian berikutnya selepas permintaan diterima.
- Ahli perlu menyedari bahawa terdapat susulan masa dalam proses pemindahan kerana proses melibatkan penebusan unit dan pewujudan unit oleh Penyedia berlainan. Oleh itu, harga dana mungkin berubah akibat daripada pergerakan atau turun naik pasaran.

Contoh 2:

Ahmad mempunyai dua dana dengan PRS Alpha dan ingin memindah keluar dari Penyedia Beta (dana Pertumbuhan dan Sederhana). Pemindahan tersebut sepatutnya adalah seperti berikut:

Jadual 7B.10B: Pemindahan antara dana PRS

URUS NIAGA PEMINDAHAN KELUAR			PEMINDAHAN MASUK
Nama Dana	Unit	Bilangan unit	
Alpha Konservatif	Penuh / Sebahagian	Nota: Untuk pemindahan penuh, ahli tidak perlu mengisi ruang ini	Beta Pertumbuhan
Alpha Syariah	Penuh / Sebahagian	100	Beta Sederhana

Contoh 3:

Ahmad mula bekerja dengan Syarikat ABC pada 1 Januari 20X4. Syarikat ABC memulakan caruman RM100 sebulan dengan PRS Bravo bagi pihak Ahmad pada hari yang sama. Pada 1 Julai 20X4, Ahmad juga mula mencarum sendiri dengan PRS Bravo.

Pada 1 Januari 20X5, Ahmad dibenarkan untuk memindah manfaat terakru dalam PRS Bravo ke PRS lain (katakan, PRS Echo) yang dipilih oleh beliau kerana:

- (a) 1 tahun telah berlalu sejak caruman pertama kepada PRS Bravo;
- (b) Caruman kepada mana-mana dana di bawah sebarang Skim boleh dilakukan daripada majikan atau individu sendiri.

Jika kita menganggap bahawa Ahmad juga membuat caruman kepada PRS Delta dari 1 Oktober 20X3, beliau juga dibenarkan untuk memindahkan manfaat terakru daripada PRS Delta dalam tahun kalendar 20X5. Ini disebabkan PRS Delta merupakan Penyedia PRS yang berlainan dan ini juga kali pertama pemindahan daripada PRS Delta diminta pada tahun kalendar tersebut.

Wang Tidak Dituntut dan Kematian Ahli

7B.170 Penyedia PRS perlu mengekalkan akaun ahli walaupun jika ia tidak aktif (tiada penerimaan wang dan pergerakan antara dana selepas tempoh tertentu). Sekiranya akaun tidak aktif untuk tempoh 12 bulan berikutan hari lahir ke-100 ahli, Pemegang Amanah Skim mungkin membayar apa-apa manfaat terakru tidak dituntut yang dipegang oleh Pemegang Amanah Skim kepada pendaftar wang tidak dituntut, menurut peruntukan Akta Wang Tidak Dituntut 1965. Sebelum membayar manfaat terakru tidak dituntut kepada pendaftar wang tidak dituntut, Penyedia PRS mesti mendapatkan kelulusan PPA.

7B.171 Selepas kematian seorang ahli, wakil peribadi ahli seperti wasi atau pentadbir boleh melakukan permohonan untuk melakukan pengeluaran daripada Penyedia PRS yang berkenaan. Dokumen sokongan seperti sijil pengesahan wasiat, surat pentadbiran atau Sijil Faraid mesti dihantar kepada Penyedia PRS sebaik sahaja ia boleh dilaksanakan. Berikutan ini, semua dokumen tersebut akan diserahkan kepada PPA untuk mendapat kebenaran mereka. Selepas mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada PPA, Penyedia PRS yang berkenaan mesti membayar hasil belian balik unit dalam tempoh 7 hari kepada wakil peribadi Ahli PRS yang telah meninggal dunia.

Penamaan PRS

7B.172 Berkuatkuasa 1 Ogos 2017, ahli PRS boleh menamakan seorang atau beberapa orang untuk menerima manfaat terakru PRS selepas kematian ahli PRS.

Penama dan saksi untuk penamaan

7B.173 Ahli yang merupakan warganegara Malaysia atau warga asing yang mempunyai status pemastautin tetap di Malaysia boleh menamakan mana-mana individu untuk menerima manfaat terakru selepas kematian beliau. Penamaan akan berkuatkuasa hanya selepas borang pencalonan yang lengkap dan disaksikan telah diterima oleh PPA atau Penyedia PRS, yang mana lebih awal.

7B.174 Penama mestilah seorang individu (bukan badan kebajikan/organisasi/pertubuhan) tetapi boleh termasuk seorang di bawah umur. Ahli PRS boleh menamakan sehingga 6 penama. Borang pencalonan mesti disaksikan oleh seorang yang waras dan telah berumur 18 tahun dan yang bukan:-

- (a) Seorang penama;
- (b) Pasangan penama;
- (c) Seorang kakitangan PPA atau Penyedia PRS; atau
- (d) Perunding Penyedia PRS.

Senario penamaan PRS

7B.176 Perenggan yang berikut memberi gambaran mengenai penamaan PRS dan penerimaan penama untuk manfaat terakru ahli PRS selepas kematian beliau.

- (a) Adam mempunyai pegangan PRS dengan Penyedia PRS ABC dan Penyedia PRS XYZ seperti yang ditunjukkan di bawah:

Penyedia ABC – Dana 1	500 unit	RM500
Penyedia XYZ – Dana 2	500 unit	RM500

- (b) Adam boleh menamakan isteri beliau untuk menerima/mentadbir 60% daripada pegangan PRS dalam akaun PRS beliau, dan menamakan adik beliau untuk menerima/mentadbir baki 40%. Adam boleh melengkapkan borang pencalonan PRS seperti berikut:

Bil.	Nama Penama (seperti KP/ Pasport)	No. KP/ Pasport	No. Tel. Bimbit	Peratusan Diperuntukkan (%)
1	Isteri	XXX	XXX	60%
2	Adik	XXX	XXX	40%
Jumlah				100%

- (c) Sekiranya Adam meninggal dunia, isteri dan adik beliau akan menerima manfaat terakru seperti berikut:

	Isteri (60%)		Adik (40%)	
	Unit	RM	Unit	RM
Penyedia ABC – Dana 1	300	300	200	200
Penyedia XYZ – Dana 2	300	300	200	200

Pengeluaran selepas kematian ahli PRS

7B.176 Penama perlu mengemukakan dokumen berikut yang mesti lengkap dan teratur:-

- Borang pengeluaran selepas kematian Ahli;
- Salinan sijil kematian ahli yang diperakui; dan
- Kad Pengenalan Penama (KP)/Kad Pengenalan Polis/Kad Pengenalan Tentera/Pasport (untuk warga asing)

Maklumat lengkap mengenai dokumen yang diperlukan boleh didapati di laman web PPA.

Pembatalan penamaan PRS

7B.177 Penamaan akan dibatalkan:-

- dengan kematian semua penama sepanjang hayat ahli
- dengan melengkapkan dan mengemukakan Borang Pembatalan Penamaan
- dengan apa-apa penamaan baharu yang berikutnya dibuat dengan melengkapkan dan mengemukakan Borang Penamaan
- apabila penama gagal menyerahkan borang pengeluaran yang berkenaan dalam tempoh satu (1) tahun berikutan kematian seorang ahli yang beragama Islam

Jenis Dana dalam Skim

7B.178 Matlamat PRS adalah memudahkan pengumpulan aset oleh ahli untuk digunakan semasa persaraan. Oleh itu, pelbagai dana mesti disediakan dalam Skim bagi memenuhi permintaan tertentu ahli PRS.

7B.179 Garis Panduan PRS membenarkan Penyedia PRS menawarkan tujuh jenis dana konvensional. Had ini boleh ditambahkan kepada 10 jenis dana jika Penyedia

PRS merancang untuk menawarkan dana patuh Shariah di bawah Skim. Secara alternatif, Skim tertentu boleh dibangunkan untuk dana patuh Shariah sahaja.

- 7B.180 Pilihan automatik adalah untuk ahli yang telah memilih Penyedia PRS mereka tetapi tidak menentukan pilihan dana. Keadaan lain mungkin apabila majikan menyalurkan caruman kepada Penyedia PRS tertentu tetapi kakitangan tidak melakukan pemilihan dana. Dalam kes sedemikian, caruman ini akan diperuntukkan ke pilihan automatik Penyedia PRS tersebut.
- 7B.181 Objektif mempunyai pilihan automatik bagi dana teras dalam setiap PRS adalah untuk memastikan bahawa bagi ahli yang tidak memilih dana tertentu, caruman akan disalurkan ke dana yang sesuai dengan umur mereka.
- 7B.182 Pada setiap masa, Penyedia PRS perlu memastikan bahawa Skim yang ditawarkan kepada orang ramai mempunyai pilihan automatik yang mengandungi dana teras. Tiga dana teras ini adalah –
- (a) dana konservatif;
 - (b) dana sederhana; dan
 - (c) dana pertumbuhan.

Objektif Pelaburan Skim

- 7B.183 Objektif pelaburan Skim dan dana dalam PRS mesti ditentukan dengan jelas, khusus dan secukupnya dalam surat ikatan.

Dana yang berbeza untuk toleransi risiko yang berbeza

- 7B.184 Walaupun tujuan utama PRS adalah memudahkan pengumpulan aset oleh ahli untuk digunakan dalam persaraan, ahli PRS akan mempunyai objektif pelaburan dan toleransi risiko berbeza yang perlu dipertimbangkan. Perunding PRS perlu menilai objektif ini bersama dengan toleransi risiko dan menasihati ahli dengan sewajarnya mengenai ketaktentuan pulangan dana dalam PRS dan kemungkinan mengalami risiko kerugian modal yang besar jika melabur dalam dana tertentu. Ahli perlu menyedari bahawa pulangan yang tinggi kemungkinannya membawa risiko yang lebih tinggi.
- 7B.185 Ahli juga perlu menyedari bahawa walaupun terdapat pilihan automatik yang berdasarkan umur, ini mungkin tidak sesuai untuk semua ahli kerana sesetengah ahli dalam lingkungan umur tersebut mungkin memilih portfolio yang lebih konservatif atau agresif. Pilihan automatik dibuat berdasarkan umur ahli. Peruntukan automatik ini juga mengikuti garis panduan pelaburan di mana jika tempoh pelaburan ahli adalah lebih panjang (iaitu ahli yang lebih muda), maka ahli tersebut mampu menghadapi lebih banyak risiko dan ketaktentuan pulangan yang lebih tinggi.
- 7B.186 Ini mungkin tidak benar untuk semua pelabur kerana sesetengah pelabur muda ingin menghindari risiko dan lebih cenderung kepada bon manakala sesetengah pelabur yang lebih tua mungkin inginkan yang sebaliknya. Perunding PRS perlu memastikan bahawa ahli tersebut selesai dengan profil risiko dana teras sebelum

melakukan cadangan.

- 7B.187 Jika ahli tidak memilih dana tertentu di bawah PRS, dana dalam pilihan automatik (dana teras) yang sepadan dengan umur mereka akan dipilih secara automatik. Butirannya adalah seperti berikut:

Dana konservatif (ahli berumur 55 tahun dan ke atas)

- 7B.188 Peruntukan aset untuk kumpulan umur ini memberi tumpuan kepada pengekalan modal. Pelaburan dilakukan terutamanya dalam aset yang menjana pendapatan. Risiko yang berkaitan dengan pelaburan tidak boleh menjejaskan nilai pelaburan yang dijanakan. Ahli dalam kumpulan umur ini boleh menerima ketaktentuan yang minimum.

Dana sederhana (ahli berumur 45 hingga 54 tahun)

- 7B.189 Peruntukan aset untuk kumpulan umur ini bertujuan untuk terus mengembangkan portfolio secara sebenar. Risiko diambil hanya apabila dianggap sesuai tanpa mengambil risiko pasaran yang tinggi. Ahli PRS dalam kumpulan umur ini boleh menerima ketaktentuan yang sederhana dalam pelaburan.

Dana pertumbuhan (ahli berumur di bawah 45 tahun)

- 7B.190 Peruntukan aset untuk kumpulan umur ini memberi tumpuan kepada pengembangan portfolio pelaburan secara stabil. Risiko yang berkaitan dengan pelaburan dianggap sesuai untuk pulangan yang dijanakan oleh pelaburan tersebut. Ahli dalam kumpulan umur ini boleh menerima ketaktentuan yang tinggi dalam pelaburan.

- 7B.191 Ia adalah penting untuk ambil perhatian bahawa keputusan peruntukan aset yang dikenakan ke atas ahli melalui sekatan dari segi risiko yang berkaitan dengan pelaburan dan tahap toleransi dalam ketaktentuan adalah supaya ia dapat disesuaikan dengan umur ahli. Sebagai contoh, aset yang diperuntukkan bagi dana konservatif menghadkan ketaktentuan dan risiko pulangan dana. Ini adalah sesuai memandangkan ahli sudah bersedia untuk bersara dan tidak patut terdedah kepada banyak risiko.

Risiko Am dan Profil Pulangan sesetengah jenis Dana

Dana pengurusan tunai

- 7B.192 Dilaburkan terutamanya dalam instrumen pasaran wang dan deposit, ketaktentuan pulangan untuk jenis dana ini adalah agak rendah. Pulangan dana ini sepatutnya menggambarkan pulangan dalam akaun deposit tetap. Ia juga paling kurang berisiko berbanding dana jenis lain.

Dana indeks

- 7B.193 Dana jenis ini bertujuan menjejaskan indeks dan meniru pulangan untuk ahli PRS. Ketaktentuan pulangan dan risiko yang berkaitan dengan dana indeks akan

bergantung pada jenis indeks yang dijejakinya. Sesetengah daripada dana indeks dan tahap risiko mereka:

Indeks negara – Ekuiti pasaran baru muncul

- 7B.194 Indeks negara baru muncul seperti Indeks Komposit Shanghai di China atau Indeks Nifty di India sangat tidak menentu. Ini merupakan dana amat berisiko kerana komponen ekuitinya adalah 100%. Tambahan pula, dana jenis ini terdiri daripada ekuiti pasaran baru muncul yang lebih berisiko berbanding ekuiti di pasaran maju.

Indeks negara – Ekuiti pasaran maju

- 7B.195 Indeks negara maju seperti United Kingdom dan Jepun terdiri daripada syarikat yang lebih mantap. Oleh itu, pulangan untuk indeks adalah lebih stabil berbanding pasaran baru muncul. Dana jenis ini kurang berisiko berbanding dana yang terdiri daripada ekuiti pasaran baru muncul. Namun demikian, ia lebih berisiko berbanding dana yang mempunyai komponen ekuiti yang lebih rendah.

Indeks serantau – Ekuiti

- 7B.196 Indeks serantau memberi pelabur lebih kepelbagaian (syarikat dari negara yang berlainan) dan beberapa objektif pelaburan khusus (contohnya, REIT Asia). Pulangannya agak stabil. Dana jenis ini kurang berisiko berbanding dana indeks negara kerana ia menawarkan lebih kepelbagaian. Namun demikian, ia lebih berisiko berbanding dana bon kerana komponen ekuitinya adalah 100%.

Indeks global – Bon

- 7B.197 Indeks global terdiri daripada pelbagai komponen negara dan terbitan individu. Kepelbagaian ini menyediakan profil pulangan yang stabil bagi indeks jenis ini. Tambahan pula, aset pendasar adalah kurang berisiko berbanding ekuiti. Dana jenis ini kurang berisiko berbanding indeks ekuiti atau dana negara tetapi lebih berisiko berbanding dana pengurusan tunai.

Ketaktentuan

- 7B.198 Ketaktentuan merupakan ukuran perubahan harga instrumen kewangan dari masa ke masa. Dana yang dinyatakan di atas mengandungi ekuiti, bon dan aset lain yang mempunyai perubahan harian dalam harga, oleh itu, NAB dana tersebut akan mempunyai perubahan harian. Dana yang tidak menentu adalah di mana pulangan harian akan turun naik dalam lingkungan kemungkinan harga yang besar manakala dana yang kurang turun naiknya bermakna pulangan harian akan turun naik dalam lingkungan kemungkinan harga yang lebih rendah.

Jenis Kelas Aset

7B.199 PRS terdiri daripada pelbagai dana yang dinamakan dana teras dan dana bukan teras. PRS juga akan dilaburkan dalam pelbagai jenis kelas aset yang dijelaskan secara ringkas di bawah.

Bon

7B.200 Bon adalah pelaburan hutang di mana pelabur meminjamkan wang kepada entiti (syarikat, supranasional atau kerajaan) yang meminjam dana untuk jangka masa tertentu pada kadar faedah tetap. Bon digunakan untuk membiayai pelbagai projek dan aktiviti korporat. Bon juga biasanya dirujuk sebagai sekuriti pendapatan tetap kerana bayaran kupon daripada bon ini ditetapkan terlebih dahulu dan berkontrak. Tahap kadar faedah bon ditentukan oleh kualiti kredit terbitan dan tempoh bon. Semakin rendah kualiti kredit penerbit, semakin tinggi kadar faedah yang dijangka. Dari segi tempoh bon, semakin lama tempoh matang bon, semakin tinggi kadar faedah yang dijangka bagi bon tersebut.

Ekuiti

7B.201 Perkataan ini menunjukkan kedudukan pemilikan atau ekuiti dalam syarikat. Pemegang ekuiti hanya menikmati tuntutan baki dalam syarikat selepas semua tuntutan terdahulu telah diselesaikan (iaitu tuntutan oleh pemegang hutang dan lain-lain). Berhubung dengan PRS, ekuiti merujuk kepada stok dan saham syarikat yang dilaburkan oleh dana di bawah Skim. Pulangan dana di bawah Skim adalah dalam bentuk dividen yang diterima dan peningkatan modal saham.

Instrumen pasaran wang

7B.202 Ini adalah aset kewangan yang mempunyai kecairan tinggi dan kematangan yang amat singkat (kurang daripada setahun). Instrumen pasaran wang terdiri daripada sijil deposit (SD), penerimaan jurubank, bil perbendaharaan, kertas komersial dan perjanjian belian balik (repos). Pasaran wang digunakan oleh peserta sebagai kaedah peminjaman dan pemberian pinjaman dalam jangka pendek.

Skim pelaburan kolektif

7B.203 Skim pelaburan kolektif adalah cara melabur bersama dengan pelabur lain untuk memanfaatkan kelebihan kerjasama berkumpulan.

7B.204 Kelebihan ini termasuk keupayaan mengupah pengurus pelaburan profesional, perkongsian kos dan kepelbagaian. Skim pelaburan kolektif ditakrifkan di bawah Garis Panduan PRS dan antara lain, termasuk dana unit amanah, amanah pelaburan harta tanah, dana dagangan bursa, dana borong dan dana tertutup.

Derivatif

- 7B.205 Derivatif adalah sekuriti di mana harganya bergantung pada atau berasal daripada satu atau lebih aset pendasar. Kontrak derivatif adalah di antara dua atau lebih pihak yang mana nilainya ditentukan oleh turun naik dalam aset pendasar. Jenis derivatif biasa adalah kontrak niaga hadapan, kontrak hadapan, opsyen dan swap.
- 7B.206 Sesebuah dana boleh melabur dalam derivatif yang sama ada disenaraikan atau disebut di bursa saham, atau diniagakan di pasaran OTC, dengan syarat pendedahan global dana daripada kedudukan derivatif tidak melebihi NAV dana pada setiap masa. Derivatif boleh digunakan untuk melindungi nilai risiko. Contohnya ialah sebuah syarikat Malaysia melindungi nilai hasil belum terima dalam US\$ melalui opsyen mata wang kerana terdapat kepercayaan bahawa US\$ akan lemah. Derivatif juga boleh digunakan untuk spekulasi. Membeli kontrak niaga hadapan bon kerajaan Malaysia untuk mendapat keuntungan daripada jangkaan penurunan kadar faedah adalah contoh tingkah laku spekulatif.

Harta tanah

- 7B.207 Harta tanah ditakrifkan sebagai tanah dan apa-apa yang kekal di atasnya, termasuk bangunan, perkakas siap dan apa-apa barangan yang disertakan dengan struktur. Harta tanah boleh dikumpulkan ke dalam tiga kategori luas berdasarkan penggunaannya, iaitu kediaman, komersial dan perindustrian. Contoh harta tanah adalah rumah, blok apartmen, tanah yang belum dibangunkan, bangunan pejabat, kompleks runcit, kondominium dan kilang.
- 7B.208 Tidak seperti aset lain, harta tanah paling dipengaruhi oleh keadaan setempat di kawasan berhampiran harta tanah tersebut. Tanpa mengambil kira kemelesetan ekonomi global atau negara, harga harta tanah paling dipengaruhi oleh faktor tempatan termasuk ketersediaan pekerjaan, kadar jenayah, sekolah yang baik, cukai harta tanah tempatan, berdekatan dengan kedai dan akses ke jalan utama.

Kebenaran untuk Dana

- 7B.209 Dana di bawah PRS mungkin termasuk dana teras dan dana bukan teras yang mesti diberi kebenaran oleh SC. Permohonan untuk kelulusan sesuatu Skim mesti mengandungi permohonan untuk mendapat kebenaran bagi sekurang-kurangnya dana teras di bawah Skim. Bagi dana bukan teras, permohonan boleh dilakukan pada bila-bila masa selepas mendapat kelulusan Skim yang mengandungi dana teras.
- 7B.211 Kebenaran yang diberi kepada dana boleh dibatalkan jika—
- (a) sebarang maklumat atau dokumen yang diberikan dalam permohonan adalah palsu atau mengelirukan atau mengandungi peninggalan ketara;
 - (b) dana teras tidak dilancarkan dalam tempoh enam bulan dari kebenaran;
 - (c) Penyedia PRS gagal mematuhi arahan SC atau keperluan dalam Garis Panduan PRS;

- (d) ia adalah untuk melindungi kepentingan orang ramai atau ahli secara keseluruhan.

Menamakan Dana

Dana teras (dana automatik)

7B.211 Dana teras dalam PRS adalah dana automatik yang mesti dinamakan:

- (a) (Masukkan Nama Penyedia PRS) – Dana Pertumbuhan;
- (b) (Masukkan Nama Penyedia PRS) – Dana Sederhana;
- (c) (Masukkan Nama Penyedia PRS) – Dana Konservatif

Dana bukan teras di bawah PRS

7B.212 Bagi dana bukan teras, Penyedia PRS dan Pemegang Amanah Skim perlu memastikan bahawa nama yang diberi kepada dana atau kelas unit mestilah sesuai, tidak mengelirukan atau bercanggah dengan nama dana lain. SC berhak untuk meminta Penyedia PRS menukar nama dana atau kelas unit jika nama tersebut dianggap tidak sesuai.

Yuran, Bayaran dan Perbelanjaan

7B.213 Bahagian ini membincangkan yuran dan bayaran yang memberi kesan kepada ahli PRS. Adalah penting untuk ahli memahami bahawa yuran dan bayaran yang lebih tinggi pasti akan mengurangkan prestasi dana jangka panjang. Ini disebabkan wang yang dilaburkan sebenarnya tersedia untuk pelaburan dan sebagai akibat langsung dari ini, perbelanjaan yang tinggi akan mengurangkan prestasi tahunan dana.

7B.214 Contoh di bawah menunjukkan fakta ini. Andaikan bahawa kesemua empat dana memberi pulangan kasar sebanyak 10% (sebelum yuran dan perbelanjaan) setiap tahun untuk 10 tahun akan datang.

Jadual 7B.11: Kesan yuran, bayaran dan perbelanjaan dana ke atas pulangan dana

	Dana A	Dana B	Dana C	Dana D
Bayaran jualan permulaan	0%	0%	0%	7%
Bayaran pengurusan tahunan dan perbelanjaan	0%	1%	2%	0%
Tersedia untuk pelaburan pada tahun 0	100%	100%	100%	93%
Pulangan kasar setiap tahun	10%	10%	10%	10%
Pulangan bersih setiap tahun	10%	9%	8%	10%
Jumlah pulangan selepas 10 tahun	259.4%	236.7%	215.9%	241.2%

- 7B.215 Dana A mengatasi prestasi Dana B dan Dana C hanya kerana yuran yang lebih tinggi untuk Dana B dan Dana C mengakibatkan aset terkumpul yang lebih rendah setiap tahun untuk ahli serta faktor pengkompaunan yang lebih kecil.
- 7B.216 Dana A mengatasi prestasi Dana D kerana bayaran jualan permulaan sebanyak 7% dalam Dana D bermakna hanya 93% daripada pelaburan awal dana dilaburkan untuk ahli. Ini menyebabkan pengurangan 7% dalam jumlah pulangan.
- 7B.217 Ia amat penting untuk ahli memahami pelbagai yuran, bayaran dan perbelanjaan yang terlibat supaya dapat melakukan keputusan termaklum sebelum menyertai PRS. Ia juga penting bagi ahli untuk ambil perhatian bahawa yuran yang dikenakan ke atas dana boleh didapati dalam bentuk yuran pemegang amanah, yuran yang dibayar kepada PPA dan yuran lain yang akan menjejaskan pulangan dana.

Bayaran/yuran urus niaga untuk berurusan dalam unit

- 7B.218 Ini adalah bayaran yang dikenakan ke atas ahli yang menyertai PRS. Ia mungkin terdiri daripada kedua-dua yuran masuk dan yuran keluar atau hanya yuran masuk. Jumlah bayaran, dan juga apabila ditanggung, akan dinyatakan dengan jelas dalam dokumen pendedahan. Bayaran ini kebanyakannya dikumpul oleh Penyedia PRS untuk membayar Perunding PRS dan untuk menampung kos pemasaran.
- 7B.219 Sebagai tambahan, bayaran urus niaga ini mesti jelas dibenarkan oleh surat ikatan dan dinyatakan sebagai jumlah tetap atau peratusan tetap harga unit atau jumlah yang dilaburkan.
- 7B.220 Penyedia PRS boleh mengubah bayaran urus niaga tetapi hanya selepas memaklumkan pemegang amanah dan SC mengenai perubahan tersebut dan mengeluarkan dokumen pendedahan tambahan dengan syarat perubahan tersebut adalah dalam lingkungan yang ditetapkan dalam surat ikatan. Tempoh tiga puluh hari perlu dipenuhi selepas dokumen pendedahan tambahan dikeluarkan sebelum bayaran urus niaga yang baharu boleh dilaksanakan. Sebarang peningkatan dalam jumlah maksimum atau kadar maksimum yang dinyatakan dalam surat ikatan hanya boleh dilakukan menurut resolusi khas yang diluluskan di mesyuarat ahli Skim atau dana dalam Skim, mengikut mana yang berkenaan.
- 7B.221 Untuk bertindak secara adil, diskaun dan rebat dalam apa-apa bentuk tidak dibenarkan. Penyedia PRS, ejen jualan dan pengedar mesti memaklumkan ahli dan pencarum dengan jelas mengenai kadar sebenar bayaran yang perlu dibayar.

Ganjaran Penyedia PRS dan Pemegang Amanah Skim

- 7B.222 Kedua-dua Penyedia PRS dan Pemegang Amanah Skim hanya boleh diberi ganjaran dalam bentuk yuran pengurusan tahunan dan yuran pemegang

amanah tahunan yang dikenakan ke atas dana. Yuran mesti terakru setiap hari dan dikira berdasarkan NAB dana (disebabkan kebanyakan yuran Penyedia PRS dan Pemegang Amanah Skim adalah berdasarkan pada peratusan saiz dana). Yuran ini mesti dibenarkan oleh surat ikatan dan jelas dinyatakan dalam dokumen pendedahan dengan mempertimbangkan peranan, tugas dan tanggungjawab pihak masing-masing.

7B.223 Peratusan yuran pengurusan hanya boleh dinaikkan melalui surat ikatan tambahan di mana ahli dana meluluskan resolusi khas untuk mempersetujui kenaikan tersebut.

7B.224 Penyedia PRS dibenarkan mengutip yuran sebagai ejen bagi pihak PPA. Yuran ini bukan ganjaran bagi Penyedia PRS dan tidak patut dikelirukan dengan yuran pengurusan tahunan.

Perbelanjaan dana

7B.225 Kecuali yuran yang perlu dibayar kepada PPA, hanya perbelanjaan (atau sebahagian daripadanya) yang berkaitan secara langsung dan diperlukan dalam pengendalian Skim dan pengurusan dana boleh dibayar daripada dana. Ini termasuk yang berikut:

- (a) Komisen atau yuran yang dibayar kepada broker atau peniaga;
- (b) Bayaran atau yuran penjagaan yang dibayar kepada sub-penjaga (jika berkenaan);
- (c) Cukai dan bayaran kerajaan dan pihak berkuasa tempatan yang lain;
- (d) Yuran audit dan perbelanjaan berkaitan daripada juruaudit yang dilantik oleh PRS;
- (e) Yuran penilaian dan perbelanjaan berkaitan oleh penilai bebas untuk manfaat dana;
- (f) Kos yang ditanggung dalam pengubahsuaian surat ikatan (selain yang memanfaatkan Penyedia PRS atau Pemegang Amanah Skim); dan
- (g) Kos yang ditanggung dalam sebarang mesyuarat ahli (selain yang memanfaatkan Penyedia PRS atau Pemegang Amanah Skim).

7B.226 Tanggungjawab terletak pada Pemegang Amanah Skim untuk memastikan bahawa semua perbelanjaan yang dikenakan ke atas dana adalah sah dan jumlah perbelanjaan yang dikenakan adalah berpatutan berdasarkan kadar komersial lazim. Pemegang Amanah Skim sendiri boleh dibayar balik perbelanjaan yang ditanggung semasa melaksanakan tugas sebagai pemegang amanah.

Kajian Semula Yuran dan Bayaran

7B.227 SC mempunyai kuasa untuk mengkaji semula yuran dan bayaran. Jika perbelanjaan dan yuran didapati tidak sejajar dengan objektif Skim atau menjejaskan kepentingan ahli, ia mungkin memerlukan perbelanjaan dan yuran sedemikian diselaraskan dengan perkhidmatan yang disediakan.

Pewujudan dan Pembatalan Unit Dana

- 7B.228 Unit dana diwujudkan dan dibatalkan oleh Pemegang Amanah Skim atas nasihat Penyedia PRS berikutan permintaan baharu daripada ahli atau bakal ahli PRS untuk membeli atau menjual unit.
- 7B.229 Selain tawaran awal dana di mana harga permulaan ditetapkan semasa tempoh tawaran (tempoh tidak melebihi 21 hari), semua urusan dalam dana mestilah pada NAB seunit dana pada masa penilaian berikutnya (biasanya pada hari perniagaan yang berikut) selepas permintaan jualan atau belian balik unit oleh Penyedia PRS. Ini dikenali sebagai penentuan harga hadapan dan adalah penting bagi ahli memahami rasional di sebalik penentuan harga ini.
- 7B.230 Dalam keadaan di mana kebenaran terlebih dahulu daripada PPA diperlukan untuk belian balik unit, urusan niaga tersebut akan berdasarkan pada NAB seunit dana pada masa penilaian berikutnya selepas kebenaran PPA telah diterima oleh Penyedia PRS.
- 7B.231 Bagi menyeragamkan Dealing-Cut-Off Time (DCT) dalam menerima permohonan untuk pembelian dan penebusan unit, FIMM telah menerbitkan IMS 1 - Masa Akhir Urus Niaga (Dealing Cut-Off Time) untuk Pembelian dan Penebusan Unit, di mana DCT penerimaan permohonan untuk pembelian dan penebusan menggunakan harga akhir hari yang sama tidak lewat daripada 4.00 petang pada setiap hari perniagaan. Sebarang permohonan yang diterima selepas DCT akan diproses berdasarkan harga akhir hari berikutnya.

Penentuan Harga Hadapan

- 7B.232 Lebih baik untuk menjelaskan penentuan harga hadapan dengan satu contoh. Katakanlah NAB seunit yang diumumkan untuk Dana A (sebuah dana ekuiti) pada 20 Mac 20X2 ialah RM1.00. Andaikan bahawa dalam waktu semalaman, terdapat pergolakan dalam pasaran ekuiti dan pasaran utama luar negara telah menjunam. Ahli XYZ ingin menukar ke dana yang lain, oleh itu, beliau menebus satu unit dalam Dana A dan mengemukakan permintaan pada 21 Mac.
- 7B.233 Penentuan harga hadapan bermakna Ahli XYZ hanya akan menerima penebusan pada harga NAB seunit pada 21 Mac (masa penilaian yang berikutnya) iaitu RM0.98. Membenarkan Ahli XYZ menebus pada RM1.00 seunit akan merugikan semua ahli lain kerana Ahli XYZ akan mendapat keuntungan RM0.02 seunit yang akan merugikan ahli yang lain.
- 7B.234 Sebaliknya, katakan pasaran luar negara mengalami pemulihan besar dan Ahli QRS ingin membeli dana dan mengemukakan permintaan beliau untuk membeli satu unit pada 21 Mac. NAB pada 21 Mac diumumkan sebagai RM1.03. Ahli QRS hanya boleh membeli dana pada RM1.03 seunit (harga hadapan). Membenarkan Ahli QRS untuk membeli dana pada NAB RM1.00 seunit yang lampau (pada 20 Mac 20X2) akan membenarkan Ahli QRS mendapat keuntungan yang akan merugikan ahli yang lain.

7B.235 Jadual 7B.12 di bawah memberikan data untuk contoh lain:

Jadual 7B.12: Harga unit dana PRS Penyedia A pada 23 dan 24 Januari 20X4

Penentuan Harga Dana PRS Penyedia A	
Tarikh	NAB
23 Januari 20X4	RM1.00
24 Januari 20X4	RM1.20

7B.236 Masa penilaian Penyedia A adalah pada jam 4.00 petang setiap hari perniagaan. Jika Ahli ABC mengemukakan permintaan untuk melabur dalam dana PRS pada jam 12.00 tengah hari pada 23 Januari 20x4, masa penilaian untuk pelaburan beliau ialah NAB pada 23 Januari 20x4 yang hanya akan diumumkan pada hari berikutnya.

7B.237 Jika Ahli XYZ mengemukakan permintaan untuk melabur dalam dana PRS pada jam 5.00 petang pada 23 Januari 20x4, NAB seunit untuk pelaburan beliau ialah RM1.20.

7B.238 Daripada contoh di atas, adalah jelas bahawa penentuan harga hadapan akan bergantung pada masa bagi masa penilaian berikutnya.

7B.239 Untuk permintaan pelaburan yang dikemukakan selepas titik atau masa penilaian, ia akan berdasarkan pada NAB hari perniagaan berikutnya. Adalah penting untuk mengetahui bahawa Penyedia PRS mempunyai masa penilaian yang berbeza.

Penilaian

7B.240 Penilaian yang adil dan tepat untuk semua aset dan liabiliti dana mesti dilakukan pada setiap masa penilaian supaya NAB seunit dana dapat ditentukan. Masa penilaian mesti digunakan secara tekal dan juga mesti dapat ditentusahkan dan adalah objektif. Setelah penilaian ditentukan, Pemegang Amanah perlu dimaklumkan dengan segera. NAB dana perlu diterbitkan setiap hari di laman web Penyedia PRS dan PPA.

7B.241 Masa penilaian mesti dinyatakan sekurang-kurangnya sekali setiap hari perniagaan walaupun dalam keadaan tertentu di mana terdapat pengaturan balik yang terhad atau pelaburan dalam aset tidak cair (seperti harta tanah), keperluan penilaian harian tidak digunakan. Dalam keadaan sedemikian, masa penilaian mesti dinyatakan dengan jelas dalam dokumen pendedahan dan ini mesti dilaksanakan sekurang-kurangnya sebulan sekali.

7B.242 Garis panduan SC memerlukan Penyedia PRS mengambil tindakan untuk membetulkan penilaian atau penentuan harga yang salah. Pembetulan perlu diperluaskan lagi kepada pembayaran balik wang jika penilaian atau penentuan harga yang salah tersebut adalah ketara. Walau bagaimanapun, tidak ada pentakrifan mengenai apa yang dianggap penting dan ini dibiarkan kepada budi bicara Penyedia PRS yang telah membawa kepada amalan yang tidak konsisten.

Ada kalanya, pendekatan tertentu mungkin dengan tidak sengajanya membawa kepada risiko berpotensi di mana ahli PRS menghadapi kerugian.

Pegangan Unit oleh Penyedia PRS

- 7B.243 Penyedia PRS boleh memegang unit dalam PRS untuk memudahkan jualan dan belian balik unit serta mengurangkan bilangan unit yang diwujudkan dan dibatalkan dengan pemegang amanah. Nilai stok unit boleh naik dan turun selaras dengan NAB bagi PRS tersebut. Seperti pemegang unit yang lain, Penyedia PRS boleh mendapat keuntungan atau kerugian dengan memegang unit dalam PRS dan ini boleh menjadi sumber keuntungan (atau kerugian) bagi Penyedia PRS tersebut. SC telah menetapkan had pegangan unit maksimum Penyedia PRS dalam PRS bagi mengehadkan pendedahan kewangan Penyedia PRS dalam aspek ini.
- 7B.244 Apabila Penyedia PRS atau perbadanan berkaitannya memegang unit dalam dana di bawah Skim yang diuruskannya, ia mesti memastikan bahawa terdapat polisi, prosedur dan kawalan yang mencukupi diwujudkan untuk menguruskan sebarang potensi konflik kepentingan.

Pengagihan, Pecahan dan NAB

Kesan pecahan ke atas NAB

- 7B.245 Pecahan unit akan mengurangkan NAB seunit tetapi ia tidak mempunyai kesan keseluruhan ke atas jumlah nilai pegangan ahli kerana pengurangan dalam NAB dapat diimbangi oleh jumlah unit yang lebih tinggi. Penyata kepada ahli juga perlu menjelaskan yang berikut-

- a) Apakah pemecahan unit;
- b) Tujuan melaksanakan latihan pemecahan unit; dan
- c) Impak pemecahan unit kepada dana dan pelaburan Ahli dari segi NAV seunit, bilangan unit dan jumlah nilai dana serta pelaburan ahli.

Memandangkan ianya sifat pemecahan unit, penjelasan hendaklah termasuk pernyataan berikut:

- nilai pelaburan dalam dana akan kekal sama, sama ada pelaburan dibuat sebelum atau selepas pemecahan unit; dan
- pemecahan unit tidak akan menjejaskan keuntungan masa hadapan dana.

Contoh:

Sehingga 2 April 20X2, Ahli ABC memegang satu unit Dana XYZ dengan NAB seunit bernilai RM2.10. Pecahan 2-untuk-1 telah diisytiharkan pada tarikh yang sama. Selepas pecahan unit, Ahli ABC memegang dua unit Dana XYZ tetapi dengan NAB seunit bernilai RM1.05.

Kesan pengagihan ke atas NAB

- 7B.246 Pengagihan (dari segi dividen) akan mengurangkan NAB seunit kerana sebahagian daripada NAB dipulangkan kepada ahli dalam bentuk bayaran tunai.

Dalam keadaan PRS di mana unit mesti diberi sebagai ganti kepada bayaran tunai, NAB dana masih akan dikurangkan kerana lebih banyak unit akan diwujudkan daripada kumpulan dana yang sama. Pengagihan pendapatan dalam bentuk unit adalah sama dengan pecahan unit seperti di atas.

Contoh:

Sehingga 1 Mac 20X2, Ahli QQQ memiliki 800 unit Dana MNO dengan NAB seunit bernilai RM2.00. Dividen RM0.40 seunit telah diisytiharkan dan dibayar pada tarikh yang sama dalam bentuk unit dana. Sebaik sahaja selepas bayaran dividen dilakukan, Ahli QQQ akan memegang 1,000 unit Dana MNO dengan NAB seunit yang lebih rendah iaitu RM1.60. Walaupun NAB seunit telah dikurangkan dengan pengagihan tersebut, Ahli QQQ tidak mengalami kerugian kerana beliau masih mempunyai jumlah kekayaan yang sama seperti dahulu.

- 7B.247 Jika Penyedia PRS memilih untuk tidak mengagihkan pendapatan atau mengisytiharkan dividen, harga unit dana akan naik dengan peningkatan NAB. Pada setiap masa, NAB dana perlu menunjukkan semua pendapatan tersedia yang terakru padanya.

Mengukur Prestasi dan Pulangan

- 7B.248 Ia adalah penting bahawa ahli dapat menilai prestasi dana di bawah PRS kerana ia membolehkan ahli membuat keputusan termaklum sama ada untuk terus melabur dalam dana semasa atau untuk menukar ke dana ataupun PRS yang lain.
- 7B.249 Prestasi dana disediakan dalam dokumen pendedahan dan laporan tahunan serta laporan interim dana di bawah Skim.

Purata jumlah pulangan

- 7B.250 Purata jumlah pulangan adalah ukuran seragam untuk prestasi bagi unit amanah dan dana. Ia mengukur jumlah pulangan bagi tempoh pengukuran (biasanya setahun) dengan mengira kedua-dua pengagihan pendapatan (dividen) dan perubahan dalam NAB seunit dana (keuntungan modal). Formula (%) diberikan sebagai:

$$\text{Purata Jumlah Pulangan} = \frac{(\text{Tempoh akhir NAB} - \text{Tempoh permulaan NAB}) + \text{Dividen}}{\text{Tempoh permulaan NAB}}$$

- 7B.251 Jadual berikut memberikan gambaran untuk pengiraan purata jumlah pulangan.
- Jadual 7B.13:** Pengiraan purata jumlah pulangan

	NAB (1 Jan 20X1)	NAB (31 Dis 20X1)	Dividen dibayar (20X1)
Dana A	RM1.00	RM1.02	RM0.05
Dana B	RM1.00	RM1.04	RM0.02

Dana A: Purata jumlah pulangan pada 20X1:

$$\frac{(RM1.02 - RM1.00) + RM0.05}{RM1.00} = 7\%$$

Dana B: Purata jumlah pulangan pada 20X1:

$$\frac{(RM1.04 - RM1.00) + RM0.02}{RM1.00} = 6\%$$

Pulangan tahunan terkompoun

- 7B.252 Satu lagi kaedah untuk mengukur prestasi ialah dengan menggunakan pulangan tahunan terkompoun (CAR). Langkah CAR berguna untuk membandingkan prestasi dana yang mempunyai tempoh pegangan yang berbeza. Sebagai contoh, bagaimana anda membandingkan dana di mana pelaburan anda meningkat daripada RM1,000 kepada RM1,300 dalam tempoh lima tahun berbanding dengan yang lain di mana RM1,000 meningkat kepada RM1,700 dalam tempoh 10 tahun. Dalam contoh pertama, kadar CAR ialah 5.39% manakala kadar CAR untuk yang kedua ialah 5.45%. CAR menyeragamkan dimensi masa supaya pulangan dalam tempoh berbeza boleh dibandingkan.
- 7B.253 Kelemahan kaedah ini ialah ia menganggap pulangan akan dikompounkan pada kadar yang sama bagi setiap tempoh (tahun). Satu lagi kelemahan ialah ia memberi tumpuan kepada unsur pulangan tanpa mempertimbangkan unsur risiko (ketaktentuan pulangan). Kelemahan ketiga ialah pengukuran CAR mesti dimasukkan apabila menilai prestasi.
- 7B.254 Katakan Dana A mempunyai CAR sebanyak 9.50% sepanjang 15 tahun yang lepas manakala Dana B mempunyai CAR sebanyak 10% sepanjang dua tahun yang lepas. Adakah Dana B lebih baik daripada Dana A? Tidak semestinya. Kelanjutan jangka hayat Dana A dan keupayaan untuk menghasilkan pulangan untuk lebih daripada 15 tahun (melebihi banyak kitaran pasaran) merupakan sifat yang baik walaupun ia mempunyai CAR yang lebih rendah dalam tempoh dua tahun lepas.
- 7B.255 Namun demikian, walaupun dengan kelemahan ini, CAR adalah kaedah yang berguna untuk menilai prestasi dana.

Komunikasi Elektronik

- 7B.256 Penyedia PRS boleh menggunakan sebarang bentuk komunikasi elektronik untuk mengedarkan laporan dana, penyata dan notis lain seperti yang dikehendaki di bawah Garis Panduan PRS, dengan syarat Penyedia PRS mematuhi perkara berikut:

- a) Ahli dimaklumkan mengenai kaedah komunikasi semasa pembukaan akaun; atau

- b) Sebelum menggunakan komunikasi elektronik sebagai kaedah komunikasi utama, Penyedia PRS mesti menghantar notis kepada semua ahli melalui pos, memaklumkan bahawa ahli akan didaftarkan secara automatik untuk menerima dokumen tersebut melalui komunikasi elektronik melainkan ahli memilih untuk menarik diri daripada kaedah komunikasi tersebut.

Aspek Operasi PRS Berasaskan Syariah

- 7B.257 Seperti yang dinyatakan dalam Bab 2 panduan pembelajaran ini, PRS berasaskan Syariah adalah agak sama dengan PRS konvensional. Namun, perlu ambil perhatian bahawa perbezaan utama adalah aktiviti berkaitan dengan PRS berasaskan Syariah perlu mematuhi keperluan Syariah. Surat ikatan dan prospektus dana berasaskan Syariah mesti digubal mengikut keperluan Syariah. Istilah yang digunakan dalam surat ikatan dan prospektus konvensional yang tidak selaras dengan Syariah, seperti instrumen berasaskan faedah dan pendapatan faedah, mesti dielakkan.
- 7B.258 Objektif PRS berasaskan Syariah adalah untuk mencapai pertumbuhan modal dan pendapatan dalam lingkungan Syariah. Oleh itu, strategi pelaburan juga perlu sejajar dengan objektif dana berasaskan Syariah. Selanjutnya, Penyedia PRS yang mengendalikan dan menguruskan PRS berasaskan Syariah perlu memastikan bahawa lebihan dana, seperti aset cair dan tunai, ditempatkan/dilaburkan dalam instrumen berasaskan Syariah.
- 7B.259 Pengurus/pegawai pematuhan perlu memastikan semua operasi harian mematuhi semua keperluan SC dan juga keperluan Syariah. Dalam membantu pengurus/pegawai pematuhan memastikan dana diuruskan dan ditadbir mengikut keperluan Syariah, Garis Panduan PRS memerlukan Penyedia PRS yang menawarkan PRS berasaskan Syariah melantik Jawatankuasa Syariah/Penasihat Syariah untuk mengawasi dan memberi nasihat yang diperlukan. Ini bertujuan memastikan PRS berasaskan Syariah yang ditawarkan kepada orang ramai diuruskan dan ditadbir mengikut keperluan Syariah.
- 7B.260 Sama dengan dana konvensional, Penyedia PRS juga perlu menerbitkan dan mengedarkan laporan interim dan tahunan bagi PRS berasaskan Syariah kepada ahli PRS. Laporan ini menyediakan pendapat penasihat Syariah sama ada dana telah dikendalikan dan diuruskan menurut garis panduan, peraturan atau keputusan berkenaan yang dikeluarkan oleh SC berkaitan dengan hal Syariah dan pernyataan bahawa portfolio pelaburan dana terdiri daripada instrumen yang telah dikelaskan sebagai patuh Syariah oleh SAC SC atau SAC BNM.
- 7B.261 Bagi instrumen yang tidak dikelaskan sebagai patuh Syariah oleh SAC SC atau SAC BNM, suatu pernyataan yang menyatakan bahawa status instrumen telah ditentukan mengikut ketetapan yang dikeluarkan oleh penasihat Syariah. Butiran terperinci dalam kajian semula pematuhan Syariah dan prosedur untuk pelupusan sekuriti tidak patuh Syariah dibincangkan dalam Bab 2 panduan pembelajaran ini.

Hubungan antara pihak-pihak dalam PRS Patuh Shariah

7B.262 Sebagai tambahan kepada struktur umum PRS yang diuraikan di bahagian awal bab ini, Penyedia PRS juga perlu mengetahui hubungan antara semua pihak dalam PRS berasaskan Shariah. Hubungan ini dijalin berdasarkan kontrak Shariah tertentu. Kontrak Shariah ini menunjukkan jenis kewajipan dan tanggungjawab semua pihak. Empat kontrak Shariah diguna pakai dalam PRS berasaskan Shariah, yang dijelaskan dalam jadual berikut:

Jadual 7B.14: Hubungan antara pihak dalam kontrak Shariah

Pihak	Kontrak Shariah
Di kalangan ahli	Kontrak Musyarakah wujud di kalangan pelabur (ahli) untuk berurusan dalam instrumen yang ditetapkan, dengan niat bahawa keuntungan yang diperoleh akan dikongsi di kalangan mereka mengikut sumbangan modal masing-masing atau nisbah perkongsian keuntungan lain yang dipersetujui.
Penyedia PRS dan Pemegang Amanah	Oleh kerana tidak ada hubungan langsung (dan tanggungjawab sewajarnya) antara kedua-dua pihak, oleh itu tidak ada kontrak yang wujud antara mereka. Walau bagaimanapun, kedua-duanya adalah ejen bagi ahli.
Ahli dan Penyedia PRS	Wakalah (agensi) Penyedia PRS bertindak untuk dan bagi pihak ahli untuk melabur dan menguruskan PRS. Bai Kontrak jual beli yang dilaksanakan antara ahli dan Penyedia PRS, yang biasanya berdasarkan bayaran tunai. Wadiah Yad-Dhamanah (penjagaan terjamin) - Sebelum pewujudan unit - Pemilik unit adalah ahli; penjaga adalah Penyedia PRS. - Kontrak akan dilaksanakan apabila Penyedia PRS menerima bayaran bagi pelaburan.

Pihak	Kontrak Syariah
Ahli dan Pemegang Amanah	1. Wakalah (agensi) Apabila pemegang amanah bertindak untuk dan bagi pihak ahli untuk menjaga dana amanah dan melindungi kepentingan ahli. 2. Wadiah Yad-Dhamanah (Selepas pewujudan unit) • Pemilik unit adalah ahli, penjaga adalah pemegang amanah dan unit adalah aset dana dalam bentuk wang dan pelaburan lain. • Kontrak wujud sebaik sahaja ahli membeli unit dan Penyedia PRS menandatangani pelaburan Penyedia PRS dengan pemegang amanah.

SOALAN LATIHAN

Soalan 1

Apakah manfaat yang boleh dinyatakan dari PRS?

- (i) Mengurangkan keperluan bagi rakyat Malaysia untuk melabur dalam unit amanah
- (ii) Sumber tambahan modal jangka panjang untuk pertumbuhan ekonomi
- (iii) Meningkatkan taraf hidup rakyat Malaysia apabila mereka bersara
- (iv) Meningkatkan beban fiskal Kerajaan untuk menyediakan jaringan keselamatan sosial

- (A) (i) dan (iv) sahaja
- (B) (i) dan (iii) sahaja
- (C) (ii) dan (iii) sahaja
- (D) (ii), (iii) dan (iv) sahaja

Jawapan: (C)

Soalan 2

Kenyataan manakah yang betul berkenaan dengan pencarum PRS?

- (i) Majikan boleh mencarum bagi pihak kakitangan
- (ii) Penyedia PRS menetapkan jumlah caruman minimum
- (iii) Ahli boleh menyumbang kepada hanya satu PRS
- (iv) Ahli boleh menghentikan caruman pada bila-bila masa

- (A) (i) dan (iv) sahaja
- (B) (i), (ii) dan (iv) sahaja
- (C) (i), (ii) dan (iii) sahaja
- (D) (ii), (iii) dan (iv) sahaja

Jawapan: (B)

Soalan 3

Penyedia PRS Delta mempunyai tiga dana teras dalam PRS mereka. Antara nama berikut, yang manakah boleh diterima sebagai nama dana teras?

- (i) Dana Pertumbuhan Delta
- (ii) Dana Pengurusan Tunai Delta
- (iii) Dana Sederhana Delta
- (iv) Dana Penjejak FBMKLCI Delta

- (A) (i), (ii) dan (iii) sahaja
- (B) (i) dan (iii) sahaja
- (C) (ii) dan (iii) sahaja
- (D) (ii) dan (iv) sahaja

Jawapan: (B)

SENARAI UNDANG-UNDANG, PENGAWALSELIAAN DAN GARIS PANDUAN YANG MENTADBIR INDUSTRI SUA & PRS

Nota: Senarai ini tidak lengkap dan tertakluk kepada perubahan. Perunding digalakkan mengunjungi laman web pengawal selia untuk mengakses dokumen pengawalseliaan terkini.

Pengawal selia	Undang-undang, Pengawalseliaan, Garis Panduan	Rujukan/Pautan
SC	Akta Pasaran Modal & Perkhidmatan 2007	https://www.sc.com.my/api/document/ms/download.ashx?id=2093f82c-7929-47e8-9279-f88e3b85dbbf
	Garis Panduan untuk Penawaran, Pemasaran dan Pengagihan Dana Asing	https://www.sc.com.my/api/document/ms/download.ashx?id=e7496dc0-e227-4d24-b7c0-4829b0ab33a9
	Garis Panduan mengenai Pengiklanan Produk Pasaran Modal dan Perkhidmatan Berkaitan	https://www.sc.com.my/api/document/ms/download.ashx?id=eed9034a-03f2-4df3-8b9c-64261bcba687
	Garis Panduan Fungsi Pematuhan bagi Syarikat Pengurusan Dana	https://www.sc.com.my/api/document/ms/download.ashx?id=8d6baf78-8700-47b7-8d3f-2eba4186a66e
	Garis Panduan Dana Dagangan Bursa	https://www.sc.com.my/api/document/ms/download.ashx?id=abe8a5b1-ad39-4976-8d86-25f7d660bb8c
	Garis Panduan Pengurusan Dana Islam	https://www.sc.com.my/api/document/ms/download.ashx?id=8698018f-e56c-4ddc-b20c-3fe46132e115
	Garis Panduan Pemasaran dan Pengagihan Dana Unit Amanah	https://www.sc.com.my/api/document/ms/download.ashx?id=fa1fcb30-43b7-45c5-bd74-12f04c1d0f88
	Garis Panduan Mengenai Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Menangani Pembiayaan Keganasan, Menangani Pembiayaan Perebakan dan Sekatan Kewangan Disasarkan untuk Institusi Pelapor dalam Pasaran Modal	https://www.sc.com.my/api/document/ms/download.ashx?id=34982547-10c6-4540-a4eb-d5ba9400db70
	Garis Panduan Amanah Pelaburan Harta Tanah	https://www.sc.com.my/api/document/ms/download.ashx?id=74f80e07-c11f-4a1b-acb3-44b02ac54c0b
	Garis Panduan Mengenai Lembaran Penerangan Produk (LPP)	https://www.sc.com.my/api/document/ms/download.ashx?id=0e79cecd-c0b3-4a7f-b850-b4fe775703bc
	Garis Panduan Dana Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab	https://www.sc.com.my/api/document/ms/download.ashx?id=1863d35d-9a34-4ccc-bf61-9f942b520b44
	Garis Panduan Pendaftaran dan Tatalaku Penyedia Perkhidmatan Pasaran Modal	https://www.sc.com.my/api/document/ms/download.ashx?id=ac95ed92-f753-40f2-9eca-1ca66ade6cae

SC	Prinsip Panduan Kesenambungan Perniagaan	https://www.sc.com.my/api/document/ms/download.ashx?id=451c268a-27a0-4102-84c9-5a1dd5ccfcf0
	Buku Panduan Pengendali CIS untuk CIS ASEAN	https://www.sc.com.my/api/document/ms/download.ashx?id=65caf3d7-5bdb-4462-a9e8-d28d76b5db88
	Garis Panduan Skim Persaraan Swasta	https://www.sc.com.my/api/document/ms/download.ashx?id=9ae32b79-6031-47b2-80a7-c23b0be61e24
	Garis Panduan Prospektus untuk Skim Pelaburan Kolektif	https://www.sc.com.my/api/document/ms/download.ashx?id=fda59971-0bdb-4da4-8d60-b61a20d01fe1
	Buku Panduan Pelesenan SC	https://www.sc.com.my/api/document/ms/download.ashx?id=72a2d5f9-d21c-4031-9bb1-dce87cd46194
FIMM	Kod Etika	https://www.fimm.com.my/home/circulars-guidelines/code-of-ethics/
	Peraturan Disatukan FIMM	https://www.fimm.com.my/home/circulars-guidelines/consolidated-rules/
	Piawaian Pengurusan Pelaburan	https://www.fimm.com.my/home/circulars-guidelines/investment-management-standards/
	Manual Pendaftaran	https://www.fimm.com.my/home/circulars-guidelines/registration-manual/

SINGKATAN

AUM	Aset Di Bawah Pengurusan
BNM	Bank Negara Malaysia
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
CFP	Perancang Kewangan Bertauliah
CEO	Ketua Pegawai Eksekutif
ChFC	Perunding Kewangan Bertauliah
CIS	Skim Pelaburan Kolektif
CMS	Sistem Pengurusan Kecekapan Pasaran Modal
CMSA	Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007
CMSL	Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal
CMSRL	Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal
COE	Kod Etika FIMM
CPD	Pembangunan Profesional Berterusan
CPRA	Penasihat Korporat bagi Skim Persaraan Swasta
CPRE	Peperiksaan Berkomputer Skim Persaraan Swasta
CUTA	Penasihat Korporat bagi Unit Amanah

CUTE	Peperiksaan Berkomputer Skim Unit Amanah
DCT	Takat Masa Berurusan
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
SPA KWSP	Skim Pelaburan Ahli KWSP
ETF	Dana Dagangan Bursa
FBM KLCI	Indeks Komposit FBM KLCI (Kuala Lumpur Composite Index)
FCR	Peraturan Disatukan FIMM
FIMM	Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia
FMOS	Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (Financial Markets Ombudsman Service)
FMC	Syarikat Pengurusan Dana
FMUTM	Persekutuan Pengurus Unit Amanah Malaysia kini dikenali sebagai Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia (FIMM)
FPAM	Persatuan Perancangan Kewangan Malaysia
ICF	Rangka Kerja Kecekapan Industri
ICM	Pasaran Modal Islam
IFP	Perancang Kewangan Islam

IMS	Piawaian Pengurusan Pelaburan
IOSCO	Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti
IPO	Tawaran Awam Permulaan
IPRA	Penasihat Institusi bagi Skim Persaraan Swasta
IUTA	Penasihat Institusi bagi Unit Amanah
KWAP	Kumpulan Wang Persaraan [Diperbadankan]
LHDN	Lembaga Hasil Dalam Negeri
LTAT	Lembaga Tabung Angkatan Tentera
MFPA	Persatuan Perancang dan Penasihat Kewangan Malaysia. Dahulunya dikenali sebagai Persatuan Perunding Kewangan Bertauliah Malaysia (MACHFC)
MFPC	Majlis Perancangan Kewangan Malaysia
PMKS	Perusahaan mikro, kecil dan sederhana
NAB	Nilai Aset Bersih
PDPA	Akta Perlindungan Data Peribadi
PHS	Lembaran Penerangan Produk
PPA	Pentadbir Pencen Swasta

PRS	Skim Persaraan Swasta
REIT	Amanah Pelaburan Harta Tanah
RFP	Perancang Kewangan Berdaftar
SAC	Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
SC	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
SCA	Akta Suruhanjaya Sekuriti
SIDC	Perbadanan Pembangunan Industri Sekuriti
SIDREC	Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SRO	Organisasi Kawal Selia Sendiri
TCF	Faktor Kos Urus Niaga
TF	Borang Pindahan PPA
SPUA	Syarikat Pengurusan Unit Amanah
SUA	Skim Unit Amanah

DEFINISI

Faedah terakru (Accrued benefits)	bermakna jumlah kepentingan bermanfaat ahli dalam PRS
Yuran pengurusan tahunan (Annual management fee)	Bermakna yuran yang dikira dan terakru setiap hari berdasarkan NAB Kasar dana yang dibayar oleh Pemegang Amanah daripada aset Skim kepada Penyedia Skim untuk pengurusan berterusan Skim. NAB Kasar mengambil kira yuran yang diperolehi (tetapi tidak dibayar kepada) Penyedia Perkhidmatan sehingga hari sebelumnya. Yuran pengurusan tahunan mengurangkan pendapatan Skim. Yuran pengurusan tahunan merangkumi perbelanjaan pengurusan yang termasuk perbelanjaan untuk pengurusan portfolio, yuran pengurus, kos pemegang amanah dan penjagaan, yuran audit, bayaran pentadbiran seperti mencetak laporan tahunan, cek pengagihan, bayaran pos dan perkhidmatan lain yang dilakukan dalam pentadbiran dana. Kos ini dibayar daripada aset dana.
Kadar pertumbuhan tahunan (Annual growth rate)	Bermakna jumlah pulangan Skim bagi tempoh satu tahun, atau selama beberapa tahun, dan dipuratakan untuk memberi suatu angka tahunan (biasanya sebagai kadar pulangan kompaun tahunan).
Borang permohonan (Application form)	Merujuk kepada dokumen yang disertakan dengan prospektus (atau kadang-kadang dimasukkan dalam prospektus) Skim, yang dilengkapi oleh pelabur sebelum dihantar kepada Penyedia Perkhidmatan dengan wang permohonan pelabur. Borang permohonan, yang mengandungi data peribadi dan data lain yang diperlukan untuk merekodkan pelabur sebagai pemegang unit/ahli PRS dalam senarai daftar pemegang unit/ahli PRS Skim, ditandatangani oleh pelabur bagi membuktikan beliau terikat oleh syarat surat ikatan.
Wang permohonan (Application money)	Merujuk kepada jumlah yang ingin dilaburkan oleh pelabur dalam unit Skim. Selepas membahagikan wang permohonan dengan harga jualan seunit dalam Skim, peruntukan bilangan unit yang menjadi hak pelabur boleh dilakukan oleh Skim dan catatan mengenainya dilakukan dalam daftar pemegang unit Skim tersebut.
CIS ASEAN (ASEAN CIS)	mempunyai makna yang sama seperti yang diberikan dalam Buku Panduan Pengendali CIS untuk CIS ASEAN
Peruntukan aset (Asset allocation)	Amalan menyebarkan portfolio pelaburan dalam pelbagai aset pelaburan (iaitu kelas aset), sebagai contoh, tunai, bon (atau sekuriti pendapatan tetap), ekuiti dan harta tanah, untuk mengurangkan tahap risiko agar sesuai dengan toleransi risiko pelabur.
Kelas aset (Asset class)	Merujuk kepada satu kumpulan sekuriti atau aset pelaburan lain, contohnya, ekuiti, harta tanah, tunai ataupun karya seni dan barangan antik.
Aset Skim (Assets of a Scheme)	Merujuk kepada pelaburan, jumlah belum terima (contohnya, penghutang untuk sekuriti yang dijual, jumlah yang terhutang daripada SPUA/Penyedia PRS bagi unit yang diwujudkan), dividen belum terima, pendapatan terakru dan tunai.
AUM (AUM)	Merujuk kepada aset di bawah pengurusan yang merupakan nilai bersih agregat semua aset dana ditolak liabiliti dana pada akhir

	setiap tahun kalendar.
Audit (Audit)	Merujuk kepada pemeriksaan rekod dan pengendalian SUA/PRS oleh seorang yang bebas (juruaudit) untuk menilai pematuhan keperluan perakaunan dan kawal selia (termasuk yang terkandung dalam surat ikatan SUA/PRS).
Juruaudit (Auditor)	Merujuk kepada seorang yang bebas atau syarikat audit yang dilantik oleh Skim untuk menjalankan audit ke atas Skim dan melaporkan penemuannya kepada pemegang unit dan pelabur. Dalam konteks PRS, ia juga bermakna juruaudit yang berdaftar di bawah seksyen 31O Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993.
Pelaburan dibenarkan (Authorised investment)	Merujuk kepada pelaburan Skim yang memenuhi sekatan ke atas pelaburan yang dikenakan menurut syarat surat ikatan. Pemegang amanah tidak akan menjelaskan pembelian pelaburan yang bukan pelaburan dibenarkan.
Pelaburan semula automatik (Automatic reinvestment)	Bermakna pengagihan dari SUA boleh, pada pemilihan pemegang saham, dilaburkan semula secara automatik dalam unit tambahan SUA oleh SPUA. SPUA boleh mengurangkan bayaran perkhidmatan awal yang perlu dibayar oleh pelabur atas unit yang diperolehi sebagai hasil pemilihan sedemikian.
Bear (Bear)	Merujuk kepada trend umum pasaran saham yang terus jatuh dan di mana terdapat lebih ramai penjual daripada pembeli, oleh itu menyebabkan harga pelaburan yang menurun. Bertentangan dengan Bul.
Cip biru (Blue chips)	Merujuk kepada huraian umum yang diberikan kepada syarikat besar dan yang dipermodalkan dengan baik di mana saham syarikat disenaraikan di bursa saham.
Bon (Bond)	Merujuk kepada sekuriti hutang yang dikeluarkan sebagai bukti pinjaman daripada pemegang bon kepada penerbit bon. Penerbit bon mungkin merupakan kerajaan, pihak berkuasa kerajaan atau perbadanan. Pemegang bon berhak mendapat bayaran balik jumlah pinjaman pada masa akan datang berserta faedah yang akan dibayar semasa tempoh pinjaman.
Bul (Bull)	Merujuk kepada trend umum pasaran saham yang meningkat dengan pesat dan di mana terdapat lebih ramai pembeli daripada penjual, oleh itu menyebabkan harga pelaburan yang meningkat. Bertentangan dengan Bear.
Pembatalan unit (Cancellation of units)	Merupakan pengurangan bilangan unit dalam pengedaran Skim. Sesuatu unit dibatalkan oleh pemegang amanah atas permintaan Penyedia Skim dan pemegang amanah membayar jumlah daripada aset Skim kepada Penyedia Skim. Jumlah yang perlu dibayar menunjukkan NAB seunit, oleh itu mengekalkan NAB bagi semua unit dalam pengedaran berikutan tindakan pembatalan tersebut.
Tunai (Cash)	Merujuk kepada instrumen pasaran wang (iaitu pinjaman) yang perlu dibayar balik dengan segera, contohnya, penerimaan jurubank, deposit panggilan (atau produk Islam yang setara bagi Skim berasaskan Syariah). Dalam Skim, wang kertas dan syiling pada amnya tidak merupakan sebahagian daripada aset Skim.

Sijil (Certificate)	Selepas membeli unit dalam SUA, pemegang unit mungkin menerima sijil (atau skrip). Ini menunjukkan bukti pemilikan. Sijil tersebut akan menunjukkan bilangan unit yang dipegang oleh pemegang unit dalam SUA dan akan ditandatangani oleh pemegang amanah dan SPUA. Kini, ia biasanya diganti dengan penyata unit yang dipegang dalam Skim, dicetak atas permintaan. Unit Skim yang tidak dikeluarkan sijil kadang-kadang dirujuk sebagai unit tanpa sijil.
Bayaran (Charges)	Merujuk kepada pelbagai yuran dan kos yang dibayar oleh pemegang unit dalam Skim hasil daripada pembelian dan pemegangan unit. Ini termasuk bayaran perkhidmatan awal, yuran pengurusan tahunan dan yuran keluar.
Dana tertutup (Closed-end fund)	Bermakna dana dengan jumlah unit dikeluarkan yang terhad dan mempunyai tempoh tawaran yang terhad.
CIS (CIS)	Merujuk kepada Skim Pelaburan Kolektif. Bagi tujuan panduan pembelajaran ini, ia bermakna skim atau sebarang pengaturan di mana— (a) ia dibentuk bagi tujuan, atau mempunyai kesan, untuk menyediakan kemudahan kepada individu untuk menyertai atau menerima keuntungan atau pendapatan yang timbul daripada pemerolehan, pemegangan, pengurusan atau pelupusan sekuriti, derivatif atau apa-apa harta lain (dirujuk sebagai “aset <u>skim</u>”) atau jumlah yang dibayar daripada keuntungan atau pendapatan sedemikian; (b) individu yang menyertai pengaturan tidak mempunyai kawalan harian ke atas pengurusan aset <u>skim</u>; (c) caruman daripada individu yang mengambil bahagian dalam pengaturan dan keuntungan atau pendapatan dari mana bayaran dilakukan, adalah dikumpulkan; dan (d) kecuali dana dagangan bursa (ETF) emas, aset skim dikendalikan oleh entiti yang bertanggungjawab ke atas pengurusan aset skim dan diluluskan/dibenarkan atau dilesenkan oleh pengawal selia sekuriti untuk menjalankan aktiviti pengurusan dana; Bagi tujuan Panduan Pembelajaran ini, takrif CIS tidak termasuk amanah perniagaan.
Komisen (Commission)	Merujuk kepada jumlah yang perlu dibayar oleh Penyedia Skim kepada Perunding kerana menjual unit dalam Skim kepada pelanggan, di mana ia dikira sebagai peratusan daripada jumlah permohonan (dikenali sebagai komisen awal); atau kerana terus memberi perkhidmatan kepada pelanggan yang kekal sebagai pemegang unit dalam Skim, di mana ia dikira sebagai peratusan daripada nilai unit pemegang unit yang dibayar pada tempoh berkala (dikenali sebagai komisen jejak).
Pematuhan (Compliance)	Merujuk kepada prosedur dan amalan yang dirangka bagi memastikan undang-undang dan pengawalseliaan luar diguna pakai ke atas sesuatu entiti (seperti Pengedar, pemegang amanah, Skim) dan bahawa peraturan dalamannya dipatuhi.

Manual pematuhan (Compliance manual)	Penyedia Skim mesti mengekalkan Manual Pematuhan yang menetapkan bagaimana Penyedia Skim tersebut memastikan pematuhan terhadap kewajipannya.
Unit pematuhan (Compliance unit)	Merujuk kepada sekumpulan individu (dikuasai oleh Pegawai Kanan Pematuhan yang melapor kepada Lembaga Pengarah Penyedia Skim) yang dipertanggungjawabkan oleh Penyedia Skim untuk mematuhi semua kewajipan yang dikenakan oleh surat ikatan, undang-undang sekuriti, Garis Panduan, Manual Pematuhan, dan lain-lain.
Unit dengan Letak Hak Bersyarat (Conditionally vested unit)	Bermakna unit yang memberi hak kepada ahli di mana hak bersyarat adalah tertakluk kepada pemenuhan syarat yang ditetapkan dalam jadual letak hak.
Perunding (Consultant)	Bermakna individu yang berdaftar dengan FIMM dan diberi kuasa untuk memasarkan dan mengedarkan SUA dan/atau PRS.
Caruman (Contribution)	Bermakna jumlah yang dibayar oleh pencarum kepada PRS.
Pencarum (Contributor)	Bermakna mana-mana individu yang mencarum kepada PRS dan termasuk ahli atau majikan yang memberi caruman kepada PRS bagi pihak kakitangannya
Hak tempoh bertenang (Cooling-off right)	Bermakna hak pelabur untuk mendapatkan bayaran balik jumlah pelaburan dalam dana, jika pelabur meminta untuk berbuat demikian dalam tempoh bertenang.
Dana teras (Core funds)	Bermakna satu atau lebih daripada satu dana di bawah pilihan automatik, iaitu dana konservatif, dana sederhana dan dana pertumbuhan yang memenuhi had pelaburan yang ditentukan dalam Garis Panduan PRS.
Perjanjian (Covenants)	Merujuk kepada syarat di bawah surat ikatan Skim yang dijanjikan oleh semua pihak yang terlibat, terutamanya Penyedia Skim dan pemegang amanah, sama ada antara satu sama lain atau kepada pemegang unit, contohnya, Penyedia Skim diperlukan untuk belian balik unit daripada pemegang unit atas permintaan pemegang unit.
Pewujudan unit (Creation of units)	Merujuk kepada pewujudan unit yang merupakan pertambahan bilangan unit dalam pengedaran bagi Skim. Unit diwujudkan sebagai pertukaran untuk tunai yang dibayar oleh Penyedia Skim kepada pemegang amanah untuk akaun Skim. Jumlah yang perlu dibayar menunjukkan NAB seunit, dengan itu, NAB bagi semua unit dalam pengedaran dikekalkan berikutan pewujudan unit tersebut.
Dengan pengagihan (Cum distribution)	Bermakna harga jualan seunit dalam Skim adalah dengan pengagihan apabila ia termasuk kelayakan untuk pengagihan yang diumumkan seterusnya. Bertentangan dengan Tanpa Pengagihan.
Penjaga (Custodian)	Biasanya merujuk kepada pemegang amanah (atau bank atau institusi kewangan lain yang dilantik oleh pemegang amanah yang bertanggungjawab kepada pemegang amanah), yang mempunyai hak penjagaan atau penyimpanan sekuriti dan aset lain Skim dengan selamat. Istilah ini kadang-kadang boleh ditukar ganti dengan 'pemegang amanah'. Walau bagaimanapun, penjaga

	mempunyai tanggungjawab fidusiari yang kurang daripada pemegang amanah.
Urusan (Dealings)	Istilah yang digunakan untuk menghuraikan pembelian dan penjualan unit dalam Skim oleh pelabur melalui Penyedia Skim bagi Skim. Kebanyakan unit amanah boleh diuruskan secara harian, iaitu pada setiap hari perniagaan.
Surat ikatan (Deed)	Dokumen undang-undang yang dilaksanakan antara pemegang amanah Skim dengan Penyedia Skim, yang menetapkan rangka kerja di mana semua pihak, termasuk pemegang unit, mesti beroperasi. Ia menjelaskan secara terperinci bagaimana Skim dikendalikan dan diuruskan dan bagaimana yuran akan dikenakan. Pelabur bersetuju menjadi pihak kepada surat ikatan dengan melengkapkan dan menandatangani borang permohonan bagi unit dalam Skim.
Pilihan automatik (Default option)	Merujuk kepada dana teras yang akan dipilih secara automatik untuk ahli yang tidak menentukan pilihan dana beliau selepas menyertai PRS.
Derivatif (Derivatives)	Merujuk kepada instrumen kewangan dengan ciri-ciri dan nilai yang bergantung pada nilai indeks atau aset pendasar seperti mata wang, sekuriti, komoditi atau instrumen derivatif lain.
Pengagihan (Distribution)	Merujuk kepada bayaran yang dilakukan kepada pemegang unit daripada pendapatan perakaunan Skim. Pengagihan dibayar dengan kredit cukai pendapatan yang mengambil kira cukai perlu dibayar ke atas pendapatan Skim. Pelabur boleh mengimbangi kredit terhadap liabiliti cukai beliau atau menuntut semula cukai yang dibayar jika tidak terdapat liabiliti cukai. Baucar cukai yang dikeluarkan kepada setiap pemegang unit oleh Penyedia Skim mengandungi maklumat yang diperlukan. Atas permintaan pelabur, pengagihan boleh dibayar atau dilabur semula dalam unit tambahan SUA (lihat Pelaburan Semula Automatik).
Saluran Pengedaran (Distribution Channel)	Merujuk kepada perantara di mana Skim dipasarkan dan diedarkan kepada pelabur. Dalam konteks panduan pembelajaran ini, saluran pengedaran boleh merangkumi Perunding, IUTA, CUTA, IPRA dan CPRA.
Tarikh pengagihan (Distribution date)	Bermakna tarikh apabila pengagihan dibayar kepada (atau dilabur semula bagi pihak) pemegang unit dalam SUA/PRS. Tarikh ini biasanya beberapa minggu selepas pengagihan tersebut diumumkan. Kebanyakan SUA/PRS membayar pengagihan sekali setahun.
Kepelbagaian (Diversification)	SUA akan menyebarkan asetnya antara beberapa pelaburan (atau kelas aset) untuk mengurangkan risiko portfolio. Oleh itu, kesan kerugian daripada beberapa pelaburan dijangka akan diimbangi oleh keuntungan daripada pelaburan yang meningkat nilainya. Ini merupakan salah satu manfaat utama untuk melabur dalam Skim.
Pemurataan kos dolar (Dollar cost averaging)	Strategi pelaburan di mana pelabur akan melabur jumlah wang permohonan yang sama dalam Skim bagi setiap tempoh, iaitu apabila harga jualan unit adalah tinggi, hanya sedikit unit akan dibeli, manakala apabila harga jualan unit adalah rendah, lebih banyak unit akan dibeli. Melabur dengan cara ini bermakna pelabur mengelak

	daripada meletakkan semua dana beliau dalam pasaran sama ada di bahagian atas atau bawah dalam kitaran pasaran, oleh itu, mengurangkan risiko.
Akta KWSP (EPF Act)	Bermakna Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991
Yuran keluar (Exit fee)	Merujuk kepada yuran yang dikenakan oleh Penyedia Skim ke atas pelabur dalam Skim yang menjual unit beliau dalam Skim. Juga dikenali sebagai yuran penebusan, bayaran belian balik atau caj belakang. Biasanya, jumlah yang perlu dibayar adalah peratusan daripada hasil jualan unit, yang ditolak daripada hasil sebelum pembayaran kepada pelabur.
Penyamaan (Equalisation)	Merujuk kepada bahagian (dalam ringgit) pewujudan atau pembatalan unit dalam Skim oleh Penyedia Skim, yang merupakan pendapatan bersih terkumpul Skim dalam tempoh perakaunan hingga tarikh pewujudan atau pembatalan unit (dan yang termasuk dalam NAB seunit pada tarikh tersebut). Jumlah penyamaan sedemikian bagi satu tempoh perakaunan ditambah kepada pendapatan terkumpul Skim dan mungkin dipulangkan kepada pemegang unit sebagai bayaran balik (tidak dikenakan cukai) modal sebagai sebahagian daripada pengagihan yang berikutnya. Objektif untuk mengira secara berasingan penyamaan ke atas pewujudan dan pembatalan unit dalam Skim adalah untuk memastikan pengagihan pendapatan yang dipulangkan kepada pemegang unit (sen seunit) tidak dcairkan (dikurangkan) oleh peningkatan atau pengurangan bilangan unit dalam pengedaran semasa tempoh perakaunan yang berkenaan pengagihan tersebut.
Tanpa Pengagihan (Ex distribution)	Harga jualan unit bagi Skim disebut sebagai 'tanpa pengagihan' selepas hari terakhir (tarikh rekod) di mana hak untuk pengagihan yang diumumkan oleh Skim akan disediakan kepada pelabur. Pelabur yang membeli unit dalam tempoh tanpa pengagihan (yang berakhir pada tarikh pembayaran) tidak layak menerima pengagihan yang dibayar kemudiannya. Walau bagaimanapun, pelabur dengan unit yang dibeli balik dalam tempoh tersebut akan layak menerima pengagihan.
Tanggungjawab fidusiari (Fiduciary responsibilities)	Merujuk kepada kewajipan untuk bertindak demi kepentingan orang lain. Sebagai contoh, fidusiari mesti mengelakkan apa-apa keadaan konflik kepentingan dan tidak boleh membuat keuntungan 'rahsia' daripada kedudukan beliau. Penyedia Skim dan pemegang amanah Skim mempunyai tanggungjawab fidusiari kepada pemegang unit dalam Skim.
Institusi kewangan (Financial Institution)	Untuk institusi yang berpangkalan di Malaysia - bank berlesen, bank pelaburan berlesen atau bank Islam berlesen. Untuk institusi yang berpangkalan di luar Malaysia, mana-mana institusi yang berlesen, berdaftar, diluluskan atau dibenarkan oleh pengawal selia perbankan berkenaan untuk menyediakan perkhidmatan kewangan.
Harga hadapan (Forward price)	Bermakna harga unit iaitu NAB seunit yang dikira pada masa penilaian berikutnya selepas arahan atau permintaan diterima.

Perjanjian kadar hadapan (Forward rate agreement)	Merujuk kepada kontrak untuk meminjam sejumlah wang pada masa akan datang pada kadar faedah yang dipersetujui bagi tempoh yang ditetapkan. Instrumen lindung nilai yang digunakan oleh SUA/PRS sebagai perlindungan terhadap pergerakan kadar faedah pada masa depan.
Model yuran fulkrum (Fulcrum fee model)	Yuran fulkrum adalah yuran berasaskan prestasi yang diselaraskan ke atas atau ke bawah berdasarkan prestasi penanda aras yang naik atau turun. Yuran fulkrum mungkin dikenakan oleh penasihat kewangan atau pengurus aset kepada pelanggan yang berkecualan untuk mengaitkan prestasi baik (atau sebaliknya) dengan pampasan.
Pengurus dana	Bermakna seorang yang memegang CMSRL untuk menjalankan aktiviti pengurusan dana yang dikawal selia.
Niaga hadapan (Futures)	Merujuk kepada kontrak kewangan (atau derivatif) yang memberikan kewajipan kepada pemegang untuk membeli atau menjual komoditi atau instrumen kewangan tertentu pada harga yang ditetapkan pada tarikh tertentu di masa depan. Skim boleh melabur dalam kontrak niaga hadapan (mengikut garis panduan ketat yang dikenakan oleh SC) untuk tujuan lindung nilai sahaja.
Penggearing (Gearing)	Kaedah memperoleh unit dalam Skim dengan wang pinjaman. Pemberi pinjaman biasanya mengambil cagaran untuk pinjaman terhadap unit yang diperoleh. Peminjam (iaitu pelabur) menjangka akan memperoleh jumlah pulangan yang melebihi kos pinjaman. Penggearing meningkatkan risiko pelabur.
Kerajaan	bermakna kerajaan Malaysia
Dana pertumbuhan (Growth fund)	Skim yang dijangka membayar pengagihan tahunan yang sangat rendah (jika ada) dan menumpu pada dengan tujuan meningkatkan harga unit. Ini dilakukan dengan memberi tumpuan kepada pertumbuhan aset seperti saham dan harta tanah.
Kumpulan syarikat (Group of companies)	Bermakna mana-mana syarikat dan perbadanan yang berkaitan.
Garis Panduan (Guidelines)	Merujuk kepada dokumen yang menyediakan tafsiran undang-undang sekuriti SC kepada Penyedia Skim. Ia juga merupakan kaedah yang digunakan oleh SC untuk menyampaikan keperluan yang lain kepada Penyedia Skim. FIMM menggunakan istilah ini untuk menyampaikan peraturan dan keperluan kepada ahli (lihat Nota Amalan)
Lindung nilai (Hedging)	Istilah yang digunakan untuk menghuraikan urus niaga pelaburan yang diambil oleh Penyedia Skim untuk melindungi portfolio sedia ada Skim terhadap turun naik harga pelaburan tersebut. Pengurus dana boleh memilih daripada pelbagai kaedah termasuk niaga hadapan, opsi dan perjanjian kadar hadapan.
Penentuan harga lampau	bermakna harga unit iaitu NAB seunit yang dikira pada masa penilaian sebelum arahan atau permintaan diterima.
Ijarah	Penjualan atau pembelian untuk penggunaan harta orang lain. Pemilikan harta kekal dengan pemberi pajak manakala penerima pajak hanya mempunyai hak untuk menggunakan harta tersebut.

Kelayakan pendapatan (Income entitlement)	Merujuk kepada jumlah pendapatan Skim untuk tempoh perakaunan di mana pengarah Penyedia Skim bagi Skim tersebut memutuskan (dengan kelulusan pemegang amanah) jumlah pengagihan yang perlu dibayar, dan dibahagikan secara saksama, di kalangan pelabur dalam Skim. Kelayakan pendapatan setiap pelabur dalam Skim ditentukan menurut surat ikatan. Biasanya, jumlah pengagihan (dalam sen seunit) digunakan untuk bilangan unit yang dipegang oleh setiap pelabur pada tarikh rekod. Sebagai alternatif, kelayakan pendapatan pelabur juga mungkin ditentukan atas dasar kelayakan hari unit. Kaedah lain untuk menentukan kelayakan pendapatan pelabur mungkin dihuraikan dalam surat ikatan Skim. Perbezaan antara jumlah pendapatan Skim dengan pengagihan kepada pelabur dibawa ke tahun-tahun akan datang.
Pendapatan Skim (Income of a Scheme)	Merujuk kepada jumlah dividen, faedah, sewa, keuntungan modal bersih direalisasikan, dan lain-lain yang diperoleh daripada aset Skim, ditolak perbelanjaan yang termasuk dalam Nisbah Perbelanjaan Pengurusan dan pencukaian, dan ditambah dengan penyamaan yang tersedia untuk diagihkan kepada pemegang unit dalam Skim.
Dana pendapatan (Income fund)	Merujuk kepada Skim yang mempunyai matlamat utama untuk menghasilkan pendapatan dan bukannya pertumbuhan modal bagi pemegang unit. Skim tersebut akan melabur dalam aset seperti saham yang membayar dividen tinggi dan pelaburan pendapatan tetap. Dana pendapatan dijangka membayar tahap pengagihan secara berkala yang tinggi kepada pelabur.
Ahli bebas (Independent member)	Berhubung dengan lembaga pengarah Penyedia PRS, jawatankuasa pelaburan dana, penasihat Syariah dan panel penasihat, merujuk kepada individu yang bebas daripada sebarang hubungan dengan Penyedia PRS, atau pemegang saham yang mengawal Penyedia PRS yang sebaliknya akan mengganggu penilaian bebas dijalankan oleh ahli atau individu tersebut. Walau apa-apa pun, tempoh enam bulan mesti berlalu sebelum seorang yang mempunyai kaitan dengan Penyedia PRS atau pemegang saham sebelum ini boleh dianggap bebas. Berikut adalah senarai ringkas individu yang tidak dianggap sebagai “ahli bebas”: (a) Berhubung dengan lembaga pengarah Penyedia PRS atau jawatankuasa pelaburan dana, pegawai syarikat pengurusan tetapi tidak termasuk pengarah bukan eksekutif; (b) Berhubung dengan penasihat Syariah atau mana-mana panel penasihat, pegawai syarikat pengurusan; (c) Pegawai Pemegang Amanah Skim; (d) Pegawai mana-mana pertubuhan perbadanan atau bukan pertubuhan perbadanan yang mempunyai kuasa untuk melantik atau memberi cadangan mengenai pelantikan lembaga pengarah Penyedia PRS, ahli jawatankuasa pelaburan, penasihat Syariah dan panel penasihat dana;

	(e) Individu yang berkaitan dengan pegawai Penyedia PRS atau Pemegang Amanah Skim PRS; (f) Individu yang mewakili atau dianggap mewakili mana-mana pertubuhan perbadanan atau bukan pertubuhan perbadanan yang mempunyai kepentingan kawalan dalam Penyedia PRS; atau (g) Individu yang, dalam tempoh enam bulan sebelum pelantikan beliau sebagai ahli bebas, telah memperoleh apa-apa ganjaran atau manfaat (selain manfaat persaraan) daripada Penyedia PRS atau mana-mana pertubuhan perbadanan atau bukan pertubuhan perbadanan yang mempunyai kuasa untuk melantik atau memberi cadangan mengenai pelantikan lembaga pengarah Penyedia PRS, ahli jawatankuasa pelaburan, penasihat Syariah dan panel penasihat dana.
Dana indeks (Index fund)	Merujuk kepada Skim diuruskan secara pasif yang cuba memperoleh pulangan indeks bursa saham yang terdiri daripada saham (atau bon) dengan memegang saham (atau bon) dalam komposisi yang sama seperti indeks tersebut. Ini membolehkan jumlah pulangan Skim untuk menjejaki prestasi (jumlah pulangan) indeks.
Harga tawaran awal (Initial offer price)	Ini biasanya berkaitan dengan pelancaran Skim. Apabila Penyedia Skim mengambil keputusan untuk melancarkan Skim, ia biasanya memperuntukkan tempoh lebih kurang tiga minggu sebagai tempoh tawaran awal atau jualan. Dalam tempoh ini, ia akan menjual unit pada harga yang ditetapkan, biasanya pada harga tawaran awal sebanyak RM1.00 seunit. Selepas tamatnya tempoh tawaran awal ini, harga jualan unit mungkin turun dan naik mengikut NAB bagi Skim tersebut.
Bayaran perkhidmatan awal (Initial service charge)	Merujuk kepada bayaran jualan atau yuran masuk yang dikenakan oleh Penyedia Skim semasa pembelian awal Skim. Kadang-kadang, bayaran ini dikenali sebagai caj, caj muka, bayaran jualan atau masuk. Bayaran ini boleh dinyatakan sama ada sebagai jumlah tetap atau dikira sebagai peratusan daripada NAB seunit.
Perdagangan Orang Dalam (Insider Trading)	Merujuk kepada amalan membeli atau menjual sekuriti berdasarkan pengetahuan yang diperoleh pembeli atau penjual (biasanya disebabkan kedudukan istimewa pembeli atau penjual sebagai seorang yang bekerja dalam sebuah organisasi) yang belum lagi diketahui oleh pelabur umum.
Pelabur institusi (Institutional investor)	Merujuk kepada organisasi (seperti Penyedia Skim, syarikat insurans, dana pencen atau kumpulan wang simpanan, atau pengurus dana yang melabur bagi pihak pelabur sedemikian) yang melabur sama ada dalam asetnya sendiri atau aset pihak lain (yang biasanya dipegang atas dasar amanah).
Pelaburan (Investment)	Merujuk kepada aset yang dipegang semata-mata untuk tujuan menjana pendapatan dan/atau pertumbuhan modal.

Pelabur (Investor)	Merupakan istilah kolektif untuk pemegang unit dan pelabur PRS
Liabiliti Skim (Liabilities of a Scheme)	termasuk semua jumlah yang perlu dibayar oleh dana, perbelanjaan terakru dan cukai, dan sebarang peruntukan yang berkenaan untuk perbelanjaan luar jangkaan.
Kecairan (Liquidity)	Merujuk kepada jumlah aset Skim yang tidak dilaburkan. Kecairan juga dirujuk sebagai 'tunai' atau 'tunai yang disediakan untuk pelaburan'.
Pelaburan sekaligus (Lump sum investment)	Merujuk kepada penerimaan wang permohonan secara sekaligus untuk pelaburan dalam Skim (lihat Pelan Simpanan Berkala).
Syarikat pengurusan (Management company)	Sebuah SPUA dan/atau Penyedia PRS
MER (MER)	Merujuk kepada Nisbah Perbelanjaan Pengurusan - jumlah perbelanjaan yang dikenakan kepada, atau dibayar oleh, Skim dalam tempoh perakaunan (tidak termasuk kos tertentu seperti pembrokeran untuk pemerolehan dan penjualan pelaburan, dan percukaian), dibahagikan dengan NAB purata Skim dalam tempoh tersebut. Ia biasanya dinyatakan sebagai peratusan. MER adalah ringkasan untuk perbelanjaan berterusan yang ditanggung oleh Skim, yang bertindak sebagai heretan kepada prestasi pelaburan Skim. Dikira oleh Penyedia Skim, biasanya dalam tunggakan setiap tahun, dan dimaklumkan kepada pelabur dalam prospektus Skim.
Prospektus induk/ Dokumen Pendedahan (Master prospectus/ Disclosure document)	Merujuk kepada prospektus/dokumen pendedahan tunggal yang mengandungi jemputan kepada pelabur untuk memperoleh unit dalam lebih daripada satu Skim.
Ahli PRS (PRS member)	mempunyai makna yang diberikan kepadanya dalam seksyen 139A CMSA.
Dana Pasaran Wang (Money Market Fund)	Merujuk kepada Skim di mana asetnya dipegang sepenuhnya sebagai tunai (iaitu instrumen pasaran wang dengan kematangan kurang daripada 12 bulan). Objektif Skim adalah menawarkan pelabur dengan akses kepada kadar faedah lebih tinggi yang biasanya ditawarkan dalam pasaran wang institusi, berbanding yang diperolehi daripada bank runcit dan institusi kewangan yang sama. Juga dikenali sebagai 'amanah pengurusan tunai' atau 'dana wang'.
Mudharabah (Mudharabah)	Merujuk kepada perjanjian antara penyedia dana yang menyediakan modal pembiayaan 100% dan usahawan yang menguruskan perniagaan dengan menggunakan kepakaran beliau. Keuntungan perlu dikongsi antara mereka mengikut nisbah yang dipersetujui, manakala kerugian akan ditanggung sepenuhnya oleh penyedia modal.

Musharakah (Musharakah)	Merujuk kepada perjanjian antara dua atau lebih pihak di mana semua pihak menyumbangkan modal sama ada dalam bentuk tunai atau bukan tunai untuk membentuk syarikat yang menjalankan aktiviti komersial. Keuntungan dikongsi berdasarkan penyertaan ekuiti atau seperti yang dipersetujui antara pihak berkenaan; manakala kerugian pula dikongsi mengikut penyertaan ekuiti.
Dana Bersama (Mutual Fund)	Merujuk kepada dana terbuka biasanya terdapat di Amerika Syarikat yang serupa dengan Skim.
NAB seunit (NAV per unit)	bermakna NAB dana yang dibahagikan dengan bilangan unit dalam pengedaran, pada masa penilaian.
NAB (NAV)	Merujuk kepada Nilai Aset Bersih; nilai semua aset dana ditolak nilai semua liabiliti dana pada masa penilaian.
Dana bukan teras (Non-core funds)	merujuk kepada dana di bawah Skim yang bukan dana teras.
Dana Luar Pesisir (Offshore Fund)	Instrumen pelaburan kolektif yang beroperasi di luar bidang kuasa pihak berkuasa Malaysia.
Dana terbuka (Open-ended fund)	Merujuk kepada Skim (atau instrumen pelaburan kolektif lain) yang menawarkan peluang yang tetap (selalunya setiap hari) untuk melabur melalui terbitan kepentingan dalam dana. Pelabur biasanya perlu memohon berdasarkan prospektus/dokumen pendedahan, yang mesti memenuhi keperluan kawal selia, yang dikeluarkan oleh penganjur dana. Pelabur boleh menjual balik kepentingannya dalam dana kepada atau melalui penganjur. Oleh sebab itu, dana melabur terutamanya dalam aset yang diniagakan di pasaran sekunder atau yang mudah cair. Bilangan unit dalam pengedaran bagi dana terbuka tidak ditetapkan. Bertentangan dengan Dana Tertutup.
Opsyen (Option)	Merujuk kepada kontrak kewangan (atau derivatif) yang memberikan hak, tetapi bukan kewajiban untuk membeli atau menjual (iaitu menyerahkan) komoditi atau instrumen kewangan tertentu pada harga tetap pada tarikh yang tentukan di masa depan. Jumlah yang dibayar untuk opsiyen yang tidak dilaksanakan akan hilang. Opsyen Dagangan Bursa adalah opsiyen kepada ekuiti tersenarai, yang biasanya dibeli dan dijual di bursa sebelum tarikh tamat tempoh untuk menutup kedudukan sedia ada (dan bukannya dilaksanakan). Skim boleh melabur dalam opsiyen (mengikut garis panduan ketat yang dikenakan oleh SC).
Resolusi biasa (Ordinary resolution)	Bermakna resolusi yang diluluskan melalui majoriti mudah untuk pengundian yang dilakukan dalam mesyuarat pemegang unit/ahli Skim atau dana (jika berkenaan).
Pengurusan portfolio pasif (Passive portfolio management)	Merujuk kepada pengurusan dana apabila pengurus dana membeli dan menjual pelaburan yang terdiri daripada indeks dengan tujuan mencapai jumlah pulangan yang sama dengan indeks. Secara amnya, pengurus pelaburan tidak membuat penilaian tentang kebaikan atau yang sebaliknya mengenai pelaburan individu yang dipegang dalam portfolio. Bertentangan dengan pengurusan portfolio aktif.
Portfolio (Portfolio)	Bermakna pemegangan pelbagai pelaburan yang distrukturkan sedemikian bagi memenuhi objektif pelaburan pemilik (contohnya,

	SUA/PRS), sebagai contoh, mengikut kelas aset atau sektor pelaburan yang terhad kepada sesuatu kelas aset.
PTR (PTR)	merujuk kepada Nisbah Pusing Ganti Portfolio; nisbah jumlah purata pemerolehan dan penjualan dana untuk tahun tersebut kepada nilai purata dana untuk tahun tersebut yang dikira pada dasar harian.
Nota Amalan (Practice Note)	Merujuk kepada dokumen yang dikeluarkan oleh SC yang menjelaskan dan/atau meminda Garis Panduan yang dikeluarkan sebelumnya.
Pengeluaran sebelum persaraan (Pre-retirement withdrawal)	Bermakna pengeluaran dari mana-mana dana di bawah Skim yang berlaku sebelum ahli mencapai umur persaraan dan atas sebab seperti berikut: (a) Atas kematian ahli; atau (b) Pemergian ahli untuk selama-lamanya dari Malaysia; atau (c) hilang upaya kekal dan menyeluruh; penyakit serius; atau ketidakupayaan mental ahli; (d) Pengeluaran sebarang faedah terakru dari sub-akaun B sebagaimana yang dikekalkan oleh Penyedia PRS untuk setiap ahli; (e) untuk tujuan penjagaan kesihatan; atau (f) untuk tujuan perumahan.
Prinsipal (Principal)	berhubung dengan Perunding, bermakna Pengedar yang terikat dengan pendaftarannya.
Akaun pencen swasta (Private pension account)	bermakna akaun yang dibuka dan dikekalkan oleh Pentadbir Pencen Swasta untuk setiap ahli.
PPA (PPA)	Merujuk kepada Pentadbir Pencen Swasta dan mempunyai makna yang diberikan kepada Pentadbir Skim persaraan Swasta dalam seksyen 139A CMSA.
PRS (PRS)	Merujuk kepada Skim Persaraan Swasta yang mempunyai makna yang sama seperti yang diberikan kepadanya dalam CMSA
Perunding PRS (PRS Consultant)	Bermakna Perunding skim persaraan swasta
Pengedar PRS (PRS Distributor)	Bermakna Pengedar skim persaraan swasta
Garis Panduan PRS (PRS Guidelines)	Bermakna Garis Panduan mengenai skim persaraan swasta
Penyedia PRS (PRS Provider)	Bermakna penyedia skim persaraan swasta. Dalam hal ini, “penyedia skim persaraan swasta” mempunyai makna yang sama seperti yang diberikan kepadanya dalam CMSA.

Pengawalseliaan PRS (PRS Regulations)	Bermakna Pengawalseliaan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Industri Skim Persaraan Swasta) 2012
Prospektus (Prospectus)	Merujuk kepada dokumen undang-undang (diserah simpan dan diluluskan oleh SC) yang menghuraikan objektif pelaburan, risiko, had pelaburan, polisi, perkhidmatan dan yuran SUA. Ia mesti diberikan kepada semua pelabur yang ingin melabur dalam SUA. Ia juga mesti mematuhi undang-undang sekuriti dan Garis Panduan SC sebelum dikeluarkan. Dikeluarkan oleh SPUA di mana pengarahnya mengambil tanggungjawab penuh ke atas kandungannya.
Harta tanah (Real property)	Merujuk kepada tanah dan bangunan yang dipegang oleh amanah harta tanah untuk manfaat pelabur. Pulangan biasanya termasuk sewa (tidak termasuk perbelanjaan) dan peningkatan modal kerana nilai tanah dan bangunan akan naik atau apabila pembangunan berlaku di tanah dan bangunan tersebut.
Registration Guidelines	Merujuk kepada Garis Panduan Pendaftaran dan Tatalaku Perkhidmatan Pasaran Modal
Pelan simpanan secara berkala (Regular savings plan)	Merujuk kepada pembayaran wang permohonan secara berkala (biasanya secara bulanan atau setiap tempoh bayaran) bagi pelaburan dalam Skim. Biasanya pembayaran dilakukan melalui debit langsung, arahan tetap atau potongan gaji kepada Penyedia Skim untuk pelaburan bagi pihak pemohon (lihat Pelaburan Sekaligus).
Harga belian balik (Repurchase price)	Merujuk kepada harga unit di mana Penyedia Skim membeli balik unit dalam Skim daripada pemegang unit/ahli yang ingin menjual unit beliau. Kadang-kadang dirujuk sebagai 'harga bida' atau 'harga belian'.
Urus niaga belian semula (Repurchase transactions)	Bermakna "urus niaga jual dan beli semula" dan "urus niaga beli dan jual semula" secara kolektif.
Urus niaga beli balik terbalik (Reverse repurchase transactions)	Bermakna urus niaga di mana sesuatu Skim membeli sekuriti daripada pihak lawan dalam urus niaga jual dan beli semula serta bersetuju untuk menjual semula sekuriti tersebut pada harga yang dipersetujui pada masa hadapan.
Pelabur runcit (Retail investors)	Merujuk kepada individu yang melaburkan simpanan mereka sama ada secara langsung dalam pasaran kewangan, atau secara tidak langsung melalui pelaburan kolektif seperti sesuatu Skim. Pelabur runcit merupakan pasaran sasaran utama bagi kebanyakan Penyedia Skim. Kelebihan utama pelaburan tidak langsung ialah keupayaan untuk menyebarkan risiko merentasi pelbagai pelaburan atau kelas aset serta pengurusan profesional terhadap pelaburan tersebut pada kos yang berpatutan, memandangkan jumlah pelaburan yang lebih kecil disumbangkan oleh pelabur runcit.
Umur persaraan (Retirement age)	bermakna umur 55 tahun atau apa-apa umur lain yang mungkin ditentukan oleh SC.

Riba (Riba)	Dalam pemberian pinjaman, ia merupakan bayaran tambahan yang dikenakan oleh pemberi pinjaman atau dijanjikan oleh peminjam yang melampaui pinjaman. Dalam perdagangan, ia sebahagian besarnya adalah perbezaan keberatan dalam pertukaran emas yang mempunyai ukuran ketulenan yang berlainan, contohnya, 10gm emas 750 dengan 8gm emas 835; atau perbezaan masa antara pembayaran dengan penyerahan dalam pertukaran mata wang asing, contohnya, pembayaran RM10,000 pada jam 10.00 pagi dan penyerahan USD3,800 pada jam 3.00 petang pada tarikh yang sama.
Risiko (Risk)	Merujuk kepada ketidaktentuan pelaburan atau kemungkinan bahawa pelaburan tersebut akan hilang nilai. Skim yang melabur dalam bon (di mana penerimaan faedah secara berkala dan pulangan modal ketika matang lebih mudah untuk diramalkan) kemungkinan besar kurang turun naiknya berbanding Skim yang melabur dalam ekuiti (di mana dividen dan nilai akhir daripada penjualan lebih sukar untuk diramalkan). Oleh itu, kemungkinan bahawa pelabur akan hilang semua atau sebahagian daripada pelaburan beliau apabila melabur dalam Skim ekuiti adalah lebih besar berbanding melabur dalam Skim bon. Secara perbandingan, deposit tempoh tetap dengan bank utama merupakan pelaburan modal tanpa ketidaktentuan modal dan mempunyai risiko bayaran balik yang rendah, oleh itu, ia merupakan pelaburan dengan risiko yang boleh diabaikan.
Toleransi risiko (Risk tolerance)	Merujuk kepada kemampuan pelabur untuk menerima risiko kerugian, sama ada secara sementara atau kekal (iaitu kerugian sepenuhnya), daripada pelaburan modal beliau. Toleransi risiko pelabur bergantung pada beberapa faktor, termasuk tempoh pelaburan tersebut boleh dipegang sebelum dijual.
Urus niaga jual dan beli semula (Sale and repurchase transactions)	Bermakna urus niaga di mana sesuatu dana menjual sekuritinya kepada pihak lawan dalam urus niaga beli dan jual semula serta bersetuju untuk membeli semula sekuriti tersebut pada harga yang dipersetujui bersama dengan kos pembiayaan pada masa hadapan.
Skim (Scheme)	Bermakna SUA atau PRS, mengikut konteksnya, manakala "Skim" merujuk kepada SUA dan PRS secara kolektif.
Penyedia Skim (Scheme Provider)	Merujuk kepada istilah kolektif untuk unit amanah dan penyedia PRS.
Pinjaman Sekuriti (Securities Lending)	Bermaksud urus niaga di mana sesuatu Skim meminjamkan sekuritinya kepada pihak lawan pada kadar yang dipersetujui.
Harga jualan (Selling price)	Merujuk kepada harga di mana unit dalam SUA/PRS dijual kepada orang ramai oleh SPUA/Penyedia PRS. Ia sepatutnya NAB seunit dalam SUA/PRS dan kadang-kadang dirujuk sebagai 'harga tawaran' atau 'harga jualan'.
Resolusi khas (Special resolution)	Bermakna resolusi yang diluluskan oleh tidak kurang daripada 3/4 majoriti pemegang unit/ahli yang mengundi dalam mesyuarat unit kecuali untuk tujuan menamatkan dana. Resolusi khas diluluskan oleh jumlah yang mewakili sekurang-kurangnya 3/4 majoriti daripada nilai unit yang dipegang oleh pemegang unit/ahli yang mengundi dalam mesyuarat.

Pecahan (Split)	Merujuk kepada pembahagian satu unit Skim kepada beberapa unit, di mana nilai keseluruhannya adalah sama dengan nilai unit sebelum pecahan. Unit yang bernilai RM2 akan menjadi dua unit bernilai RM1 setiap satu berikutan pecahan 1 kepada 2. Objektif pecahan adalah untuk menjadikan harga jualan seunit lebih menarik kepada bakal pelabur; harga jualan yang lebih rendah selepas pecahan bermakna pelabur akan diperuntukkan bilangan unit yang lebih banyak dalam Skim tersebut untuk sejumlah wang permohonan. Pecahan tidak meningkatkan atau mengurangkan NAB Skim atau nilai kepentingan pemegang unit dalam Skim.
Sub-akaun A (Sub-account A)	Merujuk kepada bahagian dalam akaun PRS yang memegang 70% daripada keseluruhan caruman yang dilakukan untuk mana-mana dana di bawah Skim yang dinyatakan dalam unit.
Sub-akaun B (Sub-account B)	Merujuk kepada sub-akaun dikekalkan oleh Penyedia PRS untuk setiap ahli yang memegang 30% daripada keseluruhan caruman yang dilakukan untuk mana-mana dana di bawah Skim yang dinyatakan dalam unit.
Prospektus tambahan/ dokumen pendedahan (Supplementary prospectus/ disclosure document)	Merujuk kepada tambahan kepada prospektus/dokumen pendedahan terkini yang diperlukan oleh undang-undang untuk dikeluarkan oleh pengarah Penyedia Skim bagi memastikan prospektus/dokumen pendedahan asal terus mematuhi undang-undang. Perubahan dalam prospektus boleh menyebabkan prospektus/dokumen pendedahan menimbulkan kekeliruan kepada bakal pelabur dan oleh itu, tidak mematuhi undang-undang. Prospektus/dokumen pendedahan tambahan mesti disertakan bersama dengan prospektus/dokumen pendedahan asal.
Penggantungan (Suspension)	Tempoh masa apabila pemegang amanah, dengan kebenaran SC, menentukan bahawa ia bukan demi kepentingan pelabur untuk membenarkan penjualan pelaburan dalam Skim. Sebagai contoh, apabila pelaburan tidak boleh dicairkan atau dijual pada harga yang sesuai atau mengikut syarat yang mencukupi, oleh itu harga unit tidak dapat dikira. Pewujudan, pembatalan, jualan atau belian balik unit tidak dibenarkan dalam tempoh tersebut. Penggantungan jarang berlaku tetapi masih boleh berlaku, contohnya, ketika pasaran saham yang dilabur oleh Skim ditutup buat sementara waktu.
Shariah (Shariah)	Merujuk kepada Fiqh atau Undang-undang Islam yang merangkumi keseluruhan hukum yang berkaitan dengan tingkah laku manusia yang berasal dari bukti tertentu hukum masing-masing. Bukti tertentu masing-masing adalah sumber Syariah, di mana sumber utama adalah al-Quran, Sunnah, ijma dan qiyas, manakala sumber tambahan merupakan kaedah penaakulan yang digunakan oleh pakar undang-undang Islam dalam ijtihad (pertimbangan peribadi) mereka.
SAC (SAC)	Majlis Penasihat Syariah SC
Jawatankuasa Syariah (Shariah committee)	Merujuk kepada sekumpulan individu (minimum tiga orang) yang memastikan bahawa Skim diuruskan dan ditadbir mengikut prinsip Syariah. Skim yang diuruskan mengikut prinsip Syariah mesti melantik Jawatankuasa Syariah. Semua individu ini mesti diluluskan oleh SC sebelum pelantikan mereka.

Sukuk (Bon Islam) (Sukuk (Islamic Bond))	Bentuk jamak bagi sok. Ia digunakan dalam bentuk tunggal untuk merujuk kepada dokumen atau sijil yang membuktikan pemilikan pro rata tidak dibahagikan bagi sesuatu aset pendasar. Ia adalah instrumen kewangan pasaran modal yang diniagakan dalam pasaran sekunder.
Penukaran (Switch)	Belian balik unit dalam Skim oleh Penyedia Skim atas permintaan pemegang unit dan pelaburan semula hasil belian balik sebagai wang permohonan ke dalam Skim berlainan yang diuruskan oleh Penyedia Skim yang sama. Bergantung pada jenis dana, Penyedia Skim boleh mengurangkan atau menambahkan bayaran perkhidmatan awal berhubung dengan permohonan yang merupakan sebahagian daripada penukaran tersebut.
Takaful (Takaful)	Merujuk kepada pelan perlindungan insurans Islam yang berasaskan prinsip Shariah. Seorang individu boleh menjadi peserta dengan melaksanakan kontrak tabarru' dan membayar caruman (tabarru') penyertaan kepada dana takaful bersama, di mana beliau membenarkan caruman tersebut digunakan untuk membantu peserta lain setiap kali mereka mengalami kerugian yang ditentukan. Kontrak komersial Mudharabah dan Wakalah dimasukkan ke dalam kontrak tabarru' untuk menambahkan saiz dana takaful.
Ejen terikat (Tied-agent)	Ejen terikat adalah seorang UTC yang mengagihkan unit dalam satu atau lebih daripada satu Skim yang diuruskan oleh Penyedia Skim tunggal, dan di mana komisen beliau dibayar oleh Penyedia Skim tersebut. Ejen terikat bertanggungjawab kepada Penyedia Skim (prinsipal ejen terikat).
Jumlah pulangan (Total return)	Bermakna jumlah pendapatan yang dijana oleh dana yang ditunjukkan sebagai pengagihan dan keuntungan modal atau kerugian dana yang ditunjukkan dalam pergerakan harga unit.
Faktor kos urus niaga (Transaction cost factor)	Merujuk kepada jumlah yang ditambah kepada NAB seunit dalam Skim bagi mengelakkan pencairan kepentingan pemegang unit sedia ada dalam Skim. Pelabur baharu akan memperoleh manfaat daripada kos pembrokeran dan kos urus niaga lain yang ditanggung oleh Skim (dan dengan itu oleh pemegang unit sedia ada) sebelum ini dalam pemerolehan portfolio pelaburan yang membentuk sebahagian daripada NAB Skim. Kadang-kadang dirujuk sebagai 'elaun perbelanjaan'.
Pemegang amanah (Trustee)	Merujuk kepada organisasi (seperti anak syarikat bank atau institusi kewangan lain) yang diluluskan oleh SC untuk bertindak bagi pihak pemegang unit dalam Skim. Peranan pemegang amanah adalah untuk memastikan Penyedia Skim mematuhi syarat yang ditetapkan dalam surat ikatan (serta undang-undang dan pengawalseliaan sekuriti) dan untuk melindungi kepentingan pemegang unit. Pemegang amanah memegang aset Skim atas nama sendiri atau di bawah kawalannya melalui penjaga.
Unit (Unit)	Merujuk kepada kepentingan tunggal dalam Skim. Setiap unit dalam SUA adalah setara dengan mana-mana unit lain (terutamanya dari segi nilai) dan mempunyai hak dan kelayakan yang sama, contohnya, untuk mengundi dan berkongsi pendapatan dan modal

	Skim. Dalam kebanyakan aspek, tetapi bukan semua, ia sama juga seperti saham dalam syarikat liabiliti terhad.
Hari unit (Unit day)	Merujuk kepada tempoh pemilikan unit tunggal dalam Skim oleh pelabur. 100 unit yang dipegang selama 10 hari mewakili 1,000 hari unit.
Kelayakan hari unit (Unit day entitlement)	Merujuk kepada kaedah menentukan kelayakan pengagihan pelabur untuk sesetengah Skim (khususnya yang mempunyai objektif pendapatan). Setiap pemegang unit dalam Skim menerima pengagihan bagi tempoh perakaunan yang bukan sahaja menunjukkan bilangan unit yang dipegang tetapi juga bilangan hari unit dimiliki dalam tempoh perakaunan tersebut. Ia merupakan alternatif kepada kelayakan pengagihan berdasarkan bilangan unit yang dipegang pada tarikh rekod.
Pemegang unit (Unit holder)	Merujuk kepada pelabur dalam SUA dan pemilik kepentingan dalam SUA. Bilangan unit yang dipegang mewakili tahap kepentingan pelabur dalam SUA. Dalam beberapa aspek, tetapi bukan semua, ia sama sama dengan pemegang saham dalam syarikat liabiliti terhad.
Unit dalam pengedaran (Units in circulation)	Bermakna unit yang diwujudkan dan dibayar sepenuhnya.
Unit amanah (Unit trust)	Merujuk kepada jenis pelaburan kolektif yang ditubuhkan di bawah surat ikatan. Merupakan struktur pilihan pelabur, terutamanya pelabur runcit, di Malaysia kerana pelaburan yang terkumpul.
Garis Panduan UTF (UTF Guidelines)	Merujuk kepada Garis Panduan Dana Unit Amanah SC.
Penilaian (Valuation)	Merujuk kepada nilai pasaran atau taksiran pelaburan yang dipegang oleh Skim yang digunakan untuk menentukan NAB Skim. Nilai pasaran pelaburan biasanya diperoleh daripada perkhidmatan penentuan harga luar yang mendapat harga sebenar apabila dagangan diurusniagakan di pasaran seperti Bursa Malaysia. Nilai taksiran pelaburan ialah nilai 'saksama' yang ditentukan oleh pakar penilaian yang mahir seperti penilai harta tanah, peniaga faedah tetap atau, tidak begitu lazimnya, oleh juruaudit Skim.
Masa penilaian (Valuation point)	Merujuk kepada masa apabila NAB Skim ditentukan dengan merujuk kepada harga pasaran dan dari mana harga jualan dan harga belian balik Skim dikira.
Unit letak hak (Vested unit)	Bermakna unit yang memberi ahli PRS hak tanpa syarat untuk unit tersebut.
Jadual letak hak (Vesting schedule)	merujuk kepada jadual yang menentukan kelayakan manfaat terakru kakitangan berdasarkan terma perkhidmatan.
Wadiah Yad Dhamanah (Wadiah Yad Dhamanah)	Merujuk kepada barangan atau deposit yang disimpan dengan orang lain yang bukan pemiliknya untuk penjagaan selamat. Oleh kerana wadiah adalah amanah, tempat simpanan tersebut menjadi penjamin, dan dengan itu, menjamin pembayaran balik keseluruhan jumlah deposit, atau mana-mana bahagiannya, yang tertunggak

	dalam akaun pendeposit apabila diminta. Pendeposit tidak berhak mendapat apa-apa keuntungan tetapi tempat simpanan boleh memberi pulangan kepada pendeposit sebagai tanda penghargaan.
Wakalah (Wakalah)	Merujuk kepada kontrak pelantikan sebagai ejen apabila seorang individu melantik individu lain sebagai ejen untuk bertindak bagi pihak beliau.
Hasil (Yield)	Hasil semasa Skim adalah jumlah pengagihan terkini bagi tempoh perakaunan 12 bulan yang dijana oleh Skim (dalam sen seunit) dibahagikan dengan harga jualan seunit dalam Skim. Biasanya ia disebut secara kasar (iaitu sebelum pelabur dikenakan cukai pendapatan ke atas pengagihan). Jumlah pengagihan yang digunakan dalam pengiraan ialah semua yuran yang dimasukkan dalam MER telah ditolak daripada pendapatan kasar Skim (lihat juga Jumlah Pulangan).

